

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: MOHAMMED AZLAN MIS

(No.K.P/Pasport: 730810-13-5199)

No. Pendaftaran: THA070002

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja):

ANALISIS PILIHAN BAHASA SEBAGAI *LINGUA FRANCA* DI SARAWAK

Bidang Penyelidikan: SOSIOLINGUISTIK

Saya dengan seseungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semua atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian pilihan bahasa yang berlandaskan teori sosiolinguistik, khususnya teori domain (Fishman 1972). Dengan itu, kajian ini memerihalkan pilihan bahasa melalui soal selidik dan temu bual. Soal selidik digunakan untuk mengumpul maklumat pilihan bahasa dan dijumlahkan mengikut peratusan dan diuji nilai signifikannya. Rakaman temu bual dilakukan untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi mengenai pilihan bahasa suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau serta untuk mendapatkan maklumat faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa tersebut. Pilihan bahasa yang utama itu adalah bahasa perhubungan utama atau *lingua franca*. Secara umumnya, *lingua franca* bermaksud bahasa komunikasi antara penutur yang bahasa pertama mereka berbeza antara satu sama lain (Samarin 1968, UNESCO (dlm. Samarin 1968) dan Wardhaugh 1998).

Kaedah kajian yang digunakan berdasarkan analisis kekerapan (peratusan dan nilai signifikan) dan rakaman temu bual. Metodologi yang dipilih telah disesuaikan daripada Asmah (2001), Holmes (2001) dan juga Chua Yan Piaw (2006). Secara khususnya, kajian ini merupakan kajian tinjauan di lapangan dan kawasan kajiannya adalah di bandar Sarikei. Soalan-soalan yang disediakan dalam borang soal selidik berkaitan dengan pilihan bahasa yang dibahagikan mengikut enam domain, iaitu keluarga, persahabatan, pasar dan kedai, bank, hospital dan klinik serta sukan dan riadhah.

Berdasarkan dapatan dari soal selidik dan temu bual yang telah dijalankan menunjukkan bahasa Iban merupakan pilihan bahasa yang paling utama jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa yang lain di bandar Sarikei. Bahasa Iban di bandar Sarikei mudah difahami apabila digunakan dan dituturkan oleh hampir semua penduduk pelbagai suku kaum. Ini menunjukkan bahawa pilihan bahasa Iban di bandar Sarikei ini merupakan bahasa perhubungan utama atau *lingua franca* dalam kalangan suku kaum Melayu, Iban dan Cina. Walau bagaimanapun, hasil analisis pilihan bahasa suku kaum Melanau berbeza dari hasil analisis suku kaum Melayu, Iban dan Cina kerana suku kaum Melanau tidak memilih bahasa Iban sebagai bahasa utama tetapi menggunakan dialek Melayu Sarawak.

Hasil analisis pilihan bahasa juga telah menunjukkan sebahagian besar penduduk di bandar Sarikei mengetahui tiga atau empat bahasa suku kaum. Bahasa Iban merupakan pilihan utama domain di rumah, persahabatan, kedai dan pasar serta sukan dan riadhah oleh responden Melayu, Iban dan Cina. Dialek Melayu Sarawak pula banyak dipilih dalam domain di bank serta hospital dan klinik. Bahasa rojak Melayu-Iban pula adalah sebagai pilihan ketiga selepas bahasa Iban dan kedua selepas pilihan dialek Melayu Sarawak oleh suku kaum Melayu, Iban dan Cina. Bahasa rojak Melayu-Melanau hanya digunakan antara orang Melanau dan Melayu sekiranya mereka tidak berkomunikasi menggunakan dialek Melayu Sarawak ataupun bahasa Melanau.

ABSTRACT

This is a research on language choice which applies the Fishman's (1972) sociolinguistics theory of domain. Specifically, this research analyzes language choice based on questionnaires distributed and interviews conducted with the Malays, Ibans, Chinese, Melanau and families of mixed marriages in Sarikei. The questionnaire was used to gather information on language choice and the figures are tabulated for frequency of use and significant value. The interviews were recorded to get detailed and further information on the language choice of the respondents and factors that influenced their choices. The main choice of language of these respondents is their language of communication or *lingua franca*. Generally, *lingua franca* can be defined as a language of communication among language users who do not share the same first language (Samarin 1968, UNESCO (dln. Samarin 1968) dan Wardhaugh 1998).

The methods employed in this research are frequency analysis (percentages and significant values) and interviews. The methodology chosen is adapted from Asmah (2001), Holmes (2001) and Chua Yan Piaw (2006). This is a field-based research and the research area chosen is the Sarikei town in Sarawak. The questions that are included in the questionnaires focus on language choice that are categorized according to different domains such as family, friendship, market, shop, bank, hospital and, clinics and sports and recreation.

Based on the findings from the questionnaires and interviews conducted, it is shown that the Iban language is the main language chosen compared to other languages used in Sarikei. Iban is easily understood and spoken by almost all of the population in Sarikei. This means that Iban can be considered as the language for communication or *lingua franca* among the Malays, Ibans and Chinese. However, the findings of language choice of the Melanaus is different from the findings of the Malays, Ibans, and Chinese because the Melanaus do not choose Iban as the main language but rather they use the Malay dialect.

Findings from the language choice analysis show that the majority of the people in Sarikei speak three or four languages. The languages are Iban, Sarawak Malay dialect, Chinese, Melanau, Malay-Iban bazaar language and Malay-Melanau bazaar language. Iban is the main choice of the Malays, Ibans, Chinese and Melanaus in family, friendship, markets and shops, sports and recreation domains. The Malay-Iban bazaar language is their second choice. The Malay-Melanau bazaar language is only used among the Melanaus and the Malays only if they do not communicate in the Sarawak Malay dialect or the Melanau language.

PENGHARGAAN

Dengan ucapan ‘Alhamdulillah’ saya ingin merakamkan rasa bersyukur ke hadhirat Allah kerana dengan izinNya jua disertasi ini dapat saya selesaikan. Sesungguhnya dalam menyempurnakan kajian ini saya berhutang budi kepada banyak pihak yang membantu sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Pada kesempatan ini, ingin disampaikan ucapan terima kasih kepada beberapa pihak yang banyak membantu dan menyokong bagi melengkapkan kajian ini seadanya.

Pertamanya, penghargaan yang ikhlas ditujukan kepada penyelia, Prof. Emeritus Dato’ Dr. Asmah Haji Omar yang sentiasa prihatin dan mengambil berat agar kajian yang saya lakukan ini berada pada landasan yang betul. Sesungguhnya saya amat mengahargai segala pandangan dan idea Prof. Asmah, yang secara tidak langsung turut mengajar cara untuk melakukan kajian di lapangan. Tidak lupa juga sumbangan Cik Zaulin yang banyak membantu sebagai penyampai draf, dan memberi ruang untuk temu janji saya dengan penyelia.

Keduanya, rakan-rakan seperjuangan, khususnya di Universiti Kebangsaan Malaysia, yang sentiasa yakin akan keberhasilan pengajian saya. Secara khusus, ucapan terima kasih ditujukan kepada Dr.Mohammad Fadzeli Jaafar dan En. Sulaiman Ramli yang sudi menjadi pendengar dan pembaca yang baik, khususnya apabila saya buntu atau terfikirkan sesuatu idea baru yang ingin dikongsi dan tidak lupa juga kepada Ketua Program Linguistik dan Pengerusi Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik yang telah memberi ruang kepada saya melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah dan pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (Majikan) yang telah memberi peluang kepada saya mendalami bidang yang saya minati. Tidak lupa juga saya berterima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang telah menawarkan biasiswa sepanjang pengajian saya.

Seterusnya, disertasi ini ditujukan khas buat ayahanda dan bonda tersayang yang sentiasa yakin akan kemampuan anaknya. Buat isteri dan anak-anak pula, disertasi ini hanya permulaan kerjayaku. Berkat kesabaran dan dengan izinNya jua, ada kejayaan lain yang mungkin menyusul.

Akhir sekali, saya percaya tanpa bantuan dan sokongan pihak yang berkenaan, hajat saya untuk menjadi sarjana bahasa khususnya, tidak akan kesampaian.

Terima kasih sekali lagi.

Mohammed Azlan Mis

| KANDUNGAN | Halaman |
|---|----------------|
| PENGAKUAN..... | i |
| ABSTRAK | ii |
| ABSTRACT | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| KANDUNGAN | v |
| SENARAI LAMPIRAN | xiii |
| SENARAIJADUAL..... | xiv |
| SENARAI GRAF..... | xviii |
| SENARAI PETA..... | xix |
| SENARAI GAMBAR..... | xix |
| SENARAI RAJAH..... | xix |
| SENARAI SINGKATAN..... | xx |
| SENARAI SIMBOL..... | xx |
| BAB 1 PENGENALAN | |
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Signifikan Kajian..... | 2 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 8 |
| 1.4 Objektif Kajian | 14 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 14 |
| 1.6 Kawasan Kajian | 15 |
| 1.7 Kesimpulan..... | 20 |
| BAB 2 <i>LINGUA FRANCA</i> DALAM KONTEKS KEPELBAGAIAN BAHASA | |
| 2.1 Pendahuluan | 22 |
| 2.2 Definisi <i>Lingua Franca</i> | 22 |
| 2.2.1 Sistem Bahasa..... | 24 |
| 2.2.1.1 Bahasa Tabii | 25 |
| 2.2.1.2 Bahasa Kacukan..... | 27 |
| 2.2.1.2.1 Bahasa Pijin..... | 28 |
| 2.2.1.2.2 Bahasa Kreol..... | 30 |
| 2.2.1.2.3 Bahasa Rojak..... | 31 |

| | | |
|-----|---|----|
| 2.3 | Fungsi <i>Lingua Franca</i> Dalam Masyarakat Pelbagai Bahasa..... | 33 |
| 2.4 | Kajian Terhadap <i>Lingua Franca</i> | 38 |
| 2.5 | Kepelbagaian Bahasa Di Negeri Sarawak | 43 |
| 2.6 | Kesimpulan | 45 |

BAB 3 TINJAUAN PUSTAKA PILIHAN BAHASA

| | | |
|--------|-------------------------------|----|
| 3.1 | Pendahuluan | 48 |
| 3.2 | Kajian Pilihan Bahasa | 48 |
| 3.2.1 | Fishman (1972) | 50 |
| 3.2.2 | Ervin-Tripp (1972) | 54 |
| 3.2.3 | Holmes (2001) | 55 |
| 3.2.4 | Grosjean (1982) | 58 |
| 3.2.5 | Saville-Troike (1991) | 59 |
| 3.2.6 | Asmah (1982, 1998)..... | 61 |
| 3.2.7 | Peter Martin (1995) | 64 |
| 3.2.8 | Noriah dan Meriam (2005)..... | 67 |
| 3.2.9 | Roksana Bibi (2003)..... | 69 |
| 3.2.10 | Maya David (1996)..... | 70 |
| 3.2.11 | Norazuna (2010)..... | 72 |
| 3.3 | Ulasan Tinjauan Pustaka | 73 |
| 3.4 | Kesimpulan | 76 |

BAB 4 METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-----|----------------------|----|
| 4.1 | Pendahuluan | 77 |
| 4.2 | Teori Domain... .. | 78 |
| 4.3 | Kajian Lapangan..... | 79 |

| | | |
|--|--|-----|
| 4.3.1 | Kajian Rintis..... | 80 |
| 4.3.2 | Kaedah Soal Selidik | 85 |
| 4.3.2.1 | Soal Selidik Pasangan Kahwin Campur..... | 86 |
| 4.3.2.2 | Domain dan Pilihan Bahasa di Bandar Sarikei..... | 87 |
| 4.3.3 | Kaedah Temu Bual..... | 92 |
| 4.3.3.1 | Langkah-langkah Temu Bual..... | 93 |
| 4.3.3.2 | Dokumentasi Temu Bual..... | 95 |
| 4.4 | Saiz Sampel..... | 96 |
| 4.5 | Analisis Data | 99 |
| 4.5.1 | Taburan Peratusan | 99 |
| 4.5.2 | <i>Univariate Analysis Of Variance</i> (ANOVA) | 99 |
| 4.3 | Kesimpulan | 100 |
| BAB 5 DAPATAN PILIHAN BAHASA SOAL SELIDIK | | |
| 5.1 | Pendahuluan | 101 |
| 5.2 | Pilihan Bahasa Responden Melayu | 101 |
| 5.2.1 | Pilihan Bahasa Domain Di Rumah | 102 |
| 5.2.2 | Pilihan Bahasa Domain Persahabatan | 103 |
| 5.2.3 | Pilihan Bahasa Domain Di Kedai dan Pasar | 107 |
| 5.2.4 | Pilihan Bahasa Domain Di Bank | 110 |
| 5.2.5 | Pilihan Bahasa Domain Di Hospital dan Klinik | 113 |
| 5.2.6 | Pilihan Bahasa Domain Sukan dan Riadhah | 116 |
| 5.2.7 | Rumusan Pilihan Bahasa Responden Melayu..... | 119 |
| 5.3 | Pilihan Bahasa Responden Iban | 119 |
| 5.3.1 | Pilihan Bahasa Domain Di Rumah | 120 |
| 5.3.2 | Pilihan Bahasa Domain Persahabatan | 121 |
| 5.3.3 | Pilihan Bahasa Domain Di Kedai dan Pasar | 124 |

| | |
|---|-----|
| 5.3.4 Pilihan Bahasa Domain Di Bank | 127 |
| 5.3.5 Pilihan Bahasa Domain Di Hospital dan Klinik | 130 |
| 5.3.6 Pilihan Bahasa Domain Sukan dan Riadhah | 133 |
| 5.3.7 Rumusan Pilihan Bahasa Responden Iban..... | 136 |
| 5.4 Pilihan Bahasa Responden Cina | 137 |
| 5.4.1 Pilihan Bahasa Domain Di Rumah..... | 137 |
| 5.4.2 Pilihan Bahasa Domain Persahabatan | 138 |
| 5.4.3 Pilihan Bahasa Domain Di Kedai dan Pasar | 141 |
| 5.4.4 Pilihan Bahasa Domain Di Bank | 144 |
| 5.4.5 Pilihan Bahasa Domain Di Hospital dan Klinik | 147 |
| 5.4.6 Pilihan Bahasa Domain Sukan dan Riadhah | 150 |
| 5.4.7 Rumusan Pilihan Bahasa Responden Cina..... | 153 |
| 5.5 Pilihan Bahasa Responden Melanau | 154 |
| 5.5.1 Pilihan Bahasa Domain Di Rumah | 154 |
| 5.5.2 Pilihan Bahasa Domain Persahabatan | 156 |
| 5.5.3 Pilihan Bahasa Domain Di Kedai dan Pasar | 160 |
| 5.5.4 Pilihan Bahasa Domain Di Bank | 163 |
| 5.5.5 Pilihan Bahasa Domain Di Hospital dan Klinik | 166 |
| 5.5.6 Pilihan Bahasa Domain Sukan dan Riadhah | 169 |
| 5.5.7 Rumusan Pilihan Bahasa Responden Melanau..... | 172 |
| 5.6 Pilihan Bahasa Responden Pasangan Kahwin Campur | 173 |
| 5.6.1 Pilihan Bahasa Pasangan Melayu+Iban | 174 |
| 5.6.1.1 Rumusan Pilihan Bahasa Pasangan Melayu+Iban..... | 176 |
| 5.6.2 Pilihan Bahasa Pasangan Iban+Cina..... | 177 |
| 5.6.2.1 Rumusan Pilihan Bahasa Pasangan Iban+Cina | 180 |
| 5.6.3 Pilihan Bahasa Pasangan Melayu+Melanau | 181 |

| | |
|---|-----|
| 5.6.3.1 Rumusan Pilihan Bahasa Pasangan Melayu+Melanau..... | 184 |
| 5.7 Kesimpulan | 185 |
| BAB 6 RUMUSAN DAPATAN PILIHAN BAHASA SOAL SELIDIK | |
| 6.1 Pendahuluan | 187 |
| 6.2 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Mengikut Domain | 188 |
| 6.2.1 Domain Di Rumah..... | 188 |
| 6.2.2 Domain Persahabatan..... | 191 |
| 6.2.3 Domain Kedai dan Pasar..... | 195 |
| 6.2.4 Domain Di Bank..... | 198 |
| 6.2.5 Domain Di Hospital dan Klinik..... | 201 |
| 6.2.6 Domain Sukan dan Riadhah..... | 205 |
| 6.3 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Mengikut Responden..... | 208 |
| 6.3.1 Pilihan Bahasa Responden Melayu | 208 |
| 6.3.2 Pilihan Bahasa Responden Iban..... | 211 |
| 6.3.3 Pilihan Bahasa Responden Cina..... | 215 |
| 6.3.4 Pilihan Bahasa Responden Melanau | 218 |
| 6.3.5 Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur..... | 221 |
| 6.4 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Di Bandar Sarikei..... | 224 |
| 6.5 Ujian ANOVA Dapatan Pilihan Bahasa Di Bandar Sarikei..... | 230 |

| | | |
|---|---|-----|
| 6.5.1 | Ujian LSD Ke Atas Hasil Analisis ANOVA Jumlah Keseluruhan.... Mengikut Responden | 232 |
| 6.5.1.1 | Responden Melayu..... | 233 |
| 6.5.1.2 | Responden Iban..... | 234 |
| 6.5.1.3 | Responden Cina..... | 235 |
| 6.5.1.4 | Responden Melanau..... | 236 |
| 6.5.1.6 | Rumusan Hasil Ujian LSD Ke Atas Hasil Analisis ANOVA Pilihan Bahasa Mengikut Responden | 238 |
| 6.5.2 | Analisis Ujian LSD Ke Atas Analisis ANOVA Pilihan Bahasa..... | 240 |
| 6.5.2.1 | Dialek Melayu Sarawak..... | 240 |
| 6.5.2.2 | Bahasa Iban..... | 242 |
| 6.5.2.3 | Bahasa Cina..... | 243 |
| 6.5.2.4 | Bahasa Melanau..... | 245 |
| 6.5.3.5 | Bahasa Rojak Melayu-Iban..... | 246 |
| 6.5.2.6 | Bahasa Rojak Melayu-Melanau..... | 247 |
| 6.6 | Rumusan Perbezaan Nilai Min Ke Atas Pilihan Bahasa..... | 249 |
| 6.6.1 | Nilai Skor dan Perbezaan Min Terhadap Pilihan Bahasa | 250 |
| 6.7 | Kesimpulan | 260 |
| BAB 7 DAPATAN PILIHAN BAHASA TEMU BUAL | | |
| 7.1 | Pendahuluan | 262 |
| 7.2 | Rakaman Temu Bual..... | 262 |
| 7.3 | Profil Responden dan Pembantu Penyelidik Rakaman Temu Bual | 263 |
| 7.4 | Dapatan Temu Bual Pilihan Bahasa Responden Melayu..... | 265 |
| 7.4.1 | Pilihan Dialek Melayu Sarawak | 266 |
| 7.4.2 | Pilihan Bahasa Iban | 268 |
| 7.4.3 | Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Iban | 269 |
| 7.4.4 | Pilihan Bahasa Melanau .. | 270 |

| | | |
|-------|--|-----|
| 7.4.5 | Rumusan Dapatan Pilihan Bahasa Responden Melayu..... | 271 |
| 7.5 | Dapatan Temu Bual Pilihan Bahasa Responden Iban..... | 272 |
| 7.4.1 | Pilihan Bahasa Iban | 272 |
| 7.4.2 | Pilihan Dialek Melayu Sarawak | 274 |
| 7.4.3 | Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Iban | 276 |
| 7.4.4 | Rumusan Dapatan Pilihan Bahasa Responden Iban | 277 |
| 7.5 | Dapatan Pilihan Bahasa Responden Cina..... | 278 |
| 7.5.1 | Pilihan Bahasa Cina | 278 |
| 7.5.2 | Pilihan Bahasa Iban | 279 |
| 7.5.3 | Pilihan Dialek Melayu Sarawak | 282 |
| 7.5.4 | Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Iban | 284 |
| 7.5.5 | Rumusan Dapatan Pilihan Bahasa Responden Cina..... | 285 |
| 7.6 | Dapatan Pilihan Bahasa Responden Melanau | 286 |
| 7.6.1 | Pilihan Dialek Melayu Sarawak | 287 |
| 7.6.2 | Pilihan Bahasa Melanau | 289 |
| 7.6.3 | Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Melanau | 290 |
| 7.6.4 | Rumusan Dapatan Pilihan Bahasa Responden Melanau | 291 |
| 7.7 | Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pilihan Bahasa..... | 291 |
| 7.7.1 | Faktor Komuniti Yang Majoritinya Orang Iban..... | 291 |
| 7.7.2 | Faktor Pergaulan..... | 294 |
| 7.7.3 | Faktor Pilihan Bahasa Yang Praktikal..... | 296 |
| 7.7.4 | Faktor Keturunan..... | 303 |
| 7.7.5 | Faktor Penggunaan Bahasa Di Tempat Rasmi..... | 305 |
| 7.7.6 | Faktor Bahasa Iban Diajar Di Sekolah..... | 307 |
| 7.7.7 | Faktor Tempat Kerja..... | 309 |
| 7.8 | Kesimpulan | 311 |

BAB 8 DAPATAN DAN RUMUSAN

| | | |
|-----|---|------------|
| 8.1 | Pengenalan | 313 |
| 8.2 | Penentuan Pilihan Bahasa Sebagai <i>Lingua Franca</i> | 312 |
| 8.3 | Pilihan Bahasa Iban Sebagai <i>Lingua Franca</i> | 316 |
| 8.4 | Kesimpulan..... | 320 |
| | Bibliografi..... | 321 |

SENARAI LAMPIRAN

| | |
|---------------------|---------------------------------------|
| Lampiran Satu | – Peta Kawasan Kajian |
| Lampiran Dua | – Peta Pecahan Kaum Di Sarawak |
| Lampiran Tiga | – Soal Selidik Responden Melayu |
| Lampiran Empat | – Soal Selidik Responden Iban |
| Lampiran Lima | – Soal Selidik Responden Cina |
| Lampiran Enam | – Soal Selidik Responden Melanau |
| Lampiran Tujuh | – Soal Selidik Pasangan Kahwin Campur |
| Lampiran Lapan | – Rakaman Temu Bual Responden Melayu |
| Lampiran Sembilan | – Rakaman Temu Bual Responden Iban |
| Lampiran Sepuluh | – Rakaman Temu Bual Responden Cina |
| Lampiran Sebelas | – Rakaman Temu Bual Responden Melanau |
| Lampiran Dua Belas | – Hasil Analisis ANOVA Dua Hala |
| Lampiran Tiga Belas | – Soalan Temu Bual |

SENARAI JADUAL

| No. Jadual | | Halaman |
|-------------|--|---------|
| Jadual 1.1 | Bahagian Di Negeri Sarawak | 16 |
| Jadual 1.2 | Jumlah Penduduk Di Bahagian Sarikei Mengikut Suku Kaum | 19 |
| Jadual 1.3 | Jumlah Penduduk Bahagian Sarikei Mengikut Daerah | 19 |
| Jadual 1.4 | Jumlah Penduduk Negeri Sarawak Mengikut Suku Kaum | 19 |
| Jadual 4.1 | Panduan Menyediakan Soalan-soalan Temu Bual | 94 |
| Jadual 4.2 | Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) | 97 |
| Jadual 4.3 | Saiz Sampel Kajian | 97 |
| Jadual 4.4 | Saiz Sampel mengikut Instrumen Kajian | 98 |
| Jadual 5.1 | Pilihan Bahasa Responden Melayu Domain Di Rumah | 102 |
| Jadual 5.2 | Pilihan Bahasa Responden Melayu Domain Persahabatan | 104 |
| Jadual 5.3 | Pilihan Bahasa Responden Melayu Domain Kedai dan Pasar | 107 |
| Jadual 5.4 | Pilihan Bahasa Responden Melayu Domain Di Bank | 110 |
| Jadual 5.5 | Pilihan Bahasa Responden Melayu Domain Hospital dan Klinik | 113 |
| Jadual 5.6 | Pilihan Bahasa Responden Melayu Domain Sukan dan Riadhah | 116 |
| Jadual 5.8 | Pilihan Bahasa Responden Iban Domain Di Rumah | 120 |
| Jadual 5.9 | Pilihan Bahasa Responden Iban Domain Persahabatan | 122 |
| Jadual 5.10 | Pilihan Bahasa Responden Iban Domain Kedai dan Pasar | 125 |
| Jadual 5.11 | Pilihan Bahasa Responden Iban Domain Di Bank | 128 |
| Jadual 5.12 | Pilihan Bahasa Responden Iban Domain Hospital dan Klinik | 131 |
| Jadual 5.13 | Pilihan Bahasa Responden Iban Domain Sukan dan Riadhah | 134 |
| Jadual 5.14 | Pilihan Bahasa Responden Cina Domain Di Rumah | 137 |
| Jadual 5.15 | Pilihan Bahasa Responden Cina Domain Persahabatan | 139 |
| Jadual 5.16 | Pilihan Bahasa Responden Cina Domain Kedai dan Pasar | 142 |

| | | |
|-------------|--|------------|
| Jadual 5.17 | Pilihan Bahasa Responden Cina Domain Bank | 145 |
| Jadual 5.18 | Pilihan Bahasa Responden Cina Domain Hospital dan Klinik | 148 |
| Jadual 5.19 | Pilihan Bahasa Responden Cina Domain Sukan dan Riadhah | 151 |
| Jadual 5.20 | Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Di Rumah | 154 |
| Jadual 5.21 | Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Persahabatan | 157 |
| Jadual 5.22 | Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Kedai dan Pasar | 160 |
| Jadual 5.23 | Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Bank | 163 |
| Jadual 5.24 | Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Hospital dan Klinik | 166 |
| Jadual 5.25 | Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Sukan dan Riadhah | 170 |
| Jadual 5.26 | Jumlah Pasangan Kahwin Campur | 173 |
| Jadual 5.27 | Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur Melayu+Iban | 174 |
| Jadual 5.28 | Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur Iban+Melayu | 175 |
| Jadual 5.29 | Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur Iban+Cina | 178 |
| Jadual 5.30 | Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur Cina-Iban | 179 |
| Jadual 5.31 | Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur Melayu+Melanau | 182 |
| Jadual 5.32 | Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur Melanau+Melayu | 183 |
| Jadual 6.1 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain Di Rumah | 188 |
| Jadual 6.2 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Domain Persahabatan | 191 |
| Jadual 6.3 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Kedai dan Pasar | 195 |
| Jadual 6.4 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain Di Bank | 198 |
| Jadual 6.5 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain Hospital dan Klinik | 202 |
| Jadual 6.6 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain Sukan Dan Riadhah | 205 |
| Jadual 6.7 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Melayu | 208 |
| Jadual 6.8 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Iban | 212 |

| | | |
|-------------|---|------------|
| Jadual 6.9 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Cina | 215 |
| Jadual 6.10 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Melanau | 218 |
| Jadual 6.11 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur | 221 |
| Jadual 6.12 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Di Bandar Sarikei | 224 |
| Jadual 6.13 | Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Responden dan Bahasa Di Bandar Sarikei | 231 |
| Jadual 6.14 | Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Responden Melayu | 233 |
| Jadual 6.15 | Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Responden Iban | 234 |
| Jadual 6.16 | Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Responden Cina | 235 |
| Jadual 6.17 | Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Responden Melanau | 237 |
| Jadual 6.18 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Di Bandar Sarikei | 240 |
| Jadual 6.19 | Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Dialek Melayu Sarawak | 241 |
| Jadual 6.20 | Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Bahasa Iban | 242 |
| Jadual 6.21 | Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Bahasa Cina | 245 |
| Jadual 6.22 | Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Bahasa Melanau | 246 |
| Jadual 6.23 | Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Bahasa Rojak Melayu-Iban | 246 |
| Jadual 6.24 | Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Bahasa Rojak Melayu-Melanau | 248 |
| Jadual 6.25 | Skor Min Pilihan Bahasa Responden Melayu | 250 |
| Jadual 6.26 | Skor Min Pilihan Bahasa Responden Iban | 252 |
| Jadual 6.27 | Skor Min Pilihan Bahasa Responden Cina | 254 |
| Jadual 6.28 | Skor Min Pilihan Bahasa Responden Melanau | 256 |

| | | |
|-------------|---|------------|
| Jadual 6.29 | Keseluruhan Nilai Skor Min Pilihan Bahasa Di Bandar Sarikei | 258 |
| Jadual 6.30 | Rumusan Pilihan Bahasa Mengikut Keutamaan Suku Kaum Di Bandar Sarikei | 260 |
| Jadual 7.1 | Senarai Responden Yang Ditemu Bual | 263 |
| Jadual 7.2 | Profil Pembantu Penyelidik | 264 |
| Jadual 7.3 | Petunjuk Yang Digunakan Untuk Paparan Maklumat Temu Bual | 265 |

SENARAI GRAF

| No. Graf | Graf | Halaman |
|-----------------|---|----------------|
| Graf Garis 6.1 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain Di Rumah | 190 |
| Graf Garis 6.2 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain Persahabatan | 194 |
| Graf Garis 6.3 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain Kedai dan Pasar | 197 |
| Graf Garis 6.4 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain di Bank | 200 |
| Graf Garis 6.5 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain di Hospital dan Klinik | 204 |
| Graf Garis 6.6 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain Sukan dan Riadhah | 207 |
| Graf Garis 6.7 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Melayu Di Bandar Sarikei | 210 |
| Graf Garis 6.8 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Iban Di Bandar Sarikei | 214 |
| Graf Garis 6.9 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Cina di Bandar Sarikei. | 217 |
| Graf Garis 6.10 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Melanau Di Bandar Sarikei | 220 |
| Graf Garis 6.11 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur | 223 |
| Graf Garis 6.12 | Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Di Bandar Sarikei | 230 |
| Graf 6.13 | Nilai Min Pilihan Bahasa Responden Melayu | 252 |
| Graf 6.14 | Nilai Min Pilihan Bahasa Responden Iban | 254 |
| Graf 6.15 | Nilai Min Pilihan bahasa Responden Cina | 256 |
| Graf 6.17 | Nilai Min Pilihan Bahasa Responden Melanau | 258 |
| Graf 6.18 | Jumlah Keseluruhan Min Mengikut Pilihan Bahasa | 259 |

SENARAI PETA

| No. Peta | | Halaman |
|-----------------|---|----------------|
| Peta 1.1 | Keluasan Sebelas Bahagian Di Negeri Sarawak | 17 |

SENARAI GAMBAR

| No. Gambar | | Halaman |
|-------------------|---|----------------|
| Gambar 1.1 | Buah Nenas Sebagai Mercu Tanda Bandar Sarikei | 16 |

SENARAI RAJAH

| No. Rajah | | Halaman |
|------------------|---|----------------|
| Rajah 2.1 | Kumpulan Bahasa Yang Terdapat Di Negeri Sarawak | 44 |
| Rajah 2.2 | Pecahan Suku Kaum Yang Terdapat Di Negeri Sarawak | 47 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|-----------------|-------------|
| terj. | terjemahan |
| bil. | bilangan |
| 2 nd | edisi kedua |
| ed. | editor |
| hlm. | halaman |
| pytn. | Penyunting |
| dlm. | dalam |

SENARAI SIMBOL

| | |
|---|------------------------------------|
| + | Kahwin campur |
| - | Bahasa rojak |
| % | Peratusan |
| P | Soalan Semasa Temu Bual |
| R | Jawapan Responden Semasa Temu Bual |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Penggunaan bahasa Melayu di kepulauan Melayu pada masa dahulu (contohnya semasa kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-14) amat luas dan penting, terutama sebagai bahasa perdagangan. Pedagang-pedagang asing yang datang ke kepulauan Melayu pada masa tersebut menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam menjalankan kegiatan perdagangan. Sejarah juga telah membuktikan bahawa pedagang-pedagang dari luar ini telah mempelajari bahasa Melayu daripada penduduk tempatan semasa mereka berniaga (Asmah 1985). Bahasa Melayu yang dipelajari dan digunakan oleh pedagang-pedagang ini berhubung dengan penduduk tempatan merupakan *lingua franca*.

Walaupun bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa perhubungan utama sejak sekian lama dalam perdagangan di kepulauan Melayu, di negeri Sarawak juga ada bahasa perhubungan sehari-hari antara pelbagai suku kaum yang berbeza bahasa ibunda seperti suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau. Bahasa perhubungan antara suku kaum di negeri Sarawak ini merupakan bahasa yang dapat digunakan untuk tujuan berkomunikasi sama ada sesama suku kaum atau antara suku kaum yang lain. Bahasa yang dipilih sebagai bahasa perhubungan itu merupakan bahasa yang difahami bersama dan tidak menimbulkan masalah kepada penutur dan juga pendengar semasa bahasa tersebut digunakan dalam komunikasi sehari-hari.

Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini merupakan kajian pilihan bahasa di negeri Sarawak dengan memilih kawasan bandar Sarikei sebagai kawasan kajian. Kajian ini adalah untuk mengetahui pilihan-pilihan bahasa yang digunakan dalam situasi-situasi tertentu dan seterusnya bahasa perhubungan sehari-hari atau *lingua franca* pelbagai suku di Sarikei.

Pilihan bahasa terjadi apabila terdapat lebih daripada satu bahasa atau kelainan bahasa dalam sesuatu komuniti. Anggota komuniti memilih bahasa yang mana patut digunakan sebagai bahasa perhubungan antara mereka. Pilihan bahasa ini boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk berdasarkan domain. Seseorang itu memilih satu bahasa atau lebih untuk digunakan dalam satu domain dan dalam domain yang lain memilih bahasa-bahasa yang lain.

1.2 Signifikan Kajian

Dapatan kajian seperti ini, penting bagi melihat kecenderungan suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di bandar Sarikei yang tinggal bersama dalam berinteraksi satu sama lain dalam menjalankan urusan sehari-hari dengan memilih satu bahasa perhubungan antara mereka. Banyak maklumat yang baru dan menarik akan diperolehi mengenai bahasa-bahasa di negeri Sarawak untuk diketahui dengan lebih lanjut dan dapat dirujuk sebagai sumber yang berguna pada masa akan datang. Kajian pilihan bahasa di bandar Sarikei ini mungkin menggambarkan pilihan bahasa yang berlaku di kawasan-kawasan lain di negeri Sarawak.

Kajian pilihan bahasa suku kaum pelbagai di negeri Sarawak dilihat masih kurang diberi perhatian dan didokumentasikan sebagai sumber rujukan dan maklumat kepada kajian yang terkini. Kajian seperti ini perlu dilaksanakan agar dapat memberi maklumat penting terutamanya mengenai *lingua franca* antara suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di negeri Sarawak. Diharap kajian ini nanti dapat menambah dan dijadikan sumber rujukan dan maklumat semasa tentang bahasa-bahasa di negeri Sarawak serta dapat dilanjutkan dalam pelbagai skop, bidang dan topik pada masa akan datang.

Secara keseluruhannya, kajian ini berlandaskan teori domain dengan rujukan *who speaks what language to whom and when* oleh Fishman (1972: 244-265). Penggunaan teori domain merujuk kepada konsep masyarakat yang diperolehi daripada analisis dan ringkasan situasi-situasi kongruen yang jelas. Domain merupakan konsep yang amat berguna untuk penghuraian fungsi bagi perubahan yang dibentuk oleh masyarakat kepada tahap seluruh masyarakat dan juga institusi-institusi sosial yang besar (Sila lihat ceraian 4.2 dalam Bab 4 untuk keterangan lanjut mengenai teori domain).

Kajian pilihan bahasa yang merujuk kepada *who speaks what language to whom and when* merupakan penentu kepada pilihan bahasa yang digunakan oleh suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di bandar Sarikei. Pengkategorian oleh Fishman (1972) telah mengemukakan pendapatnya mengenai bagaimana manusia menggariskan panduan semasa berkomunikasi. Dengan menjawab soalan-soalan ini, seseorang itu dapat memilih bahasa yang sesuai semasa mereka berkomunikasi. Ini sangat jelas untuk menghubungkan sesuatu bahasa yang digunakan oleh seseorang untuk tujuan

berkomunikasi antara kumpulan masyarakat yang pelbagai bahasa seperti di bandar Sarikei dalam menentukan bahasa yang utama dan seterusnya *lingua franca*.

Oleh yang demikian, *who speaks* merujuk kepada responden yang dikaji (suku kaum Melayu, Iban, Cina, Melanau, dan pasangan kahwin campur), *what language* pula bermaksud pilihan bahasa yang digunakan, *to whom* ialah interlokuter dan *when* merupakan domain pilihan bahasa (rumah, persahabatan, kedai dan pasar, bank, hospital dan klinik, serta sukan dan riadhah). Kaedah kajian adalah berdasarkan kajian di lapangan, iaitu soal selidik dan rakaman temu bual. Berdasarkan kenyataan ini, dapatlah dirujuk bahawa:

1. Penutur (*Who speaks*)

Penutur itu adalah pemula bagi sesuatu perbualan. Hal ini berkaitan dengan siapakah penutur yang mempengaruhi penyampaian sesuatu perbualan yang berlaku. Dalam kajian ini, penutur itu terdiri daripada suku kaum Melayu, Iban, Cina, Melanau, dan juga pasangan kahwin campur.

2. Interlokuter (*to whom*)

Interlokuter adalah orang yang diajak bercakap, iaitu kepada siapa penutur itu bercakap. Dalam hal ini, terdapat pilihan bahasa yang berbeza antara interkoluter yang berbeza. Contohnya adalah perbualan antara suku kaum Melayu dengan suku kaum Iban tidak sama dengan perbualan suku kaum Melayu dengan suku kaum Melanau.

3. Domain (*when*)

Domain kajian ini merujuk kepada "latar" sesuatu perbualan itu berlaku. Latar dapat mempengaruhi pilihan dan penggunaan bahasa seseorang. Perbualan di tempat-tempat awam seperti di kedai, bank, padang permainan dan sebagainya berbeza dengan tempat-tempat persendirian seperti di rumah dan juga di dalam bilik.

Kajian pilihan bahasa sebagai *lingua franca* ini dilihat sangat bertepatan untuk dilakukan di negeri Sarawak kerana di negeri Sarawak terdapat pelbagai suku kaum yang menuturkan bahasa ibunda mereka sendiri. Fishman (1972) dan Ervin-Tripps (1972) telah menjelaskan bahawa pilihan bahasa berlaku dalam masyarakat pelbagai bahasa (Sila lihat Bab 3 ceraihan 3.2.1 dan ceraihan 3.2.2 untuk keterangan lanjut). Dalam masa yang sama, setiap suku kaum ini akan berhubung antara satu sama lain dengan memilih satu atau lebih bahasa perhubungan.

Lingua franca dilihat bukan sekadar bahasa yang digunakan antara individu dalam perhubungan sosial, tetapi juga sebagai satu keperluan yang tidak boleh ditiadakan dalam sesebuah masyarakat yang majmuk (Samarin 1972: 660). *Lingua franca* adalah bahasa yang dipilih untuk berkomunikasi dengan kerangka penggunaan satu bahasa sebagai bahasa perhubungan atau perantara yang utama dalam sesuatu komuniti tersebut (Victoria Fromkin, Robert Rodman dan Nina Hyam 2003: 469). Oleh yang demikian, untuk menentukan *lingua franca* di negeri Sarawak, perlu dirujuk kepada pilihan bahasa yang utama dan yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari oleh suku kaum Melayu, Iban, Cina, dan Melanau. Berlandaskan domain dan rujukan *who speaks what language*

to whom and when akan diperoleh jawapan dan dapatan kepada bahasa perhubungan sehari-hari, bahasa perhubungan utama dan *lingua franca* seperti yang digariskan dalam objektif dan persoalan kajian ini.

Secara lebih dekat lagi, domain adalah perkara yang berkaitan dengan situasi, perhubungan dan peranan, tingkah laku penutur serta kejadian bertutur yang terbentuk daripada beberapa gagasan seperti latar, peserta dan topik (Fishman 1991: 45). Secara lebih mudahnya, domain merupakan penggunaan pelbagai bahasa dalam konteks sosial atau latar yang bergantung kepada fungsi dan topik perbincangan dalam sesebuah komuniti (Holmes 2001). Walau bagaimanapun, domain-domain yang dipilih dalam kajian ini hanya berlandaskan latar sahaja. Domain-domain yang dipilih ini telah disesuaikan dari Fishman (1972), Greenfields dan Parasher, Schmidt-Rohr (dlm. Fishman 1972), dan Noriah dan Meriam (2005) iaitu di rumah, persahabatan, kedai dan pasar, bank, hospital dan klinik serta sukan dan riadah. Menurut definisi Fishman (1972: 248):

Domains are defined in terms of institutional contexts or socio-ecological co-occurrences. They attempt to designate the major clusters of interaction situations that occur in particular multilingual settings. Domains enable us to understand that language choice and topic ... are ... related to widespread socio-cultural norms and expectations.

Secara keseluruhannya, telah difahami bahawa kajian pilihan bahasa perlu mengambil kira penggunaan bahasa dalam masyarakat yang pelbagai bahasa. Seseorang itu akan memilih satu bahasa untuk digunakan antara banyak bahasa-bahasa yang lain sebagai bahasa perhubungan sehari-hari mereka. Sekiranya komunikasi tersebut menggunakan bahasa yang tidak biasa dipilih dalam masyarakat itu, ia akan

menyebabkan komunikasi seseorang itu menjadi tidak lancar, kurang jelas dan tidak betul (Fishman 1991: 45).

Setelah diambil perhatian yang sehalusnya, dalam semua bahagian kajian pilihan bahasa ini, selain kekuatan teori dan pendekatan kajian, aspek kaedah juga telah diberi perhatian. Secara khususnya, kajian pilihan bahasa ini merupakan satu kajian yang empiris. Dalam hal ini, semenjak bidang sosiolinguistik berkembang dan menjadi lebih empiris, bidang ini perlu diteliti berlandaskan sejumlah data yang diperlukan dalam kalangan pengguna bahasa yang ramai (Wardhaugh 1998: 17). Pada masa sekarang, data kajian yang memenuhi kriteria empiris wujud dari pelbagai sumber seperti banci, dokumen, tinjauan dan juga temu bual. Ini bermaksud, pengumpulan dan analisis data perlu dilakukan secara statistik (penomboran-purata, bilangan, peratusan dan perkadaran), dan ditentukan nilai signifikannya. Seperti yang berlaku sejak kebelakangan ini, kajian terhadap bahasa telah berkembang dan banyak diberi perhatian melalui kaedah statistik. Oleh yang demikian, kajian pilihan bahasa sebagai *lingua franca* di negeri Sarawak ini berfokus kepada kaedah lapangan dan semua data pilihan bahasa dianalisis dan dijumlahkan mengikut kekerapan dan peratusan serta *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) menggunakan kaedah *Univariate Analysis Of Variance* (ANOVA) melalui ujian *Least Significant Difference* (LSD) (sila lihat Bab 4 untuk keterangan lanjut mengenai kaedah kajian dan analisis). Faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa responden yang dikaji pula muncul dari rakaman temu bual (Sila lihat Bab 7 untuk melihat hasil analisis temu bual).

Sememangnya kajian pilihan bahasa sebagai *lingua franca* seperti ini merupakan sesuatu yang bertepatan dan kajian ini sangat signifikan apabila dikaitkan dengan kawasan kajian, iaitu di bandar Sarikei di negeri Sarawak yang berlatar belakangkan suku kaum yang menuturkan pelbagai bahasa ibunda. Dengan kaedah dan pendekatan kajian yang telah dibincangkan pada bahagian ini (dibincangkan secara mendalam dalam bab-bab yang seterusnya) akan ditunjukkan bagaimana bahasa perhubungan yang utama atau *lingua franca* antara pelbagai suku kaum di negeri Sarawak dipilih dan digunakan atas sebab keperluan berkomunikasi antara mereka yang berlainan bahasa ibunda.

1.3 Permasalahan Kajian

Pada zaman dahulu, bahasa Melayu terkenal sebagai bahasa perhubungan dan perdagangan antara penduduk tempatan dan pedagang di Tanah Melayu. Pada masa sekarang bahasa Melayu masih lagi menjadi bahasa perhubungan utama antara penduduk yang pelbagai bahasa ibunda terutamanya di Semenanjung Malaysia. Didapati bahasa Melayu mempunyai jumlah pengguna bahasa yang paling tinggi di Malaysia. Jumlah pengguna bahasa Melayu ini dapatlah disamakan dengan jumlah penduduk Malaysia. Menurut Asmah (2005: 19), sungguhpun semua penduduk Malaysia menggunakan bahasa Melayu, tetapi kedudukan bahasa Melayu ini berbeza dari komuniti ke komuniti kerana bahasa Melayu boleh merupakan bahasa ibunda (penutur asli) dan juga sebagai bahasa yang diperolehi kemudian, yakni melalui bahasa perhubungan sehari-hari atau melalui sistem pendidikan di sekolah.

Memandangkan bahasa Melayu di Malaysia sekarang berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, maka bahasa ini telah menjadi milik semua rakyat Malaysia. Dalam pada itu, sejak beratus-ratus tahun dahulu bahasa Melayu sememangnya sudah dipakai sebagai bahasa pengantar perdagangan atau *lingua franca* di alam Melayu. Pedagang-pedagang dari negara China, Arab dan India sejak abad ketujuh sudah menggunakan bahasa Melayu dalam menjalankan perdagangan mereka (Asmah 2008: 14). Oleh yang demikian, bahasa Melayu adalah bahasa yang utama yang digunakan semasa berkomunikasi dalam kehidupan sehari-hari pada masa tersebut. Merujuk kepada kedudukan bahasa Melayu sejak dari zaman dahulu hingga sekarang ini, adalah menjadi persoalan sama ada bahasa Melayu masih berperanan sebagai bahasa yang utama antara suku kaum yang pelbagai di negeri Sarawak, ataupun terdapatnya bahasa-bahasa lain yang telah digunakan sebagai bahasa perhubungan sehari-hari di negeri Sarawak.

Sarawak ialah sebuah negeri yang menunjukkan wujudnya masyarakat yang pelbagai bahasa ibunda yang berbeza-beza. Menurut Asmah (2004a: 30-31), suku kaum yang pelbagai di negeri Sarawak menuturkan bahasa mereka sendiri. Selain Asmah, boleh dirujuk juga dengan pernyataan Norazuna (2010: 14) mengenai kepelbagaian bahasa yang terdapat di negeri Sarawak,

“Sarawak as a sociolinguistic setting is a multilingual society. Multilingualism is the norm in this region”.

Setiap suku kaum yang terdapat di negeri Sarawak perlu berhubung dan berkomunikasi antara mereka setiap hari. Tentu sahaja mereka mempunyai satu bahasa

yang dipilih dan dapat digunakan untuk mereka berhubung antara satu sama lain. Dalam masyarakat yang anggotanya terdiri daripada pelbagai suku kaum seperti ini, komunikasi harian mereka telah membawa kepada kemungkinan masyarakat tersebut membuat pilihan bahasa untuk digunakan antara mereka. Bahasa yang dipilih itu mestilah bahasa yang difahami bersama, paling meluas digunakan dan menjadi milik salah satu suku kaum itu.

Berdasarkan huraian itu, maka kajian pilihan bahasa ini akan mengenal pasti bahasa perhubungan utama atau *lingua franca* suku kaum yang pelbagai di bandar Sarikei. Bahasa Melayu sememangnya “diandaikan” masih lagi berperanan sebagai bahasa perhubungan antara suku kaum di bandar Sarikei atau di negeri Sarawak, sama seperti yang berlaku di Semenanjung Malaysia. Dalam hal ini, tidak boleh dinafikan juga bahawa bahasa Melayu di Sarawak masih digunakan dengan meluas (sila lihat Asmah 1985 yang telah meneliti penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi di negeri Sarawak), tetapi andaikata bahasa Melayu juga adalah pilihan bahasa komunikasi dalam perhubungan sehari-hari yang utama, fenomena ini perlu diteliti dan dibuktikan dengan kajian yang mendalam.

Untuk mengetahui keluasan peranan dan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi mereka di Sarawak, perlu disoroti kajian Asmah (1985) mengenai penggunaan bahasa Melayu di jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan di Sarawak. Kajian Asmah ini telah mendapati bahawa bahasa Melayu memang mempunyai peranannya terutama dalam urusan rasmi di pejabat. Walau bagaimanapun, dapatan kajian Asmah ini hanya sekadar menggambarkan

perubahan yang berlaku ke arah penggantian bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu secara beransur-ansur dalam urusan rasmi.

Dalam situasi rasmi seperti di pejabat, jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan, Asmah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang masih penting di negeri Sarawak. Dalam situasi yang lain, bahasa Iban juga ada memainkan peranan yang penting sebagai bahasa komunikasi sehari-hari antara suku kaum yang pelbagai di negeri Sarawak. Di samping itu, telah dibuktikan juga di lembangan sungai Rejang, bahasa Iban telah digunakan sebagai bahasa perhubungan yang utama (Asmah 2004: 31, Collins 2004: 32-33).

Kajian pilihan bahasa pernah dikaji oleh beberapa orang sarjana bahasa. Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada kajian-kajian tersebut dapat dikaitkan dengan empat bentuk yang utama, iaitu konteks interaksi, fungsi pilihan bahasa, pilihan bahasa dalam masyarakat dwibahasa dan juga pilihan sistem panggilan dan sapaan. Berpandukan kategori di atas, kajian pilihan bahasa ini telah dapat diungkap dan untuk dijadikan maklumat dan mengetahui permasalahan kajian dalam menjalankan kajian pilihan bahasa yang seterusnya.

Kajian Geertz (1972: 282-295), Brown dan Gilman (1972) dan, Amat Juhari (1989) berkaitan dengan pilihan sistem panggilan dan sapaan. Geertz telah mengkaji pilihan kata panggilan dan sapaan masyarakat Jawa di Indonesia. Secara umumnya kajian ini berkaitan dengan pilihan bahasa yang *kasa* (kasar) dan *alus* (halus). Hasil kajian Geertz telah mengenal pasti pilihan kata panggilan dan sapaan masyarakat Jawa

ini amat mempengaruhi status seseorang. Status ini dikategorikan mengikut pelbagai perkara – kekayaan atau harta benda, keturunan, pendidikan, pekerjaan atau jawatan, umur, pertalian kekeluargaan, asal-usul.

Selain Geertz, Brown dan Gilman (1972) dan Amat Juhari (1989) juga telah mengkaji mengenai pilihan kata panggilan dan sapaan. Menurut Brown dan Gilman dan Amat Juhari, sistem panggilan dan sapaan merupakan satu unsur penting semasa berkomunikasi dan berinteraksi. Sistem panggilan merupakan satu bentuk hormat yang perlu diketahui oleh para penutur sesuatu bahasa. Pilihan sistem panggilan dan sapaan yang betul dan sesuai akan dapat menjaga maruah dan status seseorang, apatah lagi dalam masyarakat Malaysia yang mempunyai pelbagai bentuk sistem panggilan tertentu yang telah dibahagikan mengikut pangkat, status, anugerah, keturunan dan sebagainya.

Banyak maklumat yang penting telah diketengahkan oleh para pengkaji di atas, namun kajian pilihan bahasa di bandar Sarikei ini tidak meneliti pilihan bahasa yang berkaitan dengan kata panggilan dan juga sapaan. Kajian pilihan bahasa yang dilakukan di negeri Sarawak ini akan meneliti penggunaan bahasa dalam perhubungan sehari-hari atau *lingua franca* pelbagai suku kaum berdasarkan domain di bandar Sarikei khasnya (sila lihat Bab 3 untuk perbincangan dan ulasan kajian-kajian lepas).

Sejauh yang dapat dikesan juga, pada amnya apa-apa bahasa yang digunakan di negeri Sarawak sangat dipengaruhi oleh bahasa Iban. Banyak faktor yang mengekang pilihan bahasa yang lain di negeri Sarawak. Salah satu faktor utama adalah bilangan

suku kaum Iban yang paling ramai, iaitu 713, 040 orang dari keseluruhan penduduk negeri Sarawak yang berjumlah 2,376,800 orang (Jabatan Perangkaan 2005). Di samping itu, bahasa Iban juga berperanan sebagai bahasa kedua atau ketiga kepada suku kaum yang lain (Asmah 2004a: 31). Oleh itu, di negeri Sarawak mungkin terdapat bahasa yang lain selain bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa perhubungan utama oleh pelbagai suku kaum itu. Dalam hal ini, perlu dikaji sama ada bahasa Iban atau bahasa-bahasa yang lain di negeri Sarawak dipilih sebagai bahasa perhubungan utama atau *lingua franca* dalam kalangan suku kaum Melayu, Iban, Cina, dan Melanau, sama seperti bahasa Melayu di Semenanjung Malaysia.

Berbangkit daripada penyelidikan Asmah mengenai bahasa Melayu di negeri Sarawak, kajian pilihan bahasa antara suku kaum yang pelbagai bahasa ibunda ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya untuk menentukan *lingua franca*. Apa juga perancangan kajian pilihan bahasa yang dijalankan, perlulah diteliti perkaitannya dengan teori domain.

Walaupun terdapat beberapa kajian lepas yang pernah dijalankan di negeri Sarawak, masih banyak lagi perkara yang perlu dilihat semula, dikembangkan dan diusahakan secara lebih mendalam. Usaha Asmah dalam hal ini sememangnya bukan hanya memberikan kita tafsiran dan analisis ke atas tiap-tiap aspek penggunaan bahasa Melayu di institusi-institusi awam di negeri Sarawak, tetapi beliau juga telah mengemukakan kesimpulan dan cadangan-cadangan untuk diberi tindakan yang boleh diambil perhatian untuk melaksanakan kajian yang seterusnya. Sebagai melanjutkan lagi kajian Asmah di negeri Sarawak ini, perlu diambil kira banyak perkara, terutamanya mengenai kajian *lingua franca*.

1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian pilihan bahasa sebagai *lingua franca* ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti bahasa atau bahasa-bahasa perhubungan sehari-hari antara suku kaum yang pelbagai di bandar Sarikei.
2. Menentukan perkaitan *who speaks what language to whom and when* suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di bandar Sarikei.
3. Mengenal pasti faktor-faktor pemilihan bahasa suku kaum di bandar Sarikei dalam situasi-situasi tertentu.
4. Menentukan *lingua franca* suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau khususnya di bandar Sarikei, dan amnya di negeri Sarawak.

1.5 Persoalan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini bertunjangkan kepada beberapa persoalan kajian seperti di bawah:

1. Apakah bahasa-bahasa yang biasa dipilih dan digunakan oleh suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau sebagai bahasa perhubungan mereka sehari-hari mengikut domain?
2. Berapakah jumlah bahasa-bahasa yang digunakan oleh suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau?
3. Apakah bahasa utama yang dipilih oleh suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di bandar Sarikei?

4. Adakah bahasa yang dipilih itu mempunyai nilai yang signifikan hasil analisis ANOVA?
5. Domain-domain yang manakah banyak mempengaruhi pilihan bahasa utama?
6. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa yang utama suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di bandar Sarikei?

Persoalan kajian 1, dan 2 di atas adalah untuk mencapai objektif 1. Persoalan kajian 3, 4, dan 5 pula untuk mencapai objektif 2 dan persoalan kajian 6 untuk mencapai objektif 3.

1.6 Kawasan Kajian

Kawasan kajian yang dipilih adalah sebuah bandar di negeri Sarawak, iaitu bandar Sarikei. Secara amnya, bandar Sarikei terletak dalam Bahagian Keenam (Bahagian Sarikei). Selain bandar Sarikei, di negeri Sarawak terdapat bandar-bandar besar yang lain seperti Kuching, Sibul, Miri, Bintulu, Sri Aman, Limbang dan Kapit. Setiap bandar besar ini ditentukan mengikut "Bahagian" dan ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

Dalam Bahagian Sarikei, terdapat empat daerah yang utama, iaitu daerah Sarikei, Meradong, Julau, dan Pakan. Bandar Sarikei sering dikaitkan dengan buah nenas. Buah nenas merupakan tanaman utama di bandar Sarikei yang telah menjadikan negeri Sarawak sebagai salah satu negeri pengeluar buah nenas yang utama di Malaysia. Malah, nenas jenis yang ditanam di bandar Sarikei cukup terkenal kerana rasanya yang

manis berbanding nenas jenis yang lain. Mengambil sempena keunikan tersebut, nenas telah dijadikan sebagai mercu tanda bandar Sarikei seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 1.1 (<http://www.sarikeiro.sarawak.gov.my>).

Jadual 1.1: Bahagian Di Negeri Sarawak

| Bil. | Bahagian | Bandar/Pusat |
|------|-----------------------|------------------------|
| 1 | Pertama | Kuching |
| 2 | Kedua | Sri Aman |
| 3 | Ketiga | Sibu |
| 4 | Keempat | Miri |
| 5 | Kelima | Limbang |
| 6 | <i>*Keenam</i> | <i>*Sarikei</i> |
| 7 | Ketujuh | Kapit |
| 8 | Kelapan | Kota Samarahan |
| 9 | Kesembilan | Bintulu |
| 10 | Kesepuluh | Betong |
| 11 | Kesebelas | Mukah |

*Nota: * Kawasan kajian*

Gambar 1.1: Buah Nenas Sebagai Mercu Tanda Bandar Sarikei



Peta 1.1: Keluasan dan Kedudukan Sebelas Bahagian Di Negeri Sarawak



Sumber: <http://www.sarawak.gov.my/content/view/5/10/>

Bandar Sarikei terletak di muara sungai Rejang, iaitu sungai yang terpanjang di Malaysia. Dari segi topografi, bandar Sarikei mempunyai bentuk muka bumi yang berbeza-beza, iaitu kawasan yang berbukit-bukau, tanah gambut dan paya nipah-bakau ([http:// www.sarikeiro.sarawak. gov.my](http://www.sarikeiro.sarawak.gov.my)).

Sejarah bandar Sarikei hanya diketahui sejak awal tahun 1841. Pada masa tersebut, bandar Sarikei telah diperintah oleh Sharip Masahor, seorang pahlawan yang menguasai sungai Rajang. Sharip Masahor mempunyai ramai pengikut yang terdiri daripada orang Melayu, Iban dan Melanau. Semasa penguasaan keluarga Brooke ke atas negeri Sarawak, Sharip Masahor adalah pemimpin yang aktif menentang keluarga Brooke. Penentangan oleh Sharip Masahor telah membawa kepada peristiwa pembakaran bandar Sarikei pada 4 Januari 1856 dan tindak balas oleh Charles Brooke

ke atas Julau pada 19 Jun 1856. Walau bagaimanapun, tidak banyak catatan sejarah yang menunjukkan kewujudan awal bandar Sarikei.

Bahagian Sarikei ditubuhkan sebagai “Bahagian Ke-6” di negeri Sarawak melalui *Sarawak Gazette Swk. L.N 26 bertarikh 15 Mac 1973*. Pada peringkat awalnya, Bahagian Sarikei telah ditadbir oleh bandar Binatang (kini dikenali sebagai Bintangor dalam daerah Meradong). Selepas itu, bandar Sarikei telah diletakkan di bawah pentadbiran Bahagian Sibu sehinggalah bandar Sarikei dinaik taraf menjadi “Bahagian” pada 3 April 1973. Pentadbiran Bahagian Sarikei telah dipindah dari Bahagian Sibu ke bandar Sarikei (<http://www.sarawak.com.my/info/rakan sarawak/>).

Pada peringkat awal penubuhan Bahagian Sarikei, daerah yang berada di bawah pentadbirannya adalah daerah Meradong, Julau, Daro, Matu dan dua daerah kecil yang lain, iaitu Pakan dan Belawai. Namun, selepas 16 Mac 2002, Bahagian Sarikei hanya mempunyai empat buah daerah sahaja, iaitu Sarikei, Meradong, Julau dan Pakan. Daerah Matu, Daro dan daerah Kecil Belawai telah diletakkan di bawah pentadbiran Bahagian Ke-11, iaitu Mukah (<http://www.sarawak.com.my/info/ rakan sarawak/>).

Jumlah keseluruhan penduduk Bahagian Sarikei pada tahun 2005 adalah seramai 120,045 orang. Suku kaum Iban adalah penduduk yang paling ramai dengan jumlah 60,574 orang. Suku kaum Cina berjumlah 34,762 orang, suku kaum Melayu berjumlah 12,754 orang dan Melanau adalah 11,189 orang. Lain-lain penduduk berjumlah 766 orang. Sekiranya dirujuk kepada jumlah penduduk negeri Sarawak yang berjumlah

2,376,800 orang, secara keseluruhannya, penduduk Bahagian Sarikei hanya dalam lingkungan 20% sahaja daripada jumlah keseluruhan negeri Sarawak. Jadual 1.2 menunjukkan jumlah keseluruhan penduduk negeri Sarawak. Jadual 1.3 dan 1.4 pula menunjukkan jumlah penduduk Bahagian Sarikei mengikut pecahan suku kaum dan daerah.

Jadual 1.2: Jumlah Penduduk Negeri Sarawak Mengikut Suku Kaum

| Suku kaum | Bil. orang | % |
|------------------|-------------------|------------|
| Melayu | 499,128 | 21 |
| Iban | 713,040 | 30 |
| Melanau | 190,144 | 8 |
| Cina | 689,272 | 29 |
| Lain-lain | 285,216 | 12 |
| Jumlah | 2,376,800 | 100 |

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Sarawak 2005)

Jadual 1.3: Jumlah Penduduk Di Sarikei Mengikut Suku Kaum

| Suku Kaum | Bil. Orang | % |
|------------------|-------------------|------------|
| Melayu | 12,754 | 11 |
| Iban | 60,574 | 50 |
| Melanau | 11,189 | 9 |
| Cina | 34,762 | 29 |
| Lain-lain | 766 | 1 |
| Jumlah | 120, 045 | 100 |

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Sarawak 2005)

Jadual 1.4: Jumlah Penduduk Bahagian Sarikei Mengikut Daerah

| Daerah | Bilangan (ribu orang) |
|---------------|------------------------------|
| *Sarikei | 59, 043 |
| Pakan | 14, 637 |
| Julau | 17, 276 |
| Meradong | 29, 917 |
| Jumlah | 120, 877 |

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Sarawak 2005)

Bandar Sarikei dipilih sebagai kawasan kajian disebabkan di bandar Sarikei mempunyai kepelbagaian suku kaum dan juga bahasa yang dituturkan oleh penduduk bandar Sarikei jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan yang lain di negeri Sarawak (Sila lihat Jadual 1.2 halaman 15). Kajian ini telah memilih bandar Sarikei sebagai kawasan kajian kerana terdapat banyak maklumat bahasa yang ada digunakan sebagai bahasa antara suku kaum di kawasan tersebut.

1.7 Kesimpulan

Permasalahan utama dalam kajian ini adalah berkenaan dengan pilihan bahasa yang digunakan sebagai bahasa perhubungan sehari-hari penduduk pelbagai suku kaum yang tinggal di bandar Sarikei dan seterusnya isu *lingua franca*. Selain itu, kajian ini juga sebagai salah satu langkah untuk menambah maklumat mengenai penggunaan bahasa di negeri Sarawak.

Kajian pilihan bahasa sebagai *lingua franca* sangat penting untuk dijalankan terutamanya di negeri Sarawak atas alasan-alasan yang telah dinyatakan dalam permasalahan dan kepentingan kajian. Sememangnya, kajian pilihan bahasa ini sangat sesuai untuk dijalankan di negeri Sarawak kerana ia mempunyai suku kaum yang pelbagai seperti suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau yang memilih satu bahasa perhubungan dan yang dapat digunakan bersama dalam aktiviti dan urusan sehari-hari di Sarikei. Semua suku kaum ini telah hidup bersama dan bergaul seperti tidak wujudnya pembahagian etnik dan menggunakan bahasa perantara yang sama. Oleh itu,

bahasa yang utama dipilih dalam kehidupan sehari-hari di bandar Sarikei oleh semua suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau merupakan bahasa perhubungan utama atau *lingua franca*.

BAB 2

LINGUA FRANCA DALAM KONTEKS KEPELBAGAIAN BAHASA

2.1 Pendahuluan

Banyak kawasan dunia didiami oleh penduduk yang menuturkan bahasa yang berbeza-beza. Dalam membicarakan tajuk *lingua franca*, kita tidak dapat lari daripada mengaitkannya dengan kepelbagaian bahasa dalam satu masyarakat majmuk. Oleh itu, perbincangan dalam Bab 2 ini merangkumi beberapa perkara yang utama untuk memahami *lingua franca*, iaitu definisi, kajian lepas, dan kepelbagaian *lingua franca*. Selain itu, dibincangkan juga mengenai perihal kepelbagaian bahasa di negeri Sarawak bagi memperjelaskan beberapa perkara yang berkaitan untuk dilihat kesesuaian dengan apa yang dimaksudkan sebagai kajian pilihan bahasa dan *lingua franca*.

2.2 Definisi *Lingua Franca*

Terdapat beberapa definisi yang telah dinyatakan oleh beberapa orang sarjana bahasa mengenai *lingua franca*. Menurut Samarin (1968: 661), *lingua franca* adalah,

“... a language which is commonly used by people whose native languages are different, we describe it as lingua franca”.

Merujuk kepada definisi Samarin itu, jelas bahawa *lingua franca* merupakan bahasa yang biasa digunakan oleh penutur yang berbeza-beza bahasa ibunda mereka. Selain Samarin, dalam pertemuan ahli pendidikan UNESCO pada tahun 1953 (dlm. Samarin 1968: 661) juga telah mengemukakan *lingua franca* sebagai:

“A language which is used habitually by people whose mother tongues are different in order to facilitate communication between them”.

Definisi ini juga menunjukkan *lingua franca* adalah satu bahasa yang biasa digunakan antara penutur yang berbeza-beza bahasa ibunda. Selain itu, Wardhaugh (1998: 55) menjelaskan bahawa mengenai *lingua franca* sebagai:

“People who speak different languages who are forced into contact with each other must find some way of communicating”.

Menurut Asmah (2007) pula,

“Lingua franca merupakan bahasa yang diketahui oleh kebanyakan penutur walaupun hanya pada peringkat yang asas sahaja”.

Definisi Asmah di atas menunjukkan *lingua franca* merupakan bahasa perhubungan yang digunakan oleh kebanyakan penutur dalam masyarakat tertentu walaupun bahasa tersebut hanya diketahui pada peringkat pengetahuan berbahasa yang asas.

Semua definisi *lingua franca* yang diberikan oleh sarjana-sarjana bahasa di atas telah jelas mengaitkan peranan *lingua franca* sebagai bahasa perhubungan utama dalam masyarakat pelbagai bahasa. *Lingua franca* juga boleh terdiri dari apa-apa sahaja

bahasa. Dengan adanya *lingua franca* dalam satu masyarakat pelbagai bahasa, masalah komunikasi antara mereka akan dapat diatasi.

2.2.1 Sistem Bahasa

Yang dimaksudkan dengan sistem bahasa ialah peraturan berkenaan dengan kod-kod bahasa, dan kod-kod itu adalah sistem bunyi, nahu dan perbendaharaan kata (Asmah 2005). Dalam hal sistem bahasa *lingua franca* dapat dirujuk apabila dua pihak yang tidak bertutur bahasa yang diketahui bersama berinteraksi, salah satu daripada beberapa penyelesaian untuk mengatasi masalah komunikasi antara mereka adalah menggunakan *lingua franca*. *Lingua franca* yang digunakan oleh dua pihak ini kemungkinan bahasa salah satu pihak yang berkenaan atau mungkin juga bahasa yang lain (bahasa ketiga) yang digunakan secara meluas di kawasan berkenaan atau mungkin bahasa baru yang terbentuk daripada campuran pelbagai unsur bahasa kedua-dua pihak berkenaan. Dalam hal pilihan bahasa seperti ini, bahasa-bahasa yang mungkin dipilih dan digunakan akan membawa kepada sama ada bahasa tersebut adalah bahasa tertentu ataupun kacukan dua bahasa atau lebih.

2.2.1.1 Bahasa Tabii

Pada peringkat awalnya, manusia berkomunikasi menggunakan bahasa tabii. Ada banyak bahasa tabii di dunia ini dan setiap orang mempunyai satu bahasa tabii. Bahasa

tabii yang awal bagi seseorang adalah bahasa ibunda atau bahasa pertamanya. Umumnya, maksud bahasa tabii ialah satu bahasa yang dipelajari oleh kanak-kanak sejak mereka lahir lagi, seperti bahasa Melayu dipelajari oleh kanak-kanak Melayu, bahasa Mandarin oleh kanak-kanak Cina dan bahasa Tamil oleh kanak-kanak Tamil.

Dari segi penggunaannya, bahasa tabii tidak pernah seragam. Bagi sesuatu perkataan, bunyi atau ayat tertentu, penutur yang berbagai-bagai akan mengucapkan bentuk atau pewujudan perkataan atau ayat itu dengan berbagai-bagai cara. Kita dapat perhatikan hal ini semasa dua atau tiga orang penutur sedang berkomunikasi. Perbezaan-perbezaan dalam pewujudan sesuatu bahasa tertentu seperti yang dikatakan itu melahirkan kelainan-kelainan bagi bahasa tabii, dan kelainan ini lebih dikenali sebagai dialek atau loghat (Trudgill 1990).

Menurut Asmah (2004: 138-139), sistem bagi satu bahasa tabii sama seperti bahasa standard yang berevolusi dari salah satu dialek yang sudah sedia ada dalam komuniti bahasa berkenaan. Dengan itu, Asmah menegaskan bahawa bahasa standard bukanlah bahasa yang dibuat-buat. Contoh bahasa tabii ialah bahasa Melayu standard di Malaysia. Bahasa Melayu standard lebih banyak persamaannya dengan dialek Johor dibandingkan dengan dialek-dialek yang lain kerana dialek juga merupakan bahasa tabii, bukan hanya sebagai bahasa standard.

Oleh itu, bahasa standard akan menghasilkan bahasa yang unggul. Dalam kata lain, bahasa tabii seperti ini adalah pewujudan keunggulan bahasa dan dengan itu terletak di tingkat atas dalam semua variasi bahasa. Dari segi linguistik, khususnya dari

segi sistem dan struktur bahasa, tidak ada bahasa atau variasi bahasa yang lebih unggul daripada bahasa atau variasi yang lain. Jika bahasa standard dianggap lebih unggul daripada bahasa atau variasi bahasa yang lain, maka ini disebabkan nilai sosial yang diberi kepadanya oleh penutur dari semua variasi (Asmah 2004: 124).

Bahasa standard melambangkan taraf tinggi dalam penggunaan sesuatu bahasa sebagai salah satu sistem komunikasi yang “natural” (bukan dibuat-buat), yang dipilih dari satu pilihan yang ada dalam perbendaharaan kelainan atau variasi bahasa dalam sesuatu komuniti bahasa tertentu (Asmah 2004: 123). Bahasa standard juga merupakan titik tolak dalam pemilihan variasi-variasi yang ada bagi sesuatu bentuk bahasa. Dengan itu, bahasa standard mempunyai sifat yang fleksibel, bukan bersifat tegar.

2.2.1.2 Bahasa Kacukan

Bahasa kacukan lahir di tempat-tempat yang merupakan tumpuan pelbagai bangsa dan tempat-tempat pada amnya merupakan tempat perdagangan, seperti pelabuhan dan pasar. Bahasa kacukan juga mula mendapat kewujudannya di ladang-ladang besar yang pekerjaanya terdiri daripada pelbagai bangsa yang masing-masing mempunyai bahasa ibunda tersendiri, dan dengan itu mereka memerlukan satu bahasa perantara atau *lingua franca* untuk menjalankan kehidupan sehari-hari (Asmah 2008: 219).

Di alam Melayu, proses pengacukan berlaku di pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Tanah Melayu dan di pulau-pulau yang dikenali sebagai Kepulauan Melayu. Di pulau-pulau inilah pedagang-pedagang dari Barat dan Timur datang untuk bertukar-tukar barang berabad-abad lamanya. Bahasa perantara bagi mereka pada asasnya bahasa Melayu yang merupakan *lingua franca*, yang lama-kelamaan bertokok tambah secara liberal dengan unsur-unsur daripada bahasa luar rumpun. Pengaruh daripada bahasa luar rumpun ini memberi kesan terhadap sistem dan struktur bahasa Melayu yang sedia ada, sehingga apa yang kedengaran dari tutur demikian adalah satu jenis bahasa komunikasi yang tidak seluruhnya sama dengan bahasa Melayu (Asmah 2008: 219).

Bahasa kacukan boleh dibahagikan kepada dua jenis: bahasa pasar atau bahasa pijin di satu pihak, dan bahasa Kreol di pihak yang lain. Setiap satunya itu mempunyai ciri-ciri linguistik tersendiri, yang boleh dikenal pasti, serta ada situasi dan konteks penggunaannya, dan golongan penuturnya. Sistem bahasa kacukan pada sesuatu bahasa memberi dimensi baru kepada *lingua franca* dan berbeza dengan sistem bahasa tabii. Sifat campuran pada satu-satu bahasa kacukan telah mengungkap pengertian bahawa bahasa tersebut akan mengandungi unsur-unsur bahasa tabii pada peringkat awalnya daripada beberapa bahasa yang berlainan dan digunakan antara pelbagai kumpulan penutur yang berbeza-beza bahasa ibunda. Bahasa pijin adalah [bahasa](#) yang bertindak sebagai bahasa perhubungan yang digunakan oleh penutur pelbagai bahasa yang bertemu dan berhubung antara satu sama lain. Bahasa yang digunakan tidak semestinya salah satu bahasa asal kedua-dua pihak penutur tersebut.

2.2.1.2.1 Bahasa Pijin

Bentuk bahasa pijin berasaskan bahasa tabii, tetapi telah dipermudahkan oleh penuturnya (Asmah 2008: 219). Bahasa pijin tidak digunakan oleh komuniti bahasa sebagai bahasa asal, sebaliknya dipelajari kemudian. Oleh sebab sifatnya yang digunakan untuk tujuan perhubungan dan saling memahami tujuan perbualan, maka bahasa pijin mempunyai kosa kata yang terhad. Perkembangan bahasa pijin memakan masa yang lama kerana digunakan hanya untuk tujuan-tujuan tertentu.

Ahli bahasa yang terkemuka, Zainal Abidin bin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Za'ba mengenal pasti satu jenis bahasa kacukan sahaja, iaitu bahasa pasar. Dalam ilmu linguistik, istilah yang digunakan untuk bahasa pasar ialah bahasa pijin (Asmah 2008: 222).

Di bawah diperturunkan pengertian Za'ba bagi bahasa pasar.

Iaitu susuk atau bentuk bahasa Melayu yang terpakai dalam percakapan di antara orang Melayu dengan orang-orang bangsa lain di Tanah Melayu ini, dan di antara bangsa-bangsa lain itu dengan bangsa-bangsa lain yang bukan sebangsanya.

Demikian pula bahasa Melayu Baba-Baba Cina yang tiada berapa tahu bercakap Cina lagi tu; dan juga bahasa Melayu rendah yang pada masa dahulu dipakai di antara segala bangsa di Tanah Jawa dan lain-lain Pulau Indonesia, tetapi sekarang telah bertambah baik dan bertumbuh dengan pesatnya dinamai bahasa Indonesia.

(Asmah 2008: 222)

Dalam sumber yang sama, Za'ba memberi huraian tentang bahasa pasar, iaitu:

Bahasa yang demikian tentulah banyak kacukannya, kerana tiap-tiap bangsa yang menggunakannya itu ada mempunyai bahasa ibundanya sendiri, dan oleh itu apabila mereka bercakap Melayu banyaklah mengikut susuk bentuk bahasanya sendiri dan jalan nahunya sendiri, dan terkadang memakai bahasa ibunya itu sendiri, apalagi tentang pelatnya atau bunyi sebutannya sudah tentulah mengikut pelat lidah bangsanya masing-masing apabila menyebut perkataan Melayu itu.

(Asmah 2008:

222)

Bahasa Melayu pasar seperti di atas masih wujud pada hari ini, tetapi mungkin berkurangan jika dibandingkan dengan zaman Za'ba atau dengan dekad-dekad kemerdekaan. Ini disebabkan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum sudah menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan pengantar utama di sekolah. Jika ada pun kesan bahasa pasar, kesan itu tidak begitu ketara jika dibandingkan dengan keadaannya pada zaman sebelum kemerdekaan.

2.2.1.2.2 Bahasa Kreol

Bahasa Kreol merupakan lanjutan daripada bahasa pijin. Bahasa Kreol merupakan bahasa pijin yang telah menjadi bahasa ibunda serta merupakan bahasa pertama bagi sesebuah keluarga ataupun kelompoknya (Noriah dan Meriam 2005: 2-3). Penggunaan bahasa ini tidak terbatas kepada kelompoknya sahaja, malah turut ditiru sebutannya oleh masyarakat yang hidup bersama dengan kelompok masyarakat tersebut. Menurut Asmah (1991: 28, 2008: 219), bahasa Kreol adalah bahasa kacukan yang sudah mantap dan kacukan daripada sekurang-kurangnya dua bahasa. Bahasa Kreol menggambarkan fenomena percampuran bahasa yang lahir sebagai bahasa ibunda kepada sesuatu

komuniti, hasil daripada percampuran antara kaum, mungkin melalui perkahwinan campur yang berlaku dalam masa yang lama.

Istilah bahasa Kreol merujuk kepada bahasa Eropah dengan bahasa bukan Eropah, terutamanya bahasa Afrika (Asmah 2008: 219). Pemerhatian pengkaji-pengkaji bahasa di seluruh dunia mendapati bahawa fenomena bahasa kacukan berlaku di mana-mana sahaja terdapat percampuran pelbagai bangsa yang kemudiannya memperkembangkan bahasa kacukan mereka sebagai bahasa ibunda mereka. Dengan itu, rujukan bahasa Kreol tidak terhad kepada percampuran bahasa Eropah dengan bahasa Afrika sahaja.

Di alam Melayu, terdapat beberapa contoh bahasa Kreol yang merupakan percampuran bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa lain. Dalam hal ini, bahasa yang menjadi asas kacukan ialah bahasa Melayu, dan bahasa-bahasa lain boleh terdiri daripada bahasa Cina, Inggeris, Belanda, dan Portugis. Di Semenanjung Malaysia, bahasa Melayu Kreol yang terkenal ialah bahasa Baba Melaka (Asmah 2008: 220). Noriah dan Meriam (2005: 1) juga pernah meneliti penutur bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka (Sila lihat Bab 3 cerai 3.2.9).

2.2.1.2.3 Bahasa Rojak

Bahasa rojak juga merupakan salah satu daripada bahasa kacukan. Bahasa rojak ialah campur kod oleh masyarakat bahasa. Fenomena “rojak” ini biasanya terdapat dalam

pertuturan orang yang tahu dua bahasa, tetapi tahap kecekapan bagi kedua-dua bahasa itu tidak sama. Bahasa rojak di Malaysia merujuk kepada campur kod Melayu-Inggeris. Campur kod Melayu-Inggeris sudah tersebar dalam penggunaan bahasa di Malaysia disebabkan ramai orang Malaysia tahu bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kini, penggunaan bahasa Inggeris sudah meluas dalam kalangan masyarakat di Malaysia, tetapi penguasaan bahasa Inggeris mereka masih rendah. Kesukaran mengungkapkan idea sepenuhnya dalam bahasa tersebut mungkin merupakan salah satu faktor yang membawa kepada alih kod Melayu-Inggeris (Asmah 2008: 224).

Walau bagaimanapun, bahasa rojak ini telah menular dengan meluas di Malaysia (Asmah 2007: 13). Bahasa rojak merupakan alat perhubungan sosial antara manusia, sekiranya mereka yang terlibat itu bercakap dalam bahasa atau dialek yang tidak sama. Satu fenomena yang mungkin berlaku ialah pengaruh-mempengaruhi antara dialek dan bahasa berkenaan (Asmah 2008: 218-225). Menurut Asmah lagi, fenomena ini dikenali sebagai bahasa campuran antara masyarakat yang menuturkan bahasa atau dialek yang berbeza.

Asmah (2007:13) melihat bahasa rojak sebagai campur kod dan juga alih kod. Apabila kita bercakap tentang campur kod, yang dimaksudkan itu ialah wujudnya perkataan atau frasa dari bahasa lain atau asing dalam bahasa yang sedang dituturkan. Penulisan Asmah ini jelas menunjukkan bahawa bahasa rojak merupakan salah satu bahasa perhubungan yang penting.

Fenomena campur kod merupakan ciri yang sangat lazim dalam pertuturan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Fenomena ini melibatkan semua peringkat sosial dan suku kaum. Merujuk kepada konsep yang telah dikemukakan oleh Asmah, fenomena campur kod di Malaysia berkaitan dengan satu bahasa matriks, iaitu bahasa Melayu, dan oleh kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua, maka kod-kod dari bahasa Inggeris seolah-olah timbul dengan sendirinya dalam pertuturan mereka. Konsep alih kod pula merujuk kepada perseiringan kod yang lebih panjang daripada kata dan frasa. Ini bermakna kod yang terlibat adalah ayat, atau klausa. Ini merupakan petunjuk bahawa penutur yang menggunakan alih kod mempunyai pengetahuan yang lebih baik dalam bahasa kedua (Asmah 2007: 11-12). Jelaslah bahawa variasi pertuturan yang dinamakan bahasa rojak tidak lain daripada adunan alih kod dan campur kod.

Dalam perhubungan antara masyarakat pelbagai bahasa, sama ada bahasa pijin, Kreol atau bahasa rojak itu telah menjadikan setiap masyarakat yang tinggal bersama dapat berkomunikasi dan berinteraksi dengan baik dan berkesan. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa bahasa kacukan juga merupakan medium utama yang dapat memelihara hubungan antara masyarakat pelbagai bahasa ibunda.

Penjelasan dan perbincangan mengenai bahasa kacukan yang bercampur aduk sebagai *lingua franca* ini dilihat bukan sekadar bahasa yang digunakan antara masyarakat dan kelainan yang digunakan dalam sesuatu komuniti sebagai bahasa perhubungan sosial, tetapi juga sebagai keperluan yang tidak boleh ditiadakan dalam sesebuah masyarakat yang mempunyai pelbagai penutur bahasa ibunda yang berbeza. Bahasa kacukan sebagai *lingua franca* tidak hanya akan membawa identiti sesuatu masyarakat sahaja, tetapi lebih kepada satu komuniti dengan kerangka rujukan untuk

tujuan suai-kesan, dalam usaha pengguna-pengguna bahasa mencari norma atau pedoman dan sebagai bahasa perhubungan atau perantara yang utama.

2.3 Fungsi *Lingua Franca* Dalam Masyarakat Pelbagai Bahasa

Secara umumnya, *lingua franca* merupakan alat perhubungan sosial yang mempunyai fungsi seperti yang dijelaskan di bawah:

1. Bahasa perhubungan antara ahli masyarakat

Lingua franca yang berfungsi sebagai bahasa perhubungan antara ahli masyarakat dapat mempereratkan hubungan antara individu dan juga masyarakat sebagai bahasa komunikasi yang utama dalam menjalankan kehidupan sehari-hari. Sejarah telah membuktikan beberapa bahasa pernah mendukung peranan sebagai *lingua franca*, yakni satu bahasa yang dipersetujui untuk tujuan komunikasi. Bahasa Latin pernah menjadi bahasa pengantar pendidikan di sebelah barat sepanjang Zaman Pertengahan dan dikenali “*the lingua franca of Roman Empire and the western Christendom of the millennium*”. Bahasa Inggeris telah dikenali sebagai “*the lingua franca of the world*”. Hari ini, bahasa Inggeris digunakan di kebanyakan tempat dengan pelbagai tujuan, contohnya semasa seseorang itu sedang mengembara, dalam perdagangan, kewangan, dan perhubungan antarabangsa.

Lingua franca yang berfungsi sebagai bahasa untuk berkomunikasi merupakan bahasa yang paling cenderung dan kerap digunakan dalam komunikasi oleh satu-satu komuniti. Dalam masa yang sama, setelah sesuatu bahasa itu cenderung digunakan dan telah menjadi *lingua franca*, ada di antara bahasa-bahasa yang dipilih itu akan menjadi bahasa rasmi ataupun bahasa kebangsaan sesebuah negara. Contoh *lingua franca* yang telah menjadi bahasa rasmi dan kebangsaan adalah bahasa Swahili di Tanzania dan bahasa Tok Pisin (*Talk Pidgin*) di Papua New Guinea. Bahasa Tok Pisin telah mengambil alih peranan 700 bahasa vernakular yang berbeza-beza di Papua New Guinea (Holmes 2001: 82-86).

Secara asasnya, fungsi sesuatu bahasa disebabkan oleh kelebihan bahasa tersebut sebagai alat untuk berkomunikasi dalam kalangan penutur yang berbeza bahasa ibunda atau *lingua franca*. Setiap pengguna bahasa dalam satu masyarakat yang pelbagai bahasa ibunda akan mencari satu bahasa yang paling sesuai untuk digunakan sebagai bahasa perhubungan utama antara satu sama lain.

2. Bahasa Perdagangan

Sejak zaman berzaman penduduk di Kepulauan Melayu menjalankan perdagangan secara pertukaran barang. Pasti ada bahasa mereka gunakan sebagai bahasa perantara, dan bahasa ini ialah bahasa Melayu. Bahasa Melayu juga adalah bahasa yang digunakan oleh berbagai-bagai kaum di pusat perdagangan dan pelabuhan di kawasan ini. Apabila kuasa-kuasa Barat datang ke pusat perdagangan dan pelabuhan ini, mereka terpaksa menggunakan bahasa Melayu untuk berhubung dengan penduduk tempatan.

Dari situ timbulah peranan bahasa Melayu sebagai *lingua franca*, yang merupakan bahasa perantara utama di pusat perdangan (Asmah 2008: 14).

Setiap pedagang yang datang ke Melaka mestilah boleh bertutur bahasa Melayu bagi membolehkan mereka dapat berdagang dengan penduduk tempatan dan juga antara sesama pedagang. Pada abad ke-16 bahasa Melayu telah muncul sebagai bahasa ilmu, bahasa agama, bahasa undang-undang, bahasa ketatanegaraan dan bahasa diplomasi di samping sebagai bahasa perdagangan. Menurut Cheadar Alwasilah (1993: 59), sejak zaman Sriwijaya, alam Nusantara ini sudah disibukkan dengan perdagangan antara suku bangsa yang berbeza bahasa dan bahasa Melayu merupakan bahasa perhubungan yang utama. Hubungan perdagangan yang intensif ini akhirnya membentuk pijin; yang lahir kerana keperluan sosial khususnya perdagangan.

3. Bahasa Perhubungan Dalam Penjajahan

Lingua franca yang berkaitan dengan fungsi sebagai bahasa perhubungan dalam penjajahan disebabkan penjajah sentiasa mendesak dan mengutamakan bahasa mereka untuk digunakan oleh penduduk tempatan sebagai bahasa yang utama dalam pentadbiran dan pendidikan. Lama kelamaan, bahasa penjajah ini telah diterima oleh semua orang di tempat yang dijajah dan menjadi *lingua franca* (Holmes 2001: 82-86).

Fasold (1984) membahagikan penjajahan kepada dua jenis, iaitu penjajahan politik dan penjajahan ekonomi. Penjajahan politik berlaku apabila satu kumpulan

manusia menguasai kumpulan manusia yang lain yang tinggal di satu kawasan geografi. Penjajahan ekonomi pula berlaku apabila pengaruh sesuatu bangsa atau negara itu masuk ke dalam negeri yang lain melalui perdagangan dan bangsa atau negara ini menguasai perdagangan di negara tersebut tanpa campur tangan politik. Asmah (1992: 1-8) juga memberikan faktor penjajahan sebagai salah satu penyumbang kepada keadaan pelbagai bahasa di Malaysia. Contoh bahasa yang disebabkan oleh penjajahan di Malaysia ialah bahasa Portugis dan Inggeris.

4. Bahasa Diplomasi

Bahasa diplomasi merupakan bahasa yang digunakan dalam komunikasi politik antarabangsa dan hubungan antara negara. Bahasa Perancis pernah menjadi bahasa antarabangsa dalam bidang diplomatik “*the lingua franca of diplomacy*” pada suatu ketika dahulu, terutama dari abad ke-17 sehingga abad ke-20.

Seperti mana-mana bahasa, bahasa Melayu juga mempunyai sejarah masa lalu sebagai bahasa diplomasi. Bahasa diplomasi bahasa Melayu ini membawa maksud hubungan antara satu kerajaan lain dalam suasana persahabatan. Hubungan kerajaan-kerajaan Melayu (yang bahasanya bahasa Melayu) dengan kerajaan-kerajaan lain, misalnya antara kerajaan Ternate dan kerajaan-kerajaan di Pulau Jawa pada abad silam adalah melalui bahasa Melayu. Buktinya ialah surat-surat yang masih tersimpan di arkib dan perpustakaan di dunia hingga sekarang. Juga surat-surat antara raja Melayu dan raja atau kuasa Barat di kawasan ini menggunakan bahasa Melayu (Asmah 2008: 15).

5. Bahasa Persatuan

Bahasa Indonesia ialah merupakan bahasa persatuan dan [bahasa](#) rasmi [Republik Indonesia](#). Bahasa Indonesia sebagai bahasa Persatuan telah disebut dalam Sumpah Pemuda pada 28 Oktober 1928. Sungguhpun begitu, hanya sebahagian kecil dari penduduk Indonesia yang benar-benar menggunakannya sebagai bahasa ibunda. Masyarakat Indonesia lebih suka menggunakan bahasa daerah masing-masing sebagai bahasa yang utama seperti bahasa Melayu pasar, bahasa Jawa, bahasa Sunda, dan sebagainya. Untuk sebahagian besar masyarakat Indonesia lainnya, bahasa Indonesia sebagai bahasa kedua untuk menepati taraf rasmi bahasa Indonesia (Asmah 2003: 51-52). Di antara penduduk Yahudi pula, bahasa Yiddish telah lama digunakan sebagai *lingua franca* dalam apa juga urusan dan komunikasi harian penduduk Yahudi (Holmes 2001: 83).

2.4 Kajian Terhadap *Lingua Franca*

Bahagian ini menyoroti beberapa kajian yang telah dilakukan oleh beberapa sarjana mengenai *lingua franca*. Kajian yang agak mendalam dan lengkap mengenai *lingua franca* telah ditulis oleh Samarin (1968) dengan tajuk “*Lingua Franca of The World*”. Samarin telah menyatakan *lingua franca* wujud sama ada dari bentuk bahasa-bahasa tabii, bahasa yang dirancang ataupun daripada bahasa pijin. Menurut Samarin, *lingua franca* yang wujud daripada bahasa tabii adalah bahasa yang paling ramai sekali penuturnya di dunia. *Lingua franca* ini telah digunakan oleh berjuta orang dalam satu masa. Dengan merujuk kepada sejarah negara barat, terdapat tiga contoh bahasa tabii yang pernah menjadi *lingua franca*, iaitu bahasa *Greek (Koiné)*, Latin dan Perancis.

Lingua franca daripada bahasa yang dirancang pula wujud sejak 100 tahun yang lalu. Contoh bahasa yang pernah dirancang dan seterusnya menjadi *lingua franca* ialah bahasa *Ido* (hampir sama seperti bahasa Esperanto), bahasa *Novial*, bahasa *Frater* dan bahasa *Longlan*. Untuk merancang sesuatu bahasa agar dapat digunakan oleh ramai penutur walaupun bahasa tersebut bukan terdiri daripada bahasa pertama perlu mempunyai seorang pelopor atau ketua. Pelopor kepada setiap bahasa yang dirancang semestinya seseorang yang sangat setia kepada bahasa tersebut di samping mempunyai semangat kebangsaan yang kuat. Walau bagaimanapun, hanya sebilangan kecil sahaja bahasa yang dirancang itu berjaya mencapai taraf *lingua franca* (Samarin 1968).

Lingua franca yang berasaskan bahasa pijin merujuk kepada struktur dan perkembangan satu-satu bahasa tersebut. Menurut Samarin, perkembangan mengenai bahasa pijin telah diberi perhatian oleh ramai sarjana bahasa sejak beratus-ratus tahun dahulu lagi kerana hampir semua bahasa pijin di dunia ini adalah *lingua franca*. Samarin menegaskan bahawa bahasa pijin merupakan bahasa yang paling sesuai untuk menjadi *lingua franca*. Di bawah beberapa contoh bahasa pijin yang telah menjadi *lingua franca*:

1. Pijin Afrika – Bahasa-bahasa *Niger-Congos*

(*Bangala-Singala* – digunakan di Congo), *Fanagolo* (juga dikenali sebagai *Fanikalo*, *Chilapalapa*, *Mine Kafir*, *Isikula*, *Cikabanga*, *Cilololo*, *Cilungubo*: bahasa pidgin Zulu yang digunakan di tenggara Afrika), *Kituba* (juga dikenali sebagai *Kikongo*, *Kibulamatadi*, *Kikwango*: digunakan di Congo), *Sango* atau *Ngbandi* (digunakan di Republik Afrika Tengah), *Swahili* (digunakan di Tangayika dan kawasan berhampiran).

2. Pijin *Amerindian* – iaitu terdiri daripada *Chinook Jargon* (digunakan di kawasan sempadan Kanada dan barat daya Amerika), Pulau *Carib/Karina* (juga dikenali sebagai “bahasa orang lelaki”).
3. Bahasa Cina (digunakan di sempadan barat daya Indo-China)
4. Bahasa Inggeris (di negara Cameroon, China, Hawaii, Jamaica (juga dikenali sebagai *Caribbean* pijin), Melananesia, Sierra Leone, Saramakan dan Sranan).
5. Bahasa Perancis (digunakan di kawasan *Caribbean* (Haiti, *Louisian*, *Martinique*), Lautan India (Seychelles, pulau Mauritius) dan Vietnam)
6. Bahasa Portugis (digunakan di Afrika (*San Thomé, Principe, Cap Verde*), *Caribbean (Papiamento)* dan kawasan Timur (*Cochin, Malaya*))
7. Bahasa Sepanyol (digunakan di Filipina (*Banboo Spanish, Caviteño, Davaueño, Ermotaño, Ternateño* dan *Zambangueño*)).

(Wardhaugh 1998: 59-63)

Kajian Asmah (2006) di Lautan Hindi dan Pasifik menunjukkan perantaraan orang Melayu dari alam Melayu ke alam baru di Australia juga yang membawa *lingua franca* dari Banjarmasin, dan bentuk bahasa inilah kemudian mantap menjadi bahasa ibunda mereka. Bahasa Melayu ini mempunyai unsur-unsur daripada berbagai-bagai bahasa kepulauan Melayu dan juga unsur-unsur daripada bahasa Cina dan bahasa Papua.

Daripada apa yang Asmah telah katakan pada bahagian awal kajian ini, bahasa Melayu di benua Australia telah berfungsi sebagai *lingua franca* sejak abad ke 19. Bahasa Melayu ini telah dibawa dari Banjarmasin dan mempunyai unsur-unsur daripada berbagai-bagai bahasa kepulauan Melayu dan juga unsur-unsur daripada bahasa Cina dan bahasa Papua.

Dalam memperkatakan sejarah bahasa Melayu Kokos, Asmah memberi perhatian kepada proses-proses yang dilaluinya dalam menjalankan peranan sebagai alat komunikasi antara penuturnya, daripada sejarah awalnya sebagai *lingua franca* hingga kepada bahasa yang sudah ditandai oleh wujudnya diglosia. Bahasa Melayu ini dibawa dari alam Melayu bersama dengan penutur-penuturnya yang tidak semuanya terdiri daripada penutur asli bahasa Melayu, yakni Jawa, Sunda, Banten, Sumbawa, Papua dan sebagainya. Bagi kebanyakan penutur dalam kumpulan awal penghijrahan itu, bahasa Melayu yang pada mulanya adalah bahasa kedua mereka, beransur-ansur menjadi bahasa utama, yang kemudiannya menjadi bahasa ibunda kepada anak-anak mereka yang lahir di pulau Home. Pada masa itulah permulaan tumbuhnya akar umbi bahasa Melayu di kepulauan Kokos.

Selain kajian Asmah di kepulauan Kokos, beliau juga telah meneliti peranan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* di Malaysia. Bahasa Melayu adalah bahasa pilihan untuk menepati taraf bahasa kebangsaan negara Malaysia disebabkan peranannya sejak sekian lama sebagai *lingua franca* berbagai-bagai kumpulan etnik di kepulauan Melayu.

Dalam mengaitkan bahasa Melayu di Malaysia sebagai *lingua franca*, Asmah (1985) merujuk kepada wujudnya kepelbagaian bahasa di Malaysia yang terdiri dari beberapa rumpun. Selain itu, bahasa Melayu sudah menjadi bahasa pengantar di rantau ini dan bahasa-bahasa yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan bahasa Melayu, yakni yang termasuk dalam golongan Austronesia. Bahasa-bahasa ini adalah bahasa bumiputera di negeri Sabah dan Sarawak dan juga bahasa-bahasa di Indonesia dan Filipina.

Asmah menegaskan antara bahasa-bahasa bumiputera ini, bahasa Melayulah yang mempunyai jumlah pengguna yang paling tinggi sekali di Malaysia. Selain itu, sejak beratus-ratus tahun dahulu, bahasa Melayu sudah digunakan sebagai *lingua franca* dalam perdagangan di kepulauan Melayu. Pedagang-pedagang dari negara China, Arab dan India sejak abad ketujuh sudah menggunakan bahasa Melayu dalam menjalankan perniagaan mereka. Oleh itu, bahasa Melayu mempunyai sejarah yang agak lama digunakan sebagai *lingua franca* dan diterima di Kepulauan Melayu sebagai alat perhubungan yang utama.

Selain itu, kajian *lingua franca* di Malaysia juga telah diteliti oleh Abdullah Hassan (1989). Abdullah Hassan telah mengaitkan pentingnya *lingua franca* dengan penduduk pelbagai kaum di Malaysia. Umumnya, ada tiga kaum utama yang berlainan etnik, budaya dan agama di Malaysia, iaitu: Melayu, Cina dan India. Secara tidak langsung penduduk ini juga telah menuturkan tiga bahasa yang utama, satu bahasa bagi setiap kaum: Melayu bertutur bahasa Melayu, Cina bertutur bahasa Cina dan India

bertutur bahasa Tamil. Walau bagaimanapun, keadaannya tidaklah sedemikian, terutamanya dalam kalangan orang Cina dan India. Menurut Abdullah Hassan, di Malaysia bahasa Melayu telah berjaya menjadi satu bahasa perantara yang penting untuk berhubungan, iaitu dituturkan bukan hanya oleh kaum Melayu sahaja tetapi juga oleh kaum Cina dan India. Bahasa Melayu di Malaysia adalah bahasa yang luas tersebar. Bahasa ini telah menjadi bahasa perantara sama ada di Malaysia Barat atau Timur. Peranan bahasa Melayu ini telah diwarisi sejak berkembangnya empayar Sriwijaya di sekitar tahun 600 SM dan catatan pelayaran atau perdagangan orang Cina.


Kajian-kajian seperti yang telah dibincangkan oleh sarjana bahasa dalam penulisan mereka mengenai *lingua franca* telah membuka perspektif baru ke arah kajian selanjutnya di negeri Sarawak. Para sarjana ini bukan hanya memberi definisi *lingua franca*, tetapi menentukan fungsi dan peranan yang dimainkan oleh *lingua franca*. Kajian-kajian ini telah dengan memberi ruang untuk kajian pilihan bahasa sebagai *lingua franca* dilakukan di negeri Sarawak. Disebabkan peranan *lingua franca* dalam masyarakat yang pelbagai suku kaum sangat penting dan mempunyai kaitan secara langsung dengan negeri Sarawak dan sangat sesuai untuk dikaji sebagai kajian yang selanjutnya.

2.5 Kepelbagaian Bahasa Di Negeri Sarawak

Dengan penjelasan dan penerangan mengenai *lingua franca* dalam masyarakat yang pelbagai bahasa ibunda, bab ini juga akan menghuraikan mengenai suku kaum yang pelbagai di negeri Sarawak. Negeri Sarawak merupakan negeri yang terbesar di

Malaysia. Jumlah bahasa yang digunakan di negeri Sarawak adalah lebih kurang 40 bahasa. Bahasa-bahasa ini telah dituturkan di seluruh negeri Sarawak (Asmah 2004a: 32-37). Bahasa yang terdapat di negeri Sarawak adalah seperti bahasa Melayu, bahasa-bahasa suku kaum atau bahasa tempatan dan juga bahasa Cina. Bahasa suku kaum yang terbesar sekali di negeri Sarawak dikenali sebagai Malayik (*Malayic*). Bahasa Malayik ini merupakan bahasa yang paling dominan dengan kumpulan etnolingustik yang merangkumi setengah juta penutur, iaitu bahasa Iban. Bahasa Iban di negeri Sarawak digolongkan sebagai Malayik sama seperti bahasa Melayu dan juga bahasa Selakau. Kumpulan yang lain adalah bahasa Bidayuh, Melanau dan Kajang. Di bahagian utara negeri Sarawak pula terdapat bahasa Kayan, Kelabit, Kenyah, Penan, Mirik dan Bintulu.

Rajah 2.1 Bahasa-bahasa yang terdapat di negeri Sarawak.



Asmah (2004a: 30) dlm. *The Encyclopedia of Malaysia Vol. 9*.

Selain daripada bahasa suku kaum penduduk tempatan, terdapat juga bahasa yang lain bukan tergolong dalam kumpulan Malayik, iaitu bahasa Cina. Bahasa Cina di negeri Sarawak sama seperti bahasa Cina yang lain di Semenanjung Malaysia, iaitu Hokchiu (Foochow), Khek (Hakka), Kantonis atau Hokkien. Penutur Hokchiu (Foochow) dan

Khek (Hakka) adalah yang paling ramai jika dibandingkan dengan Kantonis dan Hokkien (Asmah 2004a: 31).

Bahasa-bahasa yang pelbagai ini merupakan bahasa-bahasa yang digunakan oleh pelbagai suku kaum di negeri Sarawak. Bahasa-bahasa ini merupakan bahasa ibunda setiap suku kaum tersebut. Rajah 2.2 telah menunjukkan secara jelas mengenai pecahan suku kaum yang terdapat di negeri Sarawak. Apabila masyarakat ini berinteraksi, mereka akan memilih satu bahasa dari bahasa-bahasa tersebut untuk digunakan bersama dalam komunikasi sehari-hari. Walau bagaimanapun, masih menjadi persoalan apakah bahasa yang paling utama yang dipilih oleh penduduk di negeri Sarawak untuk mereka dapat berhubung antara satu sama lain. Oleh yang demikian, dengan persoalan bahasa apakah yang dipilih sebagai *lingua franca* sangat bertepatan dengan kajian ini dan keadaan masyarakat, kedudukan kaum, dan komunikasi sehari-hari di negeri Sarawak.


2.6 Kesimpulan

Bahasa Melayu sebagai bahasa perantara di Malaysia, atau biasanya juga disebut sebagai bahasa Malaysia, menepati taraf bahasa rasmi dan kebangsaan. Selama beberapa abad, penutur bahasa Melayu telah menjadikan bahasa tersebut sebagai bahasa pengantar dalam hubungan antara kelompok atau *lingua franca*. Walaupun bahasa Melayu telah dibuktikan sebagai *lingua franca* di kepulauan Melayu, perlu dikaji dan dilihat kedudukannya sebagai *lingua franca* di negeri Sarawak. Masih menjadi persoalan yang perlu diberi perhatian sama ada peranan bahasa Melayu

sebagai *lingua franca* di negeri Sarawak sama seperti yang berlaku di Semenanjung Malaysia ataupun sebaliknya.

Secara keseluruhannya, *lingua franca* adalah bahasa yang dipilih dan digunakan untuk mewujudkan komunikasi yang berkesan dalam sesebuah wilayah yang didiami oleh ahli-ahli yang pelbagai bahasa ibunda dapat berkomunikasi tanpa berlaku apa-apa masalah. Telah difahami bahawa *lingua franca* adalah satu bahasa dalam versi tidak formal dan kurang mematuhi norma serta peraturan yang ditetapkan. Sesungguhnya versi inilah yang lebih berpengaruh dalam kehidupan sehari-hari kerana versi inilah yang rata-rata digunakan semua orang untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Secara tidak langsung, *lingua franca* telah memainkan peranannya sebagai asas penyatuan rakyat yang pelbagai etnik dan bahasa.

Rajah 2.2: Pecahan Suku Kaum Yang Terdapat Di Negeri Sarawak



Sumber: <http://ms.wikipedia.org/wiki/msyarakatSarawak>

BAB 3

TINJAUAN PUSTAKA PILIHAN BAHASA

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan kajian-kajian pilihan bahasa yang pernah diteliti oleh pengkaji lepas. Setelah melakukan tinjauan pustaka, banyak perkara telah dapat dirujuk terutamanya hal-hal yang berkaitan dengan teori, pendekatan, kaedah kajian dan pengolahan data pilihan bahasa sebagai rujukan dan ada di antaranya dapat diterapkan dalam kajian ini. Selain itu, dengan adanya tinjauan pustaka juga boleh diperolehi banyak maklumat penting mengenai kajian pilihan bahasa yang telah dilakukan.

Semua tinjauan pustaka yang dipaparkan dalam bab ini telah menampilkan banyak keistimewaan dan dapat dijadikan panduan dan acuan kepada kajian ini. Setiap kajian yang dinyatakan dalam bab ini akan diberikan ulasan pada bahagian yang seterusnya.

3.2 Kajian Pilihan Bahasa

Bagi memastikan latar belakang yang kukuh dalam usaha melaksanakan kajian ini, beberapa sorotan telah dibuat terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pilihan bahasa oleh sarjana-sarjana bahasa dalam dan luar negara. Secara umumnya, terdapat dua bentuk kajian yang telah dilakukan oleh sarjana-sarjana bahasa dalam kajian pilihan bahasa mereka, iaitu bersifat mikro dan juga makro. Kajian pilihan

bahasa yang bersifat mikro menekankan kepada penggunaan bahasa pada peringkat individu yang berinteraksi dan juga kajian dalam kelompok yang kecil. Kajian pilihan bahasa bersifat makro pula memperhitungkan distribusi perbezaan bahasa dalam masyarakat dan hubungannya dengan kelompok yang lebih ramai. Oleh itu, sekiranya satu kajian yang dilakukan merupakan kajian yang berorientasikan masyarakat atau tertumpu kepada meneliti proses sosial dan organisasi masyarakat, maka kajian tersebut merupakan kajian yang bersifat makro (Fishman 1972: 453).

Walau bagaimanapun, kajian pilihan bahasa ini tidak melihat kepada ciri-ciri kajian yang bersifat mikro yang melibatkan sistem dan struktur bahasa, tetapi hanya dilakukan berdasarkan domain. Kajian pilihan bahasa sebagai *lingua franca* ini meneliti pelbagai suku kaum yang menuturkan pelbagai bahasa sebagai bahasa perhubungan sehari-hari. Setiap suku kaum ini telah berhubung satu sama lain dengan memilih satu bahasa perhubungan yang utama. Domain adalah perkara yang berkaitan dengan situasi, perhubungan dan peranan, tingkah laku penutur serta kejadian bertutur yang terbentuk daripada beberapa gagasan seperti latar, peserta dan topik (Fishman 1991: 45). Secara lebih mudahnya, domain merupakan penggunaan pelbagai bahasa dalam konteks sosial atau latar yang bergantung kepada fungsi dan topik perbincangan dalam sesebuah komuniti (Fishman 1972: 247-251).

3.2.1 Fishman (1972, 1972a)

Penelitian awal terhadap kajian pilihan bahasa telah dilakukan oleh Fishman (1972: 435-453, 1972a). Fishman telah membincangkan beberapa perkara utama mengenai kajian pilihan bahasa seperti kajian yang bersifat mikro dan makro, konsep domain berlandaskan *who speaks what language to whom and when*. Fishman telah menggunakan domain sebagai satu kaedah yang khusus dan sesuai untuk mendapatkan maklumat atau data pilihan bahasa dalam masyarakat yang pelbagai bahasa.

Secara umumnya, kajian Fishman ini telah meneliti mengenai pilihan bahasa dengan tingkah laku individu. Setiap orang akan memilih satu bahasa tertentu semasa mereka berkomunikasi dengan orang lain atau dalam masyarakat tertentu. Sandaran utama kajian pilihan bahasa oleh Fishman ialah konsep domain. Fishman telah menggariskan beberapa perkara penting mengenai domain untuk diterapkan sebagai kaedah yang sesuai dalam kajian pilihan bahasa. Fishman membayangkan akan terdapat beberapa domain yang berbeza-beza antara masyarakat yang pelbagai bahasa ibunda. Definisi domain oleh Fishman (1972) ialah:

Domains are defined in terms of institutional contexts or socio-ecological co-occurrences. They attempt to designate the major clusters of interaction situations that occur in particular multilingual settings. Domains enable us to understand that language choice and topic are related to widespread socio-cultural norms and expectations.

Konsep domain yang telah diketengah oleh Fishman ini telah disesuaikan oleh beliau daripada beberapa orang sarjana bahasa sebelumnya, terutamanya oleh Blom dan Gumperz (dlm. Fishman 1972: 435). Pada peringkat awal kajian pilihan bahasa, Blom dan Gumperz menganggap pola dan faktor-faktor pilihan bahasa hanya bergantung kepada satu sistem komunikasi dengan satu set peraturan. Fishman mempunyai pandangan yang berbeza dengan pendekatan yang telah digunakan oleh Blom dan

Gumperz ini kerana Fishman lebih menitikberatkan sistem pilihan yang lebih stabil atau sesuai dan tidak bergantung semata-mata kepada satu sistem komunikasi dengan satu set peraturan sahaja.

Fishman is here concerned with situations of language choice, as are Blom and Gumperz, but the focus and methods employed are instructively different. Blom and Gumperz treat norms and other factors all as dimension of one communicative system as input to a single set of rules. The potential for change in the situation is detected, but information as to the larger society and history is used as context to illuminate the set of rules itself.

Fishman, however is concerned with behavioral norm seen as jural rules and defined in sociological term as regularities which stand apart from individual behavior. He concentrates on a stable system of choice.

(Fishman 1972a: 435)

Fishman beranggapan bahawa sesuatu bahasa yang digunakan oleh satu masyarakat boleh berkembang dan tidak terikat dengan mana-mana peraturan yang sama.

Oleh itu, menurut Fishman dalam kajian beliau itu, sesuatu kajian pilihan bahasa perlu diteliti dalam skala yang lebih besar dan mempunyai tujuan untuk menghubungkan pilihan bahasa secara lebih spesifik atau dari sesuatu yang abstrak kepada satu lingkungan institusi atau aktiviti. Pendekatan yang digunakan oleh Fishman ini serupa dengan pandangan yang telah dikemukakan oleh William Bright (1966) (dlm. Fishman 1972: 436). Menurut Fishman, tidak ada set domain yang tetap yang dapat dijadikan asas untuk kajian semua bahasa kerana domain bergantung dengan budaya sesuatu masyarakat. Domain juga perlu merujuk kepada tahap-tahap fokus yang berbeza-beza mengikut keperluan penyelidik terutama dalam komuniti yang mempunyai pelbagai bahasa ibunda.

Pada tahap makro, domain merupakan satu konsep yang amat berguna untuk penghuraian fungsi bagi pilihan bahasa yang digunakan dalam masyarakat bahasa yang ramai jumlahnya. Apabila kita meninjau tentang pilihan bahasa, tentulah domain diperlukan agar kita dapat mengetahui bahasa yang digunakan dengan aktiviti komunikasi masyarakat yang pelbagai bahasa itu.

Dalam hal yang berkaitan dengan pilihan bahasa, Fishman merujuk kepada masyarakat yang pelbagai bahasa dan bahasa yang dipilih merupakan bahasa yang paling utama digunakan oleh semua ahli dalam masyarakat tersebut. Setiap masyarakat bahasa menuturkan banyak variasi atau ragam bahasa. Dalam beberapa hal, variasi bahasa yang berlainan itu mungkin mewakili bahasa dalam pekerjaan, minat, tempat, masa dan topik yang berlainan. Selain itu, terdapat juga bahasa yang mungkin mewakili kelas sosial (ekonomi, pendidikan, bangsa) yang berlainan dalam kalangan penduduk kawasan yang sama. Oleh itu, pilihan bahasa wujud apabila terdapatnya pelbagai bahasa dalam repertoire komunikasi sesuatu komuniti. Para penutur memilih salah satu bahasa sebagai keperluan mereka untuk dapat berinteraksi dan digunakan dalam konteks tertentu. Ini bererti penutur dalam sesuatu komuniti perlu mengetahui alternatif untuk memilih bahasa yang sesuai semasa mereka bertutur.

Selain domain, Fishman juga telah mengutarakan panduan untuk kajian pilihan bahasa, iaitu berdasarkan *who speaks what language to whom and when*. Memperhitungkan peraturan atau sistem bagi membuat ketepatan sedemikian adalah

sebahagian daripada tanggungjawab dalam menghuraikan pilihan bahasa dalam mana-mana kumpulan masyarakat yang pelbagai bahasa. Sekaligus, prinsip ini akan dapat menunjukkan bahawa pilihan bahasa berfungsi dalam masyarakat yang pelbagai bahasa. *Who speaks* merupakan penutur, *what language* merujuk kepada bahasa yang digunakan ketika bertutur, *to whom* pula adalah interkoluter, dan *when* adalah domain percakapan yang berlaku dalam konteks (yakni domain) yang bagaimana.

Oleh yang demikian, setiap pilihan bahasa yang ada digunakan dalam masyarakat seperti di Malaysia telah dikongsi bersama dan digunakan oleh setiap ahli masyarakat berkenaan. Menurut Asmah (1985: 3), bahasa tidak dapat dipisahkan dari orang yang menuturkannya. Sungguhpun pewujudan pertuturan itu adalah hasil kegiatan seseorang individu, tetapi bahasa tidak dapat wujud dalam sesebuah masyarakat jika tidak digunakan oleh sekumpulan individu dalam hubungan mereka satu sama lain.

Secara keseluruhannya, dapat difahami di sini bahawa pilihan bahasa adalah satu keperluan dalam hidup masyarakat yang pelbagai bahasa untuk mereka dapat berhubung dan digunakan bersama oleh semua ahli masyarakat dalam kehidupan sehari-hari. Pilihan bahasa merupakan kajian yang meneliti keupayaan sesuatu bahasa dipilih dan digunakan oleh masyarakat yang pelbagai bahasa.

3.2.2 Ervin-Tripp (1972)

Secara umumnya, penelitian Ervin-Tripp ini telah melanjutkan lagi perbincangan mengenai konsep domain dalam kajian pilihan bahasa. Kajian Ervin-Tripp mengaitkan tingkah laku verbal dengan pemegang peranan, topik, fungsi interaksi dan juga latar. Semua tingkah laku verbal ini akan mempengaruhi pilihan bahasa seseorang. Secara khususnya bagi beliau, pemegang peranan, topik, fungsi interaksi dan latar merupakan domain pilihan bahasa.

Menurut Ervin-Tripp domain pilihan bahasa yang berkaitan dengan peserta yang terlibat dalam komunikasi dipengaruhi oleh umur, jantina, pekerjaan, status sosio-ekonomi, asal, keturunan dan hubungan penutur dengan orang lain (seperti majikan-pekerja, suami-isteri). Topik pilihan bahasa pula merujuk kepada topik pekerjaan, sukan dan hal-hal semasa. Fungsi interaksi pula adalah berkaitan dengan sesuatu yang rutin dan biasa dilakukan oleh seseorang. Contoh rutin dan kebiasaan adalah ucapan menyapa, mengucapkan terima kasih, meminta maaf dan sebagainya. Latar pilihan bahasa pula berkaitan dengan masa dan lokasi sesuatu komunikasi. Latar boleh berubah sekiranya terdapat variasi baru semasa sesuatu komunikasi itu berlangsung. Pilihan bahasa akan berubah sekiranya pemegang peranan, topik, fungsi interaksi dan juga latar berubah di samping wujudnya perkara-perkara yang telah menghalang atau membatasi ketika sesuatu komunikasi itu berlangsung.

Kajian Ervin-Tripp telah menunjukkan bahawa dalam masyarakat yang dwibahasa, seseorang itu tidak akan dipengaruhi oleh dua bahasa yang berlainan secara sama rata. Pengetahuan dan kemahiran berbahasa seseorang dalam satu-satu bahasa

dengan kemahirannya dalam bahasa yang lain tidak sama. Satu bahasa mungkin dipelajari di rumah, dan satu lagi di sekolah, atau satu bahasa mungkin dipelajari semasa zaman kanak-kanak dan satu lagi bahasa dipelajari apabila telah dewasa. Selain itu, satu-satu bahasa itu juga digunakan ketika bersama keluarga, dan yang satu lagi digunakan di pejabat. Hal ini menunjukkan seseorang yang dwibahasa akan berkomunikasi menggunakan satu-satu bahasa berlandaskan situasi atau konteks yang berbeza-beza.

3.2.3 Holmes (2001)

Kajian Holmes pula berkaitan dengan pilihan bahasa dalam masyarakat yang pelbagai bahasa. Menurut Holmes, dalam masyarakat yang pelbagai bahasa, penutur akan memilih satu bahasa untuk digunakan sebagai bahasa perhubungan. Setiap pilihan bahasa dipengaruhi oleh faktor sosial, iaitu siapa dengan bercakap, konteks sosial, fungsi dan juga topik perbincangan. Pendekatan ini telah dibuktikan oleh Holmes sesuai untuk menghuraikan mengenai pilihan bahasa dalam masyarakat yang pelbagai bahasa yang besar sekiranya berlaku interaksi dalam keluarga, peserta yang berkaitan dengan interaksi tersebut adalah ahli keluarga, lokasi atau latar komunikasi itu adalah di rumah dan, topik yang dibincangkan adalah berkaitan dengan aktiviti kekeluargaan. Semua yang berkaitan dengan interaksi seperti ini ditentukan kerelevanannya dalam menghuraikan pola pilihan bahasa. Menurut Holmes, semua ini dikenali sebagai “domain”, konsep yang telah dipopularkan oleh Fishman (1972).

Menurut Holmes (2001: 23), domain adalah satu konsep yang umum untuk meneliti pilihan bahasa. Setiap domain bergantung kepada tiga faktor sosial, iaitu peserta, latar dan topik.

“Domain is clearly a very general concept which draws on three important social factors in codechoice – participants, setting, and topic. It is useful for capturing broad generalisations about any speech community.

(Sumber: Holmes (2001: 23)

Selain itu, domain juga akan dapat menentukan secara jelas apakah bahasa-bahasa yang digunakan untuk dibandingkan dengan bahasa yang lain dalam domain yang lain. Dengan itu, kita akan dapat mengetahui secara menyeluruh mengenai pilihan bahasa yang ada digunakan dalam masyarakat. Secara tidak langsung, konsep domain ini telah memudahkan penyelidik bahasa untuk membuat perbandingan pilihan bahasa dalam masyarakat yang pelbagai bahasa.

Holmes juga telah mengetengahkan beberapa faktor lain yang mempengaruhi pilihan bahasa, iaitu jarak sosial, iaitu sejauh manakah seseorang itu mengenali seseorang yang lain, adakah mereka berkawan atau tidak mengenali langsung dan juga mungkin adik-beradik. Selain itu, faktor status seseorang juga dapat menentukan pilihan bahasa seseorang, sama ada seseorang itu berstatus tinggi atau rendah. Faktor ketiga pula adalah mengenai hubungan antara seseorang dengan seseorang yang lain seperti guru-masyarakat, doktor-pesakit, tentera-orang awam dan sebagainya. Faktor yang seterusnya adalah berkaitan dengan faktor keformalan, iaitu berkaitan dengan situasi komunikasi. Seseorang akan memilih bahasa tertentu untuk digunakan dalam majlis yang formal dan bahasa yang lain dalam majlis yang tidak formal. Faktor yang terakhir adalah berkaitan dengan faktor fungsi bahasa. Faktor fungsi bahasa merujuk

kepada apakah matlamat sesuatu interaksi itu berlangsung, iaitu pilihan bahasa semasa mereka sedang merayu atau untuk memberi perintah. Semua faktor ini memberi kesan terhadap pilihan bahasa seseorang untuk digunakan dalam masyarakat.

Sebagai kesimpulan daripada kajian Holmes, penentuan domain berbeza-beza antara masyarakat yang berbeza latar belakang dan bahasa ibunda. Perbezaan ini disebabkan setiap masyarakat mempunyai amalan, budaya, cara hidup dan bahasa yang digunakan (biasanya berkaitan dengan bahasa pertama).

3.2.4 Grosjean (1982)

Grosjean membincangkan mengenai pilihan bahasa dalam masyarakat yang dwibahasa sebagai diglosia. Menurut Grosjean, seseorang yang dwibahasa akan mengetahui dua atau lebih bahasa. Grosjean menganggap dwibahasa juga wujud pada mereka yang hanya mengetahui satu bahasa kerana dalam satu bahasa juga terdapat perbezaan dari segi variasi. Sebagai contohnya, seseorang yang menukar bahasa yang digunakan dari bahasa kolokial ke bahasa formal.

Diglosia merupakan dua kelainan bahasa yang satunya lebih tinggi statusnya (ditanda sebagai H) berbanding bahasa yang lain (ditanda sebagai L). Bahasa yang tinggi (H) biasanya digunakan semasa kuliah agama, menulis surat rasmi, ucapan politik, kuliah di universiti, berita televisyen dan banyak lagi. Contoh bahasa rendah

(L) pula adalah ketika memberi arahan kepada pembantu rumah, pelayan restoran, pekerja bawahan serta ketika berbincang dengan ahli keluarga di rumah, bercakap dengan rakan karib dan juga rakan sekerja di pejabat.

Di samping itu, dalam kajian ini Grosjean telah mengenalpasti beberapa faktor yang menyebabkan pilihan bahasa dalam masyarakat yang dwibahasa. Faktor utama yang menyebabkan pilihan bahasa ialah latar, iaitu masa dan tempat. Faktor kedua adalah berkaitan dengan peserta, iaitu umur, jantina, pekerjaan, status ekonomi, keturunan, etnik dan hubungan seseorang dengan seseorang (pekerja dengan majikan, suami dengan isteri). Faktor seterusnya adalah berkaitan dengan topik komunikasi. Semua faktor pilihan bahasa ini telah menyebabkan seseorang memilih bahasa tertentu yang sesuai dengan latar, peserta dan topik komunikasi. Menurut Grosjean, sekiranya pilihan bahasa tidak wujud, penutur yang hidup bersama itu akan tersekat untuk berinteraksi dan berhubung satu sama lain.

3.2.5 Saville-Troike (1991)

Kajian yang seterusnya mengenai pilihan bahasa telah dilakukan oleh Saville-Troike. Saville-Troike telah menyatakan bahawa pilihan bahasa seseorang sangat bergantung pada konteks interaksi. Setiap penutur akan memilih satu atau dua bahasa serta disesuaikan dengan konteks interaksi. Setiap penutur dalam interaksi perlu mengenali atau mengetahui alternatif dan peraturan yang sesuai semasa mereka berkomunikasi.

Justeru itu, pilihan bahasa yang berlaku dalam satu-satu komuniti biasanya terdiri daripada bahasa-bahasa yang berlainan, seperti antara dialek kawasan dengan dialek sosial, dua atau lebih bahasa yang berlainan, laras yang berlainan dan juga kelainan saluran komunikasi. Pilihan bahasa seperti ini mempunyai kaitan dengan organisasi sosial sesuatu masyarakat, yang berkemungkinan mempunyai perbezaan dari segi umur, jantina, status sosial, perbezaan hubungan antara para penutur, matlamat komunikasi dan juga latar. Pilihan bahasa juga melibatkan perbezaan dari segi bahasa yang digunakan dalam pekerjaan, keagamaan, peniruan gaya percakapan, bahasa siulan atau gendang dan juga ragam-ragam yang digunakan untuk bercakap dengan orang-orang asing, kanak-kanak kecil serta binatang peliharaan.

Daripada apa yang telah dibincangkan dalam kajian ini, Saville-Troike mengaitkan pilihan bahasa yang berbeza-beza dalam masyarakat sebagai diglosia. Diglosia adalah satu situasi di mana dua atau lebih bahasa yang diketahui dan digunakan oleh seseorang. Dalam setiap peristiwa komunikasi, terdapat ragam tinggi (H) dan ragam rendah (L). Ragam (H) biasanya digunakan dalam bidang yang formal seperti pendidikan, pekerjaan dan pentadbiran, sementara ragam (L) pula digunakan dalam bidang yang tidak formal seperti semasa berinteraksi dengan ahli keluarga di rumah, rakan karib dan juga semasa membeli-belah seperti yang telah dibincangkan juga oleh Grosjean.

Oleh itu, Saville-Troike telah mengemukakan beberapa faktor yang dapat mempengaruhi pilihan bahasa seseorang. Faktor utama pilihan bahasa ialah topik.

Setiap perbualan itu wujud disebabkan satu atau berbagai topik. Topik biasanya dipilih mengikut peserta yang terlibat dalam interaksi dan menyebabkan interaksi itu menjadi lebih mesra dan lancar kerana topik yang dibicarakan sangat berkaitan dengan mereka yang berkomunikasi. Selain topik, faktor pilihan bahasa juga bergantung dengan latar (tempat dan waktu) seperti di pejabat, rumah dan tempat-tempat awam. Seseorang mungkin memilih bahasa yang formal semasa di pejabat dan memilih dialek atau bahasa ibunda semasa bersama keluarga di rumah. Faktor yang ketiga yang mempengaruhi pilihan bahasa ialah peserta. Faktor ini ialah berkaitan dengan umur, jantina dan struktur sosial mereka. Sesuatu pilihan bahasa perlu sesuai dengan umur seseorang sama ada mereka adalah sebaya, lebih tua atau lebih muda. Selain itu, faktor struktur sosial adalah perkara yang berkaitan dengan pangkat, status, pengetahuan, kebolehan dan gelaran.

Semua apa yang telah dibincangkan oleh Saville-Troike dalam kajian pilihan bahasa ini hampir sama dengan Fishman, Ervin-Tripp, dan Grosjean kerana mereka mengaitkan pilihan bahasa yang digunakan oleh seseorang itu sebagai diglosia. Walau bagaimanapun, faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa tetap sama seperti pengkaji yang lain, kerana pilihan bahasa itu telah dipengaruhi oleh topik, peserta dan juga latar. Secara keseluruhannya, dalam komunikasi yang memerlukan seseorang itu memilih bahasa dan memenuhi kesesuaian topik, peserta dan latar di samping juga bahasa itu perlu saling difahami supaya tidak kasar dan bersopan. Banyak masalah mungkin timbul sekiranya pilihan bahasa diabaikan dalam komunikasi kerana pilihan bahasa yang tidak sesuai akan menyebabkan mereka dianggap tidak menghormati orang lain.

3.2.6 Asmah (1982, 1998)

Asmah (1982) telah mengkaji pilihan bahasa dengan merujuk masyarakat yang berbilang bangsa di Malaysia. Hasil kajian Asmah telah menunjukkan semasa sesuatu komunikasi dalam kalangan masyarakat di Malaysia, wujudnya percampuran (*interference*) kod dan penukaran kod. Percampuran kod berlaku apabila sistem bahasa asing telah mempengaruhi sistem bahasa tempatan seperti wujudnya beberapa elemen asing berkemungkinan dalam bentuk fonemik, tatabahasa dan juga leksikal di dalam bahasa tempatan. Begitu juga dengan berlakunya peralihan kod apabila dua atau lebih ayat dari pelbagai bahasa digunakan oleh seseorang yang sedang berkomunikasi sama ada dalam situasi formal atau separa formal.

Selain daripada percampuran dan peralihan kod, kajian Asmah ini telah dilanjutkan dengan wujudnya bahasa pijin dalam masyarakat yang pelbagai bahasa. Bahasa pijin di Malaysia dilihat mengikut perbezaan antara kumpulan linguistik. Bahasa Melayu mempunyai pijin bahasa Melayu, begitu juga dengan bahasa Inggeris, Hokkien dan juga Kantonis (pijin Hokkien dan Kantonis merupakan yang terbesar di dalam masyarakat Cina). Dengan merujuk kepada kajian Asmah ini, dapat difahami bahawa fenomena pilihan bahasa di Malaysia berlaku dalam tiga bentuk, iaitu percampuran kod, peralihan kod dan juga pijin. Di Malaysia, pilihan bahasa dianggap sesuatu yang perlu apabila setiap rakyat Malaysia yang pelbagai bahasa sentiasa bergaul dan berinteraksi untuk memenuhi keperluan kehidupan sehari-hari setiap masa dan mana-mana sahaja bergantung kepada tiga bentuk.

Asmah (1998) pula mengkaji perkaitan antara identiti linguistik dengan individu dan kumpulan. Kajian ini dilakukan dalam kalangan pensyarah dan pelajar di Universiti Malaya. Dalam kajian ini, Asmah mendapati sebahagian responden menggunakan bahasa ibunda atau kelainan bahasa ibunda apabila berhubung dengan kumpulan atau bangsa sendiri. Namun begitu, terdapat juga responden berketurunan India yang menggunakan bahasa Inggeris di rumah. Dalam perhubungan antara etnik, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris atau percampuran dua bahasa itu digunakan. Dalam perhubungan antara etnik Cina dan India, mereka menggunakan bahasa Inggeris, dan begitu juga dengan orang Melayu yang mengetahui bahasa Inggeris. Bahasa Melayu pula digunakan apabila dalam sesuatu perbualan itu ada orang Melayu yang tidak tahu berbahasa Inggeris.

Dalam kajian ini, Asmah mendapati responden memilih untuk menggunakan sesuatu bahasa itu berdasarkan beberapa faktor. Faktor pertama adalah keefektifan; responden memilih bahasa yang paling efektif dengan interkoluternya, di sini berlaku penyesuaian dan kebolehan berbahasa interkoluternya. Faktor kedua ialah keselesaan, responden memilih bahasa yang selesa baginya dan juga bagi interkoluternya. Keselesaan ini mengurangkan jarak sosiopsikologi antara penutur. Untuk keadaan ini, dari hasil kajian ini beliau tidak menggunakan kelainan ini dalam perhubungan seharian. Mereka sebaliknya lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris Malaysia seperti orang tempatan. Mereka merasakan jika mereka menggunakan kelainan Inggeris British maka akan menyebabkan ada jurang psikologi antara penutur dengan interkoluternya.

Faktor yang ketiga pula adalah keupayaan untuk menurut peraturan oleh pihak yang lebih berkuasa. Dalam upacara rasmi seperti mesyuarat, orang bukan Melayu lebih cenderung untuk menggunakan bahasa Melayu kerana mereka harus menurut peraturan dan dasar bahasa. Jika mereka tidak menurut peraturan ini, mereka boleh dikatakan melanggar dasar bahasa kebangsaan dan tidak mempunyai semangat kebangsaan. Keadaan ini berbeza pula bagi orang Melayu, mereka boleh tidak menurut dasar bahasa dengan cara menggunakan bahasa Inggeris. Disebabkan mereka adalah orang Melayu, maka mereka tidak dianggap sebagai penentang dasar kerajaan.

Dalam kesimpulannya, Asmah menyatakan identiti linguistik individu bukan terjadi secara semulajadi. Ia berubah dengan perkembangan individu, persekitaran dan situasi penggunaan bahasa. Akibatnya, seseorang itu akan mempunyai beberapa identiti linguistik dengan kekuatan yang berbagai-bagai. Untuk tujuan politik, negara harus mempunyai identiti tunggal dengan itu responden menggunakan bahasa Melayu untuk menurut norma politik dan formal. Manakala dalam situasi tidak formal pula, mereka menggunakan bahasa Inggeris. Bagi golongan minoriti, bahasa ibunda mereka disisih oleh bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris dipilih dan bukan bahasa Melayu untuk menggantikan bahasa ibunda kerana bahasa Inggeris lebih berprestij dalam dunia yang lebih luas dan bahasa ini adalah lebih neutral, yakni berkecuali kerana tidak mewakili mana-mana kumpulan etnik di Malaysia dan dengan memilih bahasa ini bermakna mereka menjadi ahli tanpa halangan budaya.

3.2.7 Peter Martin (1995)

Bahagian tinjauan pustaka yang seterusnya ini membincangkan peranan bahasa Belait, khususnya hal pemeliharaan dan peralihan bahasa Belait dalam konteks komuniti bahasa (*speech community*) di Brunei Darussalam. Data-data mengenai pemakaian bahasa di Brunei Darussalam oleh Martin ini berdasarkan satu kajian yang menunjukkan akan pupusnya bahasa Belait dalam satu atau dua generasi lagi.

Secara lebih khususnya, kajian Martin ini berdasarkan suatu analisis beberapa orang informan yang setiap satunya daripada ibu bapa mereka mempunyai bahasa Belait sebagai bahasa ibunda. Butir-butir pertama yang disoal adalah berkenaan dengan latar belakang linguistik, iaitu bahasa pertama datuk nenek, ibu bapa dan anak-anak setiap informan itu. Tujuan ini adalah untuk menilai pemeliharaan dan peralihan bahasa di antara generasi. Informan-informan juga disoal dalam hal pemakaian bahasa semasa berinteraksi dengan saudara-mara dan sahabat handai.

Menurut Martin, di Brunei Darussalam data mengenai penggunaan bahasa pada masa lampau, terutamanya bahasa-bahasa minoriti sangat terbatas. Oleh itu, kajian yang bersifat diakronik, iaitu membandingkan bahasa pada dua waktu yang berlainan atau jangka masa yang berpanjangan, sukar dijalankan. Satu teknik yang dapat mengatasi masalah ini adalah menggunakan soalan-soalan retrospektif.

Selain daripada menyoal selidik informan-informan, data juga dikumpul dari pemerhatian (*observation*) di kampung Kiudang. Pada pendapat Martin, pengamatan data berdasarkan pengamatan membolehkan pengkaji mempertimbangkan cara memperolehi data dari soal selidik.

Hasil kajian Martin mengenai peralihan bahasa antara suku kaum Belait sedang berlaku. Martin menekankan dalam kajian ini bahawa adalah dari bahasa Belait ke dialek Melayu Brunei. Dialek Melayu Brunei mempunyai fungsi sosial yang penting bagi penduduk-penduduk di Brunei Darussalam. Dialek itu boleh dikatakan mempunyai beberapa keistimewaan seperti rasa perpaduan dan kemesraan yang tidak ada pada bahasa rasmi.

Martin telah membincangkan beberapa faktor yang menyebabkan peralihan bahasa dalam kalangan penutur-penutur Belait. Satu faktor yang penting adalah perpindahan kumpulan Belait dari kampung Kuala Balai. Akibat dari perpindahan ke pesisir pantai, ramai individu telah menganut agama Islam dan mempraktikkan ciri-ciri budaya daripada kumpulan Melayu Brunei.

Tidak dapat dinafikan bahawa perkahwinan antara suku kaum sedikit sebanyak mempengaruhi peralihan bahasa dari bahasa Belait ke dialek Melayu Brunei. Perkahwinan antara suku kaum bukan sahaja menyebabkan perhubungan sosial yang bergantung kepada pemilihan bahasa yang lebih luas penggunaannya. Kahwin campur

ini juga telah menentukan bahasa yang akan diajarkan kepada anak mereka sebagai bahasa ibunda.

Selain dari faktor-faktor di atas, pendidikan memainkan peranan dalam hal peralihan bahasa di Brunei Darussalam. Ibu bapa memilih dialek Melayu Brunei sebagai bahasa pertama-anak-anak mereka kerana pentingnya bahasa Melayu dalam sistem pendidikan di negara itu. Ibu bapa mengharapkan agar anak-anak mereka diberi pendedahan dalam bahasa Melayu sebelum memasuki alam persekolahan. Dengan kata lain, ibu bapa menyedari asas yang kukuh dalam bahasa Melayu adalah kunci kejayaan dalam bidang persekolahan.

Martin telah menegaskan bahawa dialek Melayu Brunei memainkan peranan yang sangat penting di Brunei bukan sahaja sebagai *lingua franca*, tetapi boleh dikatakan mempunyai fungsi sosial yang tinggi bagi penduduk-penduduk di Brunei Darussalam. Dialek ini menjadi tanda identiti sosial dan nasional Brunei Darussalam.

3.2.8 Noriah dan Meriam (2005)

Kajian Noriah Mohamed dan Meriam Abd Karim (2005) meneliti penutur Kreol bahasa Melayu Melaka. Kajian ini bertujuan menganalisis corak pemilihan bahasa dalam kalangan penutur bahasa ini berdasarkan domain-domain tertentu. Pendekatan domain Fishman (1972) telah dimanfaatkan untuk tujuan ini. Sebanyak tujuh domain, iaitu kejiranan, kekeluargaan, kejiranan dan persahabatan, keagamaan, jual beli (transaksi),

pendidikan, pekerjaan, dan pemerintahan telah digunakan. Secara keseluruhannya, hasil analisis dalam kajian ini mendapati bahawa bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka ini masih digunakan secara meluas dalam domain kekeluargaan dan keagamaan. Selain itu, kajian ini juga telah menganalisis sikap dan pandangan masyarakat Chetti terhadap penggunaan bahasa Melayu Kreol Chetti (BMKC), bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Melayu Kreol Nyonya, dan bahasa Melayu pasar dalam aspek-aspek tertentu. Berdasarkan kajian Noriah Mohamed dan Meriam Abd. Karim (2005: 8), seramai 60 orang informan daripada pelbagai latar belakang, umur, jantina, taraf pendidikan, dan taraf pekerjaan telah digunakan dalam kajian ini.

Berdasarkan data dan analisis yang telah dilakukan, dapat dirumuskan bahawa penggunaan bahasa dalam masyarakat Chetti Melaka memang mengikut domain-domain tertentu seperti yang telah disarankan oleh Fishman (1972). Bagi domain keluarga, adat dan agama, BMKC menunjukkan pengaruh yang dominan. Manakala bagi bidang-bidang pekerjaan dan pendidikan, ternyata bahasa Inggeris dan bahasa Melayu menunjukkan pengaruh yang penting. Apabila ditinjau tentang sikap dan pandangan terhadap BMKC, ternyata masyarakat Chetti masih menghargai bahasa ibunda mereka.

BMKC masih lagi menjadi bahasa yang penting dalam masyarakat Chetti. Walau bagaimanapun, pengaruh bahasa Inggeris semakin ketara dan boleh menggugat bahasa ibunda ini. Generasi tua semakin kurang bilangannya, manakala generasi muda semakin banyak menggunakan bahasa Inggeris dalam kebanyakan domain. Sekiranya bahasa Inggeris semakin meningkat dalam domain kekeluargaan dan keagamaan,

kemungkinan besar BMKC tidak dapat dipertahankan lagi dan mengalami pergeseran bahasa.

3.2.9 Roksana Bibi (2003)

Kajian Bibi Roksana adalah hasil kajian yang mendalam terhadap keadaan kebahasaan dalam kalangan orang-orang Melayu Singapura. Beliau melihat faktor-faktor dan juga proses-proses sosial yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam komunikasi subjek-subjeknya, dan juga faktor-faktor yang mendorong pengekalan bahasa Melayu.

Kajian Roksana Bibi telah menganalisis pengekalan dan pengalihan bahasa dalam kalangan masyarakat Melayu Singapura, yang merupakan kelompok minoriti yang terbesar di Singapura. Pelbagai perubahan dari segi sosio-ekonomi dalam masyarakat tersebut telah diambilkira dalam kajian beliau bagi memperolehi dapatan yang lengkap dan tuntas tentang pengekalan dan pengalihan bahasa. Kajian ini menggunakan dua instrumen, soal selidik berdasarkan teori rangkaian sosial, serta transkrip perbualan spontan dalam kalangan ahli keluarga dan sahabat handai responden.

Dapatan soal selidik Roksana Bibi menunjukkan bahawa pengalihan bahasa berpunca daripada sebahagian generasi kedua yang telah mula beralih pada bahasa Inggeris dalam interaksi lisan dengan ahli-ahli dari kelompok generasi ketiga. Faktor

sekitaran lain seperti pendidikan dan rangkaian sosial generasi ketiga merupakan punca utama berlakunya pengalihan kepada bahasa Inggeris.

Kajian etnografi Roksana Bibi bagi penggunaan bahasa dengan interlocuter yang pelbagai telah memaparkan satu pola yang menarik di mana generasi pertama majoritinya masih menggunakan bahasa Melayu, generasi kedua menggunakan bentuk yang bervariasi, bergantung kepada latar belakang dan umur interlocuternya. Majoriti generasi kedua menggunakan bahasa Inggeris apabila bertutur dengan generasi ketiga. Kelompok generasi ketiga menampakkan gejala pengalihan bahasa dengan begitu jelas sekali, terutamanya komunikasi mereka sesama rakan-rakan sebaya. Pengalihan ke bahasa Inggeris ini membayangkan sikap *utilitarian* dan pragmatik komuniti masyarakat Melayu Singapura yang mempunyai daya saing yang tinggi dalam pelbagai bidang, terutamanya pendidikan dan ekonomi.

3.2.10 Maya David (1996)

Kajian tentang pilihan bahasa dalam kalangan golongan minoriti di Malaysia telah dijalankan oleh Maya David (1996). Beliau telah mengkaji gejala pilihan bahasa dalam kalangan komuniti Sindhi di Malaysia. Komuniti ini merupakan bangsa Sindhi yang datang dari India pada awal abad ke-20 yang lalu. Mereka merupakan golongan minoriti yang hanya berjumlah 600 orang sahaja yang tinggal di sekitar Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Pulau Pinang.

Maya David telah membahagikan responden kepada tiga generasi. Generasi pertama (G1) adalah golongan yang berumur antara enam puluh hingga tujuh puluh tahun. Mereka adalah golongan yang mula-mula datang ke negara ini. Generasi kedua (G2) pula adalah anak kepada generasi kedua. Mereka berumur dalam lingkungan akhir tiga puluhan. Golongan ini mendapat pendidikan Inggeris di negara ini dan merupakan golongan profesional seperti doktor dan peguam. Generasi ketiga (G3) pula adalah anak-anak generasi kedua, mereka ini mendapat pendidikan dengan menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu.

Hasil daripada kajian ini mendapati G1 masih menggunakan bahasa Sindhi dengan rakan-rakan segenerasi dan berlaku tukar ganti kod dengan bahasa Inggeris. Mereka menggunakan bahasa Sindhi dengan tukar ganti dengan bahasa Inggeris dan Melayu apabila berhubung dengan generasi yang lebih muda. Bagi responden wanita dalam generasi ini, mereka lebih gemar menggunakan bahasa Melayu dengan generasi yang lebih muda. G2 pula cenderung menggunakan bahasa Inggeris dengan percampuran bahasa Sindhi. Dalam G3 pula, bahasa Sindhi amat kurang digunakan. Mereka lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

Secara keseluruhannya, didapati komuniti Sindhi di Malaysia, bahasa Sindhi telah mula kurang digunakan oleh mereka. Dalam perhubungan antara generasi, mereka lebih senang menggunakan bahasa Inggeris dengan tukar ganti kod dengan bahasa Melayu. Perkataan dari bahasa Sindhi tetap ada dalam perbualan yang menggunakan bahasa Inggeris mahupun bahasa Melayu dalam kalangan G1 dan G2, terutamanya dalam bidang yang bersangkutan dengan budaya dan agama. Maya David

menjangkakan bahawa bahasa Sindhi sebagai bahasa komunikasi dalam komuniti ini akan pupus dalam tempoh dua puluh hingga tiga puluh tahun lagi apabila G1 sudah tiada lagi. Komuniti Sindhi dilihat tidak mampu untuk mempertahankan bahasa ibunda mereka daripada pengaruh bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang merupakan dua bahasa terpenting di Malaysia.

3.2.11 Norazuna (2010)

Kajian Norazuna (2010) yang bertajuk “*Language choice of Bidayuh graduates in Kuching-Samarahan Division*” adalah satu kajian yang terkini mengenai pilihan bahasa. Kajian ini telah dijalankan di Bahagian Kuching dan juga Kota Samarahan negeri Sarawak. Kajian ini telah dilakukan disebabkan Norazuna merasa banyak bahasa-bahasa suku kaum yang minoriti di negeri Sarawak pada masa sekarang sedang diancam kepupusan, seperti bahasa Miriek dan Kelabit, termasuk juga bahasa Bidayuh. Di samping itu, peranan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang dilihat semakin dominan dan digunakan dalam banyak urusan seharian orang Bidayuh telah menyaingi bahasa Bidayuh sebagai bahasa sehari-hari. Kajian Norazuna ini meliputi dua aspek pilihan bahasa yang utama, iaitu mengenai anjakan bahasa dan juga pemeliharaan bahasa. Kajian ini telah meneliti pilihan bahasa dalam kalangan suku kaum Bidayuh yang berpelajaran tinggi sama ada mereka memilih bahasa Bidayuh ataupun tidak sebagai bahasa utama mereka ataupun telah menggunakan bahasa-bahasa yang lain selain bahasa Bidayuh.

Hasil analisis kajian Norazuna ini telah menunjukkan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu lebih banyak dipilih jika dibandingkan dengan bahasa Bidayuh oleh orang Bidayuh yang berpendidikan tinggi. Bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dipilih oleh orang Bidayuh yang berpendidikan tinggi disebabkan bahasa-bahasa ini dapat mengangkat status dan prestij yang lebih tinggi pada diri penggunanya. Melalui kajian yang telah dilakukan oleh Norazuna ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Bidayuh di Sarawak semakin kurang digunakan oleh suku kaum Bidayuh, terutama sekali mereka yang berpelajaran tinggi. Bahasa Bidayuh ini telah diganti oleh bahasa Melayu dan Inggeris sebagai bahasa yang utama dalam interaksi sehari-hari orang Bidayuh yang berpendidikan tinggi di negeri Sarawak.

3.3 Ulasan Tinjauan Pustaka

Merujuk kepada perhatian yang telah diberikan oleh para sarjana bahasa yang meneliti pilihan bahasa, dapat diketahui beberapa pendekatan dan kaedah yang sesuai untuk diketengahkan dalam kajian ini. Di antara pendekatan dan kaedah yang utama kajian pilihan bahasa oleh sarjana bahasa ialah berkaitan dengan konsep domain. Penggunaan domain dalam kajian pilihan bahasa merupakan satu kaedah yang dapat menunjukkan pilihan bahasa yang dipilih secara lebih spesifik dan khusus dalam sesuatu masyarakat. Oleh itu, untuk menentukan pilihan bahasa terutamanya dalam komunikasi sesuatu masyarakat perlu berlandaskan domain agar kajian yang dijalankan itu lebih berkesan dan lancar. Konsep domain telah banyak disentuh dan dibincangkan oleh Fishman (1972), Ervin-Tripps (1972), Saville-Troike (1991) dan Holmes (2001).

Dalam masyarakat yang dwibahasa dan pelbagai bahasa, pilihan bahasa akan berlaku dengan melibatkan beberapa bahasa pertama yang berbeza-beza dan ada antara bahasa atau bahasa-bahasa tersebut dipilih sebagai pilihan bahasa yang utama, kedua dan seterusnya. Pilihan bahasa dalam masyarakat yang dwibahasa dan pelbagai bahasa banyak disentuh oleh Grosjean (1982), Asmah (1982), Holmes (2001), Fishman (1972) dan Ervin-Tripps (1972).

Masyarakat yang tinggal di negeri Sarawak dilihat sesuai untuk dilaksanakan kajian pilihan bahasa seperti yang pernah dilakukan oleh para sarjana bahasa sebelum ini. Terdapat beberapa sebab di negeri Sarawak sesuai dengan kajian pilihan bahasa, iaitu utamanya negeri Sarawak mempunyai pelbagai suku kaum yang menuturkan bahasa-bahasa yang berbeza-beza. Setiap suku kaum ini memilih satu bahasa atau lebih sebagai bahasa perhubungan dalam kepelbagaian bahasa yang mereka miliki. Bahasa yang dipilih itu merupakan satu bahasa yang dapat menyampaikan maklumat dan fikiran dengan tepat dan difahami oleh semua suku kaum tanpa berlaku masalah semasa berkomunikasi. Perkara yang paling utama adalah bahasa yang dipilih itu tidak menjejaskan semangat perpaduan antara mereka.

Pendekatan domain memudahkan kajian pilihan bahasa. Dengan adanya domain, semua maklumat atau data dari percakapan akan membantu untuk menerangkan mengenai perbezaan dan persamaan pilihan bahasa secara keseluruhan. Fishman menganggap domain sebagai kunci utama untuk menghubungkan secara

spesifik mengenai pilihan bahasa dalam satu komuniti dan juga membandingkan pilihan bahasa antara komuniti yang dikaji.

Memang penting untuk mengkaji komunikasi masyarakat atau individu yang pelbagai bahasa kerana banyak yang perkara baru akan dapat diketahui dan ditonjolkan. Kajian mengenai masyarakat yang pelbagai bahasa juga penting kerana melalui komunikasi yang menggunakan bahasa akan dapat menunjukkan banyak hubungan sosial antara dua atau lebih komuniti bahasa.

Dalam bab ini, yang ditinjau ialah kajian yang dilakukan terhadap bahasa atau variasi bahasa yang dipilih oleh ahli-ahli masyarakat pelbagai bahasa apabila mereka berhubung satu sama lain. Masyarakat yang dipilih untuk tesis ini ialah masyarakat di bandar Sarikei yang terdiri daripada suku-suku kaum Melayu, Iban, Cina, Melanau, dan pasangan kahwin campur. Dengan itu, bab-bab analisis yang berikut akan memberi tumpuan kepada pilihan bahasa dan variasi dalam konteks domain-domain tertentu.

Berhubung dengan batasan kajian seperti yang disebut ini, ciri-ciri aspek bahasa seperti pemilihan ungkapan, kata-kata dalam konteks tertentu dan, ayat tidak diberi analisis linguistik. Analisis yang seperti itu memerlukan kajian yang tersendiri. Walau bagaimanapun, contoh-contoh percakapan responden dalam kajian diutarakan di mana relevan sebagai contoh pilihan bahasa mereka. Lebih banyak contoh ada diberi dalam bahagian Lampiran 8, 9, 10 dan 11.

3.4 Kesimpulan

Dalam masyarakat yang pelbagai suku kaum akan berlaku persaingan untuk menjadi bahasa perhubungan sehari-hari. Bahasa yang dipilih akhirnya akan menjadi *lingua franca* hasil daripada interaksi dan perhubungan dalam komuniti yang pelbagai bahasa. Selain itu, tinjauan pustaka jelas menunjukkan setiap kajian mempunyai tujuan yang khusus dan mempunyai sesuatu yang ingin ditekankan oleh setiap pengkaji.

BAB 4

KERANGKA TEORI METODOLOGI

4.1 Pendahuluan

Metodologi atau kaedah penyelidikan merupakan segala langkah dan prosedur yang perlu diambil untuk mencapai matlamat, tujuan dan objektif kajian. Bahagian metodologi ini merupakan bahagian yang akan mengemukakan kaedah atau teknik untuk mendapatkan data dan juga memproses data. Data yang dikumpul dan dianalisis akan menentukan sama ada permasalahan, objektif dan persoalan kajian ini relevan ataupun tidak.

Dalam menjalankan kajian ini, dua kaedah digunakan untuk mendapatkan data pilihan bahasa, iaitu,

1. Kaedah Soal selidik – menggunakan borang
2. Kaedah Temu bual dan rakaman - bersemuka

Semua kaedah yang digunakan merupakan kaedah untuk mendapatkan maklumat kajian secara menyeluruh dalam kawasan yang luas atau meliputi jumlah responden yang besar. Pada bahagian yang seterusnya akan membincangkan proses kajian lapangan pilihan bahasa sebagai *lingua franca* yang dijalankan di bandar Sarikei. Di antara proses-proses yang penting dalam kajian lapangan pilihan bahasa ini ialah

mengenal pasti domain kajian, menyediakan soal selidik, temu bual, sampel kajian dan analisis data.

4.2 Teori Domain

Teori domain yang dikemukakan oleh Fishman (1972: 435-453) telah menghuraikan situasi pilihan bahasa dalam masyarakat bahasa, khususnya yang berlatar-belakangkan masyarakat pelbagai bahasa. Dalam hal ini, huraian Fishman (1972: 435-436) bertumpu kepada penelitian hubungan aspek linguistik dengan kategori sosial. Secara khususnya, domain bermaksud rumpun sosial yang secara tipikal dikawal oleh set rumus perilaku yang lazim atau sebaliknya. Kaitan antara kedua-dua unsur digambarkan dalam definisi domain yang diutarakan oleh Fishman (1972: 442) di bawah:

...regardless of their number, in terms of institutional contexts and their congruent behavioral co-occurrences. They attempt to summate the major clusters of interaction that occur in clusters of multilingual setting and involving clusters of interlocutors. Domains enable us to understand that language choice and topic, appropriate though they may be for analyses of individual behavior at the level of face-to-face verbal encounters, are, as we suggested above, related to widespread socio-cultural norms and expectations.

Berdasarkan definisi yang dikemukakan di atas, topik, hubungan peranan dan tempat digabungkan dengan pilihan bahasa yang khusus, merupakan antara faktor penting yang menyumbang kepada pembentukan domain. Contohnya, jika seorang ibu dan anaknya bercakap tentang hal kekeluargaan dan rumah tangga (topik), dan tempatnya di rumah (latar), maka domain ini dinamakan domain keluarga.

Fishman (1972: 442) menyatakan banyak faktor yang menyumbang dan tergolong di bawah konsep domain, sesetengah daripadanya adalah lebih penting dan lebih mudah diteliti berbanding dengan yang lain. Selain Fishman, Asmah (1991a: 177) juga telah menyatakan bahawa antara faktor yang terdapat atau terjadi di sekeliling penutur yang menjadi asas kepada pembentukan domain ialah keadaan alam, jenis pekerjaan, makanan, sistem sosial dan budaya, unsur kesenian, adat istiadat, agama, pendidikan, jantina, dan daerah asal. Berdasarkan pentingnya faktor-faktor yang membentuk domain, maka jumlah domain dalam sesebuah komuniti berbeza antara satu sama lain. Sebagai contoh, Schmidt-Rohr yang membuat kajian terhadap penutur bahasa Jerman sebelum perang Dunia Kedua telah membahagikan domain dalam masyarakat tersebut kepada sembilan bahagian, iaitu domain keluarga, padang permainan dan jalan, sekolah, gereja, sastera, surat khabar, tentera, mahkamah, dan pentadbiran kerajaan (dlm. Gumperz dan Hymes 1972: 435).

4.3 Kajian Lapangan

Kajian lapangan merupakan kaedah yang paling sesuai untuk mendapatkan maklumat dan data pilihan bahasa suku kaum Melayu, Iban, Cina, Melanau dan pasangan kahwin campur di bandar Sarikei. Kajian lapangan dibuat dengan penyediaan soal selidik dan temu bual. Kajian lapangan mengumpulkan data secara terus daripada sekumpulan responden, dan dilakukan secara berperingkat, iaitu:

1. Kajian Rintis – untuk mendapatkan kefahaman daripada beberapa orang responden sama ada soal selidik yang disediakan itu dapat dijawab oleh mereka tanpa berlaku masalah. Sekiranya terdapat masalah, soal selidik yang digunakan akan diolah semula untuk kajian lapangan yang akan datang.
Semasa kajian rintis dilakukan, penentuan pilihan bahasa yang digunakan sehari-hari di bandar Sarikei oleh suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau juga akan dibuat untuk dimuatkan dalam soal selidik, walaupun pada peringkat kajian rintis hanya merujuk kepada bahasa ibunda suku kaum yang dikaji sahaja.
2. Mengedar Borang Soal Selidik – Menjalankan kajian untuk mendapatkan data pilihan bahasa oleh suku kaum Melayu, Iban, Cina, Melanau, dan pasangan kahwin campur.
3. Temu bual – Menjalankan temu bual dengan beberapa orang responden untuk mengesahkan dapatan soal selidik dan juga untuk mendapatkan maklumat faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa responden.

4.3.1 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dilakukan sebagai persediaan kerja lapangan. Perkara utama yang diperlukan semasa kajian rintis adalah untuk mendapatkan maklumat bahasa-bahasa yang ada digunakan di kawasan kajian (bandar Sarikei). Kajian rintis telah dilakukan dengan mengedar contoh soal selidik untuk menguji kefahaman responden terhadap contoh soal selidik yang telah disediakan. Beberapa bahagian akan diberi perhatian terutamanya untuk mencungkil maklumat pilihan bahasa yang digunakan oleh suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau.

Beberapa bahagian dalam borang selidik telah diolah semula hasil daripada kajian rintis. Setiap perkara telah diambil perhatian agar dapat memudahkan responden untuk menjawab soalan yang disediakan dalam borang soal selidik.

1. Arahan Soal Selidik Kajian Rintis

- Arahan Dalam Borang Selidik Semasa Kajian Rintis

Arahan:

1. Tandakan ✓ merujuk kepada bahasa yang anda pilih mengikut domain.
2. Jawab semua soalan.

- Arahan soal selidik yang telah dibaiki.

Arahan:

1. Tandakan ✓ merujuk kepada bahasa yang anda pilih mengikut domain.
2. Soalan soal selidik ini dibahagikan mengikut enam domain, iaitu keluarga, persahabatan, pasar dan kedai, bank, hospital dan klinik serta sukan dan riadhah.
3. Anda boleh menanda lebih dari satu jawapan sekiranya anda menggunakan beberapa bahasa dalam domain pilihan bahasa.

Pada peringkat kajian rintis, didapati beberapa orang responden agak keliru dengan arahan yang telah disediakan seperti yang ditunjukkan di atas. Dalam arahan tersebut tidak dinyatakan sama ada jawapan yang diperlukan hanya satu jawapan sahaja atau boleh lebih daripada satu, sedangkan rata-rata responden yang ditemui menggunakan lebih daripada satu bahasa sebagai bahasa perhubungan sehari-hari mereka apatah lagi semasa berkomunikasi dengan suku kaum yang lain.

Oleh yang demikian, setelah diambil perhatian terhadap perkara ini, beberapa penambahan yang telah dibuat pada bahagian tersebut. Arahan soal selidik itu telah dibaiki agar lebih jelas dan dapat difahami oleh responden.

2. Maklumat Pilihan Bahasa

Maklumat utama yang ingin dicapai semasa kajian rintis ialah mendapatkan bahasa-bahasa yang ada digunakan oleh suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di Sarikei. Pada peringkat kajian rintis ini, data pilihan bahasa yang digunakan secara amnya hanya merujuk kepada bahasa ibunda setiap suku kaum sahaja, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Cina, dan bahasa Melanau seperti yang ditunjukkan di bawah.

| Pilihan Bahasa Seharian | Tandakan ✓ |
|------------------------------------|-------------------|
| 1. Dialek Melayu | |
| 2. Bahasa Iban | |
| 3. Bahasa Cina | |
| 4. Bahasa Melanau | |
| | |
| 5. Bahasa yang lain selain di atas | Nyatakan ----- |

Hasil daripada kajian rintis, terdapat dua lagi bahasa selain bahasa-bahasa ibunda ada digunakan, iaitu bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Oleh

yang demikian, pada bahagian pilihan bahasa ini telah dibaiki dengan memasukkan bahasa rojak Melayu-Iban dan Melayu-Melanau seperti yang ditunjukkan di bawah.

| Bahasa Yang Dipilih | | Tandakan ✓ |
|----------------------------|--------------------------|-------------------|
| Responden | Dialek Melayu Sarawak | |
| | Bahasa Iban | |
| | BahasaCina | |
| | Bahasa Melanau | |
| | Rojak Dialek Melayu-Iban | |
| | Rojak Melayu-Melanau | |

Seterusnya, setiap soalan pilihan bahasa dalam borang soal selidik itu telah dibahagikan mengikut enam domain-domain pilihan bahasa, iaitu domain di rumah, persahabatan, kedai dan pasar, bank, hospital dan klinik serta sukan dan riadhah. Semua perkara ini telah diberi perhatian agar dapat memudahkan pengumpulan dapatan dan analisis pilihan bahasa yang lebih lengkap dan teratur. Di bawah ditunjukkan soalan-soalan pilihan bahasa mengikut domain yang telah ditetapkan.

| <i>Domain Di Rumah</i> | |
|-----------------------------------|--------------------------|
| <i>Bahasa Yang Dipilih</i> | <i>Tandakan ✓</i> |
| <i>Dialek Melayu Sarawak</i> | |
| <i>Bahasa Iban</i> | |
| <i>BahasaCina</i> | |
| <i>Bahasa Melanau</i> | |
| <i>Rojak Dialek Melayu-Iban</i> | |
| <i>Rojak Melayu-Melanau</i> | |

| <i>Domain Persahabatan</i> | |
|-----------------------------------|--------------------------|
| <i>Bahasa Yang Dipilih</i> | <i>Tandakan ✓</i> |
| <i>Dialek Melayu Sarawak</i> | |
| <i>Bahasa Iban</i> | |
| <i>BahasaCina</i> | |
| <i>Bahasa Melanau</i> | |
| <i>Rojak Dialek Melayu-Iban</i> | |
| <i>Rojak Melayu-Melanau</i> | |

| <i>Domain Kedai dan Pasar</i> | |
|---------------------------------|-------------------|
| <i>Bahasa Yang Dipilih</i> | <i>Tandakan ✓</i> |
| <i>Dialek Melayu Sarawak</i> | |
| <i>Bahasa Iban</i> | |
| <i>BahasaCina</i> | |
| <i>Bahasa Melanau</i> | |
| <i>Rojak Dialek Melayu-Iban</i> | |
| <i>Rojak Melayu-Melanau</i> | |

| <i>Domain Di Bank</i> | |
|---------------------------------|-------------------|
| <i>Bahasa Yang Dipilih</i> | <i>Tandakan ✓</i> |
| <i>Dialek Melayu Sarawak</i> | |
| <i>Bahasa Iban</i> | |
| <i>BahasaCina</i> | |
| <i>Bahasa Melanau</i> | |
| <i>Rojak Dialek Melayu-Iban</i> | |
| <i>Rojak Melayu-Melanau</i> | |

| <i>Domain Hospital dan Klinik</i> | |
|-----------------------------------|-------------------|
| <i>Bahasa Yang Dipilih</i> | <i>Tandakan ✓</i> |
| <i>Dialek Melayu Sarawak</i> | |
| <i>Bahasa Iban</i> | |
| <i>BahasaCina</i> | |
| <i>Bahasa Melanau</i> | |
| <i>Rojak Dialek Melayu-Iban</i> | |
| <i>Rojak Melayu-Melanau</i> | |

| <i>Domain Sukan dan Riadhah</i> | |
|---------------------------------|-------------------|
| <i>Bahasa Yang Dipilih</i> | <i>Tandakan ✓</i> |
| <i>Dialek Melayu Sarawak</i> | |
| <i>Bahasa Iban</i> | |
| <i>BahasaCina</i> | |
| <i>Bahasa Melanau</i> | |
| <i>Rojak Dialek Melayu-Iban</i> | |
| <i>Rojak Melayu-Melanau</i> | |

4.3.2 Kaedah Soal Selidik

Seramai 460 orang responden yang terdiri daripada suku kaum Melayu, Iban, Melanau, Cina, dan pasangan yang kahwin campur diminta untuk menjawab soalan-soalan dalam

borang soal selidik. Responden-responden ini dipilih secara rawak di Sarikei (Sila lihat Lampiran 3-7). Secara lebih terperinci, soalan soal selidik yang digunakan dalam kajian ini berbentuk soalan tertutup dan mengandungi jawapan aneka pilihan. Responden hanya perlu menanda (✓) jawapan berpandukan jawapan-jawapan pilihan bahasa yang telah disediakan.

Pendekatan domain terbukti mudah diurus berasaskan bukti-bukti empiris untuk mengkaji pilihan bahasa (Fishman 1972, Ervin-Tripp 1972, Holmes 2001, Noriah dan Meriam 2005). Dalam sesuatu masyarakat, domain merujuk kepada penggunaan sesuatu bahasa berdasarkan semua aspek sosial masyarakat tersebut. Dengan adanya domain, kajian pilihan bahasa yang dijalankan akan menghasilkan keputusan yang berfaedah dan menepati semua keperluan kajian. Analisis pilihan bahasa berdasarkan domain akan dapat diorganisasikan dengan lebih jelas di samping untuk menerangkan pilihan bahasa suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di Sarikei secara lebih khusus dan teratur. Tiap-tiap satu soalan dalam borang soal selidik menanyakan satu domain sahaja. Dengan itu, antara soalan yang dikemukakan kepada responden, tidak akan berlaku pertindanan domain dan dapat mengelak masalah kesukaran kepada para responden untuk memberikan interpretasi yang sewajarnya. Borang soal selidik ditulis dalam bahasa Melayu. Masa yang diambil untuk menjawab setiap soal selidik antara 15 hingga ke 20 minit sahaja.

4.3.2.1 Soal Selidik Pasangan Kahwin Campur

Soal selidik pasangan kahwin campur tidak melihat pilihan bahasa yang digunakan dari segi domain, tetapi melihat penggunaan dan pilihan bahasa secara keseluruhan. Pilihan bahasa yang diperlukan dari pasangan kahwin campur adalah pilihan bahasa antara suami dan isteri yang berlainan keturunan. Pilihan bahasa yang dikaji dari soal selidik pasangan kahwin campur adalah berdasarkan soalan pilihan bahasa secara am sahaja. Dalam hal ini, semua maklumat yang diperolehi untuk mengetahui pengaruh suami atau isteri semasa mereka berinteraksi. Contoh soalan soal selidik pasangan kahwin campur yang ditunjukkan di bawah (Rujuk Lampiran 6 untuk borang soal selidik yang lengkap).

| Bahasa Yang Dipilih | Tandakan ✓ |
|----------------------------|-------------------|
| Dialek Melayu | |
| Iban | |
| Rojak Dialek Melayu-Iban | |
| Rojak Melayu-Melanau | |
| Bahasa Cina | |
| Bahasa Melanau | |
| Bahasa yang lain. | Nyatakan..... |

Pilihan bahasa pasangan kahwin campur hanya menentukan bahasa yang digunakan dalam interaksi antara suami dan isteri yang berbeza suku kaum. Bahasa yang dipilih merupakan bahasa perhubungan sehari-hari dan menunjukkan bahasa yang utama digunakan semasa mereka berinteraksi dalam hal kekeluargaan di bandar Sarikei. Pilihan bahasa pasangan kahwin campur ini tidak merujuk kepada penggunaan bahasa yang dituturkan semasa pasangan ini berinteraksi dengan pelbagai suku kaum lain dan mengikut domain, tetapi hanya kepada bahasa perhubungan dalam keluarga, iaitu bahasa pertuturan antara suami dan isteri sahaja.

4.3.2.2 Domain dan Pilihan Bahasa Di Bandar Sarikei

Domain-domain yang dibentuk dalam kajian ini merujuk kepada tiga latar yang utama: keluarga, kawan dan jiran serta pekerjaan. Domain yang berkaitan dengan keluarga ialah domain di rumah. Domain yang berkaitan dengan kawan dan jiran ialah domain persahabatan, di kedai dan pasar serta sukan dan riadhah. Domain yang berkaitan dengan pekerjaan ialah di pasar dan kedai, di bank, di hospital dan klinik. Domain untuk aktiviti sukan dan kegiatan rekreasi merupakan domain sukan dan riadhah.

Untuk mendapatkan pilihan bahasa suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di Sarikei telah dibentuk enam domain yang telah disesuaikan daripada Fishman, Smith-Rohr, Parasher, Greenfield's (dlm. Fishman 1972: 435-453), dan Noriah dan Meriam (2005: 1- 42). Domain-domain yang dipilih ialah di rumah, persahabatan, di kedai dan pasar, di bank, di hospital dan klinik, serta sukan dan riadhah.

1. Domain Di Rumah

Domain di rumah merujuk kepada bahasa perhubungan yang digunakan oleh responden semasa di rumah. Peserta yang terlibat dalam domain di rumah ialah ahli keluarga seperti ayah, ibu, abang, adik, kakak, dan saudara-mara.

2. Domain Persahabatan

Domain persahabatan menunjukkan penggunaan bahasa oleh responden ketika mereka berkomunikasi dengan kawan-kawan dan jiran tetangga. Menurut Parasher (dlm. Fishman 1972), domain persahabatan adalah penggunaan bahasa perhubungan yang

lebih luas daripada di kawasan persekitaran rumah. Domain persahabatan ini biasanya dikaitkan dengan empat bentuk komunikasi:

- i. Komunikasi dengan kawan dan orang yang dikenali.
- ii. Pergaulan Sosial – dalam situasi yang tidak formal, bersahaja dan santai
- iii. Membincangkan masalah peribadi dengan kawan/rakan sekerja
- iv. Berhujah dengan kawan/atau rakan sekerja.

Menurut Noriah dan Meriam (2005: 25), domain persahabatan juga dikenali sebagai domain kejiranan dan persahabatan. Dalam domain persahabatan ini, maklumat yang diperlukan adalah bahasa yang digunakan oleh responden semasa mereka berkomunikasi dengan kawan dan jiran di kawasan kejiranan dan juga di tempat-tempat awam.

Domain persahabatan terbentuk dalam situasi perhubungan antara penutur dengan jiran dan sahabat. Perbualan berlaku dalam situasi tidak formal dan topik perbualan biasanya berkaitan dengan aspek kekeluargaan, pekerjaan dan gurau senda. Perhubungan antara peserta dalam domain ini biasanya mesra. Tempat berlakunya perbualan pula tidak menentu, yakni mungkin di rumah, di kedai kopi, di tepi jalan, atau di tempat-tempat berkumpul yang lain. Selain itu, jarak rumah mereka juga sangat berdekatan antara satu sama lain (Noriah dan Meriam 2005: 19).

3. Domain Kedai dan Pasar

Domain di kedai dan pasar pula berkaitan dengan bahasa perhubungan yang digunakan semasa responden membeli barang di kedai atau pasar. Domain ini telah disesuaikan daripada Fishman (1972) yang dikenali sebagai domain perniagaan sementara Noriah dan Meriam (2005: 26) sebagai domain jual beli dan transaksi. Situasi domain kedai dan pasar adalah tidak formal dan topik perbualan pula adalah tentang hal-hal semasa dan juga mengenai barangan keperluan yang hendak dibeli oleh responden.

4. Domain Di Bank

Domain di bank telah disesuaikan dari Parasher dan Greenfield (dlm. Fishman 1972). Parasher telah menggunakan istilah “pekerjaan” untuk merujuk kepada domain di bank. Selain itu, Greenfield’s menggunakan istilah “tempat kerja”. Domain di bank merujuk kepada bahasa yang digunakan oleh responden berinteraksi dengan pegawai bank yang sedang bertugas. Situasi di bank adalah formal dan topik perbualan pula berkaitan dengan urusan kewangan responden.

5. Domain Hospital dan Klinik

Domain di hospital dan klinik juga merujuk kepada penyesuaian domain “pekerjaan” oleh Parasher (dlm. Fishman 1972) dan juga Noriah Mohamed dan Meriam Abd. Karim (2005: 35) atau “tempat kerja” oleh Greenfield’s (dlm. Fishman 1972). Semasa responden berurusan di hospital dan klinik, mereka berinteraksi dengan jururawat dan doktor yang bertugas. Situasi di hospital dan klinik adalah formal dan topik perbualan adalah berkaitan dengan masalah kesihatan, ubat dan rawatan antara mereka.

6. Domain Sukan dan Riadhah

Domain sukan dan riadhah telah disesuaikan dari Schmidt-Rohr (dlm. Fishman 1972). Schmidt-Rohr menggunakan istilah "taman permainan" sebagai domain yang sama dengan sukan dan riadhah dalam kajian ini. Domain sukan dan riadhah adalah berkaitan dengan bahasa perhubungan yang dipilih oleh responden semasa mereka bersukan atau beriadah dan kawasan tumpuan adalah di padang bola sepak, dewan atau taman permainan dan taman-taman rekreasi.

Berlandaskan enam domain di atas, maka situasi atau latar yang digunakan berkaitan dengan pilihan bahasa dalam kehidupan dan aktiviti harian masyarakat di bandar Sarikei dan disokong oleh beberapa orang sarjana bahasa. Kajian pilihan bahasa ini akan dapat menentukan jumlah bahasa-bahasa yang dipilih di samping dapat menentukan *lingua franca* suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di bandar Sarikei.

Rumusan terhadap penggunaan enam domain kajian pilihan bahasa suku kaum yang pelbagai di Sarikei ini telah disesuaikan dari beberapa orang sarjana bahasa. Menurut Noriah dan Meriam (2006: 6),

Teori domain yang dikemukakan oleh Fishman telah menghuraikan situasi pemilihan bahasa dalam masyarakat pelbagai bahasa. Dalam hal ini, huraian Fishman bertumpu kepada penelitian hubungan aspek linguistik dengan kategori sosial. Konsep kunci yang digunakannya ialah domain yang bertujuan mengaitkan pemilihan bahasa yang spesifik kepada sfera dan institusi aktiviti yang umum, dalam sesebuah masyarakat atau antara masyarakat yang berbeza.

Saville-Troike (terj. Ajid 1991: 56) pula menegaskan,

Tidak ada set domain yang tetap yang dapat dijadikan sebagai keutamaan untuk semua komuniti bahasa kerana set-set aktiviti yang menjadi satu himpunan tujuan, hubungan-peranan, dan latar adalah khusus budaya. Tahap-tahap fokus yang berbeza juga didapati ketara dalam komuniti-komuniti yang berlainan.

Selain itu, Holmes (2000: 25) menyatakan,

I have used domains as useful summaries of relevant social factors, ... it is often necessary to examine more specific social factors.

Perlu diberi perhatian juga terhadap latar pendidikan sebagai domain pilihan bahasa. Walau bagaimanapun, domain yang digunakan untuk menentukan pilihan bahasa yang utama tidak dimasukkan latar pendidikan sebagai domain disebabkan dalam dalam latar pendidikan atau di sekolah di Sarikei, amat jelas dan dititik beratkan penggunaan bahasa Melayu standard. Penggunaan bahasa Melayu ini digunakan oleh murid/pelajar sekolah, guru dan juga ibu bapa yang berurusan di sekolah. Oleh yang demikian, latar yang melibatkan sekolah atau pendidikan tidak dimasukkan sebagai domain kajian ini.

4.3.3 Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual digunakan untuk mendapatkan maklumat pilihan bahasa dan juga faktor-faktor pilihan bahasa (Sila lihat Bab 7 untuk dapatan pilihan bahasa temu bual).

Temu bual dilakukan secara separa berstruktur dalam suasana yang tidak formal.

Pengumpulan maklumat menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur memerlukan perancangan yang teliti. Temu bual separa berstruktur memerlukan penemu bual menyediakan soalan terlebih dahulu, tetapi soalan itu perlulah direka bentuk agar terbuka dan soalan berikutnya tidak dapat dirancang kerana bergantung kepada jawapan daripada responden (Chua Yan Piau 2006: 113-116). Pengkaji juga boleh mengubah kedudukan atau susunan soalan, atau menukar soalan bergantung kepada jawapan yang diberikan oleh responden (Sila lihat Lampiran 13- Panduan soalan-soalan yang digunakan semasa temu bual). Pemilihan responden yang ditemu bual dipilih secara rawak dan tidak menggunakan temu janji terlebih awal. Setiap temu bual akan dirakam menggunakan alat rakam dan dijalankan dalam masa 10-15 minit.

4.3.3.1 Langkah-Langkah Temu Bual

Beberapa aspek perlu diberi perhatian agar temu bual berjalan dengan lancar di samping mengelak daripada berlaku masalah semasa temu bual berlangsung. Persediaan yang teliti sebelum temu bual dijalankan akan dapat menjamin setiap proses temu bual berjalan dengan lancar.

1. Persediaan Temu Bual

Pada peringkat awal temu bual dijalankan, pengkaji akan memberi maklumat asas dan gambaran ringkas tentang kajian yang dilakukan dengan responden. Maklumat asas dan

gambaran ringkas ini akan membantu responden untuk memulakan temu bual dengan lancar. Di samping itu, semua maklumat ini dapat membantu responden yang ditemu bual memberi jawapan seperti yang diperlukan. Bahasa pengantar temu bual ialah dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban. Dengan itu, akan disediakan soalan-soalan tertentu terlebih dahulu sebagai panduan pengkaji yang akan sentiasa disesuaikan dengan responden seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1 di bawah dan juga Lampiran 13.

Jadual 4.1 Panduan Menyediakan Soalan-soalan Temu Bual

| Bil. | Jenis Soalan | Penerangan | Contoh |
|-------------|---------------------|---|--|
| 1 | Pengenalan | Membolehkan pengkaji dan responden memperkenalkan diri. Memohon kerjasama dari responden agar dapat meluangkan masa, memberi maklumat dan bersedia untuk memberi jawapan kepada soalan temu bual | Pengkaji memperkenalkan diri dan menyatakan tujuan temu bual dilakukan. Menerangkan/ memperkenalkan diri anda/ abang/ pakcik/ makcik/encik/tuan- nama, suku kaum, kerja, umur dan sebagainya. |
| 2 | Transisi | Memperkenalkan topik yang hendak dikaji dan meminta respon responden terhadap pengetahuan asas mengenai topik yang dikaji | Apakah bahasa-bahasa yang biasa dipilih oleh responden? Di antara banyak bahasa-bahasa yang dipilih, apakah bahasa yang utama digunakan? |
| 3 | Kunci | Soalan utama yang akan menghasilkan jawapan kajian | Apakah bahasa yang biasa dan utama ini juga digunakan antara suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau semasa mereka berkomunikasi? Kenapa responden memilih bahasa yang digunakan itu? Soalan Lanjutan: Boleh perelaskan maksud yang diberikan anda tadi? Sekiranya responden adalah suku kaum Melayu/Iban/Cina/Melanau juga memilih bahasa yang dikatakan tadi? |

| | | | |
|---|---------|--|--|
| | | | Pada pandangan responden apakah faktor-faktor yang menyebabkan mereka memilih bahasa....? |
| 4 | Penutup | Memeriksa sekiranya responden mahu menambah maklumat | Adakah responden mempunyai apa-apa pandangan lagi mengenai pilihan bahasa dan juga sebab memilih sesuatu bahasa itu? |

Seorang pembantu penyelidik telah membantu semasa temu bual yang menggunakan bahasa Iban kerana pengkaji tidak begitu mahir berbahasa Iban. Pembantu penyelidik ini juga perlu seseorang yang sangat mahir untuk berbahasa Iban dan mengetahui banyak perkara dan latar belakang mengenai suku kaum Iban. Oleh yang demikian, dengan bantuan pembantu penyelidik ini telah melancarkan lagi sesi temu bual yang dijalankan dengan responden Iban tanpa berlaku apa-apa masalah yang boleh menjejaskan rakaman dan dapatan temu bual.

4.3.3.2 Dokumentasi Temu Bual

Temu bual merupakan perbualan antara penyelidik dan pembantu penyelidik dengan responden yang dirakam melalui alat rakaman. Setiap rakaman ini ditaip menggunakan komputer dalam bentuk transkripsi fonetik (Sila lihat Bab 7 dan juga Lampiran 8, 9, 10 dan 11). Setiap temu bual yang ditranskripsikan akan dianalisis mengenai pilihan bahasa dan juga faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa mereka.

Transkripsi fonetik yang digunakan adalah Abjad Fonetik Antarabangsa (*International Phonetic Alphabet*) (IPA). IPA merupakan sistem [transkripsi fonetik](#)

yang dicipta oleh para [pakar bahasa](#) dengan tujuan menawarkan kaedah yang seragam, tepat dan unik bagi mewakili bunyi-bunyi dalam mana-mana bahasa pertuturan, serta juga sering digunakan hari demi hari oleh para pakar bahasa, ahli [patologi pertuturan](#) dan pakar [terapi pertuturan](#), guru [bahasa asing](#), pengarang [kamus](#), dan [pengalih bahasa](#). Dalam bentuk piawainya (seperti pada tahun [2005](#)) mengandungi kira-kira 107 aksara asas dan 55 pengubah. Meskipun transkripsi yang dimaksudkan hanya mewakili ciri-ciri penuturan yang relevan kepada bahasa itu sendiri (seperti kedudukan [lidah](#), cara artikulasi, dan pengasingan dan pemelatan [perkataan](#) dan [suku kata](#)), terdapat juga bunyi-bunyi yang telah disesuaikan dengan bahasa dan dialek yang telah rakam di kawasan kajian.

Analisis ini membolehkan pengkaji memetik ungkapan sebenar oleh responden untuk dijadikan bukti jawapan-jawapan yang dicari sebagai maklumat pilihan bahasa dan juga menentukan faktor-faktor bahasa yang dipilih oleh responden.

4.4 Saiz Sampel

Saiz sampel yang dibincangkan dalam bahagian ini merangkumi responden yang menjawab soal selidik dan yang ditemu bual oleh pengkaji. Penentuan saiz sampel kajian ini berdasarkan kepada pengiraan Krejcie dan Morgan (1970) (dlm. Chua Yan Piaw 2006: 185) yang telah menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi kajian. Jadual 4.2 dan 4.3 menunjukkan saiz populasi kajian ialah 121, 628 orang (penduduk Bahagian Sarikei) dan jumlah sampel yang sesuai dengan saiz

populasi di Sarikei ialah 384 orang mengikut saiz sampel Krejcie dan Morgan (dlm Chua Yan Piaw 2006: 185). Walau bagaimanapun, jumlah ini telah dipermudahkan kepada 400 orang secara keseluruhannya.

Jadual 4.2 Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)

| Populasi (orang) | Sampel |
|-------------------------|---------------|
| Setiap 100,000 | 384 |

Jadual 4.3 Saiz Sampel Kajian Pilihan Bahasa Sebagai *Lingua Franca* Di Sarikei

| Populasi Penduduk Sarikei | Sampel Kajian | | |
|----------------------------------|----------------------|------------------|----------------------|
| 121,628 orang | Soal Selidik | Temu Bual | Kahwin Campur |
| | 400 orang | 20 orang | 60 orang |
| Jumlah | 480 orang | | |

Jadual 4.4 menunjukkan jumlah keseluruhan sampel kajian. Jumlah sampel telah dibahagikan mengikut bilangan populasi sebenar penduduk Sarikei mengikut banci tahun 2005 (sila lihat Bab 1 cerai 1.6), iaitu Melayu (40 orang), Iban (200 orang), Cina (120 orang) dan Melanau (40 orang) dan berjumlah 400 orang. Jumlah sampel ini telah ditambah dengan bilangan pasangan kahwin campur yang terdiri daripada pasangan Melayu+Iban (10 orang), Iban+Melayu (10 orang), Melanau+Melayu (10 orang), Melayu+Melanau (10 orang), Cina+Iban (10 orang) dan Iban+Cina (10 orang) serta berjumlah 60 orang. Jumlah responden yang ditemu bual ialah 20 orang, iaitu 5 orang dari setiap suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau. Jumlah keseluruhan

sampel kajian yang dikaji mengikut jumlah soal selidik dan temu bual ialah 480 orang (Rujuk Jadual 4.4 untuk maklumat saiz sampel).

Jadual 4.4 Saiz Sampel Kajian Mengikut Kaedah Soal Selidik dan Temu Bual

| Kaedah | Saiz Sampel (orang) | |
|--|-------------------------------|------------------|
| | Suku Kaum | |
| Soal Selidik | Melayu | 40 |
| | Iban | 200 |
| | Cina | 120 |
| | Melanau | 40 |
| | Jumlah | 400 |
| | Pasangan Kahwin Campur | |
| | Melayu+Iban | 10 |
| | Iban+Melayu | 10 |
| | Iban+Cina | 10 |
| | Cina+Iban | 10 |
| | Melayu+Melanau | 10 |
| | Melanau+Melayu | 10 |
| | Jumlah | 60 |
| Jumlah Keseluruhan Responden - Soal Selidik | | 460 |
| Temu bual | Melayu | 5 |
| | Iban | 5 |
| | Cina | 5 |
| | Melanau | 5 |
| Jumlah Keseluruhan Responden - Temu Bual | | 20 |
| Jumlah Keseluruhan | | 480 orang |

4.5 Analisis Data

Setiap jawapan dari soal selidik dikelaskan mengikut domain, pilihan bahasa dan suku kaum dan seterusnya dianalisis menggunakan kaedah peratusan dan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) *Univariate Analysis of Variance* (ANOVA) untuk mendapatkan nilai yang diperolehi itu signifikan ($p < 0.05$) ataupun tidak signifikan ($p > 0.05$). Semua maklumat pilihan bahasa oleh suku kaum Melayu, Iban, Cina, Melanau dan kahwin campur dipaparkan juga dalam bentuk jadual dan graf garis.

4.5.1 Taburan Peratusan

Jumlah peratusan digunakan untuk membandingkan ciri-ciri sampel dengan meletakkan jumlah ini mengikut domain, suku kaum dan pilihan bahasa. Teknik pengiraan peratusan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan graf garis bagi memberi gambaran umum mengenai dapatan awal pilihan bahasa.

4.5.2 *Univariate Analysis of Variance* (ANOVA)

Ujian ANOVA merupakan satu ujian statistik untuk mendapatkan nilai signifikan dan juga untuk membandingkan nilai skor min dan perbezaan skor min bagi setiap pilihan bahasa yang digunakan dalam kajian ke atas hasil ujaran LSD (*Least Significant Difference*) dengan hasil analisis ANOVA. Ujian ANOVA akan memberitahu bahawa terdapat atau tidak perbezaan yang signifikan antara parameter, iaitu suku kaum, domain dan pilihan bahasa (Bhasah Abu Bakar 2007: 47). Oleh yang demikian, analisis pilihan

bahasa yang menggunakan ujian ANOVA menerapkan dua faktor, iaitu pilihan bahasa dan juga responden (suku kaum).

4.6 Kesimpulan

Bab ini telah mengemukakan kaedah-kaedah pengumpulan data, iaitu soal selidik dan temu bual. Soal selidik memberi gambaran peratusan pada pilihan bahasa dalam domain tertentu. Analisis pilihan bahasa dari soal selidik juga telah menggunakan ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA tersebut. Selain itu, temu bual memberi maklumat lanjutan seperti sebab dan dalam keadaan yang bagaimana sesuatu bahasa itu dipilih dalam situasi tertentu dan bukan bahasa yang lain.

BAB 5

DAPATAN PILIHAN BAHASA SOAL SELIDIK

5.1 Pendahuluan

Bab ini memaparkan analisis kekerapan dan peratusan pilihan bahasa suku kaum Melayu, Iban, Cina, Melanau, dan pasangan kahwin campur di Sarikei. Setiap paparan data dan huraian mengenai pilihan bahasa dalam bab ini merujuk kepada semua jawapan yang telah dikumpulkan melalui soal selidik.

Data yang dianalisis dalam bab ini merupakan kekerapan pilihan bahasa dari soal selidik yang berlandaskan siapa bertutur (*who speaks*), pilihan bahasa (*what language*), interlokuter (*to whom*) dan domain (*when*). Keperluan membuat kategori berlandaskan siapa bertutur, pilihan bahasa, interlokuter dan domain dapat menunjukkan pilihan bahasa yang lebih teratur dan jelas oleh responden di bandar Sarikei.

5.2 Pilihan Bahasa Responden Melayu

Seramai 40 orang responden Melayu telah menjawab soalan dalam soal selidik. Responden Melayu ini dipilih secara rawak di pelbagai lokasi seperti di rumah, kedai, pasar dan sebagainya di bandar Sarikei.

5.2.1 Pilihan Bahasa Domain Di Rumah

Dalam domain di rumah, responden Melayu berkomunikasi sesama Melayu sahaja. Jadual 5.1 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain di rumah responden Melayu di bandar Sarikei.

Jadual 5.1 Pilihan Bahasa Responden Melayu Domain Di Rumah

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Di Rumah | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|--------------------------------|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Melayu | 40 | - | - | - | - | - | |
| Jumlah | 40 | - | - | - | - | - | 40 |
| % | 100 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 100 |

Dalam domain ini, responden Melayu hanya bertutur dengan ahli keluarga mereka sahaja. Semasa di rumah, didapati responden Melayu hanya memilih dialek Melayu Sarawak sahaja. Dapatan pilihan bahasa responden Melayu domain di rumah ditunjukkan di bawah.

1. Apabila responden Melayu bercakap di rumah, didapati bahawa

- | | | |
|----|----------------|---------------------------------------|
| a) | Siapa bertutur | Responden Melayu |
| b) | Pilihan bahasa | Dialek Melayu Sarawak |
| c) | Interlokuter | Sesama Melayu |
| d) | Domain | Di rumah ketika bersama ahli keluarga |

2. Kesimpulan

Responden Melayu hanya memilih dialek Melayu Sarawak sebagai pilihan yang utama semasa mereka bertutur di rumah. Sebab utama responden Melayu memilih dialek Melayu Sarawak kerana dialek tersebut merupakan bahasa ibunda mereka dan pilihan ini merupakan pilihan yang paling sesuai dengan sesama keluarga. Pilihan bahasa ini dapat merapatkan hubungan setiap ahli keluarga yang tinggal bersama di samping dapat menjalin rasa kemesraan antara ahli keluarga. Kajian Norazuna (2009) sebelum ini telah mendapati bahawa pilihan bahasa yang digunakan dengan ahli keluarga, terutamanya semasa berada di rumah sememangnya banyak melibatkan bahasa ibunda sesuatu kaum atau masyarakat.

5.2.2 Pilihan Bahasa Domain Persahabatan

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa domain persahabatan dalam kalangan responden Melayu di bandar Sarikei. Interkoluter responden Melayu domain persahabatan ini terdiri daripada sesama Melayu, Iban, Cina, dan Melanau. Jadual 5.2 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa responden Melayu domain persahabatan.

Jadual 5.2 Pilihan Bahasa Responden Melayu Domain Persahabatan

| Interlokute r | Pilihan Bahasa Domain Persahabatan | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|------------------|------------------------------------|------|----------|---------|------------------------------------|---------------------------------------|-----------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cin a | Melanau | Bahasa Rojak Melayu- Iban | Bahasa Rojak Melayu- Melanau | |
| Melayu | 40 | 10 | - | - | 11 | - | |
| Iban | 22 | 38 | - | - | 36 | - | |
| Cina | 24 | 36 | - | - | 27 | - | |
| Melanau | 40 | - | - | 18 | - | 24 | |
| Jumlah | 126 | 84 | 0 | 18 | 74 | 24 | 326 |
| % | 40 | 23 | 0 | 6 | 23 | 8 | 100 |

Dapatan pilihan bahasa responden Melayu domain persahabatan menunjukkan:

1. Apabila responden Melayu bercakap sesama Melayu, responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 11 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 10 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
2. Apabila responden Melayu bercakap dengan orang Iban, responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 38 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 36 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 22 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
3. Apabila responden Melayu bercakap dengan orang Cina, responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 36 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 27 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.

- c) 24 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
4. Apabila responden Melayu bercakap dengan orang Melanau, responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
- a) 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
- b) 24 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
- c) 18 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Melanau.
5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain persahabatan dalam percakapan responden Melayu ialah 316 orang, iaitu:
- a) 126 orang atau 40% memilih dialek Melayu Sarawak sesama Melayu, Iban, Cina dan Melanau.
- b) 84 orang atau 23% memilih juga bahasa Iban sesama Melayu, Iban dan Cina.
- c) 74 orang atau 23% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban sesama Melayu, Iban dan Cina.
- d) 24 orang atau 8% memilih juga bahasa rojak Melayu-Melanau dengan Melanau sahaja.
- e) 18 orang atau 6% memilih juga bahasa Melanau dengan Melanau sahaja.
6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain persahabatan ini dapat diringkaskan seperti di bawah:
- | | |
|-------------------|---|
| a) Siapa bertutur | Responden Melayu |
| b) Pilihan bahasa | Dialek Melayu Sarawak, , bahasa Iban, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban, dan bahasa rojak Melayu-Melanau |
| c) Interlokuter | Sesama Melayu, Iban, Cina, dan Melanau |

d) Domain

Persahabatan - Bergaul dengan kawan dan jiran tetangga

7. Kesimpulan:

Dalam domain persahabatan, secara keseluruhannya responden Melayu di bandar Sarikei telah memilih lima bahasa apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Melayu, Iban, Cina dan Melanau. Domain ini menunjukkan bahawa orang-orang Melayu bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang berbeza.

Secara keseluruhannya, didapati dialek Melayu Sarawak merupakan pilihan bahasa yang utama suku kaum Melayu. Selain pilihan dialek Melayu Sarawak, suku kaum Melayu juga menggunakan bahasa Iban, bahasa rojak Melayu-Iban, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Dialek Melayu Sarawak biasanya digunakan oleh orang-orang Melayu bila berkomunikasi dengan sesama Melayu dan Melanau. Bahasa Iban pula digunakan apabila berkomunikasi dengan orang Iban. Bahkan, ketika berkomunikasi bersama dengan orang Melayu sendiri juga digunakan bahasa Iban. (Sila lihat Bab 6 untuk rumusan dan sebab pilihan bahasa persahabatan).

5.2.3 Pilihan Bahasa Domain Di Kedai dan Pasar

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain di kedai dan pasar dalam kalangan responden Melayu di bandar Sarikei. Interkoluter responden Melayu di kedai

dan pasar ini terdiri daripada sesama Melayu, Iban, Cina dan Melanau. Di bawah dipaparkan jadual kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.3 Pilihan Bahasa Responden Melayu Domain Kedai dan Pasar

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Kedai dan Pasar | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|---------------------------------------|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Melayu | 40 | 13 | - | - | 13 | - | |
| Iban | 23 | 35 | - | - | 30 | - | |
| Cina | 26 | 35 | - | - | 25 | - | |
| Melanau | 40 | - | - | 15 | - | 24 | |
| Jumlah | 129 | 83 | 0 | 15 | 68 | 24 | 319 |
| % | 42 | 23 | 0 | 5 | 22 | 8 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Melayu domain di kedai dan pasar adalah:

1. Apabila responden Melayu bercakap sesama Melayu, responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 13 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 13 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
2. Apabila responden Melayu bercakap dengan orang Iban, responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 35 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih bahasa Iban.

- b) 30 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 23 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
- 3. Apabila responden Melayu bercakap dengan orang Cina, responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 35 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 26 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
 - c) 25 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
- 4. Apabila responden Melayu bercakap dengan orang Melanau, responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 24 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
 - c) 15 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Melanau.
- 5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa untuk domain kedai dan pasar dalam percakapan responden Melayu ialah 306 orang, iaitu:
 - a) 129 orang atau 42% memilih dialek Melayu Sarawak sesama Melayu, Iban, Cina, dan Melanau.
 - b) 83 orang atau 23% memilih juga bahasa Iban sesama Melayu, Iban, dan Cina.

- c) 68 orang atau 22% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban sesama Melayu, Iban dan Cina.
- d) 24 orang atau 8% memilih juga bahasa rojak Melayu-Melanau dengan Melanau sahaja.
- e) 15 orang atau 5% memilih juga bahasa Melanau dengan Melanau sahaja.

6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain kedai dan pasar ini dapat diringkaskan seperti di bawah:

- | | |
|-------------------|---|
| a) Siapa bertutur | Responden Melayu |
| b) Pilihan bahasa | Dialek Melayu Sarawak, , bahasa Iban, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban, dan bahasa rojak Melayu-Melanau |
| c) Interlokuter | Sesama Melayu, Iban, Cina, dan Melanau |
| d) Domain | Di kedai dan pasar – ketika membeli barangan |

7. Kesimpulan:

Responden Melayu di bandar Sarikei telah memilih lima bahasa domain kedai dan pasar. Pilihan bahasa ini digunakan apabila mereka berkomunikasi sesama Melayu, Iban, Cina, dan Melanau. Suku kaum Melayu bertukar ganti pilihan bahasa dalam domain di kedai dan pasar bila bercakap dengan suku kaum yang lain. Secara keseluruhannya, didapati dialek Melayu Sarawak merupakan pilihan utama orang-orang Melayu berkomunikasi sesama Melayu, dan Melanau. Orang-orang Melayu juga ada menggunakan bahasa Iban, bahasa rojak Melayu-Iban, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Bahasa Iban ini telah dipilih sebagai pilihan yang kedua utama bahkan ketika berkomunikasi bersama dengan orang Melayu sendiri juga digunakan bahasa Iban.

5.2.4 Pilihan Bahasa Domain Di Bank

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa domain di bank dalam kalangan responden Melayu di bandar Sarikei. Interlokuter responden Melayu domain di bank ini terdiri daripada sesama Melayu, Iban, Cina dan Melanau. Jadual 5.4 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.4 Pilihan Bahasa Responden Melayu Domain Di Bank

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Di Bank | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|-------------------------------|------|------|---------|--------------------------|-------------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu - Melanau | |
| Melayu | 40 | - | - | - | - | - | |
| Iban | 35 | 24 | - | - | 31 | - | |
| Cina | 30 | 19 | - | - | 34 | - | |
| Melanau | 40 | - | - | 7 | - | 26 | |
| Jumlah | 145 | 43 | 0 | 7 | 65 | 26 | 286 |
| % | 51 | 15 | 0 | 2 | 23 | 9 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Melayu domain di bank adalah:

1. Apabila responden Melayu bercakap sesama Melayu, responden Melayu ini hanya memilih satu bahasa sahaja, iaitu:
 - a) 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
2. Apabila responden Melayu bercakap dengan orang Iban, responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:

- a) 35 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 31 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 24 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
3. Apabila responden Melayu bercakap dengan orang Cina, responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
- a) 34 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - b) 30 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
 - c) 19 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
4. Apabila responden Melayu bercakap dengan orang Melanau, responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
- a) 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 26 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
 - c) 7 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Melanau.
5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain di bank responden Melayu ialah 286 orang, iaitu:
- a) 145 orang atau 51% memilih dialek Melayu Sarawak sesama Melayu, Iban, Cina dan Melanau.

- b) 65 orang atau 23% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban sesama Melayu, Iban dan Cina.
- c) 43 orang atau 15% memilih juga bahasa Iban sesama Melayu, Iban dan Cina.
- d) 26 orang atau 9% memilih juga bahasa rojak Melayu-Melanau dengan orang Melanau sahaja.
- e) 7 orang atau 2% memilih juga bahasa Melanau dengan orang Melanau sahaja.

6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain di bank ini dapat diringkaskan seperti di bawah:

| | |
|-------------------|---|
| a) Siapa bertutur | Responden Melayu |
| b) Pilihan bahasa | Dialek Melayu Sarawak, , bahasa Iban, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban, dan bahasa rojak Melayu-Melanau |
| c) Interlokuter | Sesama Melayu, Iban, Cina, dan Melanau |
| d) Domain | Di bank |

7. Kesimpulan:

Responden Melayu di bandar Sarikei telah memilih lima pilihan bahasa domain di bank apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Melayu, Iban, Cina, dan Melanau. Domain di bank telah menunjukkan bahawa orang-orang Melayu memilih dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa yang utama. Dialek Melayu Sarawak telah digunakan oleh orang-orang Melayu berkomunikasi dengan sesama Melayu, Iban dan Melanau semasa berurusan di bank. Pilihan bahasa dengan orang Cina pula memilih bahasa rojak Melayu-Iban. Selain dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu-Iban, orang-orang Melayu juga ada menggunakan bahasa Iban, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Melanau.

5.2.5 Pilihan Bahasa Domain Di Hospital dan Klinik

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa domain di hospital dan klinik dalam kalangan responden Melayu di bandar Sarikei. Interlokuter responden Melayu domain di hospital dan kilnik ini terdiri daripada sesama Melayu, Iban, Cina dan Melanau. Jadual 5.5 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.5 Pilihan Bahasa Responden Melayu Domain Hospital dan Klinik

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Hospital dan Klinik | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|---|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Melayu | 40 | - | - | - | - | - | |
| Iban | 35 | 35 | - | - | 34 | - | |
| Cina | 31 | 33 | - | - | 35 | - | |
| Melanau | 40 | - | - | 15 | - | 26 | |
| Jumlah | 143 | 68 | 0 | 15 | 69 | 26 | 321 |
| % | 45 | 21 | 0 | 5 | 21 | 8 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Melayu domain di hospital dan kilnik adalah seperti:

1. Apabila responden Melayu bercakap sesama Melayu, responden Melayu memilih satu bahasa sahaja, iaitu:
 - a) 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
2. Apabila responden Melayu bercakap dengan orang Iban, responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 35 dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.

- b) 35 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
 - c) 34 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
- 3. Apabila responden Melayu bercakap dengan orang Cina, responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 33 dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 35 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 31 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
- 4. Apabila responden Melayu bercakap dengan orang Melanau, responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 26 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
 - c) 15 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Melanau.
- 5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa untuk domain di hospital dan klinik responden Melayu ialah 321 orang, iaitu:
 - a) 143 orang atau 45% memilih dialek Melayu Sarawak sesama Melayu, Iban, Cina dan Melanau.
 - b) 69 orang atau 21% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban sesama Melayu, Iban dan Cina.
 - c) 68 orang atau 21% memilih juga bahasa Iban sesama Melayu, Iban dan Cina.
 - d) 26 orang atau 8% memilih juga bahasa rojak Melayu-Melanau dengan orang Melanau sahaja.
 - e) 15 orang atau 5% memilih juga bahasa Melanau dengan orang Melanau sahaja.

6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain di hospital dan klinik ini dapat diringkaskan seperti di bawah:

| | |
|-------------------|---|
| a) Siapa bertutur | Responden Melayu |
| b) Pilihan bahasa | Dialek Melayu Sarawak, , bahasa Iban, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban, dan bahasa rojak Melayu-Melanau |
| c) Interlokuter | Sesama Melayu, Iban, Cina, dan Melanau |
| d) Domain | Di hospital dan klinik |

7. Kesimpulan

Responden Melayu di bandar Sarikei telah memilih lima bahasa domain di hospital dan klinik apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Melayu, Iban, Cina, dan Melanau. Domain di hospital dan klinik menunjukkan orang-orang Melayu bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang lain. Dialek Melayu Sarawak adalah bahasa yang paling banyak dipilih jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa yang lain. Selain dialek Melayu Sarawak, orang-orang Melayu juga menggunakan bahasa Iban, bahasa rojak Melayu-Iban, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Dialek Melayu Sarawak digunakan oleh orang-orang Melayu berkomunikasi sesama Melayu, Cina dan Melanau. Sekiranya orang-orang Melayu berkomunikasi dengan suku kaum Iban, bahasa Iban akan digunakan. Bahkan ketika berkomunikasi bersama dengan orang Melayu sendiri juga digunakan bahasa Iban.

5.2.6 Pilihan Bahasa Domain Sukan dan Riadhah

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain sukan dan riadhah dalam kalangan responden Melayu di bandar Sarikei. Interlokuter responden Melayu domain sukan dan riadhah ini terdiri daripada sesama Melayu, Iban, Cina dan Melanau. Jadual 5.6 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.6 Pilihan Bahasa Responden Melayu Domain Sukan dan Riadhah

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Sukan dan Riadhah | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|---|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Melayu | 40 | 12 | - | - | 13 | - | |
| Iban | 22 | 36 | - | - | 36 | - | |
| Cina | 25 | 36 | - | - | 26 | - | |
| Melanau | 40 | - | - | 14 | - | 25 | |
| Jumlah | 147 | 84 | 0 | 14 | 75 | 25 | 345 |
| % | 44 | 22 | 0 | 4 | 23 | 8 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Melayu domain sukan dan riadhah adalah:

1. Apabila responden Melayu bercakap sesama Melayu responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 13 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 12 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
2. Apabila responden Melayu bercakap dengan orang Iban, responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 36 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih bahasa Iban.

- b) 36 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 22 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
- 3. Apabila responden Melayu bercakap dengan orang Cina responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 34 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - b) 30 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
 - c) 19 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
- 4. Apabila responden Melayu bercakap dengan orang Melanau, responden Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 25 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
 - c) 14 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Melanau.
- 5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa untuk domain sukan riadhah responden Melayu ialah 345 orang, iaitu:
 - a) 147 orang atau 44% memilih dialek Melayu Sarawak sesama Melayu, Iban, Cina dan Melanau.
 - b) 75 orang atau 23% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban sesama Melayu, Iban dan Cina.
 - c) 72 orang atau 22% memilih juga bahasa Iban sesama Melayu, Iban dan Cina.

d) 25 orang atau 8% memilih juga bahasa rojak Melayu-Melanau dengan orang Melanau sahaja.

e) 14 orang atau 4% memilih juga bahasa Melanau dengan orang Melanau sahaja.

6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain sukan dan riadhah ini dapat diringkaskan seperti di bawah:

| | |
|-------------------|---|
| a) Siapa bertutur | Responden Melayu |
| b) Pilihan bahasa | Dialek Melayu Sarawak, , bahasa Iban, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban, dan bahasa rojak Melayu-Melanau |
| c) Interlokuter | Sesama Melayu, Iban, Cina, dan Melanau |
| d) Domain | Padang permainan dan tempat rekreasi |

7. Kesimpulan

Responden Melayu di bandar Sarikei telah memilih lima bahasa domain sukan dan riadhah apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Melayu, Iban, Cina, dan Melanau. Dialek Melayu Sarawak merupakan pilihan bahasa yang paling banyak dipilih oleh orang-orang Melayu dalam domain sukan dan riadhah. Selain dialek Melayu Sarawak, orang-orang Melayu juga menggunakan bahasa Iban, bahasa rojak Melayu-Iban, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Dialek Melayu Sarawak merupakan pilihan utama ketika orang-orang Melayu berkomunikasi dengan sesama Melayu dan Melanau. Bahasa Iban pula dipilih oleh orang-orang Melayu berkomunikasi dengan orang Iban, pilihan bahasa utama ialah bahasa Iban. Bahasa rojak Melayu-Iban pula pilihan orang-orang Melayu dengan orang Cina.

5.2.7 Rumusan Pilihan Bahasa Responden Melayu

Secara keseluruhannya, pilihan bahasa yang utama responden Melayu di bandar Sarikei berbeza mengikut domain. Pilihan bahasa domain di rumah, di bank serta di hospital dan klinik berlainan pilihan bahasa dengan domain persahabatan, di pasar dan kedai serta sukan dan riadhah. Responden Melayu domain di rumah, di bank serta hospital dan klinik responden Melayu memilih dialek Melayu Sarawak sebagai pilihan yang utama dan domain persahabatan, pasar dan kedai serta sukan riadhah pula menunjukkan pilihan bahasa Iban.

5.3 Pilihan Bahasa Responden Iban

Seramai 200 orang responden Iban telah menjawab borang soal selidik yang dipilih secara rawak di pelbagai lokasi di bandar Sarikei. Setiap pilihan bahasa ini akan dipaparkan mengikut enam domain pilihan bahasa seperti yang dipaparkan pada bahagian-bahagian yang seterusnya.

5.3.1 Pilihan Bahasa Domain Di Rumah

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain di rumah dalam kalangan responden Iban di bandar Sarikei. Dalam domain di rumah, interkoluter responden Iban ini hanya berkomunikasi dengan sesama Iban sahaja. Jadual 5.8 memaparkan

kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain di rumah responden Iban di bandar Sarikei.

Jadual 5.8 Pilihan Bahasa Responden Iban Domain Di Rumah

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Di Rumah | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|--------------------------------|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Iban | - | 200 | - | - | - | - | |
| Jumlah | - | 200 | - | - | - | - | 200 |
| % | 0 | 100 | 0 | 0 | 0 | 0 | 100 |

Pilihan bahasa responden Iban di rumah, adalah seperti di bawah:

1. Apabila responden Iban bercakap sesama Iban, responden Iban memilih satu bahasa sahaja, iaitu:
 - a) 200 orang cenderung memilih bahasa Iban.
2. Dapatan pilihan bahasa untuk domain di rumah ini dapat diringkaskan seperti berikut:
 - a) Siapa bertutur Responden Iban
 - b) Pilihan bahasa Bahasa Iban
 - c) Interlokuter Sesama Iban
 - d) Domain Di rumah bersama ahli keluarga

3. Kesimpulan

Seperti juga responden Melayu yang memilih bahasa ibunda di rumah, responden Iban juga memilih bahasa Iban sebagai bahasa yang utama mereka apabila berhubung dengan ahli keluarga. Pilihan bahasa Iban oleh orang Iban dapat merapatkan hubungan

setiap ahli keluarga. Di samping itu, penggunaan bahasa Iban di rumah juga dapat menjalin rasa kemesraan antara ahli keluarga.

5.3.2 Pilihan Bahasa Domain Persahabatan

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain persahabatan dalam kalangan responden Iban di bandar Sarikei. Interlokuter responden Iban domain persahabatan ini terdiri daripada sesama Iban, Melayu, Cina dan Melanau. Jadual 5.9 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.9 Pilihan Bahasa Responden Iban Domain Persahabatan

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Persahabatan | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|------------------------------------|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Iban | - | 200 | - | - | - | - | |
| Melayu | 33 | 182 | - | - | 124 | - | |
| Cina | 65 | 187 | - | - | 132 | - | |
| Melanau | 139 | 28 | - | - | 73 | - | |
| Jumlah | 237 | 597 | 0 | 0 | 329 | 0 | 1163 |
| % | 20 | 51 | 0 | 0 | 29 | 0 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Iban domain di persahabatan adalah seperti:

1. Apabila responden Iban bercakap sesama Iban, responden Iban memilih satu bahasa sahaja, iaitu:

- a) 200 orang cenderung memilih bahasa Iban.
2. Apabila responden Iban bercakap dengan orang Melayu, responden Iban memilih tiga bahasa, iaitu:
- b) 182 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - c) 124 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - d) 33 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
3. Apabila responden Iban bercakap dengan orang Cina, responden Iban memilih tiga bahasa, iaitu:
- a) 187 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 132 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 65 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
4. Apabila responden Iban bercakap dengan orang Melanau, responden Iban memilih tiga bahasa, iaitu:
- a) 139 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 73 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 28 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa untuk domain persahabatan responden Iban ialah 1163 orang, iaitu:

- a) 597 orang atau 51% memilih bahasa Iban sesama Iban, Melayu, dan Cina.
 - b) 329 orang atau 29% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Melayu, Cina dan Melanau.
 - c) 237 orang atau 20% memilih juga dialek Melayu Sarawak dengan orang Melayu, Cina dan Melanau.
6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain persahabatan ini dapat diringkaskan seperti di bawah:
- | | |
|-------------------|--|
| a) Siapa bertutur | Responden Iban |
| b) Pilihan bahasa | Dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa rojak Melayu-Iban |
| c) Interlokuter | Sesama Iban, Melayu, Cina, dan Melanau |
| d) Domain | Persahabatan - Bergaul dengan kawan dan jiran tetangga |

7. Kesimpulan

Responden Iban di bandar Sarikei telah memilih tiga bahasa domain persahabatan apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Iban, Melayu, Cina, dan Melanau. Dalam domain persahabatan, orang-orang Iban bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang lain di Sarikei. Secara keseluruhannya, bahasa Iban merupakan bahasa yang utama yang digunakan orang Iban dalam domain ini. Selain bahasa Iban, orang-orang Iban juga ada menggunakan dialek Melayu Sarawak, dan bahasa rojak Melayu-Iban. Bahasa Iban merupakan pilihan utama orang-orang Iban berkomunikasi dengan sesama Iban, Melayu, dan Cina. Sekiranya orang-orang Iban berkomunikasi dengan suku kaum Melanau, pilihan bahasa yang digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

5.3.3 Pilihan Bahasa Domain Kedai dan Pasar

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa domain di kedai dan pasar dalam kalangan responden Iban di bandar Sarikei. Interlokuter responden Iban domain di kedai dan pasar ini terdiri daripada sesama Iban, Melayu, Cina dan Melanau. Jadual 5.10 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.10 Pilihan Bahasa Responden Iban Domain Kedai dan Pasar

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Kedai dan Pasar | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|---------------------------------------|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Iban | - | 200 | - | - | - | - | |
| Melayu | 31 | 186 | - | - | 148 | - | |
| Cina | 67 | 189 | - | - | 145 | - | |
| Melanau | 141 | 21 | - | - | 79 | - | |
| Jumlah | 239 | 596 | 0 | 0 | 372 | 0 | 1207 |
| % | 20 | 49 | 0 | 0 | 31 | 0 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Iban domain di kedai dan pasar adalah:

1. Bila responden Iban bercakap sesama Iban, responden Iban memilih satu pilihan bahasa sahaja, iaitu:
 - a) 200 orang cenderung memilih bahasa Iban.

2. Apabila responden Iban bercakap dengan orang Melayu, responden Iban memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 186 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 148 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 31 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
3. Apabila responden Iban bercakap dengan orang Cina, responden Iban memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 189 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 145 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - d) 67 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
4. Apabila responden Iban bercakap dengan orang Melanau, responden Iban memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 141 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 79 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 21 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih bahasa Iban.
5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Iban untuk domain persahabatan ialah 1207 orang, iaitu:
 - a) 597 orang atau 49% memilih bahasa Iban sesama Iban, orang Melayu, dan Cina.

- b) 372 orang atau 31% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Melayu, Cina dan Melanau.
- c) 239 orang atau 20% memilih juga dialek Melayu Sarawak dengan orang Melayu, Cina dan Melanau.

6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain di kedai dan pasar ini dapat diringkaskan seperti di bawah:

| | |
|-------------------|--|
| a) Siapa bertutur | Responden Iban |
| b) Pilihan bahasa | Dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa rojak Melayu-Iban |
| c) Interlokuter | Sesama Iban, Melayu, Cina, dan Melanau |
| d) Domain | Di Kedai dan Pasar |

7. Kesimpulan

Responden Iban di bandar Sarikei telah memilih tiga bahasa domain kedai dan pasar apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Iban, Melayu, Cina, dan Melanau. Domain ini juga telah menunjukkan orang-orang Iban juga bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang lain. Secara keseluruhannya, bahasa Iban merupakan bahasa yang paling utama dipilih oleh orang-orang Iban dalam domain ini di Sarikei. Selain bahasa Iban, orang-orang Iban juga ada menggunakan dialek Melayu Sarawak, dan bahasa rojak Melayu-Iban. Bahasa Iban merupakan pilihan utama ketika orang-orang Iban berkomunikasi dengan sesama Iban, Melayu dan Cina. Sekiranya orang-orang Iban berkomunikasi dengan suku kaum Melanau, pilihan bahasa yang digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

5.3.4 Pilihan Bahasa Domain Di Bank

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain di bank dalam kalangan responden Iban di bandar Sarikei. Interkoluter responden Iban domain di bank ini terdiri daripada sesama Iban, Melayu, Cina dan Melanau. Jadual 5.11 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.11 Pilihan Bahasa Responden Iban Domain Di Bank

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Bank | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|----------------------------|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Iban | 72 | 196 | - | - | 72 | - | |
| Melayu | 95 | 143 | - | - | 165 | - | |
| Cina | 90 | 147 | - | - | 171 | - | |
| Melanau | 155 | 25 | - | - | 43 | - | |
| Jumlah | 412 | 511 | 0 | 0 | 451 | 0 | 1374 |
| % | 30 | 37 | 0 | 0 | 33 | 0 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Iban domain di bank adalah:

1. Apabila responden Iban bercakap sesama Iban, responden Iban memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 196 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 72 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
 - c) 72 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.

2. Apabila responden Iban bercakap dengan orang Melayu, responden Iban memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 165 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - b) 143 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
 - c) 95 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
3. Apabila responden Iban bercakap dengan orang Cina, responden Iban memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 171 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - b) 147 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
 - c) 90 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
4. Apabila responden Iban bercakap dengan orang Melanau, responden Iban memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 155 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 43 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu Iban.
 - c) 25 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa untuk domain di bank responden Iban ialah 1374 orang, iaitu:
 - a) 511 orang atau 37% memilih bahasa Iban sesama Iban, Melayu, dan Cina.
 - b) 451 orang atau 33% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Melayu, Cina dan Melanau.

- c) 412 orang atau 30% juga memilih dialek Melayu Sarawak sesama Iban, orang Melayu, Cina dan Melanau.

6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain di bank responden Iban ini dapat diringkaskan seperti di bawah:

- | | |
|-------------------|--|
| a) Siapa bertutur | Responden Iban |
| b) Pilihan bahasa | Dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa rojak Melayu-Iban |
| c) Interlokuter | Sesama Iban, Melayu, Cina, dan Melanau |
| d) Domain | Di Bank |

7. Kesimpulan

Secara keseluruhannya pilihan bahasa domain ini menunjukkan bahawa pilihan bahasa yang utama orang-orang Iban dengan suku kaum yang lain di bandar Sarikei ialah bahasa Iban. Selain bahasa Iban, orang-orang Iban juga ada menggunakan dialek Melayu Sarawak, dan bahasa rojak Melayu-Iban. Bahasa Iban merupakan pilihan utama ketika orang-orang Iban berkomunikasi dengan sesama Iban, Melayu dan Cina. Sekiranya orang-orang Iban berkomunikasi dengan suku kaum Melanau, pilihan bahasa yang digunakan ialah dialek Melayu Sarawak. Domain ini telah menunjukkan bahawa orang-orang Iban bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang lain.

5.3.5 Pilihan Bahasa Domain Di Hospital dan Klinik

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain di hospital dan klinik dalam kalangan responden Iban di Sarikei. Interkoluter responden Iban domain di hospital dan klinik ini terdiri daripada sesama Iban, Melayu, Cina, dan Melanau Jadual 5.12 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.12 Pilihan Bahasa Responden Iban Domain Hospital dan Klinik

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Hospital dan Klinik | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|---|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Melayu | 92 | 147 | - | - | 136 | - | |
| Iban | 79 | 198 | - | - | 78 | - | |
| Cina | 104 | 145 | - | - | 141 | - | |
| Melanau | 157 | 53 | - | - | 60 | - | |
| Jumlah | 432 | 543 | 0 | 0 | 415 | 0 | 1390 |
| % | 31 | 39 | 0 | 0 | 30 | 0 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Iban domain di bank adalah seperti:

1. Apabila responden Iban bercakap sesama Iban, responden Iban memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 198 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 79 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
 - c) 78 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
2. Apabila responden Iban bercakap dengan orang Melayu, responden Iban memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 147 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 136 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 92 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.

3. Apabila responden Iban bercakap dengan orang Cina, responden Iban memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 145 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 141 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 104 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
4. Apabila responden Iban bercakap dengan orang Melanau, responden Iban memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 157 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 60 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 53 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain hospital dan klinik responden Iban ialah 1390 orang, iaitu:
 - a) 543 orang atau 39% memilih bahasa Iban sesama Iban, Melayu, dan Cina.
 - b) 432 orang atau 31% memilih juga dialek Melayu Sarawak sesama Iban, Melayu, Cina, dan Melanau.
 - c) 415 orang atau 30% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Melayu, Cina, dan Melanau.
6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain hospital dan klinik ini dapat diringkaskan seperti di bawah:

- | | |
|-------------------|--|
| a) Siapa bertutur | Responden Iban |
| b) Pilihan bahasa | Dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa rojak Melayu-Iban |
| c) Interlokuter | Sesama Iban, Melayu, Cina, dan Melanau |

- d) Domain Hospital dan klinik

7. Kesimpulan

Responden Iban di bandar Sarikei telah memilih tiga bahasa domain di hospital dan klinik apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Iban, Melayu, Cina, dan Melanau. Domain ini menunjukkan bahawa orang-orang Iban bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang lain di bandar Sarikei. Pilihan yang utama orang-orang Iban dalam domain ini ialah bahasa Iban. Selain bahasa Iban, orang-orang Iban juga ada menggunakan dialek Melayu Sarawak, dan bahasa rojak Melayu-Iban. Bahasa Iban merupakan pilihan utama ketika orang-orang Iban berkomunikasi dengan sesama Iban, Melayu dan Cina. Sekiranya orang-orang Iban berkomunikasi dengan suku kaum Melanau, pilihan bahasa yang digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

5.3.6 Pilihan Bahasa Domain Sukan dan Riadhah

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain sukan dan riadhah dalam kalangan responden Iban di bandar Sarikei. Interkoluter responden Iban domain sukan dan riadhah ini terdiri daripada sesama Iban, Melayu, Cina, dan Melanau. Jadual 5.13 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.13 Pilihan Bahasa Responden Iban Domain Sukan dan Riadhah

| | |
|--|---|
| | Pilihan Bahasa Domain Sukan dan Riadhah |
|--|---|

| Interlokuter | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|-----------------------|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| Iban | - | 200 | - | - | - | - | |
| Melayu | 35 | 189 | - | - | 136 | - | |
| Cina | 65 | 184 | - | - | 141 | - | |
| Melanau | 149 | 17 | - | - | 82 | - | |
| Jumlah | 249 | 590 | 0 | 0 | 359 | 0 | 1198 |
| % | 21 | 49 | 0 | 0 | 30 | 0 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Iban domain sukan dan riadhah adalah:

1. Apabila responden Iban bercakap sesama Iban, responden Iban memilih satu bahasa sahaja, iaitu:
 - a) 200 orang memilih bahasa Iban.
2. Apabila responden Iban bercakap dengan orang Melayu, responden Iban memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 189 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 136 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 35 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
3. Apabila responden Iban bercakap dengan orang Cina, responden Iban memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 184 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 141 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 65 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
4. Apabila responden Iban bercakap dengan orang Melanau, responden Iban memilih tiga bahasa, iaitu:

- a) 149 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 82 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 17 orang dari keseluruhan 200 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Iban domain sukan dan riadhah ialah 1198 orang, iaitu:
- a) 590 orang atau 49% memilih bahasa Iban sesama Iban, Melayu, dan Cina.
 - b) 359 orang atau 30% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Melayu, Cina, dan Melanau.
 - c) 249 orang atau 21% memilih juga dialek Melayu Sarawak dengan Iban, Melayu, Cina, dan Melanau.
6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain sukan dan riadhah ini dapat diringkaskan seperti di bawah:
- a) Siapa bertutur - Responden Iban
 - b) Pilihan bahasa - Dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa rojak Melayu-Iban
 - c) Interlokuter - Sesama Iban, Melayu, Cina, dan Melanau
 - d) Domain - Di padang permainan dan taman rekreasi

7. Kesimpulan

Responden Iban di bandar Sarikei telah memilih tiga bahasa domain sukan dan riadhah apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Iban, Melayu, Cina, dan Melanau. Dalam domain sukan dan riadhah, orang-orang Iban memilih bahasa Iban sebagai bahasa yang utama. Selain bahasa Iban, orang-orang Iban juga ada menggunakan dialek

Melayu Sarawak, dan bahasa rojak Melayu-Iban. Bahasa Iban merupakan pilihan utama domain sukan dan riadhah terutamanya ketika orang-orang Iban berkomunikasi dengan sesama Iban, Melayu, dan Cina. Sekiranya orang-orang Iban berkomunikasi dengan suku kaum Melanau, pilihan bahasa yang digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

5.3.7 Rumusan Pilihan Bahasa Responden Iban

Secara keseluruhannya, pilihan bahasa yang utama responden Iban di bandar Sarikei tidak berbeza mengikut domain. Pilihan bahasa domain di rumah, persahabatan, di kedai, pasar serta sukan dan riadhah ialah bahasa Iban. Responden Iban di klinik, hospital, dan bank memilih dialek Melayu Sarawak sebagai pilihan yang utama. Walau bagaimanapun, semasa di klinik, hospital dan bank responden Iban masih juga menggunakan bahasa Iban, walaupun sedikit rendah dari jumlah pilihan dialek Melayu Sarawak.

5.4 Pilihan Bahasa Responden Cina

Seramai 120 orang responden Cina telah menjawab soalan selidik. Responden Cina ini dipilih secara rawak di pelbagai lokasi seperti di rumah, kedai, pasar dan sebagainya. Setiap pilihan bahasa yang dipaparkan dalam bab ini juga akan diringkaskan mengikut siapa bertutur, bahasa yang digunakan, interkoluter dan juga domain.

5.4.1 Pilihan Bahasa Domain Di Rumah

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain di rumah dalam kalangan responden Cina di bandar Sarikei. Jadual 5.14 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.14 Pola Pilihan Bahasa Responden Cina Domain Di Rumah

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Di Rumah | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|--------------------------------|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Cina | - | - | 120 | - | - | - | |
| Jumlah | - | - | 120 | - | - | - | 120 |
| % | 0 | 0 | 100 | 0 | 0 | 0 | 100 |

Didapati responden Cina hanya memilih satu bahasa sahaja domain di rumah, iaitu bahasa Cina.

1. Dapatan pilihan bahasa untuk domain di rumah ini dapat diringkaskan sebagai,

- a) Siapa bertutur Responden Cina
- b) Pilihan bahasa Bahasa Cina
- c) Interlokuter Sesama Cina
- d) Domain Di rumah bersama ahli keluarga

2. Kesimpulan

Responden Cina memilih bahasa Cina sebagai pilihan yang utama semasa mereka bertutur di rumah, iaitu dengan sesama ahli keluarga. Responden Cina memilih bahasa

Cina kerana pilihan bahasa tersebut ialah bahasa ibunda mereka. Pilihan bahasa ini dilihat dapat merapatkan hubungan setiap ahli keluarga yang tinggal bersama. Di samping itu, penggunaan bahasa Cina semasa di rumah dapat menjalin rasa kemesraan antara ahli keluarga yang berkomunikasi di rumah.

5.4.2 Pilihan Bahasa Domain Persahabatan

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain persahabatan dalam kalangan responden Cina di bandar Sarikei. Interlokuter responden Cina domain persahabatan ini terdiri daripada sesama Cina, Iban, Melayu dan Melanau. Jadual 5.15 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.15 Pilihan Bahasa Responden Cina Domain Persahabatan

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Persahabatan | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|------------------------------------|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Cina | - | - | 120 | - | - | - | |
| Melayu | 76 | 106 | - | - | 107 | - | |
| Iban | 25 | 114 | - | - | 102 | - | |
| Melanau | 65 | 88 | - | - | 81 | - | |
| Jumlah | 166 | 308 | 120 | 0 | 290 | 0 | 884 |
| % | 19 | 35 | 14 | 0 | 33 | 0 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Cina domain persahabatan adalah:

1. Apabila responden Cina bercakap sesama Cina, responden Cina memilih satu bahasa sahaja, iaitu:
 - a) 120 orang cenderung memilih bahasa Cina.

2. Apabila responden Cina bercakap dengan orang Melayu, responden Cina memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 107 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - b) 106 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
 - c) 76 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
3. Apabila responden Cina bercakap dengan orang Iban, responden Cina memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 114 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 102 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 25 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
4. Apabila responden Cina bercakap dengan orang Melanau, responden Cina memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 88 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 81 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 65 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain persahabatan responden Cina ialah 884 orang, iaitu:
 - a) 308 orang atau 35% memilih bahasa Iban dengan orang Iban, dan Melayu.
 - b) 290 orang atau 33% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Melayu, Iban, dan Melanau.

- c) 166 orang atau 19% memilih juga dialek Melayu Sarawak dengan orang Iban, Melayu, dan Melanau.
 - d) 120 orang atau 14% memilih juga bahasa Cina sesama Cina.
6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain persahabatan ini dapat diringkaskan seperti di bawah:
- a) Siapa bertutur - Responden Cina
 - b) Pilihan bahasa - Bahasa Cina, bahasa Iban, dialek Melayu Sarawak, dan bahasa rojak Melayu-Iban
 - c) Interlokuter - Sesama Cina, Iban, Melayu dan Melanau
 - d) Domain - Bergaul dengan kawan atau jiran tetangga

7. Kesimpulan

Responden Cina di bandar Sarikei telah memilih empat bahasa domain persahabatan apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Cina, Melayu, Iban, dan Melanau. Domain persahabatan ini menunjukkan bahawa orang-orang Cina bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang lain. Pilihan bahasa yang utama orang-orang Cina berkomunikasi dengan rakan dan kawan ialah bahasa Iban. Selain bahasa Iban, orang-orang Cina juga menggunakan dialek Melayu Sarawak, bahasa Cina, dan bahasa rojak Melayu-Iban. Bahasa Iban merupakan pilihan utama ketika orang-orang Cina berkomunikasi dengan sesama Iban dan Cina. Sekiranya orang-orang Cina berkomunikasi dengan suku kaum Melayu, bahasa yang paling banyak digunakan ialah bahasa rojak Melayu-Iban. Pilihan bahasa yang digunakan antara orang-orang Cina dengan Melanau pula ialah dialek Melayu Sarawak.

5.4.3 Pilihan Bahasa Domain Kedai dan Pasar

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain kedai dan pasar dalam kalangan responden Cina di Sarikei. Interlokuter responden Cina domain di kedai dan pasar ini terdiri daripada sesama Cina, Melayu, Iban, dan Melanau. Jadual 5.16 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.16 Pilihan Bahasa Responden Cina Domain Kedai dan Pasar

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Kedai dan Pasar | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|---------------------------------------|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Cina | - | - | 120 | - | - | - | |
| Melayu | 78 | 107 | - | - | 109 | - | |
| Iban | 31 | 111 | - | - | 105 | - | |
| Melanau | 69 | 84 | - | - | 77 | - | |
| Jumlah | 178 | 302 | 120 | 0 | 291 | 0 | 891 |
| % | 20 | 34 | 13 | 0 | 33 | 0 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Cina domain di kedai dan pasar adalah:

1. Apabila responden Cina bercakap sesama Cina, responden Cina memilih satu bahasa sahaja, iaitu:
 - a) 120 orang memilih bahasa Cina.
2. Apabila responden Cina bercakap dengan orang Melayu, responden Cina memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 109 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - b) 107 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
 - c) 78 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.

3. Apabila responden Cina bercakap dengan orang Iban, responden Cina memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 111 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 105 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 31 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
4. Apabila responden Cina bercakap dengan orang Melanau, responden Cina memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 84 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 77 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 69 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Cina domain kedai dan pasar ialah 891 orang, iaitu:
 - a) 302 orang atau 34% memilih bahasa Iban dengan orang Iban, dan Melayu.
 - b) 291 orang atau 33% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Melayu, Iban, dan Melanau.
 - c) 178 orang atau 20% memilih juga dialek Melayu Sarawak dengan orang Iban, Melayu, dan Melanau.
 - d) 120 orang atau 13% memilih juga bahasa Cina sesama Cina.
6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain kedai dan pasar ini dapat diringkaskan seperti di bawah:
 - a) Siapa bertutur - Responden Cina
 - b) Pilihan bahasa - Bahasa Cina, bahasa Iban, dialek Melayu Sarawak, dan bahasa rojak

Melayu-Iban

- | | |
|-----------------|---|
| c) Interlokuter | - Sesama Cina, Iban, Melayu dan Melanau |
| d) Domain | - Di kedai dan pasar |

7. Kesimpulan

Responden Cina di bandar Sarikei telah memilih empat bahasa domain kedai dan pasar apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Cina, Melayu, Iban, dan Melanau. Domain di kedai dan pasar orang-orang Cina menunjukkan mereka bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang lain. Secara keseluruhannya, bahasa Iban merupakan bahasa yang paling utama digunakan oleh mereka dalam domain ini. Selain bahasa Iban, orang-orang Cina juga menggunakan dialek Melayu Sarawak, bahasa Cina dan bahasa rojak Melayu-Iban. Bahasa Iban merupakan pilihan utama ketika orang-orang Cina berkomunikasi dengan orang Iban dan Melayu. Sekiranya orang-orang Cina berkomunikasi dengan suku kaum Melanau, bahasa yang paling banyak digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

5.4.4 Pilihan Bahasa Domain Di Bank

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain di bank dalam kalangan responden Cina di Sarikei. Interkoluter responden Cina domain di bank ini terdiri daripada sesama Cina, Melayu, Iban, dan Melanau. Jadual 5.17 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.17 Pilihan Bahasa Responden Cina Domain Di Bank

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Di Bank | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|-------------------------------|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Cina | - | - | 120 | - | - | - | |
| Melayu | 73 | 78 | - | - | 97 | - | |
| Iban | 66 | 97 | - | - | 76 | - | |
| Melanau | 110 | 14 | - | - | 43 | - | |
| Jumlah | 249 | 189 | 120 | 0 | 216 | 0 | 774 |
| % | 32 | 24 | 16 | 0 | 28 | 0 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Cina domain di bank adalah:

1. Apabila responden Cina bercakap sesama Cina, responden Cina memilih satu bahasa sahaja, iaitu:
 - a) 120 orang memilih bahasa Cina.
2. Apabila responden Cina bercakap dengan orang Melayu, responden Cina memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 97 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - b) 78 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
 - c) 73 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
3. Apabila responden Cina bercakap dengan orang Iban, responden Cina memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 97 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 76 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.

- c) 66 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
4. Apabila responden Cina bercakap dengan orang Melanau, responden Cina memilih tiga bahasa, iaitu:
- a) 110 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
- b) 43 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
- c) 14 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Cina untuk domain di bank ialah 774 orang, iaitu:
- a) 249 orang atau 32% memilih dialek Melayu Sarawak dengan orang Iban, Melayu, dan Melanau.
- b) 189 orang atau 24% memilih juga bahasa Iban dengan orang Iban, Melayu, dan Melanau.
- c) 120 orang atau 16% memilih juga bahasa Cina sesama Cina.
- d) 216 orang atau 28% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Melayu, Iban, dan Melanau.
6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain di bank ini dapat diringkaskan seperti di bawah:
- | | |
|-------------------|---|
| a) Siapa bertutur | - Responden Cina |
| b) Pilihan bahasa | - Bahasa Cina, bahasa Iban, dialek Melayu Sarawak, dan bahasa rojak Melayu-Iban |
| c) Interlokuter | - Sesama Cina, Iban, Melayu dan Melanau |
| d) Domain | - Di bank |

7. Kesimpulan

Responden Cina di bandar Sarikei telah memilih empat bahasa domain di bank apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Cina, Melayu, Iban, dan Melanau. Domain ini menunjukkan bahawa orang-orang Cina bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang lain dan dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang paling banyak dipilih. Selain dialek Melayu Sarawak, orang-orang Cina juga menggunakan bahasa Iban, bahasa Cina dan bahasa rojak Melayu-Iban. Bahasa Iban merupakan pilihan utama domain ini terutamanya ketika orang-orang Cina berkomunikasi dengan orang Melayu, dan Iban. Sekiranya orang-orang Cina berkomunikasi dengan orang Melanau bahasa yang paling banyak digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

5.4.5 Pilihan Bahasa Domain Di Hospital dan Klinik

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain di hospital dan klinik dalam kalangan responden Cina di bandar Sarikei. Interkoluter responden Cina domain di hospital dan klinik ini terdiri daripada sesama Cina, Melayu, Iban, dan Melanau Jadual 5.18 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.18 Pilihan Bahasa Responden Cina Domain Hospital dan Klinik

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Hospital dan Klinik | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|---|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Cina | - | - | 120 | - | - | - | |
| Melayu | 81 | 83 | - | - | 93 | - | |
| Iban | 70 | 105 | - | - | 71 | - | |
| Melanau | 103 | 26 | - | - | 47 | - | |
| Jumlah | 254 | 214 | 120 | 0 | 211 | 0 | 799 |
| % | 32 | 27 | 15 | 0 | 26 | 0 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Cina domain di bank adalah:

1. Apabila responden Cina bercakap sesama Cina, responden Cina memilih satu bahasa sahaja, iaitu:
 - a) 120 orang dari keseluruhan 120 orang memilih bahasa Cina.
2. Apabila responden Cina bercakap dengan orang Melayu, responden Cina memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 93 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - b) 83 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
 - c) 81 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
3. Apabila responden Cina bercakap dengan orang Iban, responden Cina memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 105 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 71 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 70 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
4. Apabila responden Cina bercakap dengan orang Melanau, responden Cina memilih tiga bahasa, iaitu:

- a) 103 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 47 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 26 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Cina domain di hospital dan klinik ialah 799 orang, iaitu:
- a) 254 orang atau 32% memilih dialek Melayu Sarawak dengan orang Iban, Melayu, dan Melanau.
 - b) 214 orang atau 27% memilih juga bahasa Iban dengan orang Iban, Melayu, dan Melanau.
 - c) 211 orang atau 26% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Melayu, Iban, dan Melanau.
 - d) 120 orang atau 15% memilih juga bahasa Cina sesama Cina.
6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain di hospital dan klinik ini dapat diringkaskan seperti di bawah:
- a) Siapa bertutur - Responden Cina
 - b) Pilihan bahasa - Bahasa Cina, bahasa Iban, dialek Melayu Sarawak, dan bahasa rojak Melayu-Iban
 - c) Interlokuter - Sesama Cina, Iban, Melayu dan Melanau
 - d) Domain - Di hospital dan klinik

7. Kesimpulan

Responden Cina di bandar Sarikei telah memilih empat bahasa domain di hospital dan klinik apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Cina, Melayu, Iban, dan Melanau.

Domain ini menunjukkan bahawa orang-orang Cina bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang lain dan bahasa Iban merupakan bahasa yang paling banyak dipilih. Selain bahasa Iban, orang-orang Cina juga menggunakan dialek Melayu Sarawak, bahasa Cina dan bahasa rojak Melayu-Iban. Bahasa Iban merupakan pilihan utama domain ini terutamanya ketika orang-orang Cina berkomunikasi dengan orang Melayu dan Cina. Sekiranya orang-orang Cina berkomunikasi dengan suku kaum Melanau, bahasa yang paling banyak digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

5.4.6 Pilihan Bahasa Domain Sukan dan Riadhah

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain sukan dan riadhah dalam kalangan responden Cina di bandar Sarikei. Interlokuter responden Cina domain sukan dan riadhah ini terdiri daripada sesama Cina, Melayu, Iban, dan Melanau. Jadual 5.17 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.19 Pilihan Bahasa Responden Cina Domain Sukan dan Riadhah

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Sukan dan Riadhah | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|---|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Cina | - | - | 120 | - | - | - | |
| Melayu | 75 | 108 | - | - | 114 | - | |
| Iban | 37 | 113 | - | - | 119 | - | |
| Melanau | 61 | 81 | - | - | 64 | - | |
| Jumlah | 173 | 302 | 120 | 0 | 297 | 0 | 892 |
| % | 19 | 34 | 13 | 0 | 33 | 0 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Cina domain sukan dan riadhah adalah:

1. Apabila responden Cina bercakap sesama Cina, responden Cina memilih satu bahasa sahaja, iaitu:
 - a) 120 orang cenderung memilih bahasa Cina.
2. Apabila responden Cina bercakap dengan orang Melayu, responden Cina memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 114 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - b) 108 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
 - c) 75 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
3. Apabila responden Cina bercakap dengan orang Iban, responden Cina memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 119 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - b) 113 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
 - c) 37 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
4. Apabila responden Cina bercakap dengan orang Melanau, responden Cina memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 81 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 64 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 61 orang dari keseluruhan 120 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.

5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain sukan dan riadhah responden Cina ialah 892 orang, iaitu:

- a) 302 orang atau 34% memilih bahasa Iban dengan orang Iban, Melayu, dan Melanau.
- b) 297 orang atau 33% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Melayu, Iban, dan Melanau.
- c) 173 orang atau 19% memilih juga dialek Melayu Sarawak dengan orang Iban, Melayu, dan Melanau.
- d) 120 orang atau 13% memilih juga bahasa Cina sesama Cina.

6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain sukan dan riadhah ini dapat diringkaskan seperti di bawah:

- | | |
|-------------------|---|
| a) Siapa bertutur | - Responden Cina |
| b) Pilihan bahasa | - Bahasa Cina, bahasa Iban, dialek Melayu Sarawak, dan bahasa rojak Melayu-Iban |
| c) Interlokuter | - Sesama Cina, Iban, Melayu dan Melanau |
| d) Domain | - Di padang permainan dan tempat rekreasi |

7. Kesimpulan

Responden Cina di bandar Sarikei telah memilih empat bahasa domain sukan dan riadhah apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Cina, Melayu, Iban dan Melanau. Domain ini menunjukkan bahawa orang-orang Cina bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang lain dan bahasa Iban merupakan bahasa yang paling banyak dipilih. Selain bahasa Iban, orang-orang Cina juga menggunakan dialek Melayu Sarawak, bahasa Cina dan bahasa rojak Melayu-Iban. Bahasa Iban merupakan pilihan utama dalam domain ini terutamanya ketika orang-orang Cina

berkomunikasi dengan orang Melayu dan Cina. Sekiranya orang-orang Cina berkomunikasi dengan suku kaum Melanau, bahasa yang paling banyak digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

5.4.7 Rumusan Pilihan Bahasa Responden Cina

Secara keseluruhannya, pilihan bahasa yang utama responden Cina di bandar Sarikei tidak begitu berbeza mengikut domain. Pilihan bahasa domain di rumah responden Cina menunjukkan mereka memilih dan menggunakan bahasa Cina. Dalam persahabatan, di kedai, pasar serta sukan dan riadhah ialah bahasa Iban. Responden Cina di klinik, hospital, dan bank memilih dialek Melayu Sarawak.

5.5 Pilihan Bahasa Responden Melanau

40 orang responden Melanau telah menjawab soalan soal selidik. Responden Melanau ini dipilih secara rawak di pelbagai lokasi seperti di rumah, kedai, pasar dan sebagainya. Setiap pilihan bahasa yang dipaparkan dalam bab ini juga akan diringkaskan mengikut siapa bertutur, bahasa yang digunakan, interkoluter dan domain.

5.5.1 Pilihan Bahasa Domain Di Rumah

Bahagian ini akan membincangkan pilihan bahasa untuk domain di rumah dalam kalangan responden Melanau di bandar Sarikei. Jadual 5.20 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.20Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Di Rumah

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Di Rumah | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|--------------------------------|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Melanau | 33 | - | - | 32 | - | 38 | |
| Jumlah | 33 | 0 | 0 | 32 | 0 | 38 | 103 |
| % | 32 | 0 | 0 | 31 | 0 | 37 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau domain di rumah adalah seperti:

1. Apabila responden Melanau bercakap sesama Melanau, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:

- a) 38 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
- b) 33 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
- c) 32 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Melanau.

2. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa untuk domain keluarga responden Melanau ialah 892 orang, iaitu:

- a) 38 orang atau 37% memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
- b) 33 orang atau 32% memilih juga dialek Melayu Sarawak.
- c) 32 orang atau 31% memilih juga bahasa Melanau.

3. Dapatan pilihan bahasa untuk domain di rumah ini dapat diringkaskan seperti di bawah:

- a) Siapa bertutur – Responden Melanau
- b) Pilihan bahasa – Dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Melanau
- c) Interlokuter - Sesama Melanau

d) Domain

- Di rumah bersama ahli keluarga

4. Kesimpulan

Responden Melanau di bandar Sarikei telah memilih tiga bahasa domain di rumah apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Melanau. Dalam domain di rumah, responden Melanau telah memilih bahasa rojak Melayu-Melanau sebagai bahasa yang utama. Domain ini juga telah menunjukkan orang-orang Melanau bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan sesama Melanau. Pilihan bahasa yang lain selain bahasa rojak Melayu-Melanau ialah bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu-Melanau.

Semasa di rumah telah menunjukkan responden Melanau banyak memilih dialek Melayu Sarawak kerana beberapa sebab yang utama, seperti kawasan tempat tinggal, kebiasaan dan pergaulan mereka sehari-hari. Responden Melanau di bandar Sarikei tinggal di kawasan kampung Melayu. Oleh yang demikian, setiap masa mereka banyak menggunakan dialek Melayu Sarawak. Jiran-jiran yang tinggal bersama dengan responden Melanau ini ialah suku kaum Melayu. Disebabkan kawasan tempat tinggal mereka yang sama dengan suku kaum Melayu, penggunaan dialek Melayu Sarawak juga telah menjadi biasa dan juga semasa bergaul dengan suku kaum Melayu telah menjadikan dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa yang utama di rumah.

5.5.2 Pilihan Bahasa Domain Persahabatan

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain persahabatan dalam kalangan responden Melanau di Sarikei. Interlokuter responden Melanau domain di rumah ini terdiri daripada sesama Melanau, Melayu, Cina, dan Iban. Jadual 5.21 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.21 Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Persahabatan

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Persahabatan | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|------------------------------------|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Melanau | 37 | - | - | 24 | - | 24 | |
| Melayu | 40 | - | - | 19 | - | 34 | |
| Iban | 40 | - | - | - | 13 | 14 | |
| Cina | 40 | - | - | - | 13 | 14 | |
| Jumlah | 157 | 0 | 0 | 43 | 26 | 86 | 312 |
| % | 50 | 0 | 0 | 14 | 8 | 28 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau domain di persahabatan adalah:

1. Apabila responden Melanau bercakap sesama Melanau, responden Melanau memilih tiga bahasa sahaja, iaitu:
 - a) 37 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 24 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Melanau.

- c) 24 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
2. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Melayu, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
- a) 40 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 34 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
 - c) 19 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
3. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Iban, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
- a) 40 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 14 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
 - c) 13 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
4. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Cina, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
- a) 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 14 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
 - c) 13 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.

5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain persahabatan responden Melanau ialah 312 orang, iaitu:

- a) 157 orang atau 50% memilih juga dialek Melayu Sarawak sesama Melanau, Iban, Melayu, dan Cina.
- b) 86 orang atau 28% memilih juga bahasa rojak Melayu-Melanau sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina.
- c) 43 orang atau 14% memilih juga bahasa Melanau sesama Melanau dan Melayu.
- d) 26 orang atau 8% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Iban dan Cina.

6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain persahabatan ini dapat diringkaskan seperti di bawah:

- | | |
|-------------------|--|
| a) Siapa bertutur | – Responden Melanau |
| b) Pilihan bahasa | – Dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Melanau |
| c) Interlokuter | - Sesama Melanau, Melayu, Iban dan Cina |
| d) Domain | - Di rumah bersama ahli keluarga |

7. Kesimpulan

Responden Melanau di bandar Sarikei telah memilih empat bahasa domain di persahabatan apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina. Secara keseluruhannya, pilihan bahasa domain persahabatan orang-orang Melanau ini telah menunjukkan dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa yang paling utama. Selain dialek Melayu Sarawak, orang-orang Melanau ini juga menggunakan bahasa rojak Melayu-Melanau, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Iban.

Dialek Melayu Sarawak merupakan pilihan utama dalam domain ini terutamanya ketika orang-orang Melanau berkomunikasi dengan orang Melayu dan sesama Melanau. Sekiranya orang-orang Melanau berkomunikasi dengan suku kaum Iban dan Cina, bahasa yang paling banyak digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

5.5.3 Pilihan Bahasa Domain Di Kedai dan Pasar

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain di kedai dan pasar dalam kalangan responden Melanau di Sarikei. Interlokuter responden Melanau domain persahabatan ini terdiri daripada sesama Melanau, Melayu, Cina, dan Iban. Jadual 5.22 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.22 Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Di Kedai dan Pasar

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Di Kedai dan Pasar | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|--|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Melanau | 39 | - | - | 23 | - | 35 | |
| Melayu | 40 | - | - | 20 | - | 35 | |
| Iban | 40 | - | - | - | 16 | 11 | |
| Cina | 40 | - | - | - | 15 | 9 | |
| Jumlah | 159 | 0 | 0 | 43 | 31 | 90 | 323 |
| % | 49 | 0 | 0 | 13 | 10 | 28 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau domain di kedai dan pasar adalah:

1. Apabila responden Melanau bercakap sesama Melanau, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 39 dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 35 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
 - c) 23 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Melanau.
2. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Melayu, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 35 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
 - c) 20 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
3. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Iban, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 16 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 11 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
4. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Cina, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.

- b) 15 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 9 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau domain kedai dan pasar ialah 323 orang, iaitu:
- a) 159 orang atau 49% memilih dialek Melayu Sarawak sesama Melanau, Iban, Melayu, dan Cina.
 - b) 43 orang atau 13% memilih juga bahasa Melanau sesama Melanau dan Melayu.
 - c) 31 orang atau 10% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Iban dan Cina.
 - d) 90 orang atau 28% memilih juga bahasa rojak Melayu-Melanau sesama Melanau, Melayu, Iban dan Cina.
6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain di kedai dan pasar ini dapat diringkaskan seperti di bawah:
- | | |
|-------------------|--|
| a) Siapa bertutur | – Responden Melanau |
| b) Pilihan bahasa | – Dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Melanau |
| c) Interlokuter | - Sesama Melanau, Melayu, Iban dan Cina |
| d) Domain | - Di kedai dan pasar |

7. Kesimpulan

Responden Melanau di bandar Sarikei telah memilih empat bahasa domain kedai dan pasar apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina. Domain ini menunjukkan bahawa orang-orang Melanau bertukar ganti pilihan bahasa

bila bercakap dengan suku kaum yang lain dan dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang paling utama dipilih. Selain dialek Melayu Sarawak, orang-orang Melanau ini juga menggunakan bahasa rojak Melayu-Melanau, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Iban.

Dialek Melayu Sarawak merupakan pilihan utama dalam domain ini terutamanya ketika orang-orang Melanau berkomunikasi dengan orang Melayu dan sesama Melanau. Sekiranya orang-orang Melanau berkomunikasi dengan suku kaum Iban dan Cina, bahasa yang paling banyak digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

5.4.4 Pilihan Bahasa Domain Di Bank

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain di bank dalam kalangan responden Melanau di bandar Sarikei. Interkoluter responden Melanau domain di bank ini terdiri daripada sesama Melanau, Melayu, Cina, dan Iban. Jadual 5.23 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.23 Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Di Bank

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Di Bank | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|-------------------------------|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Melanau | 36 | - | - | 31 | - | 36 | |
| Melayu | 40 | - | - | 5 | - | 31 | |
| Iban | 40 | - | - | - | 16 | 10 | |
| Cina | 40 | - | - | - | 13 | 10 | |
| Jumlah | 156 | 0 | 0 | 36 | 29 | 87 | 308 |
| % | 51 | 0 | 0 | 12 | 9 | 28 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Melayu domain di bank adalah:

1. Apabila responden Melanau bercakap sesama Melanau, responden Melanau memilih tiga bahasa sahaja, iaitu:
 - a) 36 dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 36 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
 - c) 31 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Melanau.
2. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Melayu, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 31 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
 - c) 5 dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih bahasa Iban.
3. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Iban, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 16 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 10 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
4. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Cina, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 13 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.

- c) 10 dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih bahasa rojak Melayu.
5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau domain di bank ialah 323, iaitu:
- a) 156 orang atau 51% memilih juga dialek Melayu Sarawak sesama Melanau, Iban, Melayu, dan Cina.
 - b) 87 orang atau 28% memilih juga bahasa rojak Melayu-Melanau sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina.
 - c) 36 orang atau 12% memilih juga bahasa Melanau sesama Melanau dan Melayu.
 - d) 29 orang atau 9% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Iban dan Cina.
6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain di bank ini dapat diringkaskan seperti di bawah:
- | | |
|-------------------|--|
| a) Siapa bertutur | – Responden Melanau |
| b) Pilihan bahasa | – Dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Melanau |
| c) Interlokuter | - Sesama Melanau, Melayu, Iban dan Cina |
| d) Domain | - Di bank |

7. Kesimpulan

Responden Melanau di bandar Sarikei telah memilih empat bahasa domain di bank apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina. Domain ini menunjukkan bahawa orang-orang Melanau bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang lain dan dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang paling utama dipilih. Selain dialek Melayu Sarawak, orang-orang Melanau ini juga menggunakan bahasa rojak Melayu-Melanau, bahasa Melanau, dan bahasa

rojak Melayu-Iban. Dialek Melayu Sarawak merupakan pilihan utama dalam domain ini terutamanya ketika orang-orang Melanau berkomunikasi dengan orang Melayu dan sesama Melanau. Sekiranya orang-orang Melanau berkomunikasi dengan suku kaum Iban dan Cina, bahasa yang paling banyak digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

5.5.5 Pilihan Bahasa Domain Hospital dan Klinik

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain di hospital dan klinik dalam kalangan responden Melanau di bandar Sarikei. Interlokuter responden Melanau domain di hospital dan klinik ini terdiri daripada sesama Melanau, Melayu, Cina, dan Iban. Jadual 5.24 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.24Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Di Hospital dan Klinik

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Di Hospital dan Klinik | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|--|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Melanau | 40 | - | - | 32 | - | 37 | |
| Melayu | 40 | - | - | 5 | - | 32 | |
| Iban | 40 | - | - | - | 18 | 11 | |
| Cina | 40 | - | - | - | 15 | 9 | |
| Jumlah | 160 | 0 | 0 | 37 | 33 | 89 | 319 |
| % | 50 | 0 | 0 | 12 | 10 | 28 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau domain di hospital dan klinik adalah:

1. Apabila responden Melanau bercakap sesama Melanau, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 37 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
 - c) 32 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Melanau.
2. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Melayu, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 32 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
 - c) 5 dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih bahasa Iban.
3. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Iban, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 18 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 11 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
4. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Cina, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 19 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
 - c) 15 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.

5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain di hospital dan klinik responden

Melanau ialah 319 orang, iaitu:

- a) 160 orang atau 50% memilih dialek Melayu Sarawak sesama Melanau, Iban, Melayu, dan Cina.
- b) 89 orang atau 28% memilih juga bahasa rojak Melayu-Melanau sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina.
- c) 37 orang atau 12% memilih juga bahasa Melanau sesama Melanau dan Melayu.
- d) 33 orang atau 10% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Iban dan Cina.

6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain hospital dan klinik ini dapat diringkaskan seperti di bawah:

- | | |
|-------------------|--|
| a) Siapa bertutur | – Responden Melanau |
| b) Pilihan bahasa | – Dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Melanau |
| c) Interlokuter | - Sesama Melanau, Melayu, Iban dan Cina |
| d) Domain | - Di Hospital dan Klinik |

7. Kesimpulan

Responden Melanau di bandar Sarikei telah memilih empat bahasa domain di hospital dan klinik apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Melanau, Melayu, Iban dan Cina. Domain ini menunjukkan bahawa orang-orang Melanau bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang lain dan dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang paling utama dipilih. Selain dialek Melayu Sarawak, orang-orang Melanau ini juga menggunakan bahasa rojak Melayu-Melanau, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Iban.

Dialek Melayu Sarawak merupakan pilihan utama dalam domain ini terutamanya ketika orang-orang Melanau berkomunikasi dengan orang Melayu dan sesama Melanau. Sekiranya orang-orang Melanau berkomunikasi dengan suku kaum Iban dan Cina, bahasa yang paling banyak digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

5.5.6 Pilihan Bahasa Domain Sukan dan Riadhah

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain sukan dan riadhah dalam kalangan responden Melanau di Bandar Sarikei. Interlokuter responden Melanau domain sukan dan riadhah ini terdiri daripada sesama Melanau, Melayu, Cina, dan Iban. Jadual 5.25 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.25 Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Sukan dan Riadhah

| Interlokuter | Pilihan Bahasa Domain Sukan dan Riadhah | | | | | | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|---|------|------|---------|--------------------------|-----------------------------|--------------------|
| | Dialek Melayu Sarawak | Iban | Cina | Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | |
| Melanau | 38 | - | - | 21 | - | 36 | |
| Melayu | 40 | - | - | 18 | - | 34 | |
| Iban | 40 | - | - | - | 17 | 9 | |
| Cina | 40 | - | - | - | 14 | 13 | |
| Jumlah | 158 | 0 | 0 | 39 | 31 | 92 | 320 |
| % | 49 | 0 | 0 | 12 | 10 | 29 | 100 |

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau domain sukan dan riadhah adalah seperti:

1. Apabila responden Melanau bercakap sesama Melanau, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 38 dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 36 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
 - c) 21 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Melanau.
2. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Melayu, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 34 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
 - c) 18 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
3. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Iban, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 17 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
 - c) 9 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
4. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Cina, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 13 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
 - c) 10 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.

5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa untuk domain sukan dan riadhah responden Melanau ialah 320 orang, iaitu:
 - a) 158 orang atau 49% memilih dialek Melayu Sarawak sesama Melanau, Iban, Melayu, dan Cina.
 - b) 92 orang atau 29% memilih juga bahasa rojak Melayu-Melanau sesama Melanau dan Melayu.
 - c) 39 orang atau 12% memilih juga bahasa Melanau sesama Melanau dan Melayu.
 - d) 31 orang atau 10% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Iban dan Cina.
6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain sukan dan riadhah ini dapat diringkaskan seperti di bawah:

| | |
|-------------------|--|
| a) Siapa bertutur | – Responden Melanau |
| b) Pilihan bahasa | – Dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Melanau |
| c) Interlokuter | - Sesama Melanau, Melayu, Iban dan Cina |
| d) Domain | - Di padang permainan dan tempat rekreasi |

7. Kesimpulan

Responden Melanau di bandar Sarikei telah memilih empat bahasa domain sukan dan riadhah apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina. Domain ini menunjukkan bahawa orang-orang Melanau bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang lain dan dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang paling utama dipilih. Selain dialek Melayu Sarawak, orang-orang Melanau ini juga menggunakan bahasa rojak Melayu-Melanau, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Iban. Dialek Melayu Sarawak merupakan pilihan utama

dalam domain ini terutamanya ketika orang-orang Melanau berkomunikasi dengan orang Melayu dan sesama Melanau. Sekiranya orang-orang Melanau berkomunikasi dengan suku kaum Iban dan Cina, bahasa yang paling banyak digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

5.5.7 Rumusan Pilihan Bahasa Responden Melanau

Secara keseluruhannya, pilihan bahasa yang utama responden Melanau di bandar Sarikei tidak berbeza mengikut domain. Pilihan bahasa domain di rumah, persahabatan, di kedai, pasar, bank, hospital, klinik, sukan dan riadhah utamanya ialah dialek Melayu Sarawak.

5.6 Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur

Semua pasangan kahwin campur yang dikaji adalah pasangan yang tinggal dan bermastautin di bandar Sarikei. Jadual 5.26 menunjukkan jumlah dan pasangan yang dikaji dan telah menjawab soal selidik yang berkaitan dengan responden kahwin campur.

Jadual 5.26 Jumlah Pasangan Kahwin Campur

| Suku Kaum | | Jumlah |
|--------------------|---------|--------|
| Suami | Isteri | |
| Melayu | Iban | 10 |
| Iban | Melayu | 10 |
| Melayu | Melanau | 10 |
| Melanau | Melayu | 10 |
| Cina | Iban | 10 |
| Iban | Cina | 10 |
| Jumlah Keseluruhan | | 60 |

Jumlah keseluruhan pasangan kahwin campur yang telah menjawab soal selidik kajian ini ialah 60 orang. Pilihan bahasa pasangan kahwin campur yang berbeza keturunan antara suami dan isteri ini untuk melihat pilihan bahasa yang digunakan oleh mereka dalam menjalani kehidupan sehari-hari di Sarikei. Pasangan kahwin campur ini terdiri daripada pasangan Melayu yang berkahwin dengan Iban (suami dan isteri), pasangan Melayu yang berkahwin dengan Melanau (suami dan isteri) dan pasangan Cina yang berkahwin dengan Iban (suami dan isteri) yang telah dipilih secara rawak di pelbagai lokasi di bandar Sarikei.

5.6.1 Pilihan Bahasa Pasangan Melayu+Iban

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa pasangan kahwin campur lelaki Melayu yang berkahwin dengan perempuan Iban di bandar Sarikei. Jadual 5.27 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk pasangan ini.

Jadual 5.27 Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur Melayu+Iban

| Suku Kaum | | Pola Pilihan Bahasa | Jumlah Pasangan Yang Memilih | % |
|-----------|--------|---------------------|------------------------------|---|
| Suami | Isteri | | | |

| | | | | |
|--------|------|-----------------------------|----|-----|
| Melayu | Iban | Bahasa Rojak Melayu-Iban | 3 | 30 |
| | | Bahasa Iban | 5 | 50 |
| | | Dialek Melayu Sarawak | 2 | 20 |
| | | Bahasa Cina | - | 0 |
| | | Bahasa Melanau | - | 0 |
| | | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | - | 0 |
| Jumlah | | | 10 | 100 |

Jadual 5.27 di atas memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa pasangan kahwin campur Melayu+Iban di Sarikei. Pasangan Melayu+Iban ini telah memilih tiga bahasa, iaitu bahasa Iban, bahasa rojak Melayu-Iban dan dialek Melayu Sarawak. Di bawah ditunjukkan secara terperinci mengenai dapatan pasangan Melayu+Iban di bandar Sarikei:

1. Pasangan Melayu+Iban memilih tiga bahasa, iaitu:

- a) 5 pasangan dari keseluruhan 10 pasangan cenderung memilih bahasa Iban.
- b) 3 pasangan dari keseluruhan 10 pasangan cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
- c) 2 pasangan dari keseluruhan 10 pasangan cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.

2. Pasangan kahwin campur Melayu+Iban memilih bahasa Iban sebagai pilihan bahasa yang utama, iaitu berjumlah 5 orang jika dibandingkan dengan dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu-Iban.

3. Kesimpulan

Pasangan ini menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan pasangan mereka. Didapati bahasa Iban merupakan bahasa yang paling utama dipilih oleh pasangan ini. Selain bahasa Iban, pasangan ini juga ada menggunakan bahasa rojak Melayu-Iban dan dialek Melayu Sarawak.

Jadual 5.28 Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur Iban+Melayu

| Suku Kaum | | Pola Pilihan Bahasa | Jumlah Pasangan Yang Memilih | % |
|-----------|--------|-----------------------------|------------------------------|----|
| Suami | Isteri | | | |
| Iban | Melayu | Bahasa Rojak Melayu-Iban | 2 | 20 |
| | | Bahasa Iban | 5 | 50 |
| | | Dialek Melayu Sarawak | 3 | 30 |
| | | Bahasa Cina | - | 0 |
| | | Bahasa Melanau | - | 0 |
| | | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | - | 0 |
| Jumlah | | 10 | 100 | |

Jadual 5.28 di atas memaparkan kekerapan pilihan bahasa pasangan kahwin campur Iban+Melayu. Pasangan kahwin campur Iban+Melayu ini telah memilih tiga bahasa, iaitu bahasa rojak Melayu-Iban, bahasa Iban, dan dialek Melayu Sarawak. Di bawah ditunjukkan pilihan bahasa pasangan ini secara lebih terperinci:

1. Pasangan Iban+Melayu memilih tiga bahasa, iaitu:
 - a) 5 dari keseluruhan 10 pasangan cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 3 dari keseluruhan 10 pasangan cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
 - c) 2 dari keseluruhan 10 pasangan cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
2. Pasangan kahwin campur Iban+Melayu memilih bahasa Iban sebagai pilihan bahasa yang utama jika dibandingkan dengan dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu-Iban.
3. Kesimpulan

Pasangan ini menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan pasangan mereka dan bahasa Iban merupakan bahasa yang utama dipilih. Selain bahasa Iban, pasangan ini juga menggunakan bahasa rojak Melayu-Iban dan dialek Melayu Sarawak.

5.6.1.1 Rumusan Pilihan Bahasa Pasangan Melayu+Iban dan Iban+Melayu

Secara keseluruhannya, maklumat pilihan bahasa oleh pasangan kahwin campur yang dipaparkan menunjukkan bahasa Iban ialah bahasa yang utama. Dapat dirujuk bahawa setiap pasangan Melayu yang berkahwin dengan orang Iban akan memilih bahasa Iban sebagai bahasa utama dalam komunikasi sehari-hari mereka. Walau bagaimanapun, terdapat juga pilihan bahasa yang lain selain bahasa Iban, iaitu dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu-Iban.

Pilihan bahasa pasangan kahwin campur Melayu+Iban (suami Melayu dan isteri Iban) atau Iban+Melayu (suami Iban dan isteri Melayu) tidak menunjukkan wujudnya perbezaan. Selain itu, pilihan bahasa yang digunakan menunjukkan tidak dipengaruhi oleh pengaruh suami pasangan ini kerana bahasa yang utama antara pasangan ini sama, iaitu bahasa Iban. Oleh yang demikian, dapatan pasangan kahwin campur ini selaras dengan dapatan dari soal selidik mengikut domain (sila lihat ceraiian 6.3 dalam Bab 6) dan suku kaum (sila lihat ceraiian 5.2-5.5 dalam Bab 5 dan 6.2 dalam Bab 6), bahawa bahasa Iban adalah bahasa yang utama dipilih dalam kehidupan sehari-hari di bandar Sarikei.

5.6.2 Pilihan Bahasa Pasangan Iban+Cina

Bahagian ini akan membincangkan pilihan bahasa untuk pasangan kahwin campur lelaki Iban yang berkahwin dengan perempuan Cina di bandar Sarikei. Jadual 5.29 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5.29 Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur Iban+Cina

| Suku Kaum | | Pola Pilihan Bahasa | Jumlah Pasangan Yang Memilih | % |
|-----------|--------|-----------------------------|------------------------------|-----|
| Suami | Isteri | | | |
| Iban | Cina | Bahasa Rojak Melayu-Iban | 5 | 50 |
| | | Bahasa Iban | 5 | 50 |
| | | Bahasa Cina | - | 0 |
| | | Dialek Melayu Sarawak | - | 0 |
| | | Bahasa Melanau | - | 0 |
| | | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | - | 0 |
| Jumlah | | | 10 | 100 |

Jadual 5.29 di atas memaparkan kekerapan pilihan pasangan kahwin campur Iban+Cina di bandar Sarikei. Pasangan kahwin campur Iban+Cina ini telah memilih dua bahasa, iaitu bahasa rojak Melayu-Iban, dan bahasa Iban. Di bawah ditunjukkan pilihan bahasa pasangan ini secara lebih terperinci:

1. Pasangan Iban+Cina memilih dua bahasa, iaitu:
 - a) 5 pasangan dari keseluruhan 10 pasangan cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Iban.

- b) 5 pasangan dari keseluruhan 10 pasangan cenderung memilih bahasa Iban.
2. Pasangan kahwin campur Iban+Cina memilih bahasa rojak Melayu-Iban sebagai pilihan bahasa yang utama jika dibandingkan dengan bahasa Iban.
3. Kesimpulan

Pasangan ini menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan pasangan mereka dan bahasa rojak Melayu-Iban merupakan bahasa yang paling utama dipilih. Selain bahasa rojak Melayu-Iban, pasangan ini juga menggunakan bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak.

Jadual 5.30 Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur Cina-Iban

| Suku Kaum | | Pola Pilihan Bahasa | Jumlah Pasangan Yang Memilih | % |
|-----------|--------|-----------------------------|------------------------------|-----|
| Suami | Isteri | | | |
| Cina | Iban | Bahasa Rojak Melayu-Iban | 3 | 30 |
| | | Bahasa Iban | 7 | 70 |
| | | Bahasa Cina | - | 0 |
| | | Dialek Melayu Sarawak | - | 0 |
| | | Bahasa Melanau | - | 0 |
| | | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | - | 0 |
| Jumlah | | | 10 | 100 |

Jadual 5.30 di atas memaparkan kekerapan pilihan bahasa pasangan kahwin campur Cina+Iban di Sarikei. Pasangan kahwin campur Cina+Iban ini telah memilih dua bahasa, iaitu bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa Iban. Di bawah ditunjukkan pilihan bahasa pasangan ini secara lebih terperinci:

1. Pasangan Cina+Iban memilih dua bahasa, iaitu:
 - a) 7 pasangan dari keseluruhan 10 pasangan cenderung memilih bahasa Iban.
 - b) 3 pasangan dari keseluruhan 10 pasangan cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.

2. Pasangan kahwin campur Cina+Iban memilih bahasa Iban sebagai pilihan bahasa yang utama jika dibandingkan dengan bahasa rojak Melayu-Iban.

3. Kesimpulan

Pasangan ini menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan pasangan mereka dan bahasa Iban merupakan bahasa yang paling utama dipilih. Selain bahasa Iban, pasangan ini juga menggunakan bahasa rojak Melayu-Iban.

5.6.2.1 Rumusan Pilihan Bahasa Pasangan Iban+Cina

Secara keseluruhan maklumat pilihan bahasa oleh pasangan kahwin campur Cina+Iban (suami Cina dan isteri Iban) dan Iban+Cina (suami Iban dan isteri Cina) menunjukkan bahasa Iban ialah bahasa yang utama. Walau bagaimanapun, terdapat juga pilihan bahasa yang lain digunakan oleh pasangan ini selain bahasa Iban, iaitu bahasa rojak Melayu-Iban.

Pilihan bahasa yang utama oleh pasangan kahwin campur Cina+Iban dan Iban+Cina ini tidak menunjukkan perbezaan. Oleh yang demikian, pilihan bahasa setiap pasangan ini tidak dipengaruhi oleh pengaruh suami mereka kerana bahasa yang dipilih adalah sama bahasa Iban. Dapatan pilihan bahasa pasangan ini selaras dengan maklumat pilihan bahasa mengikut domain (sila lihat ceraiian 6.3 dalam Bab 6) dan suku kaum (sila lihat ceraiian 5.2-5.5 dalam Bab 5 dan 6.2 dalam Bab 6). Dalam bahagian tersebut, bahasa Iban merupakan bahasa yang utama dipilih dalam kehidupan sehari-

hari di Sarikei. Oleh yang demikian, pilihan bahasa pasangan kahwin campur yang melibatkan orang Cina dan Iban dipengaruhi oleh penggunaan bahasa Iban sebagai bahasa perhubungan utama dalam masyarakat pelbagai suku kaum di bandar Sarikei seperti yang telah dipaparkan pada bahagian awal bab ini.

Bahasa Cina tidak digunakan oleh pasangan Cina+Iban dan Iban+Cina. Walaupun orang Iban berkahwin dengan orang Cina, pasangan Cina+Iban ini tidak memilih bahasa Cina. Dalam pilihan bahasa Cina oleh pasangan ini tidak digunakan mungkin disebabkan bahasa Cina tidak pernah digunakan oleh orang Iban dan bahasa Cina juga tidak biasa digunakan. Oleh yang demikian, pasangan ini lebih mudah, selesa dan biasa memilih bahasa Iban, jika dibandingkan dengan bahasa Cina. Dalam masa yang sama, bahasa Iban juga telah diketahui dan boleh dituturkan oleh orang Cina. Tidak menjadi masalah kepada mereka untuk menggunakan bahasa Iban, apatah lagi ketika berkomunikasi dengan suami atau isteri dari suku kaum Cina. Bahasa Cina sememangnya dilihat hanya digunakan antara sesama Cina sahaja.

5.6.3 Pilihan Bahasa Pasangan Melayu+Melanau

1. Pasangan Melayu+Melanau memilih dua bahasa, iaitu:
 - a) 8 pasangan dari keseluruhan 10 pasangan cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 5 pasangan dari keseluruhan 10 pasangan juga cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.

2. Pasangan kahwin campur Melayu+Melanau memilih dialek Melayu Sarawak sebagai pilihan bahasa yang utama, jika dibandingkan dengan bahasa rojak Melayu-Melanau.

3. Kesimpulan

Pasangan ini menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan pasangan mereka dan dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang paling utama dipilih. Selain dialek Melayu Sarawak, pasangan ini juga menggunakan bahasa rojak Melayu-Melanau.

Bahagian ini akan membincangkan pilihan bahasa untuk pasangan kahwin campur lelaki Melayu yang berkahwin dengan perempuan Melanau di Sarikei. Jadual 5.31 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk pasangan tersebut.

Jadual 5.31 Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur Melayu+Melanau

| Suku Kaum | | Pola Pilihan Bahasa | Jumlah Pasangan Yang Memilih | % |
|-----------|---------|--------------------------|------------------------------|-----|
| Suami | Isteri | | | |
| Melayu | Melanau | Dialek Melayu Sarawak | 8 | 80 |
| | | Rojak Melayu-Melanau | 2 | 20 |
| | | Bahasa Cina | - | 0 |
| | | Bahasa Iban | - | 0 |
| | | Bahasa Melanau | - | 0 |
| | | Bahasa Rojak Melayu-Iban | - | 0 |
| Jumlah | | | 10 | 100 |

Jadual 5.31 di atas memaparkan pilihan bahasa pasangan kahwin campur Melayu+Melanau di bandar Sarikei. Pasangan kahwin campur Melayu+Melanau ini telah memilih dua bahasa, iaitu bahasa rojak Melayu-Melanau dan dialek Melayu Sarawak. Di bawah ditunjukkan pilihan bahasa pasangan ini secara lebih terperinci:

Jadual 5.32 Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur Melanau+Melayu

| Suku Kaum | | Pola Pilihan Bahasa | Jumlah Pasangan Yang Memilih | % |
|-----------|--------|--------------------------|------------------------------|-----|
| Suami | Isteri | | | |
| Melanau | Melayu | Dialek Melayu Sarawak | 7 | 70 |
| | | Rojak Melayu-Melanau | 3 | 30 |
| | | Bahasa Iban | - | 0 |
| | | Bahasa Cina | - | 0 |
| | | Bahasa Melanau | - | 0 |
| | | Bahasa Rojak Melayu-Iban | - | 0 |
| Jumlah | | | 10 | 100 |

Jadual 5.32 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa pasangan kahwin campur Melanau+Melayu. Pasangan kahwin campur Melanau+Melayu telah memilih dua bahasa, iaitu dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu-Melanau.

1. Pasangan Melanau+Melayu menggunakan dua bahasa, iaitu:
 - a) 7 pasangan dari keseluruhan 10 pasangan cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
 - b) 3 pasangan dari keseluruhan 10 pasangan cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.

Pasangan kahwin campur Melanau+Melayu memilih dialek Melayu Sarawak sebagai pilihan bahasa yang utama, jika dibandingkan dengan bahasa rojak Melayu-Melanau.

2. Kesimpulan

Pasangan ini menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan pasangan mereka dan dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang paling utama dipilih. Selain dialek Melayu Sarawak, pasangan ini juga menggunakan bahasa rojak Melayu-Melanau.

5.6.3.1 Rumusan Pilihan Bahasa Pasangan Melayu+Melanau

Maklumat pilihan bahasa oleh pasangan kahwin campur Melayu+Melanau (suami Melayu dan isteri Melanau) dan Melanau+Melayu (suami Melanau dan isteri Melayu) yang dipaparkan menunjukkan pilihan bahasa yang utama pasangan ini ialah dialek Melayu Sarawak. Walau bagaimanapun, terdapat juga pilihan bahasa yang lain juga digunakan oleh pasangan ini selain dialek Melayu Sarawak, iaitu bahasa rojak Melayu-Melanau.

Pilihan bahasa pasangan kahwin campur yang melibatkan orang Melayu dan Melanau dipengaruhi oleh bahasa yang digunakan sehari-hari orang Melayu dan Melanau di bandar Sarikei, iaitu dialek Melayu Sarawak. Maklumat pilihan bahasa pasangan ini tidak dipengaruhi oleh suami atau isteri pasangan ini kerana bahasa yang utama digunakan oleh semua pasangan ini adalah sama, iaitu dialek Melayu Sarawak. Oleh yang demikian, pilihan bahasa pasangan kahwin campur yang melibatkan orang Melayu dan Melanau dipengaruhi oleh penggunaan dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa perhubungan utama dari maklumat pilihan bahasa mengikut domain (sila lihat

ceraian 6.3 dalam Bab 6) dan suku kaum (sila lihat ceraian 5.2-5.5 dalam Bab 5 dan 6.2 dalam Bab 6) seperti yang telah dipaparkan pada bahagian awal bab ini.

5.7 Kesimpulan

Semua maklumat pilihan bahasa ini akan dirumuskan dalam Bab 6. Dalam konteks kajian ini, pilihan bahasa yang utama dikenal pasti sebagai elemen yang diperlukan ke arah membentuk *lingua franca*. Oleh itu, dalam Bab 6 kajian ini memberi rumusan ke atas kekerapan dan peratusan pilihan bahasa responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau untuk mendapatkan pilihan bahasa yang paling utama.

Semua domain pilihan bahasa yang dipaparkan dalam bab ini menunjukkan pilihan dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban sebagai bahasa yang utama. Selain itu, pilihan bahasa yang dipaparkan dalam bab ini jelas menunjukkan bahasa ibunda bagi semua suku kaum merupakan bahasa utama ketika berkomunikasi dengan ahli keluarga di rumah. Suku kaum Melayu memilih dialek Melayu Sarawak, Iban memilih bahasa Iban, Cina memilih bahasa Cina dan Melanau juga ada memilih bahasa Melanau walaupun mereka lebih banyak menggunakan dialek Melayu Sarawak. Penggunaan bahasa ibunda ketika bersama ahli keluarga dapat merapatkan hubungan antara setiap orang yang terdapat dalam keluarga mereka, terutamanya semasa berkomunikasi dengan mereka yang lebih tua, seperti ayah, ibu, datuk dan nenek (sila lihat Bab 7 yang menunjukkan analisis rakaman temu bual dengan responden).

Selain itu, maklumat yang dipaparkan dalam bab ini juga menunjukkan pilihan dua bahasa yang utama, iaitu dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban. Dialek Melayu Sarawak digunakan utamanya dalam domain keluarga Melayu, di bank, hospital dan klinik. Pilihan dialek Melayu Sarawak di bank, hospital dan klinik kerana keadaan orang yang bertugas di tempat-tempat tersebut mendapat pendidikan dan latihan menggunakan bahasa Melayu - variasi yang paling dekat adalah dialek Melayu Sarawak. Pilihan bahasa Iban pula disebabkan oleh majoriti penduduk di bandar Sarikei adalah suku kaum Iban dan bahasa Iban menjadi alat komunikasi yang biasa antara pelbagai suku kaum. Lebih mudah dan biasa digunakan bahasa Iban, terutamanya dalam situasi yang tidak formal seperti di kedai, dalam pergaulan dengan kawan atau rakan, di kedai, pasar dan semasa bersukan atau beriadah.

BAB 6

RUMUSAN DAPATAN PILIHAN BAHASA SOAL SELIDIK

6.1 Pendahuluan

Dapatan yang dipaparkan dalam bab ini dibina daripada dapatan yang telah dianalisis secara peratusan seperti yang dipaparkan dalam Bab 5. Dari pemaparan data itu telah dapat dirumuskan pilihan bahasa suku kaum Melayu, Iban, Cina, Melanau, dan kahwin campur dan analisis secara ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA untuk mendapatkan nilai min dan signifikan.

Justeru itu, rumusan yang disediakan dalam bab ini telah dikelompokkan mengikut dua bahagian, iaitu:

1. Domain (di rumah, persahabatan, kedai dan pasar, di bank, di hospital dan klinik serta sukan dan riadhah).
2. Responden (Melayu, Iban, Cina, Melanau dan pasangan kahwin campur).

Setiap paparan dan rumusan data akan disertakan dengan graf garis.

6.2 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Mengikut Domain

Bahagian ini akan merumuskan pilihan bahasa mengikut domain. Dalam analisis keseluruhan pilihan bahasa mengikut enam domain, semua maklumat pilihan bahasa responden yang dikaji di bandar Sarikei telah dirumus pada bahagian yang seterusnya.

6.2.1 Domain Di Rumah

Pilihan bahasa domain di rumah merupakan pilihan bahasa responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau dengan ahli keluarga mereka di rumah. Data ini telah diperolehi daripada dapatan soal selidik. Jadual 6.1 menunjukkan jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain di rumah oleh semua responden yang dikaji di bandar Sarikei.

Jadual 6.1 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain Di Rumah

| Pilihan Bahasa | Dialek Melayu Sarawak | Bahasa Iban | Bahasa Cina | Bahasa Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | Jumlah |
|----------------|-----------------------|-------------|-------------|----------------|--------------------------|-----------------------------|--------|
| | 73 | 200 | 120 | 32 | - | 38 | 463 |
| % | 16 | 43 | 26 | 7 | 0 | 8 | 100 |


Dalam domain di rumah, pilihan bahasa responden menunjukkan mereka menggunakan lima bahasa, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Cina, bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain di rumah ialah 463 pilihan bahasa.

Berdasarkan dapatan pilihan bahasa di rumah dapat dilihat setiap bahasa yang dipilih merupakan bahasa yang biasa digunakan oleh responden semasa mereka bertutur dengan ahli keluarga. Secara keseluruhannya, pilihan bahasa yang utama ialah bahasa Iban. Merujuk kepada Bab 5, bahasa Iban domain di rumah telah dipilih oleh responden Iban. Dialek Melayu Sarawak pula telah digunakan oleh responden Melayu dan Melanau. Bahasa Cina digunakan oleh responden Cina. Secara lebih khususnya, responden Iban hanya bertutur bahasa Iban, responden Melayu menuturkan dialek Melayu Sarawak dan responden Cina menuturkan bahasa Cina. Walau bagaimanapun, responden Melanau telah memilih tiga bahasa, berbeza dengan responden Melayu, Iban

dan Cina, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau atau bahasa rojak Melayu-Melanau.

Pilihan bahasa domain di rumah jelas menunjukkan responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau sememangnya memilih bahasa ibunda mereka masing-masing untuk bertutur dengan ahli keluarga mereka. Pilihan bahasa dalam keluarga seperti ini dapat mewujudkan komunikasi yang lebih berkesan, mesra dan dapat mewujudkan keintiman antara ahli keluarga (Norazuna 2009). Parasher dan Greenfield (dlm. Fishman 1972) juga telah meneliti pilihan bahasa domain di rumah, iaitu kajian terhadap penduduk Puerto Rico dan di India. Mereka telah mendapati bahawa setiap pilihan bahasa domain keluarga oleh seseorang penutur di rumah akan menunjukkan kemesraan dan keintiman hubungan antara ahli keluarga. Selain itu, dalam domain ini juga menunjukkan terdapatnya peranan perhubungan (*role-relation*). Dalam keluarga terdapatnya peranan perhubungan antara suami dengan isteri, ibu bapa dengan anak dan sebagainya. Maka, dalam domain di rumah yang melibatkan komunikasi antara ahli keluarga, penutur itu akan menggunakan bahasa ibunda mereka seperti yang telah didapati dari maklumat pilihan bahasa di bandar Sarikei. Graf Garis 6.1 di bawah juga memaparkan maklumat pilihan bahasa domain di rumah oleh responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau.

Graf Garis 6.1 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain Di Rumah



Graf garis 6.1 di atas menunjukkan pilihan bahasa yang digunakan oleh responden di rumah berdasarkan enam pilihan bahasa. Jumlah pilihan bahasa dalam graf garis berkenaan menunjukkan pilihan bahasa berdasarkan jumlah responden yang memilih bahasa ibunda masing-masing terutamanya responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau. Walau bagaimanapun, responden Melanau tidak menggunakan bahasa Melanau, tetapi telah memilih dialek Melayu Sarawak dan juga bahasa rojak Melayu-Melanau ketika berinteraksi dengan ahli keluarga di rumah.

6.2.2 Domain Persahabatan

Pilihan bahasa domain persahabatan merupakan pilihan bahasa yang digunakan oleh responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau berkomunikasi dengan kawan dan jiran mereka. Data ini telah diperolehi daripada dapatan soal selidik. Jadual 6.2 menunjukkan jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain persahabatan oleh setiap responden tersebut.

Jadual 6.2 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain Persahabatan

| Pilihan Bahasa | Dialek Melayu Sarawak | Bahasa Iban | Bahasa Cina | Bahasa Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | Jumlah |
|-----------------------|------------------------------|--------------------|--------------------|-----------------------|---------------------------------|------------------------------------|---------------|
| | 686 | 979 | 120 | 61 | 719 | 110 | 4340 |
| % | 16 | 23 | 3 | 1 | 17 | 3 | 100 |

Dalam domain persahabatan, terdapat enam bahasa telah dipilih, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Cina, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden domain persahabatan ialah 4340 pilihan bahasa.

Berdasarkan Jadual 6.2, penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat pelbagai suku kaum di bandar Sarikei apabila bertutur dengan kawan dan jiran, mereka memilih bahasa Iban sebagai bahasa yang utama, iaitu 23%. Dalam domain ini, responden hanya bertutur bahasa Iban sahaja. Selain itu, bahasa Iban juga ada digunakan oleh responden Melayu apabila bertutur dengan orang Iban, Cina dan juga sesama Melayu. Responden Cina memilih bahasa Iban apabila bertutur dengan orang Iban, Melayu dan sesama Cina. Merujuk kepada pilihan bahasa Iban oleh responden Melayu dan Cina, sememangnya bahasa Iban ialah bahasa yang utama domain persahabatan jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa yang lain.


Selain bahasa Iban, penggunaan bahasa rojak Melayu-Iban dan dialek Melayu Sarawak juga penting dalam hubungan antara kawan dan jiran di bandar Sarikei. Bahasa rojak Melayu-Iban dan dialek Melayu Sarawak cenderung digunakan oleh responden Melayu dan Cina. Bagi pilihan bahasa Cina dan bahasa Melanau hanya digunakan oleh responden Cina dan Melanau sahaja.

Pilihan bahasa Iban sebagai bahasa yang utama dalam domain persahabatan oleh suku kaum Melayu, Iban, dan Cina di bandar Sarikei kerana bahasa Iban merupakan bahasa perhubungan sehari-hari antara suku kaum tersebut di bandar Sarikei. Bahasa Iban adalah bahasa yang paling utama dipilih kerana dapat mewujudkan kemesraan antara penutur. Parasher dan Greenfield (dlm. Fishman 1972) dalam kajian mereka, menyatakan bahasa yang dipilih dalam domain persahabatan dan juga kejiiran perlu dapat menunjukkan kemesraan antara penutur dengan rakan atau jiran mereka. Hasil temu bual yang telah dijalankan di bandar Sarikei (Sila lihat Bab 7) juga telah mendapati sememangnya bahasa Iban sangat penting digunakan antara penutur yang pelbagai bahasa di bandar Sarikei dan juga bahasa yang utama dalam hubungan persahabatan dan juga kejiiran.

Selain itu, bahasa Iban juga mudah untuk digunakan dalam domain persahabatan di Sarikei, kerana di bandar Sarikei mempunyai ramai penduduk dari suku kaum Iban. Di samping itu, bahasa Iban sangat meluas digunakan dalam apa-apa aktiviti dan juga kegiatan sehari-hari di bandar Sarikei, terutamanya semasa bergaul dengan kawan dan jiran mereka. Faktor pilihan bahasa dalam domain persahabatan ini, menurut Grosjean (1982: 136) sebagai faktor pilihan bahasa yang dipengaruhi oleh situasi, iaitu latar (*location/setting*), kuasa hubungan (*power relation*) dan juga boleh dikaitkan dengan tahap keformalan (*degree of formality*) dan juga tahap keakraban (*degree of intimacy*).

Oleh yang demikian, bahasa Iban sangat penting dan utama dalam domain persahabatan di bandar Sarikei, terutama dalam kalangan responden Iban, Melayu dan Cina. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain persahabatan juga dapat dirujuk dalam Graf Garis 6.2 di bawah.

Graf Garis 6.2 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain Persahabatan



Graf garis di atas menunjukkan pilihan bahasa domain persahabatan di bandar Sarikei. Dapatan tersebut menunjukkan pilihan bahasa responden yang dikaji ketika mereka berkomunikasi dengan kawan-kawan dan jiran tetangga dalam situasi tidak formal dan tempat berlakunya perbualan pula tidak menentu, yakni mungkin di rumah, kedai kopi, tepi jalan dan sebagainya.

Graf Garis 6.2 telah menunjukkan skor pilihan bahasa yang paling tinggi dan utama ialah bahasa Iban diikuti oleh bahasa rojak Melayu-Iban dan dialek Melayu Sarawak. Oleh yang demikian, jelas juga dari graf berkenaan, tiga pilihan bahasa ini banyak dipilih jika dibandingkan dengan bahasa Cina, bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu-Melanau.

6.2.3 Domain Kedai dan Pasar

Pilihan bahasa domain kedai dan pasar merupakan pilihan bahasa yang digunakan oleh responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau semasa membeli barang atau berurusan di kedai atau pasar. Jadual 6.3 menunjukkan jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain di kedai dan pasar oleh setiap responden tersebut.

Jadual 6.3 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain Kedai dan Pasar

| Pilihan Bahasa | Dialek Melayu Sarawak | Bahasa Iban | Bahasa Cina | Bahasa Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | Jumlah |
|-----------------------|------------------------------|--------------------|--------------------|-----------------------|---------------------------------|------------------------------------|---------------|
| | 705 | 968 | 120 | 58 | 762 | 114 | 2727 |
| % | 26 | 35 | 4 | 2 | 28 | 4 | 100 |


Terdapat enam pilihan bahasa domain kedai dan pasar, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Cina, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain kedai dan pasar ialah 2727 pilihan bahasa.

Bahasa Iban merupakan pilihan bahasa yang utama domain di kedai dan pasar. Bahasa Iban telah dipilih oleh responden apabila bertutur sesama Iban, Melayu, dan Cina. Responden Melayu juga menggunakan bahasa Iban apabila bertutur dengan orang Iban, dan Cina, bahkan apabila berkomunikasi sesama Melayu juga.

Dalam domain ini, penggunaan dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu-Iban hampir sama banyak digunakan, iaitu 26% dan 28%. Penggunaan bahasa Cina dan bahasa rojak Melayu-Melanau tidak begitu penting, iaitu hanya 4% kedua-dua bahasa itu. Hanya 2% responden menuturkan bahasa Melanau dalam domain ini, iaitu antara sesama Melanau dan juga Melayu.

Bahasa Iban merupakan bahasa yang mudah untuk digunakan semasa berhubung dalam masyarakat yang pelbagai suku kaum di bandar Sarikei. Selain itu, faktor demografi suku kaum Iban yang ramai telah menyebabkan bahasa Iban banyak digunakan dalam domain di kedai dan pasar. Lanjutan daripada dapatan dari domain persahabatan, telah menunjukkan bahasa Iban sangat meluas digunakan dalam apa-apa aktiviti dan juga kegiatan sehari-hari di bandar Sarikei, termasuk juga semasa di kedai dan pasar. Oleh yang demikian, bahasa Iban sangat penting dan utama dalam domain kedai dan pasar di Sarikei, terutama dalam kalangan responden Iban, Melayu dan Cina. Pilihan bahasa Iban sebagai bahasa perhubungan utama antara sesama suku kaum yang pelbagai di kedai dan pasar juga dipengaruhi oleh suku kaum Cina yang menjalankan perniagaan di bandar Sarikei. Suku kaum Cina menggunakan bahasa Iban semasa mereka berniaga terutamanya ketika berurusan dengan pelanggan Iban dan Melayu. Oleh itu, bahasa Iban telah dipilih sebagai bahasa yang utama semasa jual beli di kedai dan pasar di bandar Sarikei. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain kedai dan pasar juga ditunjukkan dalam Graf Garis 6.3.

Graf Garis 6.3 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain Kedai dan Pasar



Graf garis di atas menunjukkan pilihan bahasa domain kedai dan pasar di bandar Sarikei. Dapatan tersebut menunjukkan penggunaan bahasa responden yang dikaji ketika mereka berkomunikasi di kawasan kedai dan pasar dalam situasi tidak formal.

Graf Garis 6.3 juga menunjukkan pilihan bahasa yang paling tinggi dan utama ialah bahasa Iban diikuti oleh bahasa rojak Melayu-Iban dan dialek Melayu Sarawak. Oleh yang demikian, jelas juga dari graf berkenaan, tiga pilihan bahasa ini banyak dipilih jika dibandingkan dengan bahasa Cina, bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu-Melanau.

6.2.4 Domain di Bank

Pilihan bahasa domain di bank merupakan pilihan bahasa yang digunakan oleh responden Melayu, Iban, Cina, dan Melanau semasa mereka berurusan di bank. Jadual

6.4 menunjukkan jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain di bank oleh setiap responden tersebut.

Jadual 6.4 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain Di Bank


| Pilihan Bahasa | Dialek Melayu Sarawak | Bahasa Iban | Bahasa Cina | Bahasa Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | Jumlah |
|----------------|-----------------------|-------------|-------------|----------------|--------------------------|-----------------------------|--------|
| | 962 | 743 | 120 | 43 | 767 | 113 | 2748 |
| % | 35 | 27 | 4 | 2 | 28 | 4 | 100 |

Berdasarkan Jadual 6.4, terdapat enam bahasa dipilih domain di bank, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Cina, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban, dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain ini ialah 2748 pilihan bahasa.

Pilihan bahasa yang utama domain di bank adalah dialek Melayu Sarawak, diikuti oleh bahasa rojak Melayu-Iban, bahasa Iban, bahasa Cina, bahasa rojak Melayu-Melanau dan seterusnya bahasa Melanau. Maklumat pilihan bahasa domain di bank ini menunjukkan dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa perhubungan yang utama, iaitu 37%. Responden Melayu menggunakan dialek Melayu Sarawak apabila bertutur dengan sesama Melayu, Iban, Cina dan Melanau. Responden Iban pula menggunakan dialek Melayu Sarawak apabila bertutur dengan orang Melayu, Cina dan Melanau. Responden Cina telah menggunakan dialek Melayu Sarawak apabila bertutur dengan orang Melayu, Iban dan Melanau. Responden Melanau menggunakan dialek Melayu Sarawak apabila bertutur dengan sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina. Bahasa rojak Melayu-Iban yang mempunyai jumlah melebihi bahasa Iban telah dipilih oleh responden Melayu, Iban dan Cina. Bahasa Iban pula susut jumlah keseluruhannya dengan domain persahabatan serta kedai dan pasar kebanyakannya dipilih oleh responden Iban sahaja.

Pilihan dialek Melayu Sarawak utama apabila berurusan di bank disebabkan oleh situasi di bank yang formal. Selain situasi, urusan kewangan yang dilakukan di bank juga telah menyebabkan responden terpaksa menggunakan dialek Melayu Sarawak. Walau bagaimanapun, pilihan bahasa yang lain juga ada digunakan seperti bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa Iban kerana semasa responden itu (Iban) berurusan di bank, pegawai bank yang bertugas juga dari suku kaum Iban. Sebab yang lain juga adalah ada antara responden yang berada di bank, seperti responden Iban tidak begitu memahami cara, dokumen dan juga urusan tertentu dan terpaksa diterangkan dengan menggunakan bahasa Iban oleh pegawai bank. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain di bank juga ditunjukkan dalam Graf Garis 6.4.

Graf Garis 6.4 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain di Bank



Graf Garis 6.4 di atas menunjukkan jumlah pilihan bahasa domain di bank responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau di bandar Sarikei. Domain di bank merujuk kepada

bahasa yang digunakan oleh responden berinteraksi dengan pegawai bank yang bertugas mengenai urusan kewangan responden. Situasi di bank juga berbeza, iaitu formal jika dibandingkan dengan situasi di rumah, persahabatan, kedai dan pasar.

Pilihan bahasa yang utama semasa responden di bank ialah dialek Melayu Sarawak. Pilihan dialek Melayu Sarawak banyak digunakan di bank kerana pegawai yang bertugas menggunakan dialek Melayu Sarawak dengan semua pelanggan mereka yang datang ke bank. Pilihan dialek Melayu Sarawak ini juga oleh pegawai-pegawai yang bertugas di bank disebabkan mereka berpendidikan. Dalam masa yang sama, variasi dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu standard tidak begitu berbeza dan pilihan bahasa ini lebih memudahkan urusan responden semasa mereka di bank. Walau bagaimanapun, terdapat juga pilihan bahasa yang kedua utama semasa di bank, iaitu bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa Iban. Pilihan bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa Iban digunakan setelah responden yang terdiri daripada orang Iban dan Cina yang kurang mahir dan memahami dialek Melayu Sarawak dengan baik. Interaksi antara pegawai bank dengan responden Iban dan Cina ini pada mulanya menggunakan dialek Melayu Sarawak, tetapi digantikan dengan penggunaan bahasa rojak Melayu-Iban dan juga bahasa Iban agar urusan yang sedang dibuat di bank itu dapat difahami oleh responden berkenaan.

6.2.5 Domain di Hospital dan Klinik

Pilihan bahasa domain di hospital dan klinik merupakan pilihan bahasa yang digunakan oleh responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau berurusan di hospital dan klinik. Jadual 6.5 menunjukkan jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain di hospital dan klinik di bandar Sarikei oleh setiap responden tersebut.

Jadual 6.5 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain di Hospital dan Klinik

| Pilihan Bahasa | Dialek Melayu Sarawak | Bahasa Iban | Bahasa Cina | Bahasa Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | Jumlah |
|-----------------------|------------------------------|--------------------|--------------------|-----------------------|---------------------------------|------------------------------------|---------------|
| | 989 | 325 | 120 | 52 | 313 | 115 | 1914 |
| % | 52 | 17 | 6 | 3 | 16 | 6 | 100 |


Terdapat enam pilihan bahasa domain di hospital dan klinik digunakan oleh responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau. Pilihan bahasa tersebut ialah dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Cina, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain di hospital dan klinik ialah 1914 pilihan bahasa.

Pilihan bahasa utama domain ini ialah dialek Melayu Sarawak, iaitu 52%. Dialek Melayu Sarawak dipilih oleh responden Melayu apabila bertutur dengan sesama Melayu, Iban, Cina, dan Melanau. Responden Iban pula menggunakan dialek Melayu Sarawak apabila bertutur dengan orang Melayu, Cina dan Melanau. Responden Cina menggunakan dialek Melayu Sarawak apabila bertutur dengan orang Melayu, Iban dan Melanau. Responden Melanau menggunakan dialek Melayu Sarawak apabila bertutur dengan sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina. Pilihan bahasa dalam domain ini juga menunjukkan penggunaan bahasa Iban dan bahasa rojak Melayu Iban dan dilihat mempunyai jumlah yang hampir sama, iaitu 17% dan 16%. Bahasa Melanau hanya dipilih 3% daripada jumlah keseluruhan responden yang berurusan di hospital dan klinik.

Pilihan bahasa yang digunakan oleh responden dalam domain hospital dan klinik dipengaruhi oleh situasi di hospital dan klinik. Situasi di hospital dan klinik merupakan

situasi formal, jika dibandingkan dengan di kedai dan pasar, persahabatan, dan di rumah. Di hospital responden akan berkomunikasi dengan jururawat dan doktor yang bertugas. Pilihan bahasa yang sesuai dan biasa digunakan di dalam situasi formal ialah dialek Melayu Sarawak, sama seperti pilihan domain di bank. Responden ini memilih dialek Melayu Sarawak disebabkan keperluan mereka untuk memberitahu dan menjelaskan kepada jururawat atau doktor mengenai masalah kesihatan. Dengan memilih dialek Melayu Sarawak, komunikasi antara responden dengan jururawat dan doktor akan menjadi lebih mudah difahami agar mereka dapat menerima rawatan dan mendapatkan perhatian yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, sekiranya seseorang itu tidak berapa mahir menggunakan dialek Melayu Sarawak, terutamanya suku kaum Iban dan Cina, pilihan bahasa yang akan digunakan ialah bahasa rojak Melayu-Iban. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain di hospital dan klinik ditunjukkan dalam Graf Garis 6.5.

Graf Garis 6.5 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain di Hospital dan Klinik



Pilihan bahasa yang dipilih oleh responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau di bandar Sarikei menunjukkan dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang utama di hospital dan klinik. Pilihan bahasa yang digunakan di hospital dan klinik tidak begitu jauh berbeza dengan pilihan bahasa di bank. Oleh yang demikian, pilihan bahasa yang digunakan di hospital dan klinik juga dipengaruhi oleh situasi yang formal serta doktor dan jururawat yang bertugas juga dari kalangan mereka yang berpendidikan.

Pilihan bahasa di hospital dan klinik banyak menggunakan dialek Melayu Sarawak juga disebabkan oleh banyak perkara mengenai perubatan, penyakit, rawatan, ubat dan sebagai tidak dapat disampaikan dengan pesakit atau responden dengan baik dan selain dialek Melayu Sarawak yang tidak begitu berbeza dengan variasi bahasa Melayu standard. Oleh itu, pilihan dialek Melayu Sarawak dominan di hospital dan klinik jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa yang lain.

6.2.6 Domain Sukan dan Riadhah

Pilihan bahasa domain sukan dan riadhah merupakan pilihan bahasa yang digunakan oleh responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau semasa mereka bersukan atau beriadah di padang permainan dan tempat-tempat rekreasi. Jadual 6.6 menunjukkan jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain sukan dan riadhah.

Jadual 6.6 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain Sukan dan Riadhah


| Pilihan Bahasa | Dialek Melayu Sarawak | Bahasa Iban | Bahasa Cina | Bahasa Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | Jumlah |
|----------------|-----------------------|-------------|-------------|----------------|--------------------------|-----------------------------|--------|
| | 727 | 964 | 120 | 53 | 762 | 117 | 2743 |
| % | 27 | 35 | 4 | 2 | 28 | 4 | 100 |

Berdasarkan Jadual 6.6, terdapat enam pilihan bahasa domain sukan dan riadhah, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Cina, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain sukan dan riadhah ialah 2727 pilihan bahasa.

Maklumat pilihan bahasa domain sukan dan riadhah ini menunjukkan bahawa bahasa Iban ialah bahasa perhubungan yang utama. Responden Iban merupakan penutur yang paling banyak menggunakan bahasa Iban semasa berkomunikasi dengan sesama Iban, Cina, dan Melayu. Responden Melayu pula menggunakan bahasa Iban apabila bertutur dengan sesama Melayu, Iban, Cina dan Melanau. Responden Cina menggunakan bahasa Iban apabila bertutur dengan orang Melayu, Iban dan Melanau. Dalam domain ini, penggunaan bahasa Melanau dan bahasa Cina dilihat sama, iaitu 4%. Hanya 2% bahasa Melanau digunakan dalam domain sukan dan riadhah.

Bahasa Iban dipilih sebagai bahasa yang utama disebabkan bahasa Iban merupakan bahasa yang utama telah digunakan sebagai bahasa sehari-hari dalam banyak aktiviti di bandar Sarikei, termasuk juga semasa bersukan dan beriadah. Semasa bersukan, seseorang itu perlu mempunyai hubungan yang mesra dengan rakan mereka dan perkara ini dipengaruhi oleh bahasa yang digunakan semasa mereka berinteraksi, iaitu bahasa Iban. Selain itu, jumlah orang Iban di bandar Sarikei yang paling ramai juga mempengaruhi pilihan bahasa Iban untuk digunakan semasa seseorang itu bersukan dengan rakan mereka. Grosjean (1982: 136-138) telah mengaitkan pilihan bahasa seperti ini disebabkan oleh keakraban (*intimacy*), situasi (*location*). Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain sukan dan riadhah ini juga ditunjukkan dalam Graf Garis 6.6.

Graf Garis 6.6 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Domain Sukan dan Riadhah



Graf Garis 6.6 di atas menunjukkan beberapa bahasa yang banyak dipilih semasa responden bersukan dan beriadah. Semasa responden bersukan dan beriadah, mereka akan berinteraksi dengan rakan atau kawan yang dikenali atau sesiapa sahaja yang sama

dalam aktiviti permainan di padang atau tempat-tempat rekreasi. Di bandar Sarikei menunjukkan bahasa Iban merupakan pilihan yang utama di samping bahasa rojak Melayu-Iban dan juga dialek Melayu Sarawak. Bahasa Iban telah digunakan oleh responden.

6.3 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Mengikut Responden

Bahagian ini merumuskan dapatan pilihan bahasa mengikut suku kaum yang dikaji, iaitu Melayu, Iban, Cina, Melanau dan pasangan kahwin campur. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa untuk setiap responden ini ditunjukkan pada bahagian seterusnya.

6.3.1 Pilihan Bahasa Responden Melayu

Bahagian ini akan membincangkan keseluruhan hasil pilihan bahasa responden Melayu di bandar Sarikei. Jadual 6.7 memaparkan jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Melayu untuk semua domain kajian.

Jadual 6.7 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Melayu

| Pilihan Bahasa | Dialek Melayu Sarawak | Bahasa Iban | Bahasa Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | Bahasa Cina | Jumlah |
|----------------|-----------------------|-------------|----------------|--------------------------|-----------------------------|-------------|--------|
| | 753 | 365 | 62 | 351 | 125 | - | 1656 |
| % | 45 | 22 | 3 | 21 | 9 | 0 | 100 |

Secara keseluruhannya, responden Melayu telah memilih lima bahasa, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa dalam kalangan responden Melayu ialah 1656 pilihan bahasa, iaitu:


- i. 753 atau 45% dialek Melayu Sarawak.
- ii. 365 atau 22% bahasa Iban.
- iii. 351 atau 21% bahasa rojak Melayu-Iban.
- iv. 125 atau 9% bahasa rojak Melayu-Melanau.
- v. 62 atau 3% bahasa Melanau.

Pilihan bahasa yang utama dalam kalangan responden Melayu di bandar Sarikei ialah dialek Melayu Sarawak. Selain dialek Melayu Sarawak, orang-orang Melayu juga ada memilih bahasa Iban, bahasa rojak Melayu-Iban, bahasa rojak Melayu-Melanau, dan bahasa Melanau.

Sebab utama orang-orang Melayu memilih dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa yang utama di bandar Sarikei ialah dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa ibunda kepada orang-orang Melayu. Dalam hal ini, dapat dirujuk dapatan yang dipaparkan dalam Jadual 6.1 di atas dan juga ceraihan 5.2.1 dalam Bab 5, dialek Melayu telah digunakan sebagai bahasa yang paling dominan dalam domain di rumah. Selain itu, dengan merujuk kepada ceraihan 5.2.2-5.2.6 dalam Bab 5 juga menunjukkan bahawa responden Melayu ini telah memilih dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa yang utama domain persahabatan, di bank, di pasar dan kedai, di hospital dan klinik serta sukan dan riadhah. Hampir semua domain yang dikaji menunjukkan responden Melayu memilih dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa yang utama.

Sebab-sebab lain jumlah pilihan dialek Melayu Sarawak di bandar Sarikei tinggi ialah orang-orang Melanau cenderung untuk menggunakan dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa komunikasi sehari-hari mereka, walaupun dengan sesama Melanau. Semua pengaruh yang menyebabkan orang-orang Melayu di bandar Sarikei memilih dialek Melayu Sarawak ini juga dapat dibuktikan melalui dapatan temu bual dalam Bab 7, kerana semua responden yang ditemu bual menyatakan mereka sangat cenderung menggunakan dialek Melayu Sarawak jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa yang lain. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Melayu ini juga dapat dirujuk dalam Graf Garis 6.7.

Graf Garis 6.7 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Melayu Di Bandar Sarikei



Graf Garis 6.7 menunjukkan pilihan bahasa responden Melayu yang paling utama ialah dialek Melayu Sarawak. Walau bagaimanapun, jumlah pilihan bahasa Iban dan bahasa rojak Melayu-Iban hampir sama bagi orang Melayu di Sarikei. Bahasa Iban yang digunakan oleh orang Melayu disebabkan jumlah penduduk Iban yang ramai di bandar Sarikei. Oleh itu, penggunaan bahasa Iban telah menjadi sangat meluas dan mudah untuk digunakan termasuk juga orang-orang Melayu. Penggunaan bahasa rojak Melayu-Iban oleh orang-orang Melayu ini pula disebabkan pengaruh bahasa ibunda dan juga bahasa Iban. Dalam sebuah komuniti yang pelbagai suku kaum seperti di bandar Sarikei, campur kod sangat mudah untuk berlaku terutamanya oleh orang Melayu yang tidak begitu mahir berbahasa Iban tetapi berinteraksi dengan orang Iban.

6.3.2 Pilihan Bahasa Responden Iban

Bahagian ini akan membincangkan jumlah keseluruhan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa responden Iban di bandar Sarikei. Jadual 6.8 memaparkan keseluruhan pilihan bahasa untuk responden tersebut.

Jadual 6.8 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Iban

| Pilihan Bahasa | Dialek Melayu Sarawak | Bahasa Iban | Bahasa Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | Bahasa Cina | Jumlah |
|----------------|-----------------------|-------------|----------------|--------------------------|-----------------------------|-------------|-------------|
| | 1569 | 2837 | - | 1926 | - | - | 6332 |
| % | 25 | 45 | 0 | 30 | 0 | 0 | 100 |

Responden Iban di bandar Sarikei telah memilih tiga bahasa untuk digunakan dalam interaksi mereka sehari-hari, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban dan bahasa rojak Melayu-Iban. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa dalam kalangan responden Iban ini ialah 6332 pilihan bahasa, iaitu:


- i. 2837 atau 45% bahasa Iban.
- ii. 1926 atau 30% bahasa rojak Melayu-Iban.
- iii. 1569 atau 25% dialek Melayu Sarawak.

Secara keseluruhannya, pilihan bahasa yang utama dalam kalangan responden Iban di bandar Sarikei ialah bahasa Iban. Bahasa Iban ini telah dipilih semasa orang-orang Iban ini berkomunikasi dengan sesama Iban, orang Melayu dan Cina. Selain itu, orang-orang Iban di bandar Sarikei juga ada menggunakan bahasa rojak Melayu-Iban dan dialek Melayu Sarawak.

Sebab utama orang-orang Iban memilih bahasa Iban sebagai bahasa perhubungan di bandar Sarikei kerana bahasa Iban adalah bahasa ibunda mereka. Dalam hal ini, dapatan yang dipaparkan dalam Jadual 6.2 di atas dan juga ceraiian 5.3.1-5.3.6 dalam Bab 5, di mana orang-orang Iban memilih bahasa Iban sebagai bahasa yang utama domain persahabatan, di pasar dan kedai, serta sukan dan riadhah. Sebab-sebab lain yang telah menyebabkan jumlah bahasa Iban tinggi ialah penggunaan bahasa ini dalam komunikasi antara orang Melayu dan Cina. Oleh yang demikian, orang-orang Iban tidak perlu untuk menggunakan bahasa selain bahasa Iban untuk berinteraksi dengan orang Melayu dan Cina. Secara keseluruhan, dapatan dari Bab 5 juga sangat jelas menunjukkan bahasa Iban merupakan pilihan utama orang Iban, Melayu dan Cina jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa yang lain. Semua pengaruh yang menyebabkan

orang-orang Melayu, Iban dan Cina di bandar Sarikei memilih bahasa Iban ini juga telah disahkan dari analisis temu bual dengan responden Melayu dan Cina dalam Bab 7. Graf garis di bawah menunjukkan jumlah pilihan bahasa responden Iban di bandar Sarikei.

Graf Garis 6.8 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Iban Di Bandar Sarikei



Graf garis 6.8 di atas menunjukkan pilihan bahasa Iban merupakan pilihan yang utama responden Iban di bandar Sarikei. Walau bagaimanapun, jumlah pilihan dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu-Iban hampir sama. Faktor yang menyebabkan pilihan dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu-Iban hampir sama disebabkan oleh faktor sosial yang telah dibincangkan di awal perbincangan dapatan pilihan bahasa responden Iban.

6.3.3 Pilihan Bahasa Responden Cina

Bahagian ini akan membincangkan jumlah keseluruhan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa responden Cina di bandar Sarikei. Jadual 6.9 memaparkan keseluruhan pilihan bahasa untuk responden tersebut.

Jadual 6.9 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Cina

| Pilihan Bahasa | Dialek Melayu Sarawak | Bahasa Iban | Bahasa Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | Bahasa Cina | Jumlah |
|----------------|-----------------------|-------------|----------------|--------------------------|-----------------------------|-------------|-------------|
| | 1020 | 1315 | - | 1305 | - | 720 | 4360 |
| % | 23 | 30 | 0 | 30 | 0 | 17 | 100 |

Responden Cina di bandar Sarikei telah memilih empat bahasa, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Cina dan bahasa rojak Melayu-Iban. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa dalam kalangan responden Cina ini ialah 4360 pilihan bahasa, iaitu:

- i. 1315 atau 30% bahasa Iban.
- ii. 1305 atau 30% bahasa rojak Melayu-Iban.


iii. 1020 atau 23% dialek Melayu Sarawak.

iv. 720 atau 17% bahasa Cina.

Pilihan bahasa yang utama dalam kalangan responden Cina di bandar Sarikei ialah bahasa Iban, diikuti oleh bahasa rojak Melayu-Iban dan seterusnya dialek Melayu Sarawak. Maklumat ini menunjukkan responden Cina telah memilih bahasa Iban sebagai bahasa perhubungan yang utama di bandar Sarikei.

Sebab utama orang-orang Cina memilih bahasa Iban sebagai bahasa yang utama di bandar Sarikei kerana bahasa Iban merupakan bahasa sehari-hari yang biasa dipilih oleh responden Cina. Bahasa Iban telah biasa digunakan antara responden Iban berkomunikasi dengan suku kaum Melayu dan Iban. Sebab yang lain bahasa Iban digunakan oleh responden Cina adalah disebabkan oleh pergaulan sehari-hari mereka di bandar Sarikei. Suku kaum Cina lebih banyak bergaul dengan suku kaum Iban jika dibandingkan dengan suku kaum yang lain, seperti Melayu dan Melanau. Responden Cina banyak berhubung dan berinteraksi dengan suku kaum Iban, dan bahasa utama antara mereka ialah bahasa Iban. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Cina di bandar Sarikei ini juga ditunjukkan dalam Graf Garis 6.9.

Graf Garis 6.9 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Cina di Bandar Sarikei.



Didapati jumlah bahasa Iban merupakan pilihan bahasa yang utama responden Cina di bandar Sarikei. Jumlah pilihan bahasa Iban dengan bahasa rojak Melayu-Iban hampir sama. Bahasa Iban dan bahasa rojak Melayu-Iban digunakan oleh orang-orang Cina ini disebabkan oleh bilangan penduduk di bandar Sarikei majoritinya orang Iban. Dalam pergaulan sehari-hari, apatah lagi orang-orang Cina ini adalah peniaga, kebolehan untuk bertutur bahasa Iban atau sekurang-kurang bahasa rojak Melayu-Iban akan dapat menarik pelanggan untuk membeli barangan yang diperlukan, terutamanya orang Iban. Semua urusan jual beli di kedai atau pasarjuga dapat dijalankan dengan lancar tanpa berlaku masalah antara peniaga dan juga pembeli.

6.3.4 Pilihan Bahasa Responden Melanau

Bahagian ini akan membincangkan jumlah keseluruhan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa responden Melanau di bandar Sarikei. Jadual 6.10 memaparkan jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau.

Jadual 6.10 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Melanau

| Pilihan Bahasa | Dialek Melayu Sarawak | Bahasa Iban | Bahasa Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | Bahasa Cina | Jumlah |
|-----------------------|------------------------------|--------------------|-----------------------|---------------------------------|------------------------------------|--------------------|---------------|
| | 823 | - | 230 | - | 482 | - | 1535 |
| % | 54 | 0 | 15 | 0 | 31 | 0 | 100 |

Responden Melanau di bandar Sarikei telah memilih tiga bahasa, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa dalam kalangan responden Melanau ini ialah 1535 pilihan bahasa, iaitu:


- i. 823 atau 54% dialek Melayu Sarawak.
- ii. 482 atau 31% bahasa rojak Melayu-Melanau.
- iii. 230 atau 15% bahasa Melanau.

Pilihan bahasa tertinggi dalam kalangan responden Melanau di bandar Sarikei ialah dialek Melayu Sarawak, diikuti oleh bahasa rojak Melayu-Melanau dan bahasa Melanau. Maklumat ini menunjukkan responden Melanau telah memilih dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa perhubungan yang utama di bandar Sarikei.

Suku kaum Melanau banyak memilih dialek Melayu Sarawak disebabkan oleh faktor pergaulan sehari-hari mereka dengan suku kaum Melayu. Suku kaum Melanau lebih banyak bergaul dengan suku kaum Melayu jika dibandingkan dengan suku kaum yang lain. Selain itu, suku kaum Melanau juga tinggal di kampung Melayu, menjalani

kehidupan sehari-hari bersama dengan orang Melayu. Oleh yang demikian, suku kaum Melanau lebih banyak memilih dialek Melayu Sarawak dalam komunikasi mereka. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau ditunjukkan dalam Graf Garis 6.10.

Graf Garis 6.10 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Melanau Di Bandar Sarikei



Graf Garis 6.10 telah menunjukkan responden Melanau banyak menggunakan dialek Melayu Sarawak berbanding bahasa-bahasa yang lain. Bagi orang Melanau, selain dialek Melayu Sarawak, bahasa rojak Melayu-Melanau merupakan pilihan yang kedua dan bukannya bahasa rojak Melayu-Iban. Pilihan bahasa ini berlaku disebabkan perkaitan suku kaum yang Melanau dengan Melayu sangat erat. Selain itu, pengaruh agama Islam juga telah menyebabkan pilihan bahasa responden Melanau ini berbeza dengan suku kaum yang lain. Orang-orang Melanau di bandar Sarikei hidup dan tinggal di kawasan kampung Melayu. Pilihan bahasa responden Melanau ini sangat dipengaruhi oleh orang-orang Melayu yang tinggal dalam kampung yang sama. Pilihan bahasa responden Melanau juga dipengaruhi pergaulan sehari mereka dengan suku kaum Iban dan Melayu.

6.3.5 Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur

Bahagian ini akan membincangkan jumlah keseluruhan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa pasangan kahwin campur di bandar Sarikei. Pasangan kahwin campur yang dikaji dalam kajian ini ialah pasangan Melayu+Iban, Iban+Melayu, Cina+Iban, Iban+Cina, Melayu+ Melanau dan Melanau+Melayu. Jadual 6.11 memaparkan jumlah keseluruhan pilihan bahasa yang dipilih oleh pasangan kahwin campur tersebut.

Jadual 6.11 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur

| Pilihan Bahasa | Dialek Melayu Sarawak | Bahasa Iban | Bahasa Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | Bahasa Cina | Jumlah |
|-----------------------|------------------------------|--------------------|-----------------------|---------------------------------|------------------------------------|--------------------|---------------|
| | 20 | 22 | - | 13 | 5 | - | 60 |
| % | 33 | 37 | 0 | 22 | 8 | 0 | 100 |

Pasangan kahwin campur di Sarikei telah memilih empat bahasa, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa dalam kalangan pasangan kahwin campur ini ialah 60 pilihan bahasa, iaitu:


- i. 22 atau 37% bahasa Iban.
- ii. 20 atau 33% dialek Melayu Sarawak.
- iii. 13 atau 22% bahasa rojak Melayu-Iban.
- iv. 5 atau 8% Melanau cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.

Pilihan bahasa tertinggi dalam kalangan pasangan kahwin campur di bandar Sarikei ialah bahasa Iban, diikuti oleh dialek Melayu Sarawak, bahasa rojak Melayu-Iban dan seterusnya bahasa rojak Melayu-Melanau dan bahasa Melanau. Maklumat Jadual 6.11

menunjukkan bahasa Iban merupakan pilihan bahasa yang utama jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa yang lain.

Bahasa Iban dipilih sebagai bahasa yang utama oleh pasangan Melayu yang berkahwin dengan Iban dan juga pasangan Iban yang berkahwin dengan Cina. Pilihan bahasa ini digunakan oleh pasangan-pasangan ini disebabkan bahasa Iban sememangnya telah diketahui oleh orang Melayu atau Cina sebelum mereka berkahwin dengan orang Iban lagi. Apabila mereka berkahwin, tidak menjadi masalah kepada orang Melayu dan Cina ini menggunakan bahasa Iban. Selain itu, bahasa Iban juga dapat memudahkan komunikasi antara pasangan yang berkahwin dengan orang Iban. Semua pihak memahami dan boleh bertutur bahasa Iban dengan baik. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa pasangan kahwin campur ini ditunjukkan dalam Graf Garis 6.11.

Graf Garis 6.11 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Pasangan Kahwin Campur



Graf 6.11 menunjukkan pilihan bahasa Iban melebihi jumlah bahasa-bahasa yang lain digunakan oleh pasangan kahwin campur di bandar Sarikei. Bahasa Iban telah digunakan oleh pasangan Melayu+Iban dan Cina+Iban sebagai bahasa perhubungan pasangan berkenaan. Pilihan dialek Melayu juga banyak dipilih terutamanya oleh pasangan Melayu+Iban dan Melayu+Melanau.

Bahasa Cina dan bahasa Melanau tidak digunakan langsung oleh pasangan kahwin campur tersebut. Walaupun terdapat orang Cina berkahwin dengan orang Iban, bahasa Cina tidak digunakan antara mereka kerana mereka lebih banyak menggunakan bahasa Iban atau bahasa rojak Melayu-Iban. Begitu juga dengan orang Melanau yang berkahwin dengan orang Melayu, pasangan tersebut menggunakan dialek Melayu Sarawak atau bahasa rojak Melayu-Melanau.

6.4 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Di Bandar Sarikei

Bahagian ini akan merumuskan secara keseluruhan pilihan bahasa yang telah dipilih oleh semua responden di bandar Sarikei. Maklumat yang dipaparkan dalam Jadual 6.18 merupakan rangkuman daripada pilihan bahasa yang telah dipilih oleh responden Melayu, Iban, Cina, Melanau dan pasangan kahwin campur dalam domain di rumah, persahabatan, kedai dan pasar, di bank, di hospital dan klinik serta sukan dan riadah.

Jadual 6.12 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Di Bandar Sarikei

| Pilihan Bahasa | Dialek Melayu Sarawak | Bahasa Iban | Bahasa Cina | Bahasa Melanau | Bahasa Rojak Melayu-Iban | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | Jumlah |
|----------------|-----------------------|-------------|-------------|----------------|--------------------------|-----------------------------|--------|
| Jumlah | 4185 | 4537 | 720 | 292 | 3595 | 607 | 13644 |
| % | 31 | 33 | 5 | 2 | 26 | 4 | 100 |

Secara keseluruhannya, terdapat enam pilihan bahasa yang telah digunakan oleh responden Melayu, Iban, Cina, Melanau dan pasangan kahwin campur di bandar Sarikei, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Cina, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Melayu, Iban, Cina, Melanau dan kahwin campur di bandar Sarikei ini ialah 13644 pilihan bahasa, iaitu:

- f) 4537 atau 33% pilihan bahasa Iban.
- g) 4185 atau 31% pilihan dialek Melayu Sarawak.
- h) 3595 atau 26% pilihan bahasa rojak Melayu-Iban.
- i) 720 atau 6% pilihan bahasa Cina.
- j) 607 atau 8% pilihan bahasa rojak Melayu-Melanau.
- k) 292 atau 2% pilihan bahasa Melanau.

Berdasarkan Jadual di atas, pilihan bahasa yang utama dipilih dan digunakan di bandar Sarikei ialah bahasa Iban dengan jumlah 4537 atau 33%. Bahasa Iban telah digunakan oleh responden Iban, Melayu, Cina, dan pasangan kahwin campur Melayu+Iban, Iban+Melayu, Cina+Iban, dan Iban+Cina.

Suku kaum Melayu, Iban dan Cina memilih bahasa Iban sebagai bahasa yang utama dalam domain persahabatan, kedai dan pasar, serta sukan dan riadah. Penggunaan bahasa Iban telah susut dalam domain di bank serta hospital dan klinik kerana dialek Melayu Sarawak digunakan sebagai bahasa yang utama dalam domain ini. Dalam domain di rumah, responden Melayu, Iban, dan Cina memilih bahasa ibunda mereka masing-masing sebagai pilihan yang utama, kecuali responden Melanau kerana

mereka kurang menggunakan bahasa ibunda, tetapi lebih banyak memilih dialek Melayu Sarawak.

Selain faktor di atas, bahasa Iban juga dipilih kerana dapat menunjukkan keakraban dan keintiman hubungan seseorang dengan seseorang yang lain. Dalam hubungan seseorang dengan seseorang yang lain di bandar Sarikei serta antara pelbagai suku kaum, pilihan bahasa Iban dapat menunjukkan rasa keakraban dan keintiman antara mereka. Menurut Grosjean (1982: 137-139),

“The degree of intimacy between the speakers is important”.

dan,

“Bilinguals speaking among themselves may choose a particular language so as not to stand out from the people around them”.

Grosjean telah mengaitkan hal ini dengan faktor peserta dan juga situasi.

Pilihan dialek Melayu Sarawak pula adalah sebagai bahasa yang kedua paling utama selepas bahasa Iban. Walaupun dialek Melayu Sarawak hanya sebagai pilihan yang kedua, dialek Melayu Sarawak sangat penting dan utama digunakan di bank, hospital dan klinik. Dialek Melayu Sarawak telah dipilih sebagai bahasa yang utama dalam domain-domain ini kerana dialek Melayu Sarawak lebih disesuaikan dengan situasi dan urusan yang dijalankan semasa di bank serta hospital dan klinik. Selain itu, faktor taraf pendidikan pegawai bank, jururawat dan doktor yang bertugas juga mempengaruhi pilihan bahasa dalam domain-domain ini. Taraf pendidikan yang tinggi telah menyebabkan para pegawai bank, jururawat dan doktor lebih banyak menggunakan dialek Melayu Sarawak semasa mereka bertugas di bank dan semasa jururawat dan

doktor memberi rawatan kepada pesakit di hospital dan klinik. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya jumlah pilihan bahasa untuk semua domain antara dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban tidak begitu menonjolkan keutamaan kerana hampir sama jumlah peratusan, iaitu hanya berbeza 2% sahaja.

Dalam domain di bank, hospital dan klinik, penggunaan dialek Melayu Sarawak banyak digunakan antara pelanggan atau pesakit dengan mereka yang bertugas di tempat tersebut dan kurang menggunakan bahasa-bahasa yang lain termasuk juga bahasa Melayu standard. Bahasa Melayu standard tidak digunakan di bank, hospital dan klinik di bandar Sarikei disebabkan pekerja di bank, jururawat dan doktor merupakan penduduk tempatan negeri Sarawak. Mereka lebih mudah dan merasa selesa untuk menggunakan bahasa tempatan terutamanya dialek Melayu Sarawak. Sebab yang lain ialah ramai di antara orang di negeri Sarawak terutamanya golongan yang telah berusia, suku kaum Iban, Cina dan Melanau yang berurusan di bank, pesakit yang pergi ke hospital dan klinik kurang mahir dan tidak fasih bertutur bahasa Melayu standard. Perkara yang paling utama yang menyebabkan dialek Melayu Sarawak digunakan sebagai bahasa yang utama di bank, hospital dan klinik kerana dialek Melayu Sarawak adalah bahasa tempatan yang paling sesuai dengan situasi dan tempat tersebut.

Pilihan bahasa di bank, hospital dan klinik menunjukkan faktor situasi yang sudah dijelaskan pada bahagian yang sebelumnya. Situasi di tempat-tempat ini lebih formal daripada tempat-tempat seperti di rumah, kedai, pasar dan bersukan. Situasi pilihan bahasa dapat dibahagikan kepada dua, iaitu formal dan tidak formal. Menurut Grosjean (1982: 139),

“The formality of situation has been reported by a number of researchers to play a role in language choice”.

dan Holmes (2001: 26) juga mengaitkan pilihan bahasa dengan situasi sebagai,

“The setting and dimension of formality may also be important in selecting an appropriate variety or code”.


Pilihan bahasa yang ketiga dipilih ialah bahasa rojak Melayu-Iban dengan jumlah 3595 atau 26%. Pilihan bahasa ini sesuai dengan pilihan bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak yang membawa kepada percampurandua bahasa berkenaan sebagai bahasa rojak. Bahasa rojak Melayu-Iban merupakan bahasa yang dipilih sekiranya responden Melayu, Iban, dan Cina tidak menggunakan sama ada bahasa Iban atau dialek Melayu Sarawak.

Pilihan bahasa Cina pula menunjukkan pilihan yang keempat di bandar Sarikei dengan jumlah keseluruhan 720 atau 6%. Pilihan bahasa Cina ini hanya digunakan semasa komunikasi sesama Cina sahaja dan dipilih dalam semua domain. Begitu juga dengan pilihan bahasa rojak Melayu-Melanau. Bahasa rojak Melayu-Melanau hanya digunakan antara responden Melayu dengan responden Melanau sahaja dengan jumlah 607 atau 4%.

Bahasa Melanau pula menunjukkan pilihan yang paling rendah di bandar Sarikei jika dibandingkan dengan pilihan bahasa yang lain. Didapati responden Melayu dan

Melanau sahaja yang menggunakan bahasa Melanau, dan responden Cina dan Cina tidak memilih bahasa ini dalam komunikasi sehari-hari mereka. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa yang telah dibincangkan ditunjukkan dalam Graf Garis 6.12.

Graf Garis 6.12 Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Di Bandar Sarikei



6.5 Ujian ANOVA Dapatan Pilihan Bahasa Di Bandar Sarikei

Analisis ANOVA adalah untuk menentukan sama ada pilihan bahasa responden yang dikaji, iaitu Melayu, Iban, Cina dan Melanau serta bahasa yang dipilih, iaitu dialek

Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Cina, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau mempunyai hubungan yang signifikan ataupun tidak dengan rujukan aras signifikan $p < 0.05$ dan tidak signifikan $p > 0.05$. Pilihan bahasa pasangan kahwin campur tidak dapat dianalisis dalam bahagian ini disebabkan jumlah keseluruhan bahasa-bahasa yang diperolehi daripada pasangan ini tidak cukup untuk dianalisis menggunakan ANOVA.

Bahagian ini akan membincangkan analisis ujian ANOVA ke atas dua sumber pilihan bahasa (*source*), iaitu responden dan bahasa. Jadual 6.19 memaparkan hasil ujian ANOVA ke atas unsur-unsur pilihan bahasa.

Jadual 6.13 Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Responden dan Bahasa Di Bandar Sarikei

| Sumber | Darjah Kebebasan (df) | F | Signifikan |
|---------------|------------------------------|----------|-------------------|
| Responden | 3 | 32.030 | 0.00 |
| Bahasa | 5 | 35.039 | 0.00 |

Analisis yang dilakukan di sini adalah untuk membuat perbandingan antara jumlah keseluruhan pilihan bahasa (N) dengan responden yang dikaji dan bahasa yang dipilih.

Berdasarkan Jadual 6.13, hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA responden secara keseluruhannya menunjukkan df 3 dengan F 32.030 dan nilai $p = 0.000$ ($p < 0.005$). Ini bermaksud bahawa dapatan pilihan bahasa responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau yang mempunyai darjah kebebasan (df) dan nilai statistik adalah signifikan. Oleh yang demikian, nilai yang signifikan ini menunjukkan bahawa responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau berbeza pilihan bahasa.

Dalam ujian ANOVA ke atas keseluruhan bahasa yang dipilih di bandar Sarikei, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Cina, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban, dan bahasa rojak Melayu-Melanau juga menunjukkan nilai yang signifikan apabila $p=0.00$ ($p<0.05$). Dengan itu, antara setiap bahasa yang dipilih, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Cina, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban, dan bahasa rojak Melayu-Melanau di Sarikei berbeza-beza jumlah keseluruhan yang telah dipilih oleh responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau di bandar Sarikei.

Bahagian yang seterusnya akan memaparkan secara terperinci hasil analisis ANOVA setiap golongan responden dan bahasa-bahasa yang dipilih di bandar Sarikei sama ada signifikan atau tidak.

6.5.1 Ujian LSD Ke Atas Hasil Analisis ANOVA Jumlah Keseluruhan Mengikut Responden

Hasil analisis ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA terhadap responden merujuk kepada responden Melayu, Iban, Cina, dan Melanau dengan jumlah bahasa yang dipilih secara keseluruhan (N). Jadual 6.20 memaparkan hasil analisis pilihan bahasa responden Melayu dengan responden Iban, Cina dan Melanau.

6.5.1.1 Responden Melayu

Jadual 6.14 memaparkan hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA ke atas jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Melayu dengan responden Iban, Cina dan Melanau di bandar Sarikei.

Jadual 6.14 Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Responden Melayu

| (I) Responden Yang Dianalisis | (J) Ke atas Jumlah | (I-J) Perbezaan Nilai Min | Nilai Signifikan |
|-------------------------------------|-----------------------|------------------------------|---------------------|
| Responden Melayu | Responden Iban | -136.944 | 0.000 |
| | Responden Cina | -76.6111 | 0.000 |
| | Responden Melanau | -2,3056 | 0.889 |

*Nilai signifikan pada aras 0.05, N=36

*Perbandingan antara nilai perbezaan min yang semakin kecil menunjukkan hasil ujian yang lebih signifikan.

Hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA merupakan jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Melayu ke atas responden Iban dan Cina di Bandar Sarikei. Jumlah pilihan bahasa responden Melayu ke atas responden Iban menunjukkan perbezaan nilai min -136.944 dengan nilai signifikan $p=0.00$ ($p<0.05$). Begitu juga dengan responden Melayu ke atas responden Cina dengan perbezaan nilai min ialah -76.611 dengan nilai signifikan $p=0.00$ ($p<0.05$). Hasil ujian ini menunjukkan jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Melayu ke atas responden Iban, dan Cina itu berbeza antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA responden Melayu ke atas responden Melanau pula menunjukkan nilai min -2,3056 dengan nilai yang tidak signifikan, iaitu $p=0.889$ ($p>0.05$). Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Melayu dengan responden Melanau adalah tidak berbeza.

6.5.1.2 Responden Iban

Jadual 6.15 memaparkan hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA responden Iban ke atas responden Melayu, Cina dan Melanau di bandar Sarikei.

Jadual 6.15 Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Responden Iban

| (I) Responden Yang Dianalisis | (J) Ke atas Jumlah | (I-J) Perbezaan Nilai Min | Nilai Signifikan |
|-------------------------------------|-----------------------|------------------------------|---------------------|
|-------------------------------------|-----------------------|------------------------------|---------------------|

| | | | |
|----------------|-------------------|-----------|-------|
| Responden Iban | Responden Melayu | 136.9444* | 0.000 |
| | Responden Cina | 60.3333* | 0.000 |
| | Responden Melanau | 134.6389* | 0.000 |

*Nilai signifikan pada aras 0.05, N=36

*Perbandingan antara nilai perbezaan min (I-J) yang semakin kecil menunjukkan hasil ujian yang lebih signifikan.

Hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA di atas menunjukkan jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Iban ke atas responden Melayu, Cina dan Melanau di bandar Sarikei. Hasil analisis ini menunjukkan nilai min antara responden Iban ke atas responden Melayu ialah 136.9444 dengan nilai yang signifikan $p=0.00$ ($p<0.05$). Begitu juga antara responden Iban ke atas responden Cina yang mempunyai perbezaan nilai min 60.333 dengan nilai yang signifikan $p=0.00$ ($p<0.05$). Dalam analisis yang sama, perbezaan nilai min antara responden Iban ke atas responden Melanau menunjukkan perbezaan nilai min 134.6389, juga signifikan apabila $p=0.05$ ($p<0.05$). Ini bermaksud jumlah pilihan bahasa responden Iban berbeza dengan jumlah pilihan bahasa oleh responden Melayu, Cina dan Melanau.

6.5.1.3 Responden Cina

Jadual 6.16 memaparkan hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA responden Cina ke atas responden Melayu, Iban dan Melanau di bandar Sarikei.

Jadual 6.16 Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Responden Cina

| (II) Responden Yang Dianalisis | (J) Ke atas Jumlah | (I-J) Perbezaan Nilai Min | Nilai Signifikan |
|--------------------------------------|-----------------------|---------------------------------|---------------------|
| Responden Cina | Responden Melayu | 76.6111 | 0.000 |
| | Responden Iban | -60.3333 | 0.000 |
| | Responden Melanau | 74.3056 | 0.000 |

*Nilai signifikan pada aras 0.05, N=36

*Perbandingan antara nilai perbezaan min (I-J) yang semakin kecil menunjukkan hasil ujian yang lebih signifikan.

Jadual 6.16 di atas menunjukkan hasil analisis ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA ke atas jumlah pilihan bahasa responden Cina ke atas responden Melayu, Iban dan Melanau. Nilai perbezaan min antara responden Cina ke atas Melayu menunjukkan

76.6111 dengan nilai yang, iaitu $p=0.00$ ($p<0.05$). Nilai perbezaan min antara responden Cina ke atas Iban pula ialah -60.333 dengan nilai yang signifikan $p=0.00$ ($p<0.05$). Selain itu, nilai perbezaan min antara responden Cina ke atas responden Melanau ialah 74.3056 dengan nilai yang signifikan, iaitu $p=0.00$ ($p<0.05$). Hasil analisis ke atas responden Cina di bandar Sarikei ini menunjukkan jumlah pilihan bahasa yang berbeza-beza dengan responden Melayu, Melanau, dan Iban.

6.5.1.4 Responden Melanau

Jadual 6.17 memaparkan hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA pilihan bahasa responden Melanau ke atas responden Melayu, Iban, dan Cina di bandar Sarikei.

Jadual 6.17 Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Responden Melanau

| (I) Responden Yang Dianalisis | (J) Ke atas Jumlah | (I-J) Perbezaan Nilai Min | Nilai Signifikan |
|-------------------------------------|-----------------------|---------------------------------|---------------------|
| Responden Melanau | Responden Melayu | 2,3056 | 0.889 |
| | Responden Iban | -134.5389* | 0.000 |
| | Responden Cina | -74.3056* | 0.000 |

*Nilai signifikan pada aras 0.05, $N=36$

*Perbandingan antara nilai perbezaan min (I-J) yang semakin kecil menunjukkan hasil ujian yang lebih signifikan.

Jadual 6.17 di atas menunjukkan hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA ke atas jumlah pilihan bahasa responden Melanau ke atas responden Melayu, Iban dan Cina di Sarikei. Didapati responden Melanau ke atas responden Melayu mempunyai nilai perbezaan min 2,3056 dengan nilai yang tidak signifikan, iaitu $p=0.889$ ($p>0.05$). Walau

bagaimanapun, nilai perbezaan min -134.5389 responden Melanau ke atas responden Iban pula menunjukkan nilai yang signifikan, iaitu $p=0.00$ ($p<0.05$). Responden Melanau ke atas responden Cina pula menunjukkan nilai perbezaan min -4.3056 dan nilai ini adalah signifikan $p=0.00$ ($p<0.05$). Oleh itu, jumlah pilihan bahasa responden Melanau menunjukkan tiada perbezaan ke atas responden Melayu tetapi berbeza pula ke atas responden Iban dan Cina.

6.5.1.6 Rumusan Hasil Ujian LSD Ke Atas Hasil Analisis ANOVA Pilihan Bahasa Mengikut Responden

Secara keseluruhannya, ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA dalam kalangan responden Melayu, Iban, Cina, dan Melanau mempunyai dua dapatan yang utama, iaitu signifikan ($p<0.05$) dan juga tidak signifikan ($p>0.05$). Jumlah pilihan bahasa responden di bandar Sarikei yang signifikan ini menunjukkan terdapatnya perbezaan jumlah pilihan bahasa ke atas mereka, dan nilai yang tidak signifikan pula menunjukkan tidak terdapatnya perbezaan jumlah keseluruhan pilihan bahasa. Semua maklumat yang berkaitan dengan jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden yang signifikan ataupun tidak signifikan dirumuskan di bawah:

1. Nilai yang signifikan ($p<0.05$)

- i) antara responden Melayu dengan Iban, dan Cina.
- ii) antara responden Iban dengan Melayu, Cina, dan Melanau.
- iii) antara responden Cina dengan Melayu, Iban dan Melanau.

2. Nilai yang tidak signifikan ($p>0.05$)

- i) antara responden Melanau dan Melayu.
- ii) antara responden Melayu dan Melanau.

Nilai yang signifikan dapat dirumuskan antara responden Melayu ke atas responden Iban dan Cina di bandar Sarikei. Begitu juga dengan bahasa yang dipilih oleh responden Iban ke atas responden Melayu, Cina dan Melanau. Begitu juga dengan responden Cina ke atas Melayu, Iban dan Melanau.

Oleh yang demikian, jelas bahawa jumlah pilihan bahasa yang telah diuji dengan analisis LSD dengan hasil analisis ANOVA yang signifikan ini menunjukkan setiap pilihan bahasa golongan responden adalah berbeza. Jumlah pilihan bahasa responden Melayu, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban, dan bahasa rojak Melayu-Melanau berbeza ke atas responden Iban dan Cina. Jumlah pilihan bahasa responden Iban, iaitu bahasa Iban, dialek Melayu Sarawak, dan bahasa rojak Melayu-Iban juga menunjukkan perbezaan ke atas pilihan responden Melayu, Cina, dan Melanau.

Pilihan bahasa responden Cina, iaitu bahasa Cina, bahasa Iban, dialek Melayu Sarawak, dan bahasa rojak Melayu-Iban berbeza ke atas pilihan responden Iban, Cina dan Melanau. Pilihan bahasa responden Melanau juga berbeza ke atas pilihan responden Iban dan Cina, iaitu pilihan bahasa dialek Melayu Sarawak, dan bahasa rojak Melayu-Iban.

Hasil analisis pilihan bahasa antara responden Melayu ke atas responden Melanau di bandar Sarikei menunjukkan bahasa yang dipilih tidak berbeza antara responden

tersebut. Setiap pilihan bahasa antara responden Melayu dan Melanau, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu-Melanau adalah sama.

6.5.2 Analisis Ujian LSD Ke Atas Analisis ANOVA Pilihan Bahasa

Hasil analisis ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA terhadap bahasa yang dipilih merujuk kepada dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Cina, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau ke atas jumlah bahasa yang dipilih secara keseluruhan (N).

6.5.2.1 Dialek Melayu Sarawak

Jadual 6.18 menunjukkan hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA dialek Melayu Sarawak ke atas bahasa Iban, bahasa Cina, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau.

Jadual 6.18 Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Dialek Melayu Sarawak

| (I) Bahasa Yang Dianalisis | (J) Ke atas Jumlah | (I-J) Perbezaan Nilai Min | Nilai Signifikan |
|-------------------------------------|-----------------------------|---------------------------------|---------------------|
| Dialek Melayu Sarawak | Bahasa Iban | -22,3750 | 0.269 |
| | Bahasa Cina | 142.5833* | 0.000 |
| | Bahasa Melanau | 160.1250* | 0.000 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Iban | 17,0833 | 0.398 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | 147.2917* | 0.000 |

*Nilai signifikan pada aras 0.05, N=24

*Perbandingan antara nilai perbezaan min (I-J) yang semakin kecil menunjukkan hasil ujian yang lebih signifikan.

Analisis ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Iban menunjukkan perbezaan nilai min -22,3750 dan tidak signifikan apabila nilai $p=0.269$ ($p>0.05$). Begitu juga dengan analisis dialek Melayu Sarawak ke atas bahasa rojak Melayu-Iban, kerana mempunyai perbezaan nilai min 17,0833 dan $p=0.398$ ($p>0.05$). Nilai yang ditunjukkan juga telah memberi maklumat bahawa antara dialek Melayu Sarawak ke atas bahasa Iban dan bahasa rojak Melayu-Iban tidak berbeza.

Walau bagaimanapun, hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melanau menunjukkan perbezaan nilai min 160.1250 dan nilai signifikan $p=0.00$ ($p<0.05$). Selain itu, antara dialek Melayu Sarawak ke atas bahasa Cina menunjukkan perbezaan nilai min 142.5833 dan nilai signifikan $p=0.00$ ($p<0.05$). Perbezaan nilai min antara dialek Melayu Sarawak ke atas bahasa rojak Melayu-Melanau ialah 147.2917 dan nilai signifikan $p=0.00$ ($p<0.05$). Oleh yang demikian, antara dialek Melayu Sarawak, bahasa Cina, bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu-Melanau berbeza.

6.5.2.2 Bahasa Iban

Jadual 6.19 menunjukkan hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA bahasa Iban ke atas dialek Melayu Sarawak, bahasa Cina, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau.

Jadual 6.19 Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Bahasa Iban

| (I) Bahasa | (J) Ke atas Jumlah | (I-J) Perbezaan | Nilai Signifikan |
|---------------|-----------------------|--------------------|---------------------|
|---------------|-----------------------|--------------------|---------------------|

| Yang Dianalisis | | Nilai Min | |
|------------------------|-----------------------------|------------------|-------|
| Bahasa Iban | Dialek Melayu Sarawak | 22,3750 | 0.269 |
| | Bahasa Cina | 164.9583* | 0.000 |
| | Bahasa Melanau | 182.5000* | 0.000 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Iban | 39,4583 | 0.052 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | 169.6667* | 0.000 |

*Nilai signifikan pada aras 0.05 N=24

*Perbandingan antara nilai perbezaan min (I-J) yang semakin kecil menunjukkan hasil ujian yang lebih signifikan.

Jadual 6.19 memaparkan hasil analisis bahasa Iban ke atas dialek Melayu Sarawak dengan perbezaan nilai min 22,3750 dengan nilai tidak signifikan $p=0.269$ ($p>0.05$). Nilai perbezaan min bahasa Iban ke atas bahasa Cina pula ialah 164.9583 dan mempunyai nilai yang signifikan $p=0.00$. Begitu juga dengan perbezaan nilai min bahasa Iban ke atas bahasa Melanau, iaitu 182.500 dan signifikan $p=0.00$ ($p<0.05$). Nilai perbezaan min bahasa Iban ke atas bahasa rojak Melayu-Iban ialah 39,4583 yang tidak signifikan $p=0.052$ ($p>0.05$). Nilai perbezaan min bahasa Iban ke atas bahasa rojak Melayu-Melanau menunjukkan 169.6667 dan signifikan $p=0.000$ ($p<0.05$). Maklumat dari nilai perbezaan min ini dan signifikan bahasa Iban ke atas dialek Melayu Sarawak, dan bahasa rojak Melayu-Iban adalah sama dan bahasa Iban ke atas bahasa Melanau, bahasa Cina, dan bahasa rojak Melayu-Melanau adalah berbeza.

6.5.2.3 Bahasa Cina

Jadual 6.20 menunjukkan hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA bahasa Cina ke atas dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau.

Jadual 6.20 Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Bahasa Cina

| (I) Bahasa | (J) Ke atas Jumlah | (I-J) Perbezaan Nilai | Nilai Signifikan |
|-----------------------|-------------------------------|----------------------------------|-----------------------------|
|-----------------------|-------------------------------|----------------------------------|-----------------------------|

| Yang Dianalisis | | Min | |
|------------------------|-----------------------------|------------|-------|
| Bahasa Cina | Dialek Melayu Sarawak | -142.5833* | 0.000 |
| | Bahasa Iban | -164.9583* | 0.000 |
| | Bahasa Melanau | 17,5417 | 0.385 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Iban | -125.5000* | 0.000 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | 4,7083 | 0.815 |

*Nilai signifikan pada aras 0.05, N=24

*Perbandingan antara nilai perbezaan min (I-J) yang semakin kecil menunjukkan hasil ujian yang lebih signifikan.

Hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA bahasa Cina dengan dialek Melayu Sarawak menunjukkan perbezaan nilai min -142.5833 dan mempunyai nilai yang signifikan $p=0.00$ ($p<0.05$). Hasil analisis yang sama, iaitu bahasa Cina ke atas bahasa Iban telah menunjukkan perbezaan nilai min -164.9583 juga mempunyai nilai yang signifikan $p=0.00$ ($p<0.05$). Selain itu, analisis bahasa Cina ke atas bahasa rojak Melayu-Iban menunjukkan perbezaan nilai min -125.5000 dan nilainya juga signifikan, iaitu $p=0.00$ ($p<0.05$). Ini bermaksud, hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA bahasa Cina ke atas dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban dan bahasa rojak Melayu-Iban menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan dan pilihan yang berbeza-beza antara bahasa-bahasa tersebut.

Walau bagaimanapun, hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA bahasa Cina dengan bahasa Melanau menunjukkan perbezaan nilai min 17,5417 dan tidak signifikan $p=0.385$ ($p>0.05$). Analisis yang sama, iaitu bahasa Cina ke atas bahasa rojak Melayu-Melanau pula menunjukkan perbezaan nilai min 4,7083 dan tidak signifikan apabila $p=0.815$ ($p>0.05$). Oleh yang demikian, antara bahasa Cina dengan bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu-Melanau tidak terdapat hubungan yang signifikan atau pilihan bahasa tersebut tidak berbeza satu sama lain.

6.5.2.4 Bahasa Melanau

Jadual 6.21 menunjukkan hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA bahasa Melanau ke atas dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau.

Jadual 6.21 Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Bahasa Melanau

| (I) Bahasa Yang Dianalisis | (J) Ke atas Jumlah | (I-J) Perbezaan Nilai Min | Nilai Signifikan |
|-------------------------------------|-----------------------------|---------------------------------|---------------------|
| Bahasa Melanau | Dialek Melayu Sarawak | -160.1250* | 0.000 |
| | Bahasa Iban | -182,5000* | 0.000 |
| | Bahasa Cina | -17,5417 | 0.385 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Iban | -143.0417* | 0.000 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | -12,8333* | 0.525 |

*Nilai signifikan pada aras 0.05, N=24

*Perbandingan antara nilai perbezaan min (I-J) yang semakin kecil menunjukkan hasil ujian yang lebih signifikan.

Jadual 6.21 memaparkan hasil analisis ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA bahasa Melanau dengan dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Cina, bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Semua menunjukkan nilai $p=0.00$ ($p<0.05$). Ini bermaksud terdapat perhubungan yang signifikan antara pilihan bahasa Melanau dengan dialek Melayu Sarawak, bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa Iban. Ini juga menunjukkan bahawa pilihan bahasa Melanau dengan dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban dan bahasa rojak Melayu-Iban berbeza pilihan bahasa. Walau bagaimanapun, hasil analisis ANOVA bahasa Melanau dengan bahasa Cina menunjukkan nilai $p=0.385$ ($p>0.05$) dan bahasa Melanau dengan bahasa rojak Melayu-Melanau menunjukkan nilai $p=0.525$ ($p>0.05$). Ini bermaksud pilihan bahasa Melanau dengan bahasa Cina dan bahasa rojak Melayu-Melanau tidak terdapat perhubungan

yang signifikan. Ini juga menunjukkan pilihan bahasa Melanau dengan pilihan bahasa Cina dan bahasa rojak Melayu-Melanau adalah tidak berbeza antara satu sama lain.

6.5.2.5 Bahasa Rojak Melayu-Iban

Jadual 6.22 menunjukkan hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA bahasa Rojak-Melayu-Iban ke atas dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Melanau.

Jadual 6.22 Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Bahasa Rojak Melayu-Iban

| (I) Bahasa Yang Dianalisis | (J) Ke atas Jumlah | (I-J) Perbezaan Nilai Min | Nilai Signifikan |
|-------------------------------------|-----------------------------|---------------------------------|---------------------|
| Bahasa Rojak Melayu-Iban | Dialek Melayu Sarawak | -17,0833 | 0.398 |
| | Bahasa Iban | -39,4583 | 0.052 |
| | Bahasa Cina | 125.5000 | 0.000 |
| | Bahasa Melanau | 143.0417* | 0.000 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | 130.2083 | 0.000 |

*Nilai signifikan pada aras 0.05, N=24

*Perbandingan antara nilai perbezaan min (I-J) yang semakin kecil menunjukkan hasil ujian yang lebih signifikan.

Melalui analisis LSD ke atas hasil analisis ANOVA bahasa rojak Melayu-Iban dengan dialek Melayu Sarawak mempunyai nilai min -17, 0833 dan nilai yang signifikan apabila $p=0.398$ ($p>0.05$). Perbezaan nilai min bahasa rojak Melayu-Iban ke atas bahasa Iban menunjukkan perbezaan nilai min -39, 4583 dan mempunyai nilai $p=0.052$ ($p>0.05$). Ini bermaksud bahasa rojak Melayu-Iban keatas bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak tidak terdapat hubungan yang signifikan tidak berbeza.

Walau bagaimanapun, hasil analisis bahasa rojak Melayu-Iban ke atas bahasa Cina dengan perbezaan nilai min 125.5000, bahasa rojak Melayu-Melanau dengan perbezaan min 143.0417 dan bahasa Melanau peerbezaan min menunjukkan nilai

143.0417, atau $p=0.000$ ($p<0.05$). Ini bermaksud antara bahasa rojak Melayu-Iban dengan bahasa Cina, bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu-Melanau terdapat hubungan yang signifikan antara pilihan bahasa berbeza antara satu sama lain.

6.5.2.6 Bahasa Rojak Melayu-Melanau

Jadual 6.23 menunjukkan hasil ujian LSD ke atas hasil analisis ANOVA bahasa Rojak-Melayu-Melanau ke atas dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Iban.

Jadual 6.23 Hasil Ujian LSD ke Atas Hasil Analisis ANOVA Bahasa Rojak Melayu-Melanau

| (I) Bahasa Yang Dianalisis | (J) Ke atas Jumlah | (I-J) Perbezaan Nilai Min | Nilai Signifikan |
|-------------------------------------|--------------------------|---------------------------------|---------------------|
| Bahasa Rojak Melayu- Melanau | Dialek Melayu Sarawak | -147.2917* | 0.000 |
| | Bahasa Iban | -169.6667* | 0.000 |
| | Bahasa Melanau | 12,8333 | 0.525 |
| | Bahasa Cina | -4,7083 | 0.815 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Iban | -130.2083* | 0.000 |

*Nilai signifikan pada aras 0.05, N=24

*Perbandingan antara nilai perbezaan min (I-J) yang semakin kecil menunjukkan hasil ujian yang lebih signifikan.

Analisis ke atas ujian LSD dan ANOVA meunjukkan, bahasa rojak Melayu-Melanau dengan dialek Melayu Sarawak menunjukkan perbezaan nilai min 147.2917 dan nilai signifikan $p=0.00$ ($p<0.05$). Ini bermaksud antara bahasa rojak Melayu-Melanau ke atas dialek Melayu Sarawak terdapat hubungan yang signifikan. Begitu juga dengan bahasa rojak Melayu-Melanau ke atas bahasa Iban apabila perbezaan nilai min -169.667, juga mempunyai nilai yang signifikan, iaitu $p=0.000$ ($p<0.05$). Hasil ujian yang sama ke atas

bahasa rojak Melayu-Iban mempunyai perbezaan nilai min 130.2063 dan nilai signifikan ke atas bahasa rojak Melayu-Iban $p=0.00$ ($p<0.05$). Hasil ujian ini menunjukkan bahawa pilihan bahasa rojak Melayu-Melanau berbeza pilihan bahasa dengan dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban dan bahasa rojak Melayu-Iban.

Walau bagaimanapun, bahasa rojak Melayu-Melanau dengan bahasa Cina pula menunjukkan nilai yang tidak signifikan apabila $p=0.815$ ($p>0.05$). Begitu juga dengan bahasa rojak Melayu-Melanau dengan bahasa Melanau $p=0.525$ ($p>0.05$). Ini bermaksud antara bahasa rojak Melayu-Melanau dengan bahasa Melanau dan bahasa Cina tidak terdapat perhubungan yang signifikan atau tidak berbeza antara satu sama lain.

6.6 Rumusan Perbezaan Nilai Min Ke Atas Pilihan Bahasa

Secara keseluruhannya, dapatan hasil ujian LSD dengan hasil analisis ANOVA bahagian ini menunjukkan dua dapatan yang utama, iaitu dengan nilai yang signifikan ($p<0.05$) dan juga tidak signifikan ($p>0.05$). Pilihan bahasa yang signifikan menunjukkan terdapatnya perhubungan yang signifikan antara pilihan bahasa tersebut dan pilihan bahasa yang tidak signifikan menunjukkan tidak terdapat perhubungan yang signifikan. Semua dapatan yang signifikan dan tidak signifikan dapat dirumuskan seperti di bawah:

- i) $p>0.05$ (tidak signifikan) antara dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban dan bahasa rojak Melayu-Iban.
- ii) $p>0.05$ (tidak signifikan) antara bahasa Cina, bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu-Melanau.

- iii) $p < 0.05$ (signifikan) antara dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Cina, bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu-Melanau.
- iv) $p < 0.05$ (signifikan) antara bahasa Iban dengan bahasa Cina, bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu- Melanau.
- v) $p < 0.05$ (signifikan) antara bahasa rojak Melayu-Iban dengan bahasa Cina, bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu- Melanau.
- vi) $p < 0.05$ (signifikan) antara bahasa Cina dengan dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban dan bahasa rojak Melayu-Iban.
- vii) $p < 0.05$ (signifikan) antara bahasa Melanau dengan dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban dan bahasa rojak Melayu-Iban.
- viii) $p < 0.05$ (signifikan) antara bahasa rojak Melayu-Melanau dengan dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban dan bahasa rojak Melayu-Iban.

6.6.1 Nilai Skor dan Perbezaan Min Terhadap Pilihan Bahasa

Bahagian ini membincangkan dapatan analisis bagi skor min responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau di bandar Sarikei. Nilai skor min yang dipaparkan dalam bahagian ini ialah merujuk kepada nilai min ke atas responden dengan jumlah keseluruhan (N) pilihan bahasa.

Jadual 6.24 Skor Min Pilihan Bahasa Responden Melayu


| Responden | Bahasa | N | Error of Mean | Nilai Min |
|------------------|-----------------------------|----------|----------------------|------------------|
| Melayu | Dialek Melayu Sarawak | 753 | 16.71659 | 121.7 |
| | Bahasa Iban | 365 | 11.884835 | 54.5 |
| | Bahasa Cina | 0 | 0.0 | 0.0 |
| | Bahasa Melanau | 62 | 2.74165 | 11.5 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Iban | 351 | 11.80042 | 58.5 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | 125 | 4.18264 | 20.8 |
| Jumlah | | 1656 | 7.80735 | 44.5 |

N=144

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden Melayu lebih banyak memilih dialek Melayu Sarawak berbanding bahasa-bahasa yang lain di bandar Sarikei. Keputusan tersebut dapat dilihat menerusi pencapaian nilai skor min 121.7 dan 0. Secara keseluruhannya, responden Melayu berada pada nilai skor min 44.5.

Berdasarkan kepada tren min dalam Jadual 6.24, didapati bahawa nilai min yang tertinggi ditunjukkan oleh pilihan bahasa dialek Melayu Sarawak (min=121.7), diikuti oleh bahasa rojak Melayu-Iban (min=58.5), bahasa Iban (min=54.5), bahasa rojak Melayu-Melanau (min=20.8), bahasa Melanau (min=11.5) dan bahasa Cina (min=0.0). Dapatan ini menunjukkan responden Melayu secara puratanya memilih dialek Melayu Sarawak sebagai pilihan yang utama diikuti oleh bahasa rojak Melayu-Iban, bahasa Iban, bahasa rojak Melayu-Melanau dan bahasa Melanau serta tidak memilih langsung bahasa Cina. Dapatan skor min responden Melayu ini juga ditunjukkan dalam Graf Garis 6.13.

Graf 6.13 Nilai Min Pilihan Bahasa Responden Melayu



Jadual 6.25 Skor Min Pilihan Bahasa Responden Iban

| Responden | Bahasa | N | Error of Mean | Nilai Min |
|-----------|-----------------------------|------|---------------|-----------|
| Iban | Dialek Melayu Sarawak | 1569 | 63.60438 | 261.5 |
| | Bahasa Iban | 2837 | 62.84023 | 506.2 |
| | Bahasa Cina | 0 | 0.00 | 0 |
| | Bahasa Melanau | 0 | 0.00 | 0 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Iban | 1926 | 66.55474 | 321 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | 0 | 0.00 | 0 |
| Jumlah | | 6332 | 37.30282 | 181.4 |


N=144

Jadual 6.25 memaparkan maklumat skor min responden Iban dengan pilihan bahasa. Keputusan tersebut dapat dilihat menerusi pencapaian nilai skor min, iaitu antara 0.0 hingga 506.2. Secara keseluruhan dalam kalangan responden Iban berada pada nilai skor min 181.4.

Berdasarkan kepada tren min dalam Jadual 6.25, didapati bahawa nilai min responden Iban yang tertinggi adalah pilihan bahasa Iban (min=506.2), diikuti oleh bahasa rojak Melayu-Iban (min=321), dialek Melayu Sarawak (min=261.5). Skor min

bahasa Cina, bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu-Melanau pula ialah (min=0.0). Dapatan ini menunjukkan bahawa responden Iban memilih bahasa Iban sebagai pilihan yang utama dan diikuti bahasa rojak Melayu-Iban dan dialek Melayu Sarawak. Responden Iban tidak memilih dan menggunakan bahasa Cina, bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu Melanau. Dapatan ini juga ditunjukkan dalam Graf Garis 6.14 di bawah.

Graf 6.14 Nilai Min Pilihan Bahasa Responden Iban



Jadual 6.26 Skor Min Pilihan Bahasa Responden Cina


| Responden | Bahasa | N | Error of Mean | Min |
|------------------|-----------------------------|----------|----------------------|------------|
| Cina | Dialek Melayu Sarawak | 1020 | 37.54375 | 170 |
| | Bahasa Iban | 1315 | 48.50596 | 219.1667 |
| | Bahasa Cina | 720 | 0.00 | 120 |
| | Bahasa Melanau | 0 | 0.00 | 0 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Iban | 1305 | 46.30677 | 217.5 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | 0 | 0.00 | 0 |
| Jumlah | | 4360 | 19.53827 | 121.1 |

N=144

Jadual 6.26 memaparkan maklumat skor min pilihan bahasa responden Cina terhadap pilihan bahasa mereka. Keputusan tersebut dapat dilihat menerusi pencapaian nilai skor min, iaitu antara 0.0 hingga 219.1667. Secara keseluruhan dalam kalangan responden Iban berada pada nilai skor min 121.1.

Berdasarkan kepada tren min dalam Jadual 6.26, didapati bahawa nilai min yang tertinggi responden Cina ditunjukkan terhadap pilihan bahasa Iban (min=219.1667), diikuti oleh bahasa rojak Melayu-Iban (min=217.5), dialek Melayu Sarawak (min=170) dan bahasa Cina (min=120). Skor min bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu-Melanau ialah (min=0.0). Dapatan ini menunjukkan responden Cina memilih bahasa Iban sebagai pilihan yang utama diikuti bahasa rojak Melayu-Iban, dialek Melayu Sarawak serta bahasa Cina. Responden Cina tidak memilih bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu Melanau. Dapatan ini juga ditunjukkan dalam Graf Garis 6.21 di bawah.

Graf 6.15 Nilai Min Pilihan bahasa Responden Cina



Jadual 6.27 Skor Min Pilihan Bahasa Responden Melanau


| Responden | Bahasa | N | Error of Mean | Nilai Min |
|---------------|-----------------------------|------|---------------|-----------|
| Melanau | Dialek Melayu Sarawak | 823 | 20.84133 | 137.2 |
| | Bahasa Iban | 0 | 0.00 | 0 |
| | Bahasa Cina | 0 | 0.00 | 0 |
| | Bahasa Melanau | 230 | 1.74483 | 38.3 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Iban | 150 | 5.09248 | 25 |
| | Bahasa Rojak Melayu-Melanau | 482 | 8.51143 | 80.3 |
| Jumlah | | 1535 | 8.97004 | 46.8 |

N=144

Jadual 6.27 memaparkan maklumat skor min pilihan bahasa responden Melanau dengan pilihan bahasa yang dipilih oleh responden tersebut. Keputusan tersebut dapat dilihat menerusi pencapaian nilai skor min, iaitu antara 0.0 hingga 137.2. Secara keseluruhannya dalam kalangan responden Iban berada pada nilai skor min 46.8.

Berdasarkan tren min dalam Jadual 6.27, didapati bahawa nilai min yang tertinggi responden Melanau ini adalah terhadap pilihan dialek Melayu Sarawak (min=137.2), diikuti oleh bahasa rojak Melayu-Melanau (min=80.3), bahasa Melanau (min=38.3) dan bahasa rojak Melayu-Iban (min=20). Skor min bahasa Iban dan bahasa Cina ialah (min=0.0). Dapatan ini menunjukkan bahawa responden Melanau memilih dialek Melayu Sarawak sebagai pilihan yang utama dan diikuti oleh bahasa rojak Melayu-Melanau serta bahasa Melanau. Responden Melanau tidak memilih langsung bahasa Iban dan bahasa Cina. Dapatan skor min responden Melanau ini juga ditunjukkan dalam Graf Garis 6.17 di bawah.

Graf Garis 6.17 Nilai Min Pilihan Bahasa Responden Melanau



Jadual 6.28 Jumlah Keseluruhan Nilai Skor Min Pilihan Bahasa Di Bandar Sarikei


| Bahasa | N | Error of Mean | Nilai Min |
|-----------------------------|-------|---------------|-----------|
| Dialek Melayu Sarawak | 4185 | 21.5945 | 172.6 |
| Bahasa Iban | 4537 | 45.13079 | 194.9 |
| Bahasa Cina | 720 | 10.83473 | 30 |
| Bahasa Melanau | 299 | 3.35193 | 12.5 |
| Bahasa Rojak Melayu-Iban | 3595 | 31.5409 | 155.5 |
| Bahasa Rojak Melayu-Melanau | 607 | 7.20695 | 25.29 |
| Jumlah | 13943 | 11.82569 | 98.5 |

N=144

Jadual 6.28 menunjukkan jumlah keseluruhan skor min pilihan bahasa di bandar Sarikei. Nilai skor min pilihan bahasa di bandar Sarikei ialah antara 12.5 hingga 194.9. Nilai skor min yang tertinggi adalah bahasa Iban (min=194.9), diikuti oleh dialek Melayu Sarawak (min=172.6), bahasa rojak Melayu-Iban (min=155.5), bahasa Cina (min=30), bahasa rojak Melayu-Melanau (min=25.29) dan bahasa Melanau (min=12.5).
Dapatan ini ditunjukkan dalam Graf Garis 6.30 di bawah.

Jadual 6.28 memaparkan secara keseluruhan nilai skor min, dan perbezaan skor min untuk menunjukkan terdapatnya perbezaan dan persamaan dapatan yang berkaitan dengan pilihan bahasa yang digunakan di bandar Sarikei dan ditunjukkan dalam Graf Garis 6.18.

Graf 6.18 Jumlah Keseluruhan Min Mengikut Pilihan Bahasa



6.7 Kesimpulan

Bahagian ini merumus dan membincangkan secara keseluruhannya dapatan yang telah dibentangkan dalam Bab 5 dan 6. Kajian ini telah dapat mengenal pasti tingkat keutamaan pilihan bahasa dari yang paling atas kepada yang paling bawah dalam kalangan suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau apabila mereka berkomunikasi di bandar Sarikei.

Jadual 6.29 Rumusan Pilihan Bahasa Mengikut Keutamaan Suku Kaum Di Bandar Sarikei

| Bil. | Bahasa Yang Dipilih |
|-------------|-----------------------------|
| 1 | Bahasa Iban |
| 2 | Dialek Melayu Sarawak |
| 3 | Bahasa Rojak Melayu-Iban |
| 4 | Bahasa Cina |
| 5 | Bahasa Rojak Melayu-Melanau |
| 6 | Bahasa Melanau |

Jadual 6.29 menunjukkan bahasa yang dipilih mengikut keutamaan oleh responden yng dikaji di bandar Sarikei. Semua keutamaan ini berdasarkan analisis yang telah dilakukan pada keseluruhan bab ini.

Merujuk kepada Fishman (1972) dan Holmes (2001), setiap orang akan memilih satu bahasa tertentu semasa mereka berkomunikasi dengan orang lain atau dalam masyarakat tertentu. Selain itu, sekiranya seseorang itu berada dalam masyarakat yang pelbagai bahasa, bahasa yang dipilih merupakan bahasa yang paling utama digunakan oleh semua ahli dalam masyarakat tersebut. Dalam beberapa hal, jenis bahasa yang utama itu akan mewakili bahasa-bahasa yang berlainan dalam kalangan penduduk kawasan yang pelbagai bahasa. Para penutur memilih bahasa tertentu sebagai keperluan untuk digunakan bersama agar dapat berinteraksi dan bergaul dalam masyarakat yang pelbagai bahasa. Bahasa Iban merupakan satu bahasa yang menjadi keperluan komunikasi antara suku kaum yang pelbagai. Di samping itu, suku kaum di bandar Sarikei juga mempunyai pilihan lain mengikut pilihan bahasa domain tertentu. Dapatan ini telah menjawab objektif satu dan persoalan kajian satu, dua dan tiga. Dapatan yang diperolehi dalam bab ini juga telah menjawab objektif yang kedua, iaitu untuk menunjukkan kecenderungan pilihan bahasa setiap responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau dan hubungan *who speaks what language to whom and when* di bandar Sarikei.

BAB 7

DAPATAN PILIHAN BAHASA TEMU BUAL

7.1 Pendahuluan

Kajian pilihan bahasa yang berlandaskan domain penggunaan bahasa telah dapat memerihalkan pilihan bahasa suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di bandar Sarikei sama ada sebagai bahasa perhubungan yang utama dan sebaliknya. Justeru itu, bagi meneguhkan dapatan pilihan bahasa dari soal selidik, telah dilakukan sesi temu bual di kawasan kajian. Selain itu, temu bual yang dijalankan juga untuk mendapatkan faktor-faktor yang mempengaruhi responden memilih sesuatu bahasa yang digunakan oleh mereka.

7.2 Rakaman Temu Bual

Temu bual ini telah dijalankan dengan lima orang responden dari setiap suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pilihan bahasa yang digunakan oleh responden. Dua bahasa pengantar telah digunakan semasa rakaman temu bual dilakukan di bandar Sarikei, iaitu dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban. Dialek Melayu Sarawak telah digunakan semasa temu bual dengan responden Melayu dan Melanau. Bahasa Iban pula digunakan semasa temu bual dengan responden Iban. Temu bual dengan responden Cina telah menggunakan sama ada dialek Melayu Sarawak atau bahasa Iban bergantung pada permintaan responden Cina. Temu bual yang menggunakan bahasa Iban telah dilakukan dengan bantuan seorang pembantu penyelidik.

7.3 Profil Responden dan Pembantu Penyelidik Rakaman Temu Bual

Jadual 7.1 memaparkan senarai responden yang telah ditemu bual.

Jadual 7.1 Senarai Responden Yang Ditemu Bual Di Bandar Sarikei

| Bil. | Nama | Suku Kaum | Pekerjaan |
|-------------|--------------------------------------|-----------------------|-----------------------------|
| 1. | Rosmawati binti Haji Cheng | Melayu Sarawak | Guru |
| 2. | Kassim | Melayu Sarawak | Guru |
| 3. | Muliadi Bin Jemat | Melayu Sarawak | Pegawai Kerajaan |
| 4. | Ahmad Deraman | Melayu Sarawak | Pesara Pos |
| 5. | Sofian bin Basri | Melayu Sarawak | Guru |
| 6. | Dara anak Andil | Iban | Tukang Cuci |
| 7. | Selima anak Uma | Iban | Peniaga |
| 8. | Saloma Sembong binti Abdullah | Iban | Petani |
| 9. | Lawang anak Ngumbang | Iban | Pengawal Keselamatan |
| 10. | Ladis | Iban | Buru |
| 11. | Kong Siew Ping | Cina | Guru |
| 12. | Chua Tong Seng | Cina | Guru |
| 13. | Fong Yok Moi | Cina | Peniaga |
| 14. | Peter Pong Seng Kiong | Cina | Peniaga |
| 15. | Lee Chuan Fong | Cina | Guru |
| 16. | Haida Ahmad | Melanau | Pekerja Sosial |
| 17. | Aminah Hasbi | Melanau | Suri Rumah Tangga |
| 18. | Hairil Faizal Mohamad | Melanau | Guru |
| 19. | Abdul Rahmah Paweh | Melanau | Bekerja Sendiri |
| 20. | Razali Mirat | Melanau | Pembantu Makmal |

Seorang pembantu penyelidik telah membantu semasa temu bual yang menggunakan bahasa Iban kerana pengkaji tidak begitu mahir berbahasa Iban. Pembantu penyelidik yang dipilih adalah seorang yang berketurunan Melayu Sarawak dan pernah berkhidmat sebagai seorang guru di kawasan pedalaman yang diduduki oleh ramai penduduk Iban. Pembantu penyelidik ini juga sangat mahir berbahasa Iban dan mengetahui banyak perkara dan latar belakang mengenai suku kaum Iban. Oleh yang demikian, dengan bantuan pembantu penyelidik ini telah melancarkan lagi sesi temu bual yang dijalankan dengan responden Iban tanpa berlaku apa-apa masalah yang boleh menjejaskan rakaman dan dapatan temu bual.

Jadual 7.2 Profil Pembantu Penyelidik

| Bil. | Nama | Pekerjaan | Suku Kaum | Umur |
|-------------|-----------------------|------------------|------------------|-----------------|
| 1. | Marzuki Ikhrum | Guru | Melayu | 50 tahun |

Jadual 7.3 merupakan petunjuk yang digunakan sebagai maklumat kepada perbincangan dalam bab ini:

Jadual 7.3 Petunjuk Yang Digunakan Untuk Paparan Dapatan Temu Bual

| Petunjuk | Keterangan |
|---|--|
| R | Jawapan Responden |
|  | (P)merujuk kepada soalan-soalan semasa temu bual) (R) jawapan dari responden |

Bahagian yang seterusnya akan memaparkan dapatan pilihan bahasa dari temu bual responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau di bandar Sarikei (Sila lihat Lampiran 8, 9, 10 dan 11 rakaman penuh temu bual responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau yang ditranskripsikan di bandar Sarikei)

7.4 Dapatan Temu Bual Pilihan Bahasa Responden Melayu

Hasil analisis rakaman temu bual dengan lima orang responden Melayu telah menunjukkan beberapa pilihan bahasa yang digunakan oleh mereka sebagai bahasa perhubungan sehari-hari. Bahasa-bahasa yang dipilih oleh responden Melayu ini telah digunakan apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Melayu, Iban, Cina dan Melanau, iaitu:

1. Pilihan dialek Melayu Sarawak
2. Pilihan bahasa Iban
3. Pilihan bahasa Rojak Melayu-Iban
4. Pilihan bahasa Melanau

Semua pilihan bahasa responden Melayu akan dibincangkan pada bahagian yang seterusnya.

7.4.1 Pilihan Dialek Melayu Sarawak

Responden Melayu yang ditemu bual memilih dialek Melayu Sarawak apabila berkomunikasi dengan sesama Melayu, Iban, Cina dan Melanau. Didapati pilihan dialek Melayu Sarawak merupakan pilihan yang utama responden Melayu apabila mereka

berkomunikasi dengan sesama Melayu dan juga suku kaum Melanau. Dialek Melayu Sarawak biasanya digunakan oleh responden Melayu semasa bersama ahli keluarga di rumah, serta ketika bergaul dengan kawan dan jiran. Di bawah menunjukkan analisis daripada rakaman temu bual responden Melayu yang memilih dialek Melayu Sarawak.

i. Rakaman temu bual dengan En. Kassim

R: mun di yumah, nan da? bini ana? guna bahasa kampung yalah, bahasa Məlayu Sayawa?
(kalau di rumah, dengan anak bini, guna bahasa kampung, bahasa dialek Melayu Sarawak).

R: mun bətemu nan kawan ka, nan jiyan, nan bahasa kampung la diguna kamə?
(kalau bertemu dengan kawan, dengan jiran, sememangnya bahasa kampung (dialek Melayu Sarawak) digunakan saya).

R: mun Cina na bəygantəŋ la mun Cina nan bahagian Sayikey tə?
mpun səlalu na kita tə? guna Məlayu, ada jua? bahasa yəja?, ada Iban
(Kalau orang Cina di Sarikei ini, selalunya menggunakan Melayu, ada juga bahasa rojak dan juga bahasa Iban).

ii. Rakaman temu bual dengan Ahmad Deraman

P: mun kita? di yumah dənan sama-sama kəluayga, dənan bini, dənan ana?-ana? dənan cucu kita? biasa makey bahasa apa
(Kalau awak bersama ahli keluarga, bini, dengan anak-anak, dengan cucu awak biasa pilih bahasa apa?)

R: biasa makey bahasa Məlayu Sayawaklah.
(Biasa guna bahasa Melayu Sarawaklah).

iii. Rakaman temu bual dengan En. Sofian bin Basri

R: cuma di yumahlah yan bəbəna makey bahasa Məlayu
(Hanya di rumah yang betul-betul menggunakan dialek Melayu Sarawak).

P: dənan jiyan jiyan dənan kawan dəkat dəkat yumah makey apa
(Dengan jiran-jiran dan kawan yang tinggal berdekatan menggunakan bahasa apa?)

R: sama aja? bahasa Məlayu Sayawa?

(Sama sahaja, bahasa Melayu Sarawak).

iv. Rakaman temu bual dengan En. Muliadi Bin Jemat

R: jadi di rumah ya tadi? nan bahasa Melayu Sarawak? aja? si? ada si? makey Iban di rumah
(Di rumah memang bahasa Melayu Sarawak sahaja, tidak ada menggunakan bahasa Iban)

Dapatan temu bual responden Melayu yang memilih dialek Melayu Sarawak di atas telah menunjukkan dialek Melayu Sarawak merupakan pilihan bahasa yang utama di rumah ketika mereka bercakap dengan ahli keluarga dan juga dengan kawan atau jiran yang tinggal berdekatan (rujuk rakaman dari rakaman temu bual i, ii, iii, dan iv). Dalam hal ini, dialek Melayu Sarawak yang dipilih oleh responden Melayu merujuk kepada “memang” dan “biasa” digunakan dalam keluarga (rujuk temu bual iv).

Selain itu, melalui dapatan rakaman temu bual ini, dialek Melayu Sarawak juga dikenali sebagai “bahasa kampung” (rujuk temu bual i). Dengan itu, dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang utama digunakan di kawasan kampung yang didiami oleh orang-orang Melayu (rujuk temu bual i dan iii).

7.4.2 Pilihan Bahasa Iban

Responden Melayu yang ditemu bual di bandar Sarikei juga memilih bahasa Iban dalam komunikasi sehari-hari mereka. Bahasa Iban dipilih dalam pergaulan sehari-hari responden Melayu semasa berkomunikasi dengan kawan dan jiran dari suku kaum Iban dan Cina. Dapatan pilihan bahasa Iban oleh responden Melayu ini ditunjukkan dalam analisis rakaman temu bual di bawah.

i. Rakaman temu bual dengan En. Kassim

R: bila disəbut Sayawa? ja? Iban
(Bila disebut Sarawak sahaja, semestinya Iban).

R: yao pəygi pasa pəgi kədey kopi kəbanakanja pəlayan-pəlayan
əyən Iban lah, so dia əyən bətutəy bahasa Iban
(awak pergi ke pasar, pergi kedai kopi, kebanyakan pelayan-
pelayan orang Ibanlah, jadi mereka bertutur Iban).

ii. Rakaman temu bual dengan En. Sofian bin Basri

R: diguna di mana-mana
(digunakan di mana-mana (bahasa Iban))

R: nan məluas.
(memang meluas digunakan (bahasa Iban)).

R: palin bapa? bahasa Ibanlah
(Paling banyak digunakan adalah bahasa Iban).

iii. Rakaman temu bual dengan En. Muliadi bin Jemat

R: mun dənan Iban nan teyus makey Ibanlah
(Kalau dengan Iban memang terus menggunakan Ibanlah).

Pilihan bahasa Iban oleh responden Melayu disebabkan oleh penggunaan bahasa Iban di mana-mana sahaja dan juga oleh ramai penduduk di Sarikei lain (rujuk temu bual i dan ii). Oleh yang demikian, bahasa Iban telah menjadi bahasa perhubungan utama antara responden Melayu dengan orang Iban utamanya dan juga suku kaum yang lain (rujuk temu bual iii).

7.4.3 Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Iban

Responden Melayu juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban sebagai bahasa komunikasi sehari-hari mereka. Bahasa rojak Melayu-Iban digunakan semasa responden Melayu bergaul dengan kawan dan jiran mereka. Dapatan pilihan bahasa rojak Melayu-Iban ini ditunjukkan dari analisis rakaman temu bual responden Melayu di bawah.

i. Rakaman temu bual dengan En. Muliadi bin Jemat

- P: mun kawan-kawan Iban, camni?
(Kalau dengan kawan-kawan Iban, macamana?).
- R: bahasa Iban campo-campolah
(Bahasa Iban yang bercampur-campur (bahasa rojak Melayu-Iban)).

i. Rakaman temu bual dengan En. Kassim

- P: campo lah
(Bercampurlah!)
- R: campo kamə? ɔʔaŋ sələlu
(Selalunya bahasa kami bercampur).

ii. Rakaman temu bual dengan En. Ahmad Deraman

- R: Iban,na ada campo-camp Məlayu la
(Bahasa Iban tu ada bercampur Məlayu la).

iii. Rakaman temu bual dengan En. Sofian bin Basri

- P: ada si? na campo-camp apa Iban Məlayu
(Ada tak campur-campur bahasa Iban Məlayu?).
- R: campo-camp ada
(ada campur-campur bahasa itu).

7.4.4 Pilihan Bahasa Melanau

Responden Melayu memilih bahasa Melanau apabila mereka berkomunikasi dengan suku kaum Melanau sahaja. Penggunaan bahasa Melanau oleh responden Melayu ini digunakan dalam kekerapan yang rendah jika dibandingkan dengan pilihan bahasa yang lain. Perkara ini dapat dirujuk melalui rakaman temu bual responden Melayu di bawah.

i. Rakaman temu bual dengan En. Muliadi bin Jemat

- R: Məlanə jua?
(Melanau juga).

ii. Rakaman temu bual dengan Ahmad Deraman

R: Mun kəlakə ŋan bini kame? ada jua? Melano
(Kalau bercakap dengan isteri kami ada juga Melano)

Melalui rakaman temu bual responden Melayu di atas menunjukkan bahasa Melanau dipilih dalam kekerapan yang rendah.

7.4.5 Rumusan Dapatan Temu Bual Pilihan Bahasa Responden Melayu

Hasil rakaman temu bual dengan responden Melayu di bandar Sarikei, secara keseluruhannya telah menunjukkan responden Melayu memilih empat bahasa, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa Melanau. Bahasa-bahasa yang dipilih ini jelas menunjukkan bahasa-bahasa yang digunakan dalam komunikasi sehari-hari orang Melayu. Secara keseluruhannya, dapatan pilihan bahasa responden Melayu yang ditemu bual ini juga sama dengan dapatan pilihan bahasa yang diperolehi daripada soal selidik (sila lihat Bab 5 ceraiian 5.2 dan Bab 6 ceraiian 6.2.1).

7.5 Pilihan Bahasa Responden Iban

Merujuk kepada analisis rakaman temu bual responden Iban di bandar Sarikei telah menunjukkan bahasa perhubungan yang digunakan apabila responden Iban berkomunikasi sehari-hari di bandar Sarikei. Secara keseluruhannya, pilihan bahasa responden Iban ialah bahasa Iban, dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu-Iban.

Semua bahasa yang digunakan oleh responden Iban ini merupakan bahasa yang digunakan oleh mereka ketika berkomunikasi dengan sesama Iban, Melayu, Cina dan Melanau di bandar Sarikei. Bahagian yang seterusnya akan memperincikan analisis

rakaman temu bual responden Iban yang memilih bahasa Iban, dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu-Iban.

7.5.1 Pilihan Bahasa Iban

Hasil analisis rakaman temu bual telah mendapati bahasa Iban digunakan sebagai bahasa komunikasi utama responden Iban dalam berbagai urusan dan aktiviti sehari-hari di bandar Sarikei. Semua maklumat yang berkaitan dengan dapatan temu bual pilihan bahasa Iban oleh responden Iban dipaparkan di bawah.

i. Rakaman temu bual dengan En. Lawang anak Ngumbang

R: kətuɣunan aku ga sigi ɔɣan Iban
 (Keturunan aku satu-satunya orang Iban).

ii. Rakaman temu bual dengan Pn.Dara anak Andil

R: jaku? asal pətuɣun kami Iban
 (Bahasa keturunan kami, iaitu Iban).

R: səmuə kawasan tɔ? pandey jaku? Iban Cina ditɔ?
 (semua kawasan ni pandai bercakap Iban dan Cina di sini).

R: jaku? Iban sigi nan sənan səmuə banɣsa nəmu magan deɣ mimit
 aja? ənda? nəmu, ənti ya nan dah biasa mənuə kawasan ditɔ?
 (Bercakap Iban memang senang semua bangsa tahu sangat lah.
 Sedikit sahaja tidak tahu. Kalau dia, memang sudah biasa
 kawasan di sini).

iii. Rakaman temu bual dengan En. Ladis

R: asal usul kitay nan kətuɣunan Iban
 (asal-usul kami memang keturunan Iban).

R: cakap Ibanlah nan dayah dagin kitay jua?
 (bercakap Ibanlah, memang darah daging kami juga).

iv. Rakaman temu bual dengan Pn. Selima anak Uma

P: selain bahasa ɲa? nəmu bahasa bukaɪ

(Selain bahasa tu, tahu (pandai) bahasa lain (bukan Iban)?)

R: nadai
(Tidak ada).

R : jaku? Iban to? sənən
(bercakap Iban ni senang).

R: mun di pasa to? bahasa Iban la
(kalau di pasar ni bahasa Iban la).

v. Rakaman temu bual dengan Pn. Saloma Sembong binti Abdullah

R: namai jaku? Iban
(Selesa bercakap Iban).

R: məli ikan, məli sayuy, məli nama-nama aja? meh, jaku? Iban aku
(Membeli ikan, membeli sayur, membeli apa-apa sahaja lah,
bercakap Iban aku).

R: səlalu ɲəna jaku? Iban
(selalu menggunakan bahasa Iban).

Hampir semua bahasa komunikasi yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari responden Iban menggunakan bahasa Iban sahaja. Dalam rakaman temu bual ke atas responden Iban ini juga telah menyatakan sebab utama mereka memilih bahasa Iban. Responden Iban merasa lebih selesa menggunakan bahasa Iban jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa yang lain (rujuk temu bual v). Selain itu, faktor keturunan juga telah mempengaruhi pilihan bahasa Iban (rujuk temu bual i, ii, dan iii). Di samping itu, bahasa Iban akan digunakan kerana ramai orang dari suku kaum Melayu dan Cina mengetahui, memahami dan boleh bertutur bahasa Iban dengan baik (rujuk temu bual ii). Semua faktor yang dinyatakan oleh responden Iban di atas telah menunjukkan bahasa Iban merupakan bahasa yang utama di bandar Sarikei.

7.5.2 Pilihan Dialek Melayu Sarawak

Dalam rakaman temu bual dengan responden Iban, mereka juga ada memilih dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa perhubungan dan komunikasi sehari-hari. Dialek Melayu Sarawak telah digunakan apabila mereka berkomunikasi dengan suku kaum Melayu dan Melanau. Di bawah dipaparkan hasil analisis rakaman temu bual dengan responden Iban yang memilih dialek Melayu Sarawak.

i. Rakaman temu bual dengan Pn. Dara anak Andil

R: kami bisi? ga ḡəna jaku? Məlayu mimit
(kami ada juga menggunakan dialek Melayu sikit).

ii. Rakaman temu bual dengan En. Ladis

R: ḡa ɔʋan Məlayu, saya bəbahasa Melayulah
(Kalau dia orang Melayu, saya berbahasa Melayulah).

iii. Rakaman temu bual dengan Pn. Selima anak Uma

R: sida? ya bisi? ənda nəmu jaku? Iban, jaku? Məlayu
(kalau mereka tidak pandai bercakap Iban, saya bercakap Melayu).

R: ənti ya baka bansa bukai, Məlayu ḡa? meh kəna ku
(Kalau mereka bangsa bukan Iban, dialek Melayu yang akan digunakan).

Dialek Melayu Sarawak yang digunakan oleh responden Iban apabila mereka berkomunikasi dengan suku kaum yang lain kerana terdapat segelintir suku kaum lain tidak mahir dan boleh bertutur menggunakan bahasa Iban dengan baik (rujuk temu bual iii). Penggunaan dialek Melayu Sarawak dipilih apabila responden Iban berkomunikasi dengan orang Melayu. Selain itu, terdapat juga segelintir orang Melayu di bandar

Sarikei yang tidak boleh bertutur bahasa Iban dan dengan itu mereka menggunakan dialek Melayu Sarawak sahaja. Terdapat juga orang Melayu yang tidak boleh berbahasa Iban dan mereka akan menggunakan dialek Melayu Sarawak apabila berkomunikasi dengan suku kaum Iban dan Cina.

7.5.3 Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Iban

Pilihan bahasa yang ketiga dipilih oleh responden Iban yang ditemu bual menunjukkan mereka ada memilih bahasa rojak Melayu-Iban. Pilihan ini berlaku apabila responden Iban berkomunikasi dengan suku kaum Melayu, Melanau dan Cina. Dapatan pilihan bahasa rojak Melayu-Iban dari analisis rakaman temu bual dengan responden Iban dipaparkan seperti di bawah.

i. Rakaman temu bual dengan En. Ladis

R: Məlayu-Iban campo-campo
(Melayu-Iban campur-campur).

ii. Rakaman temu bual dengan Pn. Dara anak Andil

R: au?, kiya campo meh ja?
(Ya, bahasa semacam bercampurlah (Melayu-Iban)).

Hasil analisis temu bual menunjukkan bahasa rojak Melayu-Iban merupakan pilihan yang ketiga selepas bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak. Pilihan bahasa rojak Melayu-Iban merupakan bahasa alternatif yang digunakan sekiranya dalam komunikasi responden Iban tidak menggunakan bahasa Iban dan juga dialek Melayu Sarawak.

7.5.4 Rumusan Dapatan Pilihan Bahasa Responden Iban

Hasil rakaman temu bual dengan responden Iban di bandar Sarikei, secara keseluruhannya telah menunjukkan bahawa mereka memilih tiga bahasa, iaitu bahasa Iban, dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu-Iban. Pilihan bahasa yang utama responden Iban di bandar Sarikei ialah bahasa Iban. Semua bahasa yang dipilih oleh responden Iban yang ditemu bual ini menunjukkan bahasa-bahasa yang ada digunakan dalam kehidupan dan aktiviti sehari-hari di bandar Sarikei. Dapatan pilihan bahasa responden Iban yang ditemu bual ini juga telah mengesahkan lagi dapatan pilihan bahasa yang diperolehi daripada soal selidik (sila lihat Bab 5 ceraian 5.3 dan Bab 6 ceraian 6.2.2). Dapatan temu bual responden Iban ini sama dengan dapatan yang diperolehi daripada dapatan yang telah dianalisis melalui soal selidik itu.

7.6 Pilihan Bahasa Oleh Responden Cina

Secara keseluruhannya, responden Cina yang ditemu bual di bandar Sarikei didapati telah memilih empat bahasa sebagai bahasa perhubungan mereka dengan sesama Cina, Melayu, Iban dan Melanau di bandar Sarikei, iaitu bahasa Cina, bahasa Iban, dialek Melayu Sarawak dan bahasa Rojak Melayu-Iban. Bahagian yang seterusnya akan memperincikan analisis rakaman temu bual responden Cina di bandar Sarikei.

7.6.1 Pilihan Bahasa Cina

Bahasa Cina hanya digunakan antara responden Cina dengan sesama Cina sahaja. Bahasa Cina ini digunakan ketika responden Cina berinteraksi dengan ahli keluarga mereka di rumah.

i. Rakaman temu bual dengan Pn. Kong Siew Ping

P: əŋgau bala di? ɲəna bahasa nama di ɣumah deh
(bersama saudara awak, menggunakan bahasa apa di rumah?)

R: jaku? Fɔchɔw
(bercakap Foochow).

P: baka kawan Cina di?
(kawan Cina awak?)

R: mayuh jaku? Cina
(Banyak bercakap Cina).

P: əŋgau ana? bini di? di? ɲəna bahasa nama
(bersama anak, bini, awak menggunakan bahasa apa?).

R: Cina
(Cina).

ii. Rakaman temu bual dengan Pn. Fong Yok Moi

P: di? əŋgau apai di?, əŋgau indai di? əŋgau adi? məɲadi di? nama
kəna? biasa kəna? kita
(awak dengan bapa awak, dengan emak awak, dengan adik, apa
bahasa yang biasa digunakan?)

R: Iban kəna? Cina kəna?
(Iban digunakan, Cina digunakan).

iii. Rakaman temu bual dengan Pn. Lee Chuan Fong (Suku kaum Cina)

R: dəŋan ibu bapa? ləbih kəpada bahasa Fɔchɔwlah
(dengan ibu bapa menggunakan bahasa Foochow).

Analisis rakaman temu bual responden Cina di atas telah mengesahkan dapatan soal selidik dalam Bab 5 dan 6. Melalui dapatan ini menunjukkan bahasa Cina hanya digunakan antara sesama suku kaum Cina sahaja. Merujuk kepada rakaman temu bual itu juga, terdapat responden yang menuturkan dua bahasa, iaitu bahasa Cina dan bahasa Iban (rujuk rakaman temu bual ii). Selain itu, bahasa Cina juga akan

digunakan semasa mereka berkomunikasi dengan generasi tua, seperti bapa, ibu, datuk atau nenek (rujuk rakaman temu bual iii).

7.6.2 Pilihan Bahasa Iban

Responden Cina rata-rata boleh berbahasa Iban dan digunakan oleh mereka apabila berkomunikasi dengan kawan yang berketurunan Iban dan Melayu. Pilihan bahasa responden Cina ini dapat dirujuk melalui rakaman yang dipaparkan di bawah:

i. Rakaman temu bual dengan En. Peter Pong Seng Kiong

- R: memanj sudah tinggal di kawasan Iban
(Memang sudah tinggal di kawasan Iban)
- R: kəɣana sudah biasa, mungkin tida? susah, memanj dayi kəci?
səkolah pun səkolah Iban juga?
(Kerana sudah biasa dan tidak susah, memang dari kecil,
bersekolahpun sekolah Iban).
- R: Cina mayuh ni ulih jaku? Iban
(Cina ramai yang boleh bercakap Iban).

ii. Rakaman temu bual dengan Pn. Fong Yok Moi

- R: nan dah biasa jaku? Iban lah
(Memang sudah biasa bercakap Iban).
- R: ayi ayi Iban la
(Hari-hari bahasa Iban).
- R: ənti Iban, kena Iban lah.
(Kalau Iban, guna Ibanlah)
- P: bəjaku? Iban susah asa di?
(bercakap Iban rasa susah tak?).
- R: sənan
(Senang/mudah).

iii. Rakaman temu bual dengan En.Chua Tong Seng

- R: nan dah biasa jaku? Iban lah
(Memang sudah biasa bercakap Iban)
- R: majoyiti Cina sama Cina pun jaku? Iban
(Majoriti Cina sama Cina pun bercakap Iban).
- R: koyana sudah biasa, mungkin tida? susah
(Kerana sudah biasa dan tidak susah).

iv. Rakaman temu bual dengan Pn. Kong Siew Ping

- R: bahasa Iban mayuh agi? enti bansa buhai to? sida? nemu
(Bahasa Iban lebih banyak. Kalau bangsa mereka bukan Iban, mereka tahu berbahasa Iban).
- P: nama bahasa selalu kena di ba? kadey to?
(Bahasa apakah yang selalu digunakan di kedai ini?).
- R: jaku? Iban
(Bercakap Iban).
- R: laban ya bədagan əngau Iban jaku? Iban lah
(Bila berniaga dengan Iban, bercakap Ibanlah).
- P: nama di? pandey jaku? Iban
(Kenapa awak pandai bercakap Iban?)
- R: mənua Iban
(kawasan Iban).
- R: mayuh agi? Iban mesti nənə Iban
(Iban lebih ramai, mesti guna Iban)
- R: jaku? Iban to? sənə
(Bercakap Iban ni senang).

v. Rakaman temu bual dengan Pn. Lee Chuan Fong

- R: memən sənə lah bətutəy dalam bahasa Iban
(Memang senang bertutur dalam bahasa Iban).
- R: kalau guna Iban, səməua əyən bələh paham
(Kalau berbahasa Iban, semua orang boleh faham).

Merujuk kepada rakaman temu bual di atas, pilihan bahasa Iban oleh responden Cina bergantung kepada dua faktor utama, iaitu faktor situasi dan juga komuniti. Faktor situasi berkaitan dengan siapa mereka berkomunikasi (rujuk rakaman temu bual v). Dengan itu, penggunaan bahasa Iban akan menjadikan komunikasi mereka menjadi lebih praktikal, terutamanya dalam urusan perniagaan dan kehidupan sehari-hari di bandar Sarikei. Faktor ini sangat memudahkan urusan orang Cina untuk bergaul dan berniaga dengan suku kaum yang pelbagai di bandar Sarikei.

Selain faktor situasi, faktor komuniti juga telah mempengaruhi responden Cina menggunakan bahasa Iban di bandar Sarikei. Faktor komuniti berkaitan dengan jumlah masyarakat Iban yang majoriti di bandar Sarikei. Dapatan pilihan bahasa orang Iban telah menunjukkan mereka banyak menggunakan bahasa Iban sahaja apabila berkomunikasi, apatah lagi apabila mereka mengetahui seseorang itu sememangnya mahir berbahasa Iban. Hal ini telah menjadikan bahasa Iban itu lebih banyak digunakan oleh responden Cina apabila mereka berkomunikasi di samping telah memudahkan orang Cina untuk dapat menguasai bahasa Iban dengan lebih baik.

Selain itu, faktor pilihan bahasa Iban oleh responden Cina memilih bahasa Iban ialah majoriti orang Cina dengan sesama Cina juga menggunakan bahasa Iban (rujuk rakaman temu bual iii). Responden Cina yang memilih bahasa Iban ini disebabkan oleh faktor kelaziman penggunaan dan pilihan bahasa oleh masyarakat yang lain di bandar Sarikei (rujuk rakaman temu bual ii, iii dan iv). Kekerapan penggunaan bahasa

Iban yang tinggi dalam kalangan orang Cina sendiri telah menjadikan bahasa Iban sebagai pilihan yang utama (rujuk rakaman temu bual ii).

7.6.3 Pilihan Dialek Melayu Sarawak

Selain pilihan bahasa Cina dan bahasa Iban, responden Cina yang ditemu bual juga ada memilih dialek Melayu Sarawak. Responden Cina memilih dialek Melayu Sarawak semasa mereka berkomunikasi dengan orang Melayu dan Melanau. Dalam rakaman temu bual yang dilakukan menunjukkan dialek Melayu Sarawak utamanya dipilih oleh responden Cina ketika mereka berurusan di pejabat, di bank, di hospital dan klinik. Pilihan bahasa dialek Melayu Sarawak oleh responden Cina ini dapat dirujuk melalui rakaman temu bual yang dipaparkan di bawah:

i. Rakaman temu bual dengan En. Chua Tong Seng

- P: Kalau cikgu pəygi kə bank, pəjabat, macam pəs, hɔspital, apa bahasa cikgu biasa pake
(Kalau cikgu pergi ke bank, pos, hospital, bahasa apa yang digunakan?)
- R: Itu ada bahasa Məlayu dan bahasa Sayawa?, səbab di sana məmənɔ səlalu guna bahasa itu
(Bahasa Melayu dan dialek Melayu Sarawak, sebab di sana selalu menggunakan bahasa itu).

ii. Rakaman temu bual dengan Pn. Fong Yok Moi

- P: bəjaku? nama kəna nuan di bank, ɔpis kəyajaan
(Apa bahasa yang digunakan awak di bank, pejabat kerajaan?)
- R: Mimit-mimit bisi? jaku? Iban, diya? aku bəjaku? Məlayu kitai Sayawa?
(Sedikit bahasa Iban ada juga, di situ aku bercakap Melayu Sarawak)

iii. Rakaman temu bual dengan Pn. Kong Siew Ping

- P: nuan bisi? uyusan di bank, pəjabat, səkula, bahasa nama nuan bəjaku? diya?
Awak ada urusan di bank, pajabat, sekolah, apakah bahasa yang digunakan untuk bercakap?)
- R: bahasa biasa, bahasa Məlayu kitai ditə?
(Bahasa yang biasa digunakan, bahasa Melayu di Sarawak di sini)

iv. Rakaman temu bual dengan Pn. Lee Chuan Fong

- P: Kalau pəygi ke bank, pəjabat kəyajaan, uyusan pənting di pəjabat, biasa makey bahasa apa
(Kalau awak pergi ke bank, pejabat kerajaan dengan urusan yang penting menggunakan bahasa apa?)
- R: bapa? əyən guna bahasa Sayawa?, saya juga bələh.
(Ramai orang lain juga menggunakan bahasa Sarawak, sayapun boleh juga)

Merujuk kepada rakaman temu bual di atas, pilihan dialek Melayu Sarawak oleh responden Cina digunakan kerana dialek Melayu Sarawak adalah satu bahasa yang penting dan biasa digunakan di bank, pejabat atau di sekolah di bandar Sarikei (rujuk temu bual iii). Selain itu, semasa responden Cina berurusan di bank, pegawai yang bertugas biasanya akan menggunakan dialek Melayu Sarawak dan responden Cina ini akan menjawab dengan bahasa yang sama juga, iaitu dialek Melayu Sarawak (rujuk rakaman temu bual iii dan iv).

Dapatan rakaman temu bual ini telah mengesahkan dapatan dialek Melayu Sarawak yang dipilih oleh responden Cina seperti yang diperolehi dalam soal selidik. Dialek Melayu Sarawak yang dipilih oleh responden Cina sememangnya digunakan ketika mereka berkomunikasi dengan orang Melayu dan Melanau. Di samping itu, dialek Melayu Sarawak juga telah banyak digunakan semasa responden Cina berurusan di pejabat, bank, klinik dan hospital di bandar Sarikei. Oleh yang demikian,

dapat dirujuk di sini bahawa pilihan dialek Melayu Sarawak oleh responden Cina kebanyakannya dalam situasi yang rasmi atau formal.

7.6.4 Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Iban

Responden Cina memilih bahasa rojak Melayu-Iban dalam komunikasi sehari-hari mereka di bandar Sarikei dalam pergaulan mereka dengan orang Iban, Melayu dan Melanau. Di bawah ditunjukkan hasil rakaman temu bual yang menunjukkan responden Cina memilih bahasa rojak Melayu-Iban.

i. Rakaman temu bual dengan Pn. Kong Siew Ping

R: Məlayu-Iban campo-campo
(Bahasa Melayu-Iban, campur-campur).

ii. Rakaman temu bual dengan En. Chua Tong Seng

R: au?, kiya campo meh
(Ya, bercampur bahasalah (Melayu-Iban)).

iii. Rakaman temu bual dengan Pn. Fong Yok Moi

R: bahasa Iban campo-campo.
(Bahasa Iban yang bercampur-campur (Melayu)).

Pilihan bahasa rojak Melayu-Iban yang dipilih oleh responden Cina bukannya sebagai bahasa yang utama. Pilihan bahasa rojak Melayu-Iban ini digunakan sekiranya responden Cina tidak memilih bahasa Iban ataupun dialek Melayu Sarawak dalam komunikasi sehari-hari mereka.

7.6.5 Rumusan Pilihan Bahasa Responden Cina

Hasil analisis rakaman temu bual dengan responden Cina di bandar Sarikei, secara keseluruhannya telah menunjukkan dapatan empat pilihan bahasa yang digunakan oleh mereka dalam komunikasi sehari-hari, iaitu bahasa Cina, bahasa Iban, dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu-Iban. Bahasa-bahasa yang dipilih ini jelas menunjukkan bahasa-bahasa yang digunakan dalam aktiviti sehari-hari orang Cina dan juga sebagai bahasa perhubungan dalam pergaulan dengan sesama Cina dan juga suku kaum yang lain di bandar Sarikei. Dapatan ini jelas menunjukkan responden Cina sangat cenderung menggunakan dua bahasa yang utama, iaitu ketika dengan sesama Cina memilih bahasa Cina dan dengan suku kaum yang lain memilih bahasa Iban. Selain itu, dapatan pilihan bahasa responden Cina yang ditemu bual juga telah mengesahkan lagi dapatan pilihan bahasa yang diperolehi daripada dapatan soal selidik (sila lihat Bab 5 ceraiian 5.4 dan Bab 6 ceraiian 6.2.3).

7.7 Pilihan Bahasa Responden Melanau

Responden Melanau yang ditemu bual di bandar Sarikei didapati telah memilih tiga bahasa, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa rojak Melayu-Melanau, dan bahasa Melanau. Ketiga-tiga bahasa yang dipilih oleh responden Melanau digunakan dalam komunikasi, pergaulan dan aktiviti sehari-hari mereka dengan sesama Melanau, Melayu, Iban dan Cina di bandar Sarikei. Di bawah diperincikan dapatan pilihan bahasa responden Melanau yang telah ditemu bual.

7.7.1 Pilihan Dialek Melayu Sarawak

Responden Melanau sangat cenderung untuk memilih dialek Melayu Sarawak dalam komunikasi dan pergaulan sehari-hari di bandar Sarikei. Dialek Melayu Sarawak dipilih semasa responden Melanau bercakap dan berkomunikasi dengan sesama Melanau, Melayu, Iban dan Cina. Responden Melanau yang memilih dialek Melayu Sarawak dapat dirujuk melalui analisis rakaman temu bual yang dipaparkan di bawah:

i. Rakaman temu bual dengan Pn. Haida Ahmad

- P: di yumah kita? biasa pakey bahasa apa?
(Di rumah awak biasa menggunakan bahasa apa?)
- R: Məlayu Sayawa?
(Melayu Sarawak).
- R: dəŋan kəluayga, dəŋan səmualah
(Dengan keluarga, dengan semualah).
- R: walaupun jiyan Məlanə, məman cakap Sayawa?
(Walaupun jiran Melanau, memang bercakap Sarawak).
- P: dəŋan əyaŋ Iban.
(dengan orang Iban).
- R: Məlayu Sayawa? jua?
(Melayu Sarawak juga).
- R: səbab naŋ bahasa dayi kəci? sigə? na jua? di Sayikey tə?
majəyiti na makə Məlayu Sayawa? lah.
(Sebab memang bahasa dari kecil lagi, satu lagi di Sarikei
ni majoritinya menggunakan Melayu Sarawak).

ii. Rakaman temu bual dengan En. Hairil Faizal

- R: biasaja mun kame? di yumah nun biasaja kita pake bahasa Sayawaklah.
(Biasa kalau saya di rumah biasanya kami menggunakan dialek Melayu Sarawaklah).
- R: nan utamaja makə bahasa Məlayu Sayawaklah
(Memang utamanya menggunakan dialek Melayu Sarawaklah).
- R: jumpa nan kawan-kawan sənəŋ agi? na? bəkəlakə bahasa Sayawa? kita
(Jumpa dengan kawan-kawan lebih senang bercakap dialek Melayu Sarawak).

iii. Rakaman temu bual dengan Pn. Aminah Hasbi

- R: tutɔy Məlayu səbab kawan bəja? Məlayu
(Bercakap dialek Melayu Sarawak sebab ramai kawan Melayu)
- R: tutɔy Məlayu kəyənə jiyən tɔ? bəja? Məlayu
(Bercakap Melayu kerana jiran banyak menggunakan dialek Melayu Sarawak).
- R: mənkin səbab dah biasa
(Mungkin sebab dah biasa).
- R: diam di Sayikey tɔ? dan dah betutɔy Məlayu.
(Tinggal di Sarikei ini dan sudah bertutur Melayu).

iv. Rakaman temu bual dengan En. Abdul Rahman

- R: kame? suka agi? kəlakə Sayawa? kita tɔklah dah biasa gila? bah.
(Saya lebih suka bercakap Sarawak sini sudah biasa sangat).

Dapatan pilihan bahasa dialek Melayu Sarawak oleh responden Melanau yang di bandar Sarikei menunjukkan bahawa dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang utama digunakan oleh mereka dalam aktiviti dan pergaulan sehari-hari di bandar Sarikei.

Hasil rakaman temu bual ke atas responden Melanau menunjukkan dialek Melayu Sarawak adalah bahasa yang utama digunakan oleh mereka. Responden Melanau memilih dialek Melayu Sarawak disebabkan oleh situasi dan persekitaran yang mendorong mereka menggunakan dialek Melayu Sarawak melebihi bahasa-bahasa yang lain. Mereka berkomunikasi dengan orang Melayu, berjumpa dengan kawan-kawan di bandar Sarikei di samping jiran mereka yang juga biasa menggunakan dialek Melayu Sarawak (rujuk rakaman temu bual ii, dan iii). Oleh itu, semua faktor-faktor ini telah mempengaruhi responden Melanau untuk memilih dialek Melayu Sarawak dalam pergaulan dan aktiviti sehari-hari mereka.

7.7.2 Pilihan Bahasa Melanau

Responden Melanau juga ada memilih bahasa Melanau dalam komunikasi sehari-hari di bandar Sarikei. Walau bagaimanapun, bahasa Melanau hanya digunakan oleh responden Melanau sesama Melanau dan Melayu sahaja. Pilihan bahasa Melanau oleh responden Melanau ini dapat dirujuk melalui analisis rakaman temu bual di bawah:

i. Rakaman temu bual dengan En. Hairil Faizal

R: ada jua? lah di yumah sikit-sikit bahasa Melano
(Ada juga di rumah sedikit menggunakan bahasa Melanau)

ii. Rakaman temu bual dengan Pn. Aminah Hasbi

R: bajak bala aku cakap Melano
(ramai saudara-mara bercakap Melanau)

Hasil dapatan temu bual dengan responden Melanau mendapati bahasa Melanau kurang dipilih oleh responden Melanau di bandar Sarikei. Responden Melanau lebih

banyak menggunakan dialek Melayu Sarawak jika dibandingkan dengan bahasa Melanau.

7.7.3 Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Melanau

Pilihan bahasa rojak Melayu-Melanau oleh responden Melanau digunakan semasa mereka berkomunikasi sesama Melanau dan dengan orang Melayu sahaja. Bahasa rojak Melayu-Melanau kurang digunakan kerana orang Melanau lebih cenderung untuk menggunakan dialek Melayu Sarawak. Pilihan bahasa ini dapat dirujuk melalui rakaman temu bual yang dipaparkan di bawah:

i. Rakaman temu bual dengan Pn. Haida Ahmad

R: aoʔ, campɔ-campɔ.
 (Ya, campur-campur (Melayu-Melanau)).

7.7.4 Rumusan Pilihan Bahasa Responden Melanau

Secara keseluruhannya, hasil analisis rakaman temu bual dengan responden Melanau di Sarikei menunjukkan mereka memilih tiga bahasa, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Bahasa-bahasa yang dipilih ini telah menunjukkan bahasa-bahasa yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari suku kaum Melanau di bandar Sarikei. Selain itu, dapatan pilihan bahasa responden Melanau yang ditemu bual ini juga telah menyokong dapatan pilihan bahasa yang diperolehi daripada analisis soal selidik (Sila lihat Bab 5 ceraian 5.5 dan Bab 6 ceraian 6.2.4).

7.8 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pilihan Bahasa

Semua faktor-faktor pilihan bahasa yang dibincangkan telah diperolehi daripada rakaman temu bual yang dilakukan dengan responden Melayu, Iban, Cina, dan Melanau. Faktor-faktor ini telah merujuk kepada bahasa-bahasa yang dipilih dan digunakan di bandar Sarikei, terutamanya bahasa-bahasa yang utama dalam perhubungan antara ahli komuniti.

7.8.1 Faktor Komuniti Yang Majoritinya Orang Iban

Dari segi demografi penduduk di negeri Sarawak, suku kaum Iban merupakan penduduk yang paling ramai. Faktor ini penting kerana telah menyebabkan bahasa Iban dipilih dan digunakan sebagai bahasa perhubungan yang utama. Bilangan suku kaum Iban yang terdapat di bandar Sarikei juga adalah yang tertinggi berdasarkan perangkaan jika dibandingkan dengan jumlah suku kaum yang lain, iaitu 50% dari jumlah keseluruhan penduduk di bandar Sarikei (Sila lihat Bab 1 ceraihan 1.7). Jumlah suku kaum Iban yang ramai ini telah mempengaruhi pilihan bahasa Iban untuk digunakan secara meluas dan menyebabkan suku kaum yang lain juga menggunakan bahasa Iban. Hal ini dapat dirujuk melalui hasil rakaman temu bual dengan beberapa orang responden yang berkaitan dengan faktor demografi.

1. Temu bual dengan Pn. Rosmawati binti Haji Cheng (Suku Kaum Melayu)

R: kəyana majɔriti kəbapakan ɔyən Iban kawasan tɔ?
(Kerana majoriti orang Iban di kawasan ini (kawasan Sarikei).

2. Temu bual dengan En. Ahmad Deraman (Suku Kaum Melayu)

R: səbab di Sayawa? ni banja ya tələlu banja? kəbanakanja
ɔʔaŋ Iban
(Sebab di Sarawak suku kaum Iban terlalu banyak,
kebabnyakan orang Iban).

3. Temu bual dengan Pn. Kong Siew Ping (Suku Kaum Cina)

R: bangsa Iban nəh majɔʔiti
(bangsa Iban ni majoriti).

4. Temu bual dengan En. Peter Pong Seng Kiong (Suku Kaum Cina)

R: mayuh Iban
(Ramai Iban).

R: mayuh agi?, Iban məsti ɲəna Iban
(Iban lebih ramai, mesti guna Iban)

5. Temu bual dengan Pn. Selima anak Uma (Suku Kaum Iban)

R: bahasa Iban lah, banja Iban mayuh agi?
(Pilih bahasa Ibanlah kerana bangsa Iban lebih ramai).

6. Temu bual dengan Pn. Fong Yok Moi (Suku Kaum Cina)

R: laban tɔ? mənua Iban majɔʔiti
(sebabnya majoriti orang Iban).

7. Temu bual dengan Pn. Lee Chuan Fong (Suku Kaum Cina)

R: səbab masyayakat kəlilin ni majɔʔitinya ɔʔaŋ Iban jadi
cakap pun ləbih təʔpəŋayuh dəŋan masyayakat Iban, jadi
cakap Ibanlah
(Masyarakat sekeliling majoritinya adalah orang Iban, bila
bercakap akan terpengaruh dengan masyarakat Iban, jadi
bercakap Ibanlah)

R: Iban amat banja?
(orang Iban sangat ramai)

R: di sini-sini bələh jumpa ɔʔaŋ Iban
(di mana-mana boleh jumpa orang Iban).

Dapatan analisis temu bual di atas telah dapat disimpulkan seperti di bawah:

- 1) Majoriti penduduk di bandar Sarikei ialah suku kaum Iban.
- 2) Suku kaum Iban ramai di bandar Sarikei.
- 3) Majoriti orang Iban tinggal di bandar Sarikei.
- 4) Di mana-mana boleh jumpa orang Iban.
- 5) Suku kaum Iban melebihi suku kaum yang lain di bandar Sarikei dan juga di Sarawak.

Perangkaan penduduk dan rakaman temu bual telah membuktikan bahawa suku kaum Iban di bandar Sarikei adalah penduduk yang paling ramai jika dibandingkan dengan suku kaum yang lain. Oleh itu, tidak menjadi masalah sekiranya bahasa Iban diterima, dipilih dan digunakan sebagai bahasa perhubungan utama pelbagai suku kaum atau *lingua franca*. Faktor demografi suku kaum Iban yang ramai sememangnya telah memungkinkan bahasa Iban digunakan dalam banyak aktiviti, sebagai bahasa perhubungan antara pelbagai suku kaum dan juga menjadi pilihan utama oleh penduduk di bandar Sarikei.

7.8.2 Faktor Pergaulan

Faktor pergaulan juga mempengaruhi pilihan bahasa di bandar Sarikei. Terdapat beberapa orang responden Melayu dan Cina di bandar Sarikei telah biasa bergaul dan berkawan dengan orang Iban sejak dari kecil lagi. Sejak kecil responden Melayu dan Cina ini telah tinggal berjiran atau tinggal di kawasan yang sama dengan orang Iban. Bahasa yang digunakan dalam pergaulan sehari-hari sejak dari mereka kecil ialah utamanya bahasa Iban. Oleh yang demikian, responden Melayu dan Cina telah terdedah dengan penggunaan bahasa Iban sejak dari kecil setiap hari dan telah menyebabkan

mereka menjadi mahir dan boleh bertutur bahasa Iban dengan baik sehingga mereka dewasa.

Selain itu, terdapat juga beberapa orang responden Cina yang ditemu bual pernah diasuh oleh pengasuh berketurunan Iban semasa mereka kecil. Secara tidak langsung, sejak dari kecil anak-anak orang Cina ini telah terdedah dengan bahasa Iban yang digunakan oleh pengasuh mereka. Di bawah dipaparkan rakaman temu bual dengan responden yang menyatakan bahawa mereka telah bergaul sejak kecil dan tinggal berjiran dengan orang Iban.

1. Temu bual dengan Pn. Rosmawati binti Haji Cheng (Suku Kaum Melayu)

R: masa kæci? pəɣnah bæɣgaʊl dəŋaŋ buda? Iban
(Masa kecil pernah bergaul dengan budak Iban).

R: dayi kæci? dah təydədah bahasa Iban
(Dari kecil sudah terdedah dengan bahasa Iban).

2. Temu bual dengan Pn. Kong Siew Ping (Suku Kaum Cina)

R: ayi mit lah nəmu jaku? Iban
(dari kecil sudah tahu bercakap Iban).

3. Temu bual dengan Pn. Lee Chuan Fong (Suku Kaum Cina)

R: səbab dilahiɣkan di kawasan Iban pəŋjaga pun dulu ɔŋaŋ Iban, jadi cakap Iban lah
(sebab dilahirkan di kawasan Iban, penjaga dulu pun orang Iban, jadi bercakap Ibanlah).

4. Temu bual dengan En. Chua Tong Seng (Suku Kaum Cina)

R: pəɣsəkitayan tu tida? ada Cina sana tu kəluayga kami saja yaŋ tiŋgal sana jadi tida? ada Cina, na? bæɣcakup bahasa Cina pun tida? jadi
(Kawasan persekitaran di sana tidak ada orang Cina hanya kami dan keluarga sahaja tinggal di sana, tidak boleh bercakap Cina)

Dapatan temu bual di atas telah jelas menunjukkan faktor sejarah sejak dari kecil responden Melayu dan Cina ini telah terdedah dengan penggunaan bahasa Iban. Dalam rakaman tersebut telah dirangkum dapatan temu bual responden:

- 1) Pernah bergaul dengan kanak-kanak Iban.
- 2) Sejak kecil telah bertutur bahasa Iban.
- 3) Dilahirkan di kawasan Iban.
- 4) Persekitaran yang tidak ada suku kaum yang lain selain suku kaum Iban sahaja.

Rakaman temu bual jelas menunjukkan bahawa faktor sejarah, iaitu sejak kecil orang Melayu dan Cina telah bergaul dan tinggal berjiran dengan orang Iban. Hal ini telah menyebabkan responden Melayu dan Cina itu boleh bertutur bahasa Iban dengan baik. Setiap hari bahasa Iban telah digunakan sebagai bahasa pergaulan sesama mereka. Oleh yang demikian, pengetahuan untuk berbahasa Iban telah diperolehi orang Melayu dan Cina sejak mereka kecil dan masih digunakan sehingga mereka dewasa dan bekerja.

7.8.3 Faktor Pilihan Bahasa Yang Praktikal

Secara konsistennya, bahasa Iban oleh responden Iban, Melayu dan Cina dapat digunakan dalam komunikasi antara mereka kerana bahasa Iban itu dikatakan mudah untuk digunakan dan dapat difahami oleh penutur dan pendengarnya. Interaksi antara pelbagai suku kaum di bandar Sarikei ini juga akan menjadi lebih lancar dan berkesan tanpa menimbulkan banyak masalah semasa komunikasi itu berlangsung. Hal ini telah diakui oleh responden-responden yang ditemu bual di bawah.

1. Temu bual dengan Pn. Rosmawati Haji Cheng (Suku Kaum Melayu)

R: mun bəykomunikasi sidakna ləbih mudahlah mun bahasa Iban

(kalau berkomunikasi dengan mereka lebih mudah kalau berbahasa Iban).

R: majɔɣitiŋa ləbiŋ kəpada ɔɣaŋ Iban, jadi sənəŋ la bəɣcəkəp dənən sidakŋa sənəŋ sidakŋa dapat məmahami dənən ləbiŋ mudahlah mun bahasa Iban
(Majoritinya orang Iban, menyebabkan senang untuk berkomunikasi dengan mereka dan orang Iban dapat memahami dengan lebih mudah kalau berbahasa Iban).

2. Temu bual dengan En. Kassim (Suku Kaum Melayu)

R: bahasa Iban tɔ? mudah dipahami
(Bahasa Iban ni mudah difahami).

3. Temu bual dengan En. Ahmad Deraman (Suku Kaum Melayu)

R: bahasa Iban pun lagi? sənəŋ dipaham
(Bahasa Iban lebih senang difahami).

4. Temu bual dengan En. Sofian bin Basri (Suku Kaum Melayu)

R: makey bahasa Iban sənəŋ agi? bah, ləbiŋ mudah dipahami.

(menggunakan bahasa Iban lebih senang dan lebih mudah difahami).

R: bahasa Iban tɔ? kiya majɔɣiti ɔɣaŋ Sayawa? paham
(Majoriti orang di Sarawak boleh memahami bahasa Iban).

5. Temu bual dengan Pn. Dara anak Andil (Suku Kaum Iban)

R: jaku? Iban tɔ? pəŋgabis mudah dalam jaku? kitai ŋa
(Bercakap Iban ni paling mudah dalam percakapan kita ni).

R: jaku? Iban tɔ? sənəŋ didiŋa ɔɣaŋ
(bercakap Iban ni senang difahami orang).

6. Temu bual dengan Pn. Saloma Sembong binti Abdullah (Suku Kaum Iban)

R: ŋamai jaku? Iban
(Selesa bercakap Iban).

7. Temu bual dengan Pn. Fong Yok Moi (Suku Kaum Cina)

R: laban ŋamai untɔ? bəɣbual la, mudah, sənəŋ untɔ? kitai bəjaku?
(Bahasa Iban selesa digunakan semasa berbual, mudah, senang untuk kita bercakap).

8. Temu bual dengan Pn. Selima anak Uma (Suku Kaum Iban)

R: jaku? Iban nan sənən, səmua banja nəmu magən
(Bercakap Iban memang senang kerana semua orang tahu bahasa Iban).

R: mudah agi? jaku? Iban təmu ku
(Yang pernah aku jumpa memang bahasa Iban sangat mudah untuk dituturkan).

9. Temu bual dengan En. Lawang anak Ngumbang (Suku Kaum Iban)

R: jayan ənda? əntu nəmu jaku? Iban
(Jarang jumpa dengan orang yang tidak mengetahui untuk bercakap Iban).

10. Temu bual dengan Pn. Kong Siew Ping (Suku Kaum Cina))

R: jaku? Iban tɔ? sənən
(Bercakap Iban ni mudah).

11. Temu bual dengan Pn. Lee Chuan Fong (Suku Kaum Cina))

R: memən sənən lah bəytutɔ dalam bahasa Iban
(Memang mudah untuk bertutur menggunakan bahasa Iban).

Dapatan temu bual di atas jelas menunjukkan bahasa Iban merupakan bahasa yang mudah digunakan oleh suku kaum Melayu, Iban dan Cina. Di samping itu, bahasa Iban juga difahami dan dapat dituturkan dengan baik oleh kebanyakan penduduk di bandar Sarikei dan juga Sarawak. Dapat disimpulkan faktor pilihan bahasa Iban yang telah memudahkan komunikasi di bandar Sarikei:

- 1) Selesa untuk menggunakan bahasa Iban.
- 2) Hampir semua orang di bandar Sarikei dan Sarawak boleh bertutur dan memahami bahasa Iban.
- 3) Mudah bertutur bahasa Iban.

Analisis rakaman temu bual dengan responden telah membuktikan bahawa bahasa Iban adalah bahasa yang mudah digunakan, difahami oleh kebanyakan penduduk di bandar Sarikei, terutama suku kaum Melayu dan Cina dan banyak dipilih atau digunakan sebagai bahasa perhubungan yang utama. Dapatan soal selidik dalam Bab 5 dan 6 telah menunjukkan bahasa Iban merupakan bahasa yang paling tinggi dipilih jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa yang lain di bandar Sarikei. Bahasa Iban merupakan bahasa yang paling kerap digunakan oleh suku kaum Melayu dan Cina di bandar Sarikei apabila mereka bergaul sesama mereka dan juga dengan suku kaum Iban. Untuk dapat berhubung dan berkomunikasi dengan berkesan, suku kaum Melayu dan Cina ini memilih bahasa Iban.

Penggunaan bahasa Iban di bandar Sarikei telah menjadi satu kebiasaan kepada suku kaum Melayu dan Cina dan tidak memberi masalah kepada mereka untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Iban. Menurut Asmah (1993: 212), dalam proses komunikasi, tujuan utamanya adalah menyampaikan sesuatu maklumat tersebut dengan berkesan dan dapat difahami oleh pendengar. Oleh yang demikian, apabila berlangsung sesuatu komunikasi antara suku kaum Melayu, Cina dan Iban di bandar Sarikei mereka akan memilih bahasa yang sering digunakan untuk menyampaikan maklumat dengan berkesan dan difahami bersama, iaitu bahasa Iban.

1. Temu bual dengan En. Muliadi Jemat (Suku Kaum Melayu)

R: mun di pasa tɔʔ bahasa Iban la
 (kalau di pasar ni bahasa Iban la).

2. Temu bual dengan En. Ladis (Suku Kaum Iban)

┌ P: jadi kitaʔ tɔʔ maksud ya ayi-ayi nuna bahasa Iban
 (Jadi awak ni, maksud nya hari-hari menggunakan bahasa
 Iban?).
 └ R: ayi-ayilah
 (Setiap hari).

3. Temu bual dengan Pn. Kong Siew Ping (Suku Kaum Cina)

- P: adakah bahasa Iban na diguna di? ayi-ayi
(Adakah awak menggunakan bahasa Iban setiap hari)
- R: guna ayi-ayi lah
(Digunakan setiap hari)

4. Temu bual dengan Pn. Chua Tong Seng (Suku Kaum Cina)

- P: nama cikgu mileh bahasa Iban deh
(kenapa cikgu memilih bahasa Iban)
- R: biasa agi? deh
(Memang sudah biasa)

5. Temu bual dengan Pn. Fong Yok Moi (Suku Kaum Cina)

- R: nan dah biasa jaku? Iban lah, laban to? mənua Iban
Sayikəi to? mənua Iban deh majoyiti sigi? kaum Iban lah
kami to? sigi? ayi mit lah nəmu jaku? Iban
(Memang telah biasa bercakap Iban, di sini (Sarikei)
kawasan Iban majoriti Iban dan kami ini dari kecil lagi
boleh bercakap Iban).

6. Temu bual dengan En. Chua Tong Seng (Suku Kaum Cina)

- P: cikgu yasa susahkah jaku? Iban
(Cikgu rasa susahkah bercakap Iban).
- R: kəyana sudah biasa, munjin tida?lah susah
(Kerana sudah biasa, tidaklah susah).

Dapatan analisis temu bual di atas telah menunjukkan bahawa bahasa Iban merupakan bahasa yang selalu digunakan oleh responden Melayu, Iban dan Cina. Oleh itu, telah menjadi kebiasaan oleh suku kaum Melayu, Iban dan Cina ini memilih bahasa Iban seperti yang telah dirangkumkan melalui temu bual tersebut:

- 1) Hari-hari menggunakan bahasa Iban.
- 2) Sudah biasa memilih dan menggunakan bahasa Iban.
- 3) Sejak kecil telah menggunakan bahasa Iban

Dengan penjelasan ini, telah terbukti bahawa bahasa Iban adalah bahasa yang paling utama sebagai bahasa perhubungan atau *lingua franca* di bandar Sarikei di samping bahasa Iban dapat memenuhi segala keperluan berkomunikasi antara pelbagai suku kaum yang berlainan bahasa ibunda. Dapatan ini telah juga dapat disahkan hasil rakaman temu bual yang telah dianalisis dan menunjukkan bahasa Iban adalah bahasa yang paling utama dipilih setiap hari oleh responden yang ditemu bual.

Kebanyakan orang Cina di bandar Sarikei giat menjalankan perniagaan. Dalam perniagaan di bandar Sarikei, kemampuan berbahasa Iban dengan baik akan menjadi satu daya penarik dan memberi kelebihan kepada peniaga ini mendapatkan pelanggan ke kedai dan membeli barangan di kedai mereka. Selain itu, semua perkara yang berkaitan dengan urusan jual beli akan menjadi lebih mudah dan akhirnya perniagaan mereka akan mendapat keuntungan yang banyak. Penggunaan bahasa Iban semasa berjual-beli merupakan satu strategi penting dalam perniagaan. Oleh itu, bahasa Iban telah digunakan dengan meluas oleh orang Cina terutamanya untuk menarik perhatian pelanggan dari suku kaum Iban.

Selain itu, pekerja yang bekerja di kedai-kedai yang dimiliki oleh orang Cina di Sarikei juga adalah berketurunan Iban. Bahasa Iban telah digunakan antara majikan (peniaga) dengan para pekerja yang membantu menguruskan perniagaan mereka. Di bawah ditunjukkan dapatan dari rakaman temu bual yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Iban oleh orang Cina yang berniaga di bandar Sarikei.

1. Temu bual dengan Pn. Kong Siew Ping (Suku Kaum Cina)

R: laban ya bədagar ɛŋgau Iban sigi jaku? Iban lah
 (sebab berniaga dengan Iban, bercakap Ibanlah).

2. Temu bual dengan Pn. Lee Chuan Fong (Suku Kaum Cina)

R: ləbɪh ʏapət, ləbɪh məsɪʏa kalau guna Iban, səmua ɔʏaŋ
 bələh paham
 (Menjadi lebih rapat dan mesra kalau menggunakan
 bahasa Iban, semua orang boleh faham)

3. Rakaman temu bual dengan En. Kassim

R: yu pəʏgi pasa pəgi kədey kəpi kəbənakanja pəlayan-
 pəlayan ɔʏaŋ Iban lah, sə dia ɔʏaŋ bətutəʏ bahasa Iban
 (awak (*you*) pergi ke pasar, pergi kedai kopi, kebanyakan
 pelayan-pelayan orang Ibanlah, jadi mereka bertutur
 Iban).

Dapatan dari rakaman temu bual dengan responden yang menjalankan perniagaan di bandar Sarikei telah menggunakan bahasa Iban sebagai bahasa perhubungan mereka dengan pelanggan dan juga para pekerja mereka. Untuk mendapatkan pelanggan yang ramai, pilihan bahasa Iban merupakan satu strategi yang baik untuk menarik lebih ramai pelanggan membeli di kedai mereka. Oleh yang demikian, bahasa Iban telah digunakan dengan meluas dan sebagai bahasa perhubungan utama dalam perniagaan suku kaum Cina.

7.8.4 Faktor Keturunan

Pilihan bahasa Iban sebagai bahasa perhubungan yang utama atau *lingua franca* juga dipengaruhi oleh faktor asal-usul dan keturunan suku kaum Iban. Suku kaum Iban di bandar Sarikei tidak akan menggunakan bahasa-bahasa yang lain sekiranya mereka berkomunikasi dengan sesama Iban. Dapatan daripada analisis soal selidik telah menunjukkan bahawa bahasa Iban telah dipilih oleh responden Iban dengan sesama Iban tinggi semasa mereka berkomunikasi (sila lihat Bab 5 ceraiian 5.3 muka surat 110 dan Bab 6 ceraiian 6.2.2 muka surat 156). Selain itu, suku kaum Iban juga biasanya akan

menggunakan bahasa Iban apabila mereka berkomunikasi dengan suku kaum Cina dan Melayu.

Faktor asal-usul dan keturunan pilihan bahasa Iban sebagai bahasa perhubungan utama atau *lingua franca* ini dapat dirujuk melalui dapatan temu bual yang telah dirakam di bandar Sarikei. Dalam rakaman ini telah didapati bahawa suku kaum Iban hanya menggunakan bahasa Iban sekiranya mereka berkomunikasi sesama Iban.

1. Temu bual dengan Pn. Dara anak Andil

R: laban naŋ sigi jaku? Iban asal pətuɣun kami Iban məh
 (Sebab memangnya bercakap Iban, asal keturunan kami Iban la).

2. Temu bual dengan En. Lawang anak Ngumbang

R: Ketuyunan aku ga sigi ɔyaŋ Iban
 (Keturunan aku sememangnya orang Iban).

3. Temu bual dengan En. Ladis

R: səbab asal usul kitay naŋ kətuɣunan Iban
 (Sebab asal-usul kami memang keturunan Iban).

R: naŋ dayəh dagin kitay jua?
 (Memang darah daging kami juga).

Dapatan temu bual di atas telah jelas menunjukkan bahasa Iban merupakan bahasa yang dipilih oleh responden Iban disebabkan oleh:

- 1) Asal-usul yang sama, iaitu Iban.
- 2) Keturunan yang sama, iaitu Iban.
- 3) Darah daging yang sama, iaitu Iban.

Rakaman temu bual di atas jelas menunjukkan bahawa suku kaum Iban hanya bertutur bahasa Iban apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Iban. Dapatan temu bual ini mempunyai kaitan dengan pernyataan oleh Ervin-Tripp (1972), iaitu antara pelbagai bahasa yang boleh digunakan oleh seseorang, mereka akan memilih bahasa ibunda lebih daripada bahasa-bahasa yang lain terutamanya semasa berkomunikasi dengan sesama kaum. Oleh yang demikian, pilihan bahasa Iban oleh suku kaum Iban dalam semua urusan dan aktiviti sehari-sehari telah memberi kesan kepada bahasa Iban untuk dipilih sebagai bahasa perhubungan utama oleh semua suku kaum yang terdapat di bandar Sarikei dan akhirnya sebagai *lingua franca* antara mereka.

7.8.5 Faktor Penggunaan Bahasa Di Tempat Rasmi

Penggunaan bahasa di bank serta hospital dan klinik menunjukkan pilihan dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa yang utama. Semua responden yang dikaji telah memilih dialek Melayu Sarawak apabila mereka berhubung dengan pegawai bank di bank dan juga doktor di hospital dan klinik. Pilihan dialek Melayu Sarawak semasa di bank serta hospital dan klinik telah dinyatakan oleh beberapa orang responden yang ditemu bual kerana penggunaan dialek Melayu Sarawak merupakan pilihan utama sekiranya mereka berada di bank serta hospital dan klinik.

1. Temu bual dengan Pn. Lee Chuan Fong (Suku Kaum Cina)

R: Mun di bank guna Məlayu, səmua ɔʔaŋ bələh paham
(kalau di bank menggunakan dialek Melayu, semua orang boleh faham)

R: Sama jua? mun di hospital səbab dokto guna Məlayu
(Sama juga semasa di hospital sebab doktor menggunakan dialek Melayu)

2. Rakaman temu bual dengan En. Kassim

R: Kame? pəʔgi bank ŋan səpəta make Məlayu ja?

(saya pergi ke bank menggunakan dialek Melayu sahaja).

3. Temu bual dengan En. Muliadi Jemat (Suku Kaum Melayu)

R: mun di səpeta tɔʔ Məlayu la
 (kalau di hospital ni dialek Melayu la).

4. Temu bual dengan En. Sofian bin Basri (Suku Kaum Melayu)

R: makey bahasa Sayawaʔ sənaŋ agiʔ bah, ləbɪh mudah
 dipahami di bank ŋan səpeta
 (menggunakan dialek Melayu Sarawak lebih senang dan
 lebih mudah difahami semasa di bank dan hospital).

5. Temu bual dengan Pn. Dara anak Andil (Suku Kaum Iban)

R: jakuʔ Məlayu bisiʔ aku di bank jakuʔ kitai ɲa
 (Aku bercakap Melayu di bank, bercakap kita di sini).

R : jakuʔ Məlayu tɔʔ sənaŋ didiŋa ɔʋaŋ bank
 (bercakap Melayu ni senang difahami orang di bank).

Oleh yang demikian, penggunaan dialek Melayu Sarawak di bank serta hospital dan klinik telah menyebabkan urusan responden di tempat-tempat tersebut berjalan dengan lancar. Pilihan dialek Melayu Sarawak telah memberi kesan ke atas semua suku kaum untuk mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan oleh mereka semasa di bank serta hospital serta klinik. Walau bagaimanapun, dalam hal ini, kebanyakan responden Iban dan Cina pada peringkat awalnya menggunakan dialek Melayu Sarawak, tetapi bahasa perhubungan antara mereka akan bertukar kepada sama ada bahasa Iban atau bahasa rojak Melayu-Iban. Hal ini berlaku kerana terdapat urusan yang memerlukan responden itu mengetahui dengan lebih lanjut tentang sesuatu urusan. Dalam masa yang sama, pegawai bank atau doktor juga mengetahui bahawa terdapat orang Iban dan Cina di bandar Sarikei yang kurang memahami dan tidak boleh bertutur dialek Melayu Sarawak dengan baik. Oleh itu, pilihan bahasa yang digunakan antara pegawai bank atau doktor

dengan responden Iban dan Cina akhirnya beralih dari dialek Melayu Sarawak kepada bahasa Iban atau bahasa rojak Melayu-Iban.

7.8.6 Faktor Bahasa Iban Diajar Di Sekolah

Di negeri Sarawak, bahasa Iban turut diajar di sekolah rendah dan menengah. Bahasa Iban ini diselenggara oleh Pusat Pembangunan Kurikulum, Unit Bahasa Etnik Kementerian Pendidikan Malaysia (hasil temu bual dengan En. Padang anak Luna, Timbalan Pengarah, Unit Bahasa Etnik, Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya). Dalam masa yang sama, *Tun Jugah Foundation* telah mengemaskini kurikulum bahasa Iban di peringkat sekolah rendah dan menengah di negeri Sarawak dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia Negeri Sarawak. Bahasa Iban telah diuji pada peringkat peperiksaan menengah rendah (PMR) dan juga Sijil Persekolahan Malaysia (SPM) (Robert Menua dan Janang 2008: 5).

Ramai daripada orang Cina di bandar Sarikei pernah mengikuti kelas bahasa Iban semasa zaman persekolahan mereka. Pendidikan bahasa Iban yang ada diajar di sekolah telah membantu orang Cina ini untuk dapat menguasai bahasa Iban dengan baik. Rakaman temu bual di bawah membuktikan bahawa responden Cina yang ditemu bual belajar bahasa Iban semasa mereka bersekolah dahulu.

1. Temu bual dengan Pn. Kong Siew Ping (Suku Kaum Cina)

R: aku bisi? bəlaʒa bahasa Iban
 (Saya ada belajar bahasa Iban (di sekolah)).

R: sampai tiŋkatan 3, dah ʒa kədua ayi pəʔsəkitaʔan kitai,
 bəgulai əŋgau ɔʔaŋ Iban
 (sampai tingkatan 3, dan keduanya setiap hari bergaul
 dengan orang Iban).

2. Temu bual dengan Pn. Lee Chuan Fong (Suku Kaum Cina)

R: anda salah ingat ku ayi primayi, 3 taun bisi? ku belaja Iban
 (kalau tak salah ingat aku dari sekolah rendah, 3 tahun
 aku ada belajar bahasa Iban).

Dapatan temu bual di atas telah menunjukkan responden Cina di bandar Sarikei pernah belajar bahasa Iban di sekolah. Di bawah merupakan rangkuman analisis temu bual dengan responden Cina:

- 1) Saya ada belajar bahasa Iban.
- 2) Sampai tingkatan tiga saya belajar bahasa Iban di sekolah.
- 3) Sejak sekolah rendah telah belajar bahasa Iban.

Rakaman temu bual di atas menunjukkan bahawa bahasa Iban yang diajar di sekolah telah membantu orang Cina untuk menguasai bahasa Iban dengan baik. Walaupun mata pelajaran bahasa Iban hanya sebagai mata pelajaran tambahan, tetapi ramai di antara orang Cina yang berminat untuk mempelajari bahasa Iban semasa mereka belajar di sekolah. Dengan itu, kesan daripada mengikuti mata pelajaran bahasa Iban di samping terdapatnya pergaulan mereka dengan pelajar Iban di sekolah telah menyebabkan orang Cina ini mahir untuk bertutur bahasa Iban setiap hari di bandar Sarikei.

7.8.7 Faktor Tempat Kerja

Kawasan luar bandar di negeri Sarawak adalah kawasan penempatan utama suku kaum Iban. Bahasa Iban pula adalah bahasa perhubungan utama antara penduduk yang tinggal di luar bandar.

Dalam temu bual dengan beberapa orang responden, mereka memang akui boleh bertutur bahasa Iban disebabkan mereka pernah bekerja di kawasan luar bandar yang didiami oleh suku kaum Iban. Secara tidak langsung, semasa mereka berkhidmat di luar bandar telah menyebabkan mereka dapat menguasai bahasa Iban dalam tempoh yang singkat kerana di luar bandar mereka hanya terdedah dengan penggunaan bahasa Iban sahaja. Dalam perhubungan mereka dengan masyarakat sekitar yang terdiri dari suku kaum Iban, mereka telah dapat bertutur bahasa Iban. Di bawah merupakan hasil rakaman temu bual yang menunjukkan bahawa pengalaman pernah berkhidmat di luar bandar telah menyebabkan seseorang itu mahir bertutur dan menggunakan bahasa Iban dalam kehidupan sehari-hari mereka walaupun telah dipindahkan ke kawasan bandar seperti bandar Sarikei.

1. Temu bual dengan Pn. Rosmawati Haji Cheng

- R: kamə? lama? tɔ? naŋ dah lama? bəykhidmat di kawasan Iban bah
(Saya memang lama telah lama berkhidmat di kawasan Iban).
- R: ən dən ada yakan yakan guyu lah, yaŋ bayu? jua? pulan dayi kawasan hulu bah, səlalu kamə? ɔyaŋ bəkəlaka Iban di pasa
(Selepas itu ada rakan-rakan guru, yang baru pulang dari kawasan hulu, kami selalu berkomunikasi menggunakan bahasa Iban di pasar).

2. Temu bual dengan En. Kassim

- R: kəyana saya tɔ? hampey 21 tahun, naŋ bəytugas, bəkəyja ŋaja di kawasan Iban
(Kerana saya ni hampir 21 tahun, memang bertugas, bekerja, mengajar di kawasan Iban).

3. Temu bual dengan En. Sofian bin Basri

R: paliŋ baŋa? bahasa Ibanlah sebab sigi? agi? tempat kita
 kəyja di kawasan Iban
 (Paling banyak digunakan adalah bahasa Iban sebab kami
 bekerja di kawasan Iban).

Dapatan temu bual di atas telah jelas menunjukkan bahasa Iban yang dipilih disebabkan oleh faktor pengalaman responden yang pernah bekerja atau berkhidmat di kawasan luar bandar. Rangkuman analisis tersebut adalah seperti yang ditunjukkan di bawah.

- 1) Telah lama berkhidmat di kawasan Iban.
- 2) Tempat kerja di kawasan Iban.
- 3) Mengajar di kawasan Iban.

Oleh yang demikian, dengan pengalaman pernah berkhidmat di kawasan yang didiami oleh suku kaum Iban telah memberi kesan ke atas suku kaum Melayu dan Cina boleh dan mahir bertutur bahasa Iban dalam kehidupan sehari-hari. Setelah mereka dipindahkan ke kawasan bandar, mereka masih boleh untuk menggunakan bahasa Iban sebagai bahasa komunikasi dalam kehidupan sehari-hari di bandar Sarikei. Oleh yang demikian, pilihan bahasa Iban oleh responden Melayu dan Cina telah menjadi bahasa yang biasa digunakan dalam interaksi dan komunikasi sehari-hari di bandar Sarikei apatah lagi dengan suku kaum Iban.

7.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pilihan bahasa yang utama oleh semua responden yang ditemu bual telah menunjukkan bahasa Iban ialah bahasa yang paling utama digunakan di bandar Sarikei. Bahasa Iban ialah pilihan bahasa oleh responden Iban, Melayu dan Cina, kecuali responden Melanau. Bahasa Iban merupakan bahasa yang difahami bersama

oleh responden Melayu, Iban dan Cina. Selain itu, bahasa Iban merupakan bahasa yang paling meluas digunakan di bandar Sarikei di samping mudah dan senang digunakan dalam komunikasi sehari-hari yang melibatkan pelbagai aktiviti dan urusan sehari-hari.

BAB 8

DAPATAN DAN RUMUSAN

8.1 Pendahuluan

Dapatan kajian tentang pilihan bahasa suku kaum yang pelbagai di bandar Sarikei telah menggunakan dua instrumen, iaitu soal selidik dan temu bual untuk menentukan bahasa perhubungan utama atau *lingua franca* antara mereka. Berdasarkan data yang telah dibentang dan dibincangkan, beberapa kesimpulan telah dapat diperolehi dalam kajian ini yang menepati objektif kajian secara keseluruhannya.

8.2 Penentuan Pilihan Bahasa Sebagai *Lingua Franca*

Kajian ini telah dapat mengenal pasti enam pilihan bahasa yang digunakan di bandar Sarikei oleh empat suku kaum, iaitu Melayu, Iban, Cina, dan Melanau. Dapatan ini telah menjawab objektif kajian yang pertama, iaitu untuk menentukan bahasa-bahasa yang ada digunakan oleh suku kaum yang pelbagai berhubung, iaitu bahasa Iban, dialek Melayu Sarawak, bahasa Cina, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Walau bagaimanapun, antara bahasa-bahasa tersebut, bahasa yang utama di bandar Sarikei ialah bahasa Iban, dan keduanya ialah dialek Melayu Sarawak, iaitu bergantung kepada situasi formal atau tidak formal.

Melalui dapatan dan hasil kajian ini juga telah menjawab objektif yang kedua, iaitu untuk menentukan kecenderungan pilihan bahasa suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di bandar Sarikei. Suku kaum Melayu cenderung memilih dialek Melayu Sarawak sebagai pilihan utama dan bahasa Iban sebagai pilihan yang kedua. Dialek Melayu Sarawak dipilih apabila suku kaum Melayu berinteraksi sesama Melayu, juga dengan suku kaum Iban, Cina dan Melanau. Bahasa Iban oleh suku kaum Melayu pula dipilih apabila mereka berinteraksi dengan suku kaum Iban dan Cina.

Suku kaum Iban di bandar Sarikei pula cenderung memilih bahasa Iban sebagai bahasa utama. Suku kaum Iban memilih bahasa Iban apabila mereka berinteraksi sesama Iban, Melayu dan Cina. Di samping itu, terdapat juga kecenderungan suku kaum Iban memilih dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu-Iban apabila mereka berinteraksi dengan suku kaum Melanau.

Suku kaum Cina di bandar Sarikei juga mempunyai kecenderungan yang tinggi menggunakan bahasa Iban dan bahasa rojak Melayu-Iban. Kedua-dua bahasa ini digunakan oleh suku kaum Cina apabila mereka berinteraksi dengan suku kaum Melayu, Iban dan Melanau. Suku kaum Cina berinteraksi sesama Cina hanya akan menggunakan bahasa Cina sahaja. Dialek Melayu Sarawak juga digunakan oleh suku kaum Cina dan kekerapan penggunaannya hampir sama dengan bahasa rojak Melayu-Iban.

Suku kaum Melanau didapati memilih dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa perhubungan sehari-hari, sama ada ketika mereka berinteraksi sesama Melanau atau

semasa mereka berinteraksi dengan suku kaum Melayu, Iban, dan Cina. Pilihan dialek Melayu Sarawak lebih utama jika dibandingkan dengan bahasa Melanau.

Selain empat suku kaum yang utama di bandar Sarikei, kajian ini juga secara tidak langsung telah meneliti pilihan bahasa dalam kalangan pasangan yang kahwin campur. Secara keseluruhannya, pilihan bahasa pasangan kahwin campur telah menunjukkan bahasa Iban dan juga bahasa rojak Melayu-Iban digunakan sebagai bahasa yang utama dalam kalangan suami isteri yang berlainan suku kaum berinteraksi. Pasangan yang memilih bahasa Iban dan bahasa rojak Melayu-Iban terdiri daripada pasangan Melayu dan Cina yang berkahwin dengan Iban. Pilihan bahasa yang utama bagi pasangan yang seterusnya, iaitu pasangan Melayu yang berkahwin dengan suku kaum Melanau pula banyak memilih dialek Melayu Sarawak. Walau bagaimanapun, analisis pilihan bahasa pasangan kahwin campur menunjukkan bahasa Iban adalah yang utama jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa yang lain untuk digunakan dalam keluarga amnya dan antara suami dan isteri khasnya.

